

Negara Brunei Darussalam

DOKUMEN-DOKUMEN PERLEMBAGAAN

CONSTITUTIONAL DOCUMENTS

Dicetak di bawah kuasa yang diberikan kepada Peguam Negara oleh bab 18A dari Akta Penyemakan Undang-Undang (Penggal 1). Semua pindaan sebelum 8hb November 2008 telah dimasukkan.

Printed under the power conferred on the Attorney General by section 18A of the Law Revision Act (Chapter 1). All amendments prior to 8th November 2008 have been incorporated.

**PERKARA-PERKARA PERLEMBAGAAN I
PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**CONSTITUTIONAL MATTERS I
CONSTITUTION OF BRUNEI DARUSSALAM**

**PERKARA-PERKARA PERLEMBAGAAN II
PEMASYHURAN MENGANGKAT RAJA DAN
MELANTIK PEMANGKU RAJA, 1959**

**CONSTITUTIONAL MATTERS II
SUCCESSION AND REGENCY
PROCLAMATION, 1959**

**PERKARA-PERKARA PERLEMBAGAAN III
PERINTAH PERLEMBAGAAN
(PROSEDUR KEWANGAN)**

**CONSTITUTIONAL MATTERS III
CONSTITUTION (FINANCIAL PROCEDURE)
ORDER**

ISI KANDUNGAN
CONTENTS

	Mukasurat <i>Page</i>
Perlembagaan Negara Brunei Darussalam	18
<i>Constitution of Brunei Darussalam</i>	19
<hr/>	
Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959	192
<i>Succession and Regency Proclamation, 1959</i>	193
<hr/>	
Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan)	292
<i>Constitution (Financial Procedure) Order</i>	293



**TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM
SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DI ISTIADAT PEMBUKAAN RASMI MAJLIS MESYUARAT NEGARA
DIPUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
PADA HARI SABTU 10 SYA'ABAN 1425 BERSAMAAN DENGAN 25 SEPTEMBER 2004**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Syukur ke hadrat Allah yang telah mengizinkan kita dapat berhimpun pada hari ini, sempena perasmian sidang Majlis Mesyuarat Negara yang pertama.

Yang Dipertua Majlis Mesyuarat Negara dan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pada 15 Julai yang lalu, Beta telah memaklumkan mengenai dengan penubuhan sebuah jawatankuasa yang ditugaskan mengkaji semula Perlembagaan dan undang-undang negara, supaya ianya benar-benar selaras dengan keadaan yang penuh dengan cabaran ini.

Jawatankuasa berkenaan telah mengenal pasti perubahan-perubahan yang perlu untuk mengukuhkan lagi institusi pemerintahan beraja dan meningkatkan keberkesanan hubungan kerajaan dengan rakyat. Perubahan-perubahan ini akan membolehkan kita dengan sebaik-baiknya melindungi dan memelihara kepentingan rakyat dan negara.

Dengannya juga, dapatlah Beta memikirkan, bagaimana rakyat - dengan pelbagai cara - dapat melibatkan diri dalam pembangunan Negara Brunei Darussalam. Ini, telah Beta bayangkan di dalam titah sambutan hari keputeraan yang lalu, bahawa Beta berhasrat untuk mewujudkan struktur perundingan yang lebih formal, iaitu dengan mengadakan semula Majlis Mesyuarat Negara. Persidangan hari ini adalah merupakan per mulaan proses ke arah yang Beta hasratkan.

Kita sedia maklum, orang Brunei mempunyai cara mereka menyalurkan harapan dan masalah melalui pelbagai peringkat perundingan. Sudah barang tentu mereka akan mengalu-alukan penubuhan semula Majlis Mesyuarat Negara ini, yang penubahannya menambahkan lagi forum atau wadah tempat menyalurkan pendapat dan pandangan.

Bagaimanapun, penubuhan semula majlis ini, dalam apa jua suasana sekalipun, tidak akan menggugat kestabilan dan kesejahteraan yang kita nikmati selama ini. Begitu juga kewujudannya bukan untuk menimbulkan kacau-bilau atau kebimbangan di kalangan masyarakat. Sebarang kesilapan akan mengundang risiko, di mana untuk memperbaikinya semula akan mengambil masa yang lama. Oleh itu, kita memulakan proses ini dengan cara yang amat berhati-hati. Beta akan melihat kerja-kerja dan kesan dari kewujudan majlis ini dan seterusnya akan membuat keputusan sama ada proses ini boleh diteruskan dengan menambah lagi bilangan ahlinya.



Hari ini, ahli-ahli Majlis Mesyuarat akan memulakan tugas pertama mereka dengan diberi penghormatan untuk membahaskan masa depan Perlembagaan dan negara.

Perlu diingat, penghormatan ini sangatlah berat. Ahli-ahli mempunyai tanggungjawab untuk memartabatkan Majlis Mesyuarat Negara sebagai institusi yang dihormati serta boleh berfungsi sebagai forum perbincangan yang betul-betul membina.

Ahli-ahli juga menjadi contoh untuk menunjukkan yang masyarakat Brunei adalah cukup memahami serta menghargai ciri-ciri bernegara; ciri-ciri istimewa dalam sistem kerajaan; sentiasa mengamalkan sikap muafakat dan mengutamakan kepentingan bersama lebih daripada kepentingan diri sendiri.

Masyarakat Brunei juga adalah menolak perbalahan dan permusuhan; menghindari daripada memikirkan perkara-perkara remeh-temeh serta berusaha menjauhi pemikiran sempit.

Ahli-ahli Majlis perlu menyedari, bahawa perhatian rakyat dan masyarakat antarabangsa adalah tertumpu kepada mereka. Mereka sedang disuluh sehingga kepada tingkah laku mereka. Oleh itu, sayugialah mereka jangan sekali-kali mengabaikan faktor-faktor akhlak di samping juga yang lain-lain.

Berusahalah membentuk satu model yang boleh dibanggakan, yang mencerminkan budaya kita orang Brunei yang palikat dengan agama serta kukuh dengan adat resam yang tinggi.

Pada hari ini adalah merupakan satu detik bersejarah bagi Negara Brunei Darussalam. Beta penuh yakin, semua ahli akan dapat melaksanakan tugas mereka dengan penuh tanggungjawab, demi kepentingan rakyat dan penduduk.

Beta dan rakyat adalah sedang menunggu hasil perundingan ini, Beta percaya, institusi ini akan lebih mendekatkan Beta dan kerajaan dengan rakyat serta dapat membantu memenuhi cita-cita dan harapan kita semua.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**SPEECH BY HIS MAJESTY SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN
SA'ADUL KHAIRIWADDIEN, SULTAN AND YANG DI-PERTUAN OF BRUNEI DARUSSALAM
AT THE OFFICIAL OPENING CEREMONY OF THE LEGISLATIVE COUNCIL
AT THE INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE, BERAKAS, BRUNEI DARUSSALAM ON
SATURDAY 10 SYA'ABAN 1425 CORRESPONDING TO 25 SEPTEMBER 2004**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmani Rahim

ALHAMDULILLAH Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen,
Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

All praise be to Allah for His will to enable us to gather today, in conjunction with the official opening of the first Legislative Council Session.

The Honourable Mr. Speaker and Honourable Members, last July 15th I announced the establishment of a committee to review the Constitution and the laws of the country so as to be in line with the current challenging environment.

The committee has identified the changes that are necessary in order to strengthen the institution of the Monarchy system of government and improve the effectiveness of the relationship between the Government and the people. These changes will enable us to safeguard and preserve the interests of the people and the country.

This will also enable me to consider how the people, through various means, could participate in the development of Brunei Darussalam. This I have indicated in my speech during the recent birthday celebrations that I wished to establish a more formal consultative structure, that is to reconvene the Legislative Council. Today's meeting marks the beginning of a process towards achieving that wish.

As we are all aware, Bruneians have their own way of expressing their hopes and problems through various consultations. They will surely look forward to the re-establishment of the Legislative Council which will provide a wider forum or platform to express opinions and views.

However, the re-establishment of the Council in any situation will not threaten the stability and prosperity which we have long enjoyed. Its existence is also not to create disorder or anxiety among the community. Any mistake will invite risks which will take time to rectify. Therefore, we embark on this process very carefully. I will observe the work and impact brought about by the existence of this Council and will decide whether this process can proceed further by the addition of more Members.

Today, Members of the Legislative Council will begin their first task and are given the honour to debate the future of the Constitution and the country.



We must also remember that this is a heavy responsibility. Members have the task to uplift the Legislative Council as a well-respected institution as well as being able to function as a truly constructive forum for discussion.

Members will also serve as an example to show that the Brunei society fully understands and appreciates the characteristics of a nation; the special characteristics within the government system; always practising consensus and upholding the public interest more than individual interest.

Brunei society also rejects rift and discord; avoids pondering over trivial matters as well as keeping at bay a narrow outlook.

Members of the Council should realise that the attention of the people and the international community at large is focused on them. Their every move is being watched. Therefore they must never neglect moral values as well as other factors.

Do make an effort to establish a model that we can be proud of, that reflects our Brunei culture which is imbued in religion and steadfast with rich custom.

Today is a historic moment for Brunei Darussalam. I have every confidence that all Members will be able to execute their duties with full responsibility for the interest of the people.

Both the people and I are looking forward to the outcome of this meeting which I believe will serve to draw the Government and myself closer to the people as well as being able to attain the fulfilment of the aspirations and hopes of us all.

Wabillahit Taufiq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**TITAH KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM
SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAI'R WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DI MAJLIS PENANDATANGANAN PEMASYHURAN PERLEMBAGAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (PINDAAN), 2004
DI LAPAU, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
PADAHARI RABU 14 SYA'ABAN 1425 BERSAMAAN DENGAN 29 SEPTEMBER 2004**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Syukur ke hadrat Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani, kerana dengan kemurahan dan rahmatNya juga kita dapat berhimpun di hari yang mulia ini dan telah selamat sempurna menandatangani pemasyhuran pindaan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam 2004.

45 tahun yang lalu, Ayahanda Beta Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, telah mengisyiharkan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam atas nama Baginda dan bagi pihak pengganti-pengganti Baginda. Orang-orang tua kita telah bekerja keras dan mengambil masa yang lama untuk mendapatkan semua hak menentukan masa depan kita sendiri. Ianya adalah satu perjuangan adil dan suci. Keazaman mereka telah membolehkan kita mencapai pemerintahan sendiri pada tahun 1959.

Peristiwa bersejarah ini telah diperingati dengan Pemasyhuran Perlembagaan yang bukan saja mewujudkan sistem pentadbiran kerajaan tetapi juga merupakan langkah permulaan ke arah negara mencapai kemerdekaan penuh. Semangat perpaduan serta keyakinan orang-orang Brunei telah mendorong kita mencapai kedaulatan negara pada tahun 1984.

Kemerdekaan memberikan kita tanggungjawab. Beta sendiri dengan rela hati serta bertawakal kepada Allah menerima tanggungjawab ini untuk membentuk masa depan negara dengan penumpuan di bidang ekonomi, penyediaan pekerjaan bagi rakyat, peningkatan pendidikan dan kesihatan. Terkandung juga tanggungjawab itu ialah meningkatkan kualiti perkhidmatan awam dan menyediakan infrastruktur pembangunan.

Hubungan diplomatik dengan negara-negara sahabat juga ditubuhkan di seluruh dunia. Pada waktu yang sama, keutamaan juga diberikan dalam memelihara keamanan dengan menguatkan lagi undang-undang dan peraturan. Rakyat telah diseru supaya berdiri teguh menentang sebarang percubaan untuk menggugat kestabilan dan kesejahteraan yang dinikmati selama ini.

Tidak syak lagi, dasar ini telah membolehkan rakyat memperbaiki taraf ekonomi mereka serta mendapatkan peluang-peluang terbaik ke arah menikmati kehidupan yang benar-benar senang lagi bahagia.



Amalan ‘mesra rakyat’ juga, alhamdulillah, telah dapat Beta lakukan dengan meneruskan perjumpaan demi perjumpaan dengan rakyat melalui cara tradisi kita. Cara ini sesungguhnya menjadi pengukuh lagi kepada hubungan yang sangat baik dan istimewa di antara Raja dan rakyat.

Bagi kepentingan negara dan rakyat, Beta sangatlah berhasrat untuk memperkenalkan struktur perundingan yang formal, di mana dengan itu, Jawatankuasa Meneliti Semula Perlembagaan 1959 telah mencadangkan beberapa perubahan terhadap Perlembagaan. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja dan Majlis Mesyuarat Negara sebulat suara berpendapat, bahawa pindaan-pindaan berkenaan adalah mampu untuk mencerminkan kedudukan kita sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja yang telah kita amalkan semenjak 600 tahun. Dengan pindaan-pindaan tersebut, Perlembagaan akan menjadi asas yang lebih kuat untuk memenuhi wawasan Beta terhadap negara ini. Dengannya, Negara Brunei Darussalam dapat diterajui menuju ke suatu hala yang mantap dan berkeupayaan yang sebenar-benarnya.

Kita telah mencapai satu tahap ekonomi yang baik. Orang-orang Brunei memang suka bekerja keras untuk sampai kepada tahap tersebut. Tetapi ini saja belumlah memadai. Masih banyak lagi yang mahu dilakukan. Kita adalah bangsa yang mempunyai kebolehan, cita-cita dan keupayaan. Kita mesti sanggup berkorban dan bekerja lebih keras, demi masa depan yang gemilang, khasnya bagi generasi akan datang. Memang ada banyak lagi yang perlu kita lakukan. Perlembagaan ini boleh membantu kita untuk menuju kegemilangan tersebut.

Pada waktu yang sama, Perlembagaan juga akan menyediakan lebih banyak peluang bagi rakyat untuk melibatkan diri dalam perundingan serta menyumbang secara membina kepada kemajuan negara. Perkara sedemikian akan lebih mengukuhkan lagi sistem kerajaan serta perpaduan di antara kita.

Mengenai dengan Majlis Mesyuarat Negara yang telah mengadakan persidangannya, Beta adalah gembira, kerana perbincangan-perbincangan di dalamnya berjalan dengan baik dan membina, seperti yang diharatkannya. Beta harap, Majlis ini akan menjadi sebuah institusi yang teguh dan setia, demi masa depan negara.

Dalam perkara melaksanakan sistem perwakilan yang dicadangkan, Beta ingin mengingatkan supaya lebih berhati-hati, demi kepentingan rakyat dan masa depan negara. Ianya tidak diragukan lagi memerlukan kajian lebih teliti, serta juga infrastruktur bagi proses pemilihan perwakilan, sehingga ianya benar-benar dapat diadakan dengan teratur dan aman.

Beta percaya rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam menaruh harapan tinggi kepada kerajaan dalam apa jua yang berkaitan dengan masa depan mereka. Oleh itu marilah, kita sama-sama memelihara keamanan dan meningkatkan kesejahteraan serta sentiasa pula memastikan yang kestabilan yang dinikmati selama ini adalah terus terpelihara dengan baiknya.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



**SPEECH BY HIS MAJESTY SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN
SA'ADUL KHAIRIWADDIEN, SULTAN AND YANG DI-PERTUAN OF BRUNEI DARUSSALAM
AT THE OFFICIAL SIGNING CEREMONY OF THE
CONSTITUTION OF BRUNEI DARUSSALAM (AMENDMENT) PROCLAMATION, 2004
AT THE LAPAU, BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI DARUSSALAM
ON WEDNESDAY 14 SYA'ABAN 1425 CORRESPONDING TO 29 SEPTEMBER 2004**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

All praise be to Allah the Almighty, the Most Gracious and the Most Merciful, for His Blessings that we are able to gather on this auspicious day and have duly signed the amendment to the Constitution of Brunei Darussalam 2004.

45 years ago, my late father, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien proclaimed the Constitution of Brunei Darussalam in his name and for and on behalf of his Successors. Our elders had worked hard and had taken a long time to secure all rights to determine our future. It was an honest and noble fight. Their determination enabled us to achieve self-government in the year 1959.

That historical event is commemorated with the Proclamation of the Constitution which not only brought into existence the government administrative system but also formed the initial step towards the country achieving complete independence. The spirit of solidarity as well as the confidence of the Bruneian people encouraged us to achieve sovereignty in the year 1984.

Independence has given us responsibility. I willingly, and by placing my trust in Allah the Almighty, accept this responsibility in order to shape the country's future by focussing on the economy, the securing of employment for the people, and improving the education and health. That responsibility also involves the improvement of the quality of the public service and the development of infrastructure.

Diplomatic relations have been established with neighbouring countries and also all around the world. At the same time, priority has been given to maintain peace by further enforcement of the laws and regulations. The people have been urged to stand firm to defy any attempt to jeopardise the stability and tranquillity that we have enjoyed all this time.

This policy has undoubtedly made it possible for the people to improve their economic status as well as to get the best opportunity towards a very comfortable and happier life.

I have managed, 'alhamdullilah', to practice 'mesra rakyat' by continuing to hold meetings with the people in accordance with our tradition. This method strengthens the good and special relationship between the ruler and the people.



In the interest of the country and the people, it is my most sincere intention to introduce a formal structure for consultation, whereby in that respect, a Committee to Review the 1959 Constitution has proposed a few amendments to the Constitution. Members of the Legislative Council and the Privy Council unanimously were of the opinion that such amendments are able to reflect our position as an independent and sovereign country that has practised a monarchy government system for the past 600 years. With the amendments, the Constitution will become a stronger foundation to fulfil my vision towards the country. With this, Negara Brunei Darussalam can be lead towards a truly stable and capable direction.

We have reached a stage where our economy is in good shape. Bruneians have certainly liked to work hard to reach that stage. But this alone is not sufficient. There is still plenty to do. We are a nation that have potential, ambition and capabilities. We have to be prepared to make sacrifices and work harder for a resplendent future, especially for the future generation. There is certainly a lot more to be done. This Constitution will help us achieve that.

At the same time, the Constitution will provide more opportunities for the people to be involved in discussions as well as to contribute constructively towards the development of the country. This will further strengthen our system of government as well as unity amongst ourselves.

With respect to the recent session of the Legislative Council, I am happy that the discussions went on well and were constructive as intended. I hope that this Council will become a strong and loyal institution, for the future of the country.

In implementing the representative system that has been proposed, I wish to remind everyone to exercise more caution, in the interests of the people and the future of the country. No doubt this requires thorough research as well as infrastructure for the process of selecting representatives until it could truly be made available by proper and peaceful means.


I believe that the people and the residents of Brunei Darussalam have high hopes for the Government on anything that concerns their future. Due to this, let us all maintain the peace and enhance the tranquillity, in addition, to ensure that the stability we enjoy all this time prevails.

Wabillahi Taufeq Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**PEMBERIAN KUASA UNTUK MENCETAK SEMULA
PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 87(1) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Beta dengan ini memberi kuasa kepada Peguam Negara untuk menyebabkan supaya dicetak dan disiarkan pencetakan semula Perlembagaan Negara Brunei Darussalam yang kemaskini, dengan memasukkan di dalamnya semua pindaan yang berkuatkuasa pada tarikh pemberian kuasa ini.

Bertarikh pada hari ini 10 haribulan Zulkaedah Tahun Hijrah 1429 bersamaan dengan 8 haribulan November 2008.




**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

AUTHORISATION TO REPRINT
THE CONSTITUTION OF BRUNEI DARUSSALAM

In exercise of the power conferred by Article 87(1) of the Constitution of Brunei Darussalam, I hereby authorise the Attorney General to cause to be printed and published an up-to-date reprint of the Constitution of Brunei Darussalam, incorporating therein all amendments in force at the date of this authorisation.

Dated this 10th day of Zulkaedah 1429 Hijriah corresponding to the 8th day of November 2008.



**HIS MAJESTY
THE SULTAN AND YANG DI-PERTUAN,
BRUNEI DARUSSALAM.**

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERKARA-PERKARA PERLEMBAGAAN I

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

S 97/59

Dipinda oleh
S 121/61
E 2/63
E 4/64
E 6/67
S 59/70
S 7/83
S 32/83
S 8/84
S 11/84

Edisi 1984, Perkara-Perkara Perlembagaan I [S 48/04]

Dipinda oleh
S 20/85
S 32/04
S 47/04
S 65/04
S 69/04
S 14/06
S 15/06

LAWS OF BRUNEI

CONSTITUTIONAL MATTERS I

CONSTITUTION OF BRUNEI DARUSSALAM

S 97/59

Amended by
S 121/61
E 2/63
E 4/64
E 6/67
S 59/70
S 7/83
S 32/83
S 8/84
S 11/84

1984 Edition, Constitutional Matters I

Amended by
S 20/85
S 32/04
S 47/04
S 65/04
S 69/04
S 14/06
S 15/06

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERKARA-PERKARA PERLEMBAGAAN I PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SUSUNAN PERKARA-PERKARA

Ucapan doa.

Mukadimah.

Perkara

BAHAGIAN I

PERMULAAN

- 1.** Gelaran.
- 2.** Tafsiran.

BAHAGIAN II

UGAMA DAN ADAT ISTIADAT

- 3.** Ugama rasmi Negara Brunei Darussalam dan cara beribadat.
- 3A.** Majlis Mesyuarat Adat Istiadat.

BAHAGIAN III

KUASA MEMERINTAH

- 4.** Kuasa memerintah dan pegawai-pegawai utama.

LAWS OF BRUNEI

CONSTITUTIONAL MATTERS I

CONSTITUTION OF BRUNEI DARUSSALAM

ARRANGEMENT OF ARTICLES

Invocation.

Preamble.

Article

PART I

PRELIMINARY

1. Citation.
2. Interpretation.

PART II

RELIGION AND ADAT ISTIADAT

3. Official religion of Brunei Darussalam and religious observance.
- 3A. Majlis Mesyuarat Adat Istiadat.

PART III

EXECUTIVE AUTHORITY

4. Executive authority and principal officers.

BAHAGIAN IV
MAJLIS MESYUARAT DI-RAJA

5. Penubuhan Majlis Mesyuarat Di-Raja.
6. Tugas-tugas Majlis Mesyuarat Di-Raja.
7. Memanggil mesyuarat dan korum.
8. Mempengerusikan Majlis Mesyuarat Di-Raja.

BAHAGIAN IVA
JEMAAH PENGAMPUNAN

- 8A. Penubuhan Jemaah Pengampunan.
9. Hak Pengampunan.

BAHAGIAN V
MAJLIS MESYUARAT MENTERI-MENTERI

10. Penubuhan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri.
11. Keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri.
12. Tempoh memegang jawatan dan pengosongan kerusi.
13. *Dimansuhkan.*
14. Kehadiran orang-orang bukan Ahli dalam Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri.
15. Tertib tarafnya.
16. Memanggil mesyuarat dan korum.
17. Mempengerusikan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri.
18. Perundingan dengan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri.

PART IV

PRIVY COUNCIL

- 5.** Establishment of Privy Council.
- 6.** Functions of Privy Council.
- 7.** Summoning and quorum.
- 8.** Presiding in Privy Council.

PART IVA

PARDONS BOARD

- 8A.** Establishment of Pardons Board.
- 9.** Prerogative of Mercy.

PART V

COUNCIL OF MINISTERS

- 10.** Establishment of Council of Ministers.
- 11.** Constitution of Council of Ministers.
- 12.** Tenure of office and vacation of seats.
- 13.** *Repealed.*
- 14.** Attendance at Council of Ministers of non-Members.
- 15.** Precedence.
- 16.** Summoning and quorum.
- 17.** Presiding in Council of Ministers.
- 18.** Consultation with Council of Ministers.

- 19.** Kebawah Duli Yang Maha Mulia tidak terikat untuk bertindak menurut nasihat Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri.
- 19A.** Keputusan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri.
- 20.** Minit-minit mesyuarat.
- 21.** Sumpah yang diangkat oleh Ahli-Ahli.
- 22.** Setiausaha kepada Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri.

BAHAGIAN VI

MAJLIS MESYUARAT NEGARA

- 23.** Penubuhan Majlis Mesyuarat Negara.
- 24.** Keanggotaan Majlis Mesyuarat Negara dan Ahli-Ahlinya.
- 25.** *Dimansuhkan.*
- 26.** *Dimansuhkan.*
- 27.** *Dimansuhkan.*
- 28.** *Dimansuhkan.*
- 29.** Kelayakan-kelayakan bagi Ahli-Ahli.
- 30.** Pembatalan kelayakan bagi Ahli-Ahli.
- 31.** Tempoh memegang jawatan dan pengosongan kerusi.
- 32.** Keputusan tentang persoalan mengenai keahlian Majlis Mesyuarat Negara.
- 33.** Lantikan-lantikan sementara.
- 34.** Kehadiran orang-orang bukan Ahli dalam Majlis Mesyuarat Negara.
- 35.** *Dimansuhkan.*
- 36.** *Dimansuhkan.*
- 37.** Yang Di-Pertua dan Timbalan Yang Di-Pertua.

- 19.** His Majesty not bound to act in accordance with the advice of Council of Ministers.
- 19A.** Decision of Council of Ministers.
- 20.** Minutes.
- 21.** Oath to be taken by Members.
- 22.** Secretary to Council of Ministers.

PART VI

LEGISLATIVE COUNCIL

- 23.** Establishment of Legislative Council.
- 24.** Composition and Membership of Legislative Council.
- 25.** *Repealed.*
- 26.** *Repealed.*
- 27.** *Repealed.*
- 28.** *Repealed.*
- 29.** Qualifications for Members.
- 30.** Disqualification for Members.
- 31.** Tenure of office and vacation of seats.
- 32.** Decisions of questions as to membership of Legislative Council.
- 33.** Temporary appointments.
- 34.** Attendance at Legislative Council of non-Members.
- 35.** *Repealed.*
- 36.** *Repealed.*
- 37.** Speaker and Deputy Speaker.

- 38.** Yang Di-Pertua atau Timbalan Yang Di-Pertua hendaklah menghadiri dan mempengerusikan mesyuarat.

BAHAGIAN VII

PENGGUBALAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN DALAM MAJLIS MESYUARAT NEGARA

- 39.** Kuasa untuk membuat undang-undang.
- 40.** Mengemukakan Rang Undang-Undang.
- 41.** Penyiaran Rang Undang-Undang.
- 42.** Jenis Rang Undang-Undang, usul dan petisyen yang tidak boleh dibahaskan tanpa titah perkenan.
- 43.** Pengundian.
- 44.** Tempat-tempat kosong dan korum.
- 45.** Memperkenankan Rang Undang-Undang.
- 46.** Gelaran kepada undang-undang dan perkataan-perkataan memperbuatnya.
- 47.** Kuasa-kuasa yang tersimpan.
- 48.** Peraturan-Peraturan Mesyuarat.
- 49.** Sumpah yang diangkat oleh Ahli-Ahli.
- 50.** Jurutulis kepada Majlis Mesyuarat Negara.
- 51.** Minit-minit mesyuarat.
- 52.** Persidangan-persidangan Majlis Mesyuarat Negara.
- 53.** Keistimewaan-keistimewaan Ahli Majlis Mesyuarat Negara.
- 54.** Hak Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk bertitah dalam Majlis Mesyuarat Negara.
- 55.** Penamatan Musim Permesyuaratan bagi dan pembubaran Majlis Mesyuarat Negara.

38. Speaker or Deputy Speaker to attend and preside.

PART VII

LEGISLATION AND PROCEDURE IN THE LEGISLATIVE COUNCIL

- 39.** Power to make laws.
- 40.** Introduction of Bills.
- 41.** Publication of Bills.
- 42.** Description of Bills, motions and petitions not to proceed without approval.
- 43.** Voting.
- 44.** Vacancies and quorum.
- 45.** Assent to Bills.
- 46.** Style of laws and enacting words.
- 47.** Reserved powers.
- 48.** Standing Orders.
- 49.** Oath to be taken by Members.
- 50.** Clerk to the Legislative Council.
- 51.** Minutes.
- 52.** Sessions of Legislative Council.
- 53.** Privileges of Members of Legislative Council.
- 54.** Right of His Majesty to address Legislative Council.
- 55.** Prorogation and dissolution.

BAHAGIAN VIII

KEWANGAN

- 56.** Tiada cukai boleh dikenakan melainkan jika dibenarkan oleh undang-undang.
- 57.** Peruntukan Di-Raja bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Permaisuri Baginda dan Kerabat Di-Raja.
- 58.** Kumpulanwang Yang Disatukan.
- 59.** Perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulanwang Yang Disatukan.
- 60.** Anggaran-anggaran wang masuk dan perbelanjaan tahunan.
- 61.** Rang Undang-Undang Perbekalan.
- 62.** Perbelanjaan tambahan dan berlebihan.
- 63.** Kuasa untuk membenarkan perbelanjaan ke atas akaun atau bagi maksud-maksud yang tidak ditentukan.
- 64.** Kumpulanwang Luarjangka.
- 65.** Pengeluaran wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan.
- 66.** Juruaudit Agung.
- 67.** Kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan Juruaudit Agung.
- 68.** Laporan Juruaudit Agung.
- 69.** Pengecualian hasil dan wang Tabung Ugama Islam.

BAHAGIAN IX

PERKHIDMATAN AWAM

- 70.** Tempoh memegang jawatan dalam perkhidmatan awam.
- 71.** Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
- 72.** Setiausaha kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

PART VIII

FINANCE

- 56.** No taxation unless authorised by law.
- 57.** Civil List of His Majesty, His Consort and the Royal Family.
- 58.** Consolidated Fund.
- 59.** Expenditure charged on Consolidated Fund.
- 60.** Annual estimates of receipts and expenditure.
- 61.** Supply Bill.
- 62.** Supplementary and excess expenditure.
- 63.** Power to authorise expenditure on account or for unspecified purposes.
- 64.** Contingencies Fund.
- 65.** Withdrawals from Consolidated Fund.
- 66.** Auditor General.
- 67.** Powers and duties of Auditor General.
- 68.** Reports of Auditor General.
- 69.** Exclusion of Muslim revenues and funds.

PART IX

PUBLIC SERVICE

- 70.** Tenure of office in public service.
- 71.** Public Service Commission.
- 72.** Secretary to Public Service Commission.

- 73.** Gaji ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
- 74.** Lantikan dalam perkhidmatan awam.
- 75.** Peraturan-peraturan.
- 76.** Kebawah Duli Yang Maha Mulia menghendaki pengangkatan sumpah.
- 77.** *Dimansuhkan.*
- 78.** *Dimansuhkan.*

BAHAGIAN X

MOHOR KERAJAAN

- 79.** Mohor Kerajaan.

BAHAGIAN XI

RAMPAIAN

- 80.** Peruntukan-peruntukan untuk menguatkuasakan Perlembagaan.
- 81.** Peguam Negara dan tugas-tugasnya.
- 82.** Bahasa rasmi.
- 83.** Keadaan Darurat.
- 83A.** Perkecualian Akta-Akta, Pemasyhuran-Pemasyhuran dan Perintah-Perintah.
- 84.** Kesan Perlembagaan ke atas Hak Kedaulatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.
- 84A.** Lantikan ke jawatan-jawatan tertentu.
- 84B.** Kekebalan.
- 84C.** Tiada kajian semula kehakiman.
- 84D.** Kuatkuasa undang-undang di luar negeri.

- 73.** Salaries of members of Public Service Commission.
- 74.** Appointments in public service.
- 75.** Regulations.
- 76.** His Majesty to require oaths.
- 77.** *Repealed.*
- 78.** *Repealed.*

PART X

STATE SEAL

- 79.** State Seal.

PART XI

MISCELLANEOUS

- 80.** Provisions to give effect to Constitution.
- 81.** Attorney General and his functions.
- 82.** Official language.
- 83.** State of Emergency.
- 83A.** Saving of Acts, Proclamations and Orders.
- 84.** Effect of Constitution on His Majesty's Prerogatives.
- 84A.** Appointment to specified offices.
- 84B.** Immunity.
- 84C.** No judicial review.
- 84D.** Extra-territorial effect of laws.

BAHAGIAN XII
PINDAAN DAN TAFSIRAN PERLEMBAGAAN

- 85.** Pindaan Perlembagaan.
- 86.** Tribunal Tafsiran.
- 87.** Pencetakan semula Perlembagaan yang dibenarkan.

JADUAL PERTAMA — BORANG-BORANG

**JADUAL KEDUA — PERUNTUKAN-PERUNTUKAN
BERKENAAN DENGAN MAJLIS
MESYUARAT NEGARA**

**JADUAL KETIGA — SENARAI JAWATAN-JAWATAN
TERTENTU**

Pengesahan.

Ucapan doa.

PART XII

AMENDMENT AND INTERPRETATION OF CONSTITUTION

- 85.** Amendment of Constitution.
- 86.** Interpretation Tribunal.
- 87.** Authorised reprints of Constitution.

FIRST SCHEDULE — FORMS

**SECOND SCHEDULE — PROVISIONS RELATING TO
LEGISLATIVE COUNCIL**

THIRD SCHEDULE — LIST OF SPECIFIED OFFICES

Confirmation.

Invocation.

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Permulaan kuatkuasa:

BAHAGIAN I, II, III, X, XI DAN XII 29hb September 1959.

[S 105/59]

BAHAGIAN IV, V, VI DAN VII 18hb Oktober 1959

[S 120/59]

BAHAGIAN VIII 1hb Januari 1960

[S 155/59]

BAHAGIAN IX 1hb Januari 1962

[S 108/62]

Ucapan doa.

Bismillahhir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahi Rabbil ‘Alamin, Wassalatu Wassalamu ‘Ala Saiyidina Muhammad Wa’ala Alihi Wasahbihi Ajma’in.

DENGAN KURNIA ALLAH, BETA, SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIN SA’ADUL KHAIRI WADDIN IBNI AL-MARHUM SULTAN MOHAMED JAMALUL-ALAM RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH KERABAT YANG AMAT DIHORMATI, RAJA DAN KEPALA BAGI MAHKOTA BRUNEI YANG AMAT MULIA, DARJAH UTAMA SRI MAHKOTA NEGARA, DARJAH KERABAT YANG UTAMA (KELANTAN), HONORARY KNIGHT COMMANDER OF THE MOST DISTINGUISHED ORDER OF SAINT MICHAEL AND SAINT GEORGE, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM serta sekalian Jajahan Takluk Rantau dan Pesisirnya.

Mukadimah.

BAHAWASANYA peruntukan telah dibuat dalam suatu Pemasyhuran (dalam Perlembagaan ini disebut sebagai “Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959”) bagi beberapa perkara yang mengenai Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Pengganti Sultan dan Kerabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;

CONSTITUTION OF BRUNEI DARUSSALAM

Commencement:

29th September 1959 for Parts I, II, III, X, XI and XII

[S 105/59]

18th October 1959 for Parts IV, V, VI and VII

[S 120/59]

1st January 1960 for Part VIII

[S 155/59]

1st January 1962 for Part IX

[S 108/62]

Invocation.

In the name of ALLAH, the Compassionate, the Merciful, PRAISE be to ALLAH, the Lord of the Universe, and may the benediction and peace of ALLAH be upon Our Leader Muhammad and upon all his Relations and Friends.

BY THE GRACE OF ALLAH, OMAR ALI SAIFUDDIN SA'ADUL KHAIRI WADDIN IBNI AL-MARHUM MOHAMED JAMALUL-ALAM of Brunei Darussalam and all its Dependencies, the Sultan and Yang Di-Pertuan, SOVEREIGN AND CHIEF OF THE MOST ESTEEMED FAMILY ORDER, SOVEREIGN AND CHIEF OF THE MOST HONOURABLE ORDER OF THE CROWN OF BRUNEI, ORDER OF SRI MAHKOTA NEGARA, MOST ESTEEMED FAMILY ORDER (FIRST CLASS) KELANTAN, HONORARY KNIGHT COMMANDER OF THE MOST DISTINGUISHED ORDER OF SAINT MICHAEL AND SAINT GEORGE.

Preamble.

WHEREAS provision is being made in a separate Proclamation (in this Constitution referred to as “the Succession and Regency Proclamation, 1959”) for certain matters affecting His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, the Succession to the Sultanate and His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan’s family;

BAHAWASANYA BETA berhajat hendak memerintah menurut peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini dan undang-undang Negara Brunei Darussalam dan juga hendak beransur-ansur mengadakan badan-badan perwakilan dalam pemerintahan Negara Brunei Darussalam;

DAN BAHAWASANYA BETA dengan nasihat dan persetujuan Kerabat-Kerabat Di-Raja dan Pembesar-Pembesar menurut adat istiadat telah memutuskan supaya pemerintahan Negara Brunei Darussalam ke hadapan kelak hendaklah dijalankan seperti yang tersebut di bawah ini;

OLEH YANG DEMIKIAN MAKA, BETA, dengan hak-hak dan kuasa-kuasa Beta sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Yang Berdaulat dan Wilayahnya serta sekalian Jajahan Takluk Rantau dan Pesisirnya, DENGAN INI MEMASYHURKAN dengan nama BETA dan bagi pihak diri BETA dan bagi pihak PENGGANTI-PENGGANTI BETA sebagaimana yang tersebut di bawah ini:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran.

1. Perlembagaan ini boleh digelar sebagai Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

Tafsiran.

2. (1) Dalam Perlembagaan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“Peguam Negara” bermakna pegawai yang dilantik di bawah Fasal (1) Perkara 81;

[S 65/04]

“Juruaudit Agung” bermakna pegawai yang dilantik di bawah Fasal (1) Perkara 66;

[S 65/04]

“Agensi Pelaburan Brunei” bermakna badan korporat yang ditubuhkan oleh Akta Agensi Pelaburan Brunei (Penggal 137);

[S 65/04]

WHEREAS WE intend to govern in accordance with the provisions of this Constitution and the laws of Brunei Darussalam and, by progressive steps hereafter, to introduce further representative institutions into the government of Brunei Darussalam;

AND WHEREAS WE have, with the advice and consent of OUR traditional advisers, decided to make such provisions for the regulation of the government of Brunei Darussalam as is hereinafter contained;

NOW, THEREFORE, WE by the rights and powers of OUR Prerogatives as Sultan and Yang Di-Pertuan of the Sovereign State and Territory of Brunei Darussalam and all its Dependencies, do HEREBY PROCLAIM in OUR name and on OUR behalf and for and on behalf of OUR SUCCESSORS as hereinafter follows:

PART I

PRELIMINARY

Citation.

1. This Constitution may be cited as the Constitution of Brunei Darussalam.

Interpretation.

2. (1) In this Constitution, unless the context otherwise requires —

“Attorney General” means the officer appointed under Clause (1) of Article 81;

[S 65/04]

“Auditor General” means the officer appointed under Clause (1) of Article 66;

[S 65/04]

“Brunei Investment Agency” means the body corporate established by the Brunei Investment Agency Act (Chapter 137);

[S 65/04]

“Ketua Hakim Syar’ie” bermakna Ketua Hakim Syar’ie yang dilantik di bawah Akta Mahkamah-Mahkamah Syariah (Penggal 184);

[S 65/04]

“warganegara Negara Brunei Darussalam” bermakna rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menurut peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis berkenaan dengan kerakyatan;

[S 65/04]

“Peruntukan Di-Raja” bermakna peruntukan yang diberi untuk tanggungan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Permaisuri Baginda dan ahli-ahli Kerabat Di-Raja yang lain daripada wang negara;

[S 65/04]

“Jurutulis kepada Majlis Mesyuarat Negara” termasuk mana-mana orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk menjadi Timbalan Jurutulis kepada Majlis itu;

“Jurutulis kepada Majlis Mesyuarat Di-Raja” termasuk mana-mana orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk menjadi Timbalan Jurutulis kepada Majlis itu;

“Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri” bermakna Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri yang ditubuhkan menurut Perkara 10;

[S 65/04]

“Jemaah Pemangku Raja” bermakna Jemaah Pemangku Raja yang dilantik di bawah Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959;

[S 65/04]

“hutang” termasuk apa jua tanggungan berhubung dengan tanggungan membayar balik jumlah-jumlah modal dengan bayaran tiap-tiap tahun dan apa jua tanggungan di bawah sebarang jaminan;

“Timbalan Menteri” bermakna mana-mana orang yang dilantik di bawah Fasal (3) Perkara 4;

[S 65/04]

“Chief Syar’ie Judge” means the Chief Syar’ie Judge appointed under the Syariah Courts Act (Chapter 184);

[S 65/04]

“citizen of Brunei Darussalam” means a subject of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan by virtue of the provisions of any written law relating to nationality;

[S 65/04]

“Civil List” means the provision made for the maintenance of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, His Consort and other members of the Royal Family out of public funds;

[S 65/04]

“Clerk to the Legislative Council” includes any person appointed by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan to be Deputy Clerk to that Council;

“Clerk to the Privy Council” includes any person appointed by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan to be Deputy Clerk to that Council;

“Council of Ministers” means the Council of Ministers established by Article 10;

[S 65/04]

“Council of Regency” means the Council of Regency appointed under the Succession and Regency Proclamation, 1959;

[S 65/04]

“debt” includes any liability in respect of any obligation to repay capital sums by way of annuities and any liability under any guarantee;

“Deputy Minister” means any person appointed under Clause (3) of Article 4;

[S 65/04]

“Timbalan Sultan dan Yang Di-Pertuan” bermakna orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959;

[S 65/04]

“Kerajaan” bermakna Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;

[S 65/04]

“jawatan kehakiman yang tinggi” bermakna jawatan Hakim Mahkamah Besar, atau sesebuah mahkamah yang mempunyai bidang kuasa yang tidak terhad dalam perkara-perkara sivil atau jenayah, atau sesebuah mahkamah yang mempunyai bidang kuasa dalam rayuan-rayuan dari mana-mana mahkamah tersebut;

“Kebawah Duli Yang Maha Mulia” atau “Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan” bermakna —

(a) Sultan yang baharu dimasyhurkan telah menaiki takhta Kerajaan sama ada atau tidak Baginda telah dipuspakan atau ditabalkan sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan;

(b) jika ada, sebuah Jemaah Pemangku Raja; dan

(c) setakat mana seseorang Timbalan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan itu diberi kuasa untuk menjalankan tanggungjawab, Timbalan itu;

[S 65/04]

“Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat” atau “Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat” bermakna Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bertindak setelah berunding dengan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri, tetapi tidak perlu menurut nasihat Majlis itu atau pun semasa Majlis itu bersidang;

[S 65/04]

“Deputy Sultan and Yang Di-Pertuan” means the person appointed by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan under the Succession and Regency Proclamation, 1959;

[S 65/04]

“Government” means the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan;

[S 65/04]

“high judicial office” means the office of a Judge of the Supreme Court, or of a court having unlimited jurisdiction in civil or criminal matters, or of a court having jurisdiction in appeals from any such court;

“His Majesty” or “His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan” means —

(a) a Sultan whose accession to the throne has been proclaimed whether or not he has been crowned as the Sultan and Yang Di-Pertuan;

(b) where appropriate, a Council of Regency; and

(c) to the extent to which a Deputy to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan is authorised to act, that Deputy;

[S 65/04]

“His Majesty in Council” or “His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan in Council” means His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan acting after consultation with the Council of Ministers, but not necessarily in accordance with the advice of that Council nor necessarily in that Council assembled;

[S 65/04]

“Surat Perintah” termasuk apa jua siaran dalam *Warta Kerajaan*, sama ada atau tidak siaran itu cuma bermaksud untuk menyiarkan sesuatu perbuatan yang dilakukan atau terjadinya sesuatu hal atau kejadian, atau pun selainnya menyampaikan atau bermaksud untuk menyampaikan maklumat;

“Ugama Islam” bermakna Ugama Islam menurut Ahlis Sunnah Wal Jamaah mengikut Mazhab Shafi’ee;

[S 32/04; S 65/04]

“Kepala Wazir” bermakna orang yang bertaraf dan masyhur lagi ternama yang dikenali sebagai Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar;

[S 65/04]

“Majlis Mesyuarat Negara” bermakna Majlis Mesyuarat Negara yang ditubuhkan menurut Perkara 23;

[S 65/04]

“mesyuarat”, berhubung dengan Majlis Mesyuarat Negara, bermakna semua persidangan Majlis itu yang diadakan dari tempoh Majlis itu mula bersidang selepas dipanggil pada bila-bila masa sehingga masa Majlis itu ditangguhkan dengan tiada ditetapkan masa mesyuarat yang akan datang atau pun sampai masa Majlis itu ditamatkan Musim Permesyuaratannya atau sampai masa Majlis itu dibubarkan dengan tiada ditamatkan Musim Permesyuaratannya;

“Menteri” bermakna seseorang yang dilantik di bawah Fasal (3) Perkara 4;

[S 65/04]

“Mufti Kerajaan” bermakna orang yang dilantik sedemikian oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77);

[S 65/04]

“hasil dan wang-wang tabung Ugama Islam” bermakna segala hasil dan wang tabung terhadap mana Bahagian IV dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77) ada berkenaan;

[S 65/04]

“instrument” includes any publication in the *Gazette*, whether or not such publication merely purports to publish the doing of an act or the occurrence of a fact or event, or otherwise conveys or purports to convey information;

“Islamic Religion” means the Islamic Religion according to the Shafeite sect of Ahlis Sunnah Waljamaah;

[S 32/04; S 65/04]

“Kepala Wazir” means the noble and illustrious personage known as the Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar;

[S 65/04]

“Legislative Council” means the Legislative Council established by Article 23;

[S 65/04]

“meeting”, in relation to the Legislative Council, means all sittings of that Council held during a period beginning when that Council first meets after being summoned at any time and ending when that Council is next thereafter either adjourned *sine die* or prorogued or dissolved without having been prorogued;

“Minister” means a person appointed under Clause (3) of Article 4;

[S 65/04]

“Mufti Kerajaan” means the person appointed as such by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan under the Religious Council and Kadis Courts Act (Chapter 77);

[S 65/04]

“Muslim revenue and funds” means all revenues and funds to which Part IV of the Religious Council and Kadis Courts Act (Chapter 77) applies;

[S 65/04]

“hak-hak pencen” termasuk hak-hak menerima pencen setelah sampai umur menerima pencen dan hak-hak menerima wang dari kumpulanwang simpanan;

“Majlis Mesyuarat Di-Raja” bermakna Majlis Mesyuarat Di-Raja yang ditubuhkan menurut Fasal (1) Perkara 5;

[S 65/04]

“jawatan Kerajaan” bermakna apa jua jawatan yang mempunyai gaji, saraan atau elauan (termasuk pencen atau elauan lain yang sama) berkaitan dengan tempohnya memegang jawatan dalam Kerajaan tetapi tidaklah termasuk Sultan, jawatan Pemangku Raja, Kepala Wazir, Wazir, Ketua Hakim, Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Setiausaha Politik, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Duta, Pesuruhjaya Tinggi, Hakim Mahkamah Besar, Konsul Agung, Konsul atau jawatan lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan dengan Perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;

[S 65/04]

“pegawai Kerajaan” bermakna pemegang mana-mana jawatan Kerajaan dan termasuk sesiapa jua yang dilantik untuk memangku dalam mana-mana jawatan itu;

“Pemangku Raja” bermakna Pemangku Raja yang dilantik di bawah atau disebut dalam Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959;

[S 65/04]

“Majlis Ugama Islam” bermakna Majlis Ugama Islam yang ditubuhkan menurut Bahagian II dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77);

[S 65/04]

“Setiausaha kepada Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri” bermakna orang yang dilantik di bawah Perkara 22 dan termasuk mana-mana orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk menjadi Timbalan Setiausaha kepada Majlis itu;

[S 65/04]

“pension rights” includes superannuation rights and provident funds rights;

“Privy Council” means the Privy Council established by Clause (1) of Article 5;

[S 65/04]

“public office” means any office of emolument, remuneration or allowance (including pension or other like allowance) in respect of his tenure in the Government but does not include the Sultanate, the office of Regent, Kepala Wazir, Wazir, Chief Justice, Speaker of the Legislative Council, Deputy Speaker of the Legislative Council, Minister, Deputy Minister, Parliamentary Secretary, Political Secretary, Member of the Legislative Council, Ambassador, High Commissioner, Judge of the Supreme Court, Consul-General, Consul or such other office as His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may by Order published in the *Gazette*, prescribe;

[S 65/04]

“public officer” means the holder of any public office and includes any person appointed to act in any such office;

“Regent” means a Regent duly appointed under or referred to in the Succession and Regency Proclamation, 1959;

[S 65/04]

“Religious Council” means the Religious Council constituted by Part II of the Religious Council and Kadis Courts Act (Chapter 77);

[S 65/04]

“Secretary to the Council of Ministers” means the person appointed under Article 22 and includes any person appointed by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan to be Deputy Secretary to that Council;

[S 65/04]

“Musim Permesyuaratan”, berhubung dengan Majlis Mesyuarat Negara, bermakna mesyuarat-mesyuarat yang diadakan oleh Majlis itu mulai dari masa Majlis itu bermesyuarat pada kali pertama selepas Majlis itu ditubuhkan di bawah Perlembagaan ini, atau selepas Musim Permesyuaratannya ditamatkan atau selepas Majlis itu dibubarkan pada bila-bila masa, sampai Majlis itu ditamatkan Musim Permesyuaratannya atau sampai Majlis itu dibubarkan dengan tiada ditamatkan Musim Permesyuaratannya;

[S 65/04]

“persidangan”, berhubung dengan Majlis Mesyuarat Negara, bermakna masa Majlis itu bersidang terus-menerus tanpa penangguhan, dan termasuk sebarang masa Majlis itu bersidang sebagai Jawatankuasa;

[S 65/04]

“Yang Di-Pertua” bermakna Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara yang dilantik di bawah Fasal (1) Perkara 37 dan termasuk mana-mana orang yang dilantik untuk menjadi Timbalannya;

[S 65/04]

“Peraturan-Peraturan Mesyuarat” bermakna Peraturan-Peraturan Mesyuarat bagi Majlis Mesyuarat Negara yang dibuat menurut Perkara 48;

[S 65/04]

“Mohor Kerajaan” bermakna Mohor Negara Brunei Darussalam yang disebut dalam Perkara 79;

[S 65/04]

“Mahkamah Besar” bermakna Mahkamah Besar bagi Negara Brunei Darussalam yang ditubuhkan di bawah Akta Mahkamah Besar (Penggal 5);

[S 65/04]

“cukai” termasuk sesuatu pengenaan bayaran cukai import atau sesuatu cukai bea tetapi tidak termasuk cukai pintu yang dikutip bagi maksud pihak berkuasa tempatan atau sesuatu bayaran bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan;

“session”, in relation to the Legislative Council, means the meeting of that Council commencing when it first meets after being constituted under this Constitution, or after its prorogation or dissolution at any time, and terminating when that Council is prorogued or is dissolved without having been prorogued;

[S 65/04]

“sitting”, in relation to the Legislative Council, means the period during which that Council is sitting continuously without adjournment, and includes any period during which that Council is in Committee;

[S 65/04]

“Speaker” means the Speaker of the Legislative Council appointed under Clause (1) of Article 37 and includes any person appointed to be his Deputy;

[S 65/04]

“Standing Orders” means the Standing Orders of the Legislative Council made pursuant to Article 48;

[S 65/04]

“State Seal” means the Seal of Brunei Darussalam referred to in Article 79;

[S 65/04]

“Supreme Court” means the Supreme Court of Brunei Darussalam established under the Supreme Court Act (Chapter 5);

[S 65/04]

“tax” includes an impost or a duty but does not include a rate levied for local purposes or a fee for services rendered;

“Wazir-Wazir” bermakna Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar, Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuarah, Pengiran Digadong Sahibul Mal, Pengiran Pemancha Sahibul Rae’ Wal-Mashuarah dan Pengiran Temanggong Sahibul Bahar;

[S 65/04]

“undang-undang bertulis” termasuk semua Akta, Perintah, Pemasyhuran dan undang-undang tambahan, atau mana-mana bahagiannya, tetapi tidak termasuk mana-mana Akta Parliment United Kingdom, atau mana-mana Perintah Seri Baginda Queen dalam Majlis Mesyuarat, atau mana-mana Undang-Undang yang tidak boleh dipinda oleh mana-mana pihak berkuasa di dalam Negara Brunei Darussalam;

[S 65/04]

“Yang Di-Pertua Adat Istiadat” bermakna orang yang bertaraf dan termasyhur lagi ternama yang dikenali sebagai Duli Pengiran Pemancha atau orang yang dilantik di bawah Fasal (3) Perkara 3A oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

[S 65/04]

(2) Jika dalam Perlembagaan ini sebutan dibuat mengenai mana-mana pegawai Kerajaan dengan gelaran jawatannya, maka sebutan itu hendaklah diertikan sebagai suatu sebutan mengenai pegawai yang pada masa itu melakukan tugas-tugas jawatan itu.

(3) *Dimansuhkan.*

[S 65/04]

(4) *Dimansuhkan.*

[S 65/04]

(5) Sebutan-sebutan dalam Perlembagaan ini kepada “Perlembagaan ini” hendaklah, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain, diertikan sebagai menyebut mengenai undang-undang tambahan yang dibuat di bawah Perlembagaan ini.

[S 65/04]

(6) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan sebaliknya dalam Perlembagaan ini atau dikehendaki mengikut maksudnya, Akta Tafsiran dan Perkara-Perkara Am (Penggal 4) hendaklah dipakai bagi mentafsirkan Perlembagaan ini sebagaimana ianya dipakai bagi mentafsirkan semua undang-undang bertulis lain.

[S 65/04]

“Wazirs” means the Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar, the Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuarah, the Pengiran Digadong Sahibul Mal, the Pengiran Pemancha Sahibul Rae’ Wal-Mashuarah and the Pengiran Temanggong Sahibul Bahar;

[S 65/04]

“written law” includes all Acts, Orders, Proclamations and subsidiary legislation, or any part thereof, but does not include any Act of Parliament of the United Kingdom or any Order of Her Britannic Majesty in Council or any Law which no authority in Brunei Darussalam is empowered to amend;

[S 65/04]

“Yang Di-Pertua Adat Istiadat” means the noble and illustrious personage known as the Duli Pengiran Pemancha or the person appointed under Clause (3) of Article 3A by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan.

[S 65/04]

(2) Where in this Constitution reference is made to any public officer by the term designating his office, such reference shall be construed as a reference to the officer for the time being discharging the functions of that office.

(3) *Repealed.*

[S 65/04]

(4) *Repealed.*

[S 65/04]

(5) References in this Constitution to “this Constitution” shall, unless the context otherwise requires, be construed as referring to subsidiary legislation made under this Constitution.

[S 65/04]

(6) Save as otherwise provided in this Constitution or required by context, the Interpretation and General Clauses Act (Chapter 4) shall apply to the interpretation of this Constitution as it applies to the interpretation of all other written laws.

[S 65/04]

BAHAGIAN II

UGAMA DAN ADAT ISTIADAT

[S 65/04]

Ugama rasmi Negara Brunei Darussalam dan cara beribadat. *[S 32/04; S 65/04]*

3. (1) Ugama rasmi bagi Negara Brunei Darussalam adalah Ugama Islam:

Tetapi ugama-ugama lain boleh diamalkan dengan aman dan sempurna oleh mereka yang mengamalkannya.

(2) Ketua ugama rasmi bagi Negara Brunei Darussalam adalah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(3) Majlis Ugama Islam adalah badan yang bertanggungjawab untuk menyembahkan nasihat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mengenai semua perkara yang berhubung dengan Ugama Islam.

(4) Bagi maksud Perkara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, setelah berunding dengan Majlis Ugama Islam, tetapi tidak semestinya mengikut nasihat Majlis itu, membuat undang-undang mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan Ugama Islam.

Majlis Mesyuarat Adat Istiadat. *[S 65/04]*

3A. (1) Hendaklah diadakan Majlis Mesyuarat Adat Istiadat yang terdiri daripada seorang Pengurus dan ahli-ahli lain, yang kesemuanya dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan memegang jawatan selama tempoh selagi diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(2) Majlis Mesyuarat Adat Istiadat adalah badan yang bertanggungjawab untuk menyembahkan nasihat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan Adat Istiadat Negara:

PART II

RELIGION AND ADAT ISTIADAT

[S 65/04]

Official religion of Brunei Darussalam and religious observance. [S 32/04; S 65/04]

3. (1) The official religion of Brunei Darussalam shall be the Islamic Religion:

Provided that all other religions may be practised in peace and harmony by the persons professing them.

(2) The Head of the official religion of Brunei Darussalam shall be His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan.

(3) The Religious Council shall be the authority responsible for advising His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan on all matters relating to the Islamic Religion.

(4) For the purpose of this Article, His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may, after consultation with the Religious Council, but not necessarily in accordance with the advice of that Council, make laws in respect of matters relating to the Islamic Religion.

Majlis Mesyuarat Adat Istiadat. [S 65/04]

3A. (1) There shall be established a Majlis Mesyuarat Adat Istiadat (to be known in English as the Adat Istiadat Council) which shall consist of a Chairman and other members, all of whom shall be appointed by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan and hold office during His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan's pleasure.

(2) The Adat Istiadat Council shall be the authority responsible for advising His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan on matters relating to Adat Istiadat or State custom:

Dengan syarat bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak terikat untuk bertindak menurut nasihat Majlis Mesyuarat Adat Istiadat.

(3) Yang Di-Pertua Adat Istiadat akan memegang jawatan selama tempoh selagi diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

[S 14/06]

BAHAGIAN III

KUASA MEMERINTAH

Kuasa memerintah dan pegawai-pegawai utama.

4. (1) Kuasa memerintah yang tertinggi bagi Negara Brunei Darussalam adalah terletak dalam tangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(1A) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan adalah Perdana Menteri.

[S 65/04]

(1B) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan adalah Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

[S 65/04]

(2) Kuasa memerintah hendaklah dijalankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

[S 65/04]

(3) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik sebilangan orang Menteri dan Timbalan Menteri dari kalangan warganegara Negara Brunei Darussalam yang akan bertanggungjawab hanya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sahaja bagi menjalankan kuasa memerintah dan yang akan membantu dan menasihatkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam menunaikan kuasa memerintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

[S 65/04]

Provided that His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan is not bound to act in accordance with the advice of the Adat Istiadat Council.

(3) The Yang Di-Pertua Adat Istiadat shall hold office during His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan's pleasure.

[S 14/06]

PART III

EXECUTIVE AUTHORITY

Executive authority and principal officers.

4. (1) The supreme executive authority of Brunei Darussalam shall be vested in His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan.

(1A) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall be the Prime Minister.

[S 65/04]

(1B) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall be the Supreme Commander of the Royal Brunei Armed Forces.

[S 65/04]

(2) The executive authority shall be exercised by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan.

[S 65/04]

(3) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may appoint from among citizens of Brunei Darussalam any number of Ministers and Deputy Ministers who shall be responsible solely to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan for the exercise of executive authority and who shall assist and advise His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan in the discharge of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan's executive authority.

[S 65/04]

(4) *Dimansuhkan.*

[S 65/04]

(5) Lantikan Menteri dan Timbalan Menteri hendaklah dibuat dari kalangan bangsa Melayu yang berugama Islam, melainkan jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan memutuskan sebaliknya.

[S 32/04; S 65/04]

(6) Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan Surat Perintah yang ditandatangani oleh Baginda dan dicap dengan Mohor Kerajaan dan hendaklah memegang jawatan bagi tempoh selama 5 tahun atau tempoh lain, dan atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dan orang-orang yang sama boleh dilantik semula, apabila lantikannya itu tamat tempohnya, bagi tempoh selanjutnya sebagaimana yang ditentukan dalam Surat Perintah yang membuat lantikannya:

Dengan syarat bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membatalkan lantikan mananya Menteri atau Timbalan Menteri pada bila-bila masa tanpa menunjukkan sebab.

[S 65/04]

(7) *Dimansuhkan.*

[S 65/04]

(8) *Dimansuhkan.*

[S 65/04]

(9) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan Perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* menentukan tugas-tugas, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri, dan Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri tersebut hendaklah menuaikan tugas-tugas, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan mereka menurut Perintah-Perintah tersebut:

(4) *Repealed.*

[S 65/04]

(5) The appointment of Ministers and Deputy Ministers shall be made from among the Malay race professing the Islamic Religion, save where His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan otherwise decides.

[S 32/04; S 65/04]

(6) The Ministers and Deputy Ministers shall be appointed by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan by Instrument under His Sign Manual and the State Seal and shall hold office for a period of 5 years or such other period, and on such terms as His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may determine, and the same persons may be re-appointed, when such appointment expires, for a further period as specified in the Instrument appointing him:

Provided that His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may revoke the appointment of any Minister or Deputy Minister at any time without showing cause.

[S 65/04]

(7) *Repealed.*

[S 65/04]

(8) *Repealed.*

[S 65/04]

(9) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may by Order published in the *Gazette* specify the functions, powers and duties of the Ministers and Deputy Ministers, and such Ministers and Deputy Ministers shall discharge their functions, powers and duties in accordance with such Orders:

Dengan syarat bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh memindahkan sebarang tugas, kuasa dan kewajipan yang diberikan kepada mana-mana orang oleh Surat-Surat Perintah yang ada kepada orang atau pihak berkuasa lain sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Perintah tersebut pada bila-bila masa tanpa menunjukkan sebab.

[S 65/04]

BAHAGIAN IV

MAJLIS MESYUARAT DI-RAJA

Penubuhan Majlis Mesyuarat Di-Raja.

5. (1) Hendaklah diadakan Majlis Mesyuarat Di-Raja yang ditubuhkan menurut peruntukan-peruntukan Bahagian ini.

[S 65/04]

(2) Majlis Mesyuarat Di-Raja, yang Ahli-Ahlinya adalah digelar Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja, hendaklah terdiri daripada —

(a) jika lantikan tersebut telah dibuat, Timbalan Sultan dan Yang Di-Pertuan;

(b) Pemangku-Pemangku Raja, sekiranya Jemaah Pemangku Raja telah dilantik;

(c) Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan, iaitu, Kepala Wazir, Wazir-Wazir, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri, Mufti Kerajaan, Ketua Hakim Syar'ie, Peguam Negara, Yang Di-Pertua Adat Istiadat dan orang yang memegang jawatan lain yang dari masa ke semasa diisytiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan Pemasyhuran dalam *Warta Kerajaan*; dan

(d) orang-orang lain (yang akan dinamakan Ahli-Ahli Yang Dilantik) yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan Surat Perintah yang dicap dengan Mohor Kerajaan.

[S 65/04]

(3) Tiap-tiap Ahli Yang Dilantik dalam Majlis Mesyuarat Di-Raja itu hendaklah memegang jawatan masing-masing selama tempoh selagi diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan tertakluk kepadanya bagi tempoh dan dengan syarat-syarat sebagaimana yang ditentukan dalam Surat Perintah yang melantiknya.

Provided that His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may transfer any functions, powers and duties conferred on any person by the existing Instruments to such other person or authority as may be specified by such Order at any time without showing cause.

[S 65/04]

PART IV

PRIVY COUNCIL

Establishment of Privy Council.

5. (1) There shall be established a Privy Council (to be known in Malay as the Majlis Mesyuarat Di-Raja) constituted in accordance with the provisions of this Part.

[S 65/04]

(2) The Privy Council, the Members of which shall be styled Privy Councillors, shall consist of —

(a) if such an appointment has been made, the Deputy Sultan and Yang Di-Pertuan;

(b) the Regents, if a Council of Regency has been appointed;

(c) *ex-officio* Members, namely the Kepala Wazir, the Wazirs, Members of the Council of Ministers, Mufti Kerajaan, Chief Syar'ie Judge, Attorney General, Yang Di-Pertua Adat Istiadat and the person who holds such other office as may from time to time be designated by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan by Proclamation in the *Gazette*; and

(d) such other persons (who shall be styled Appointed Members) as His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may, by Instrument under the State Seal, appoint.

[S 65/04]

(3) Every Appointed Member of the Privy Council shall hold office during His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan's pleasure and subject thereto for such period and upon such conditions as may be specified in the Instrument appointing him.

(4) Tiap-tiap Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja hendaklah, sebelum menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya, mengangkat atau membuat dan menandatangani di hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau, jika Jemaah Pemangku Raja telah dilantik, di hadapan Pemangku Raja laki-laki yang kanan, atau di hadapan orang lain yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau oleh Pemangku Raja laki-laki yang kanan, suatu sumpah atau pengakuan dalam bentuk yang dinyatakan sebagai Borang I di dalam Jadual Pertama.

[S 65/04]

(5) *Dimansuhkan.*

[S 65/04]

Tugas-tugas Majlis Mesyuarat Di-Raja.

6. (1) Majlis Mesyuarat Di-Raja —

(a) hendaklah menasihatkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mengenai sebarang pindaan, tambahan atau pembatalan sebarang peruntukan Perlembagaan ini, menurut Perkara 85;

[S 65/04]

(b) hendaklah, tertakluk kepada sebarang undang-undang bertulis, menasihatkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tentang lantikan orang-orang ke pangkat-pangkat, gelaran-gelaran, kehormatan-kehormatan dan kebesaran adat istiadat Melayu Brunei dan menentukan tugas-tugas yang berhubung dengannya; dan

*(c) hendaklah menjalankan tugas-tugas lain yang diberikan kepadanya oleh Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959, sebarang undang-undang bertulis lain atau oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

[S 65/04]

*Pada masa Pencetakan Semula ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah, menurut Perintah Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Penggantungan), 2006, memberi tugas kepada Majlis Mesyuarat Di-Raja untuk menyembahkan nasihat kepada Baginda berhubung dengan perjalanan kuasa-kuasa Baginda di bawah Fasal (1) Perkara 9 dari Perlembagaan Negara Brunei Darusalam.

(4) Every Member of the Privy Council shall, before entering upon the duties of his office, take or make and subscribe before His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, or, if a Council of Regency has been appointed, before the senior male Regent, or before such other person as His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan or, as the case may be, the senior male Regent may designate, an oath or declaration in the form set out as Form I in the First Schedule.

[S 65/04]

(5) *Repealed.*

[S 65/04]

Functions of Privy Council.

6. (1) The Privy Council —

(a) shall advise His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan on any amendment, addition or revocation of any provision of this Constitution, in accordance with Article 85;

[S 65/04]

(b) shall, subject to any written law, advise His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan on the appointment of persons to Malay customary ranks, titles, honours and dignities and the designation of the functions appertaining thereto; and

*(c) shall perform such other functions as may be conferred on it by the Succession and Regency Proclamation, 1959, any other written law or by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan.

[S 65/04]

*As at the time of this Reprint, His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan has, pursuant to the Constitution of Brunei Darussalam (Suspension) Order, 2006, conferred on the Privy Council the function to advise His Majesty in connection with the exercise of His Majesty's powers under Clause (1) of Article 9 of the Constitution of Brunei Darussalam.

(2) Minit-minit mesyuarat bagi semua persidangan Majlis Mesyuarat Di-Raja hendaklah disimpan.

(3) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah melantik seorang yang layak dan sesuai untuk menjadi Jurutulis kepada Majlis Mesyuarat Di-Raja, dan orang itu hendaklah, sebelum memulakan kewajipan-kewajipan jawatannya, mengangkat dan menandatangani di hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau Pemangku Raja laki-laki yang kanan, mengikut mana yang berkenaan, suatu sumpah dalam bentuk yang dinyatakan sebagai Borang II di dalam Jadual Pertama.

[S 65/04]

(4) Tertakluk kepada sebarang undang-undang bertulis, penggunaan mana-mana kuasa yang diberikan kepada, atau perlaksanaan sebarang perbuatan atau perkara oleh, Majlis Mesyuarat Di-Raja boleh dinyatakan dengan surat yang ditandatangani oleh Jurutulis kepada Majlis Mesyuarat Di-Raja.

[S 65/04]

(5) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak terikat untuk bertindak menurut nasihat Majlis Mesyuarat Di-Raja.

[S 65/04]

Memanggil mesyuarat dan korum. *[S 65/04]*

7. (1) Majlis Mesyuarat Di-Raja tidak boleh dipanggil bermesyuarat kecuali dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau, jika Jemaah Pemangku Raja telah dilantik, oleh Pemangku Raja laki-laki yang kanan atau, jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak berada di Negara Brunei Darussalam dan Jemaah Pemangku Raja tiada dilantik, oleh Kepala Wazir.

(2) (a) Tiada sebarang urusan pun boleh dijalankan pada mana-mana mesyuarat Majlis Mesyuarat Di-Raja jika kurang dari satu pertiga Ahli-Ahli Majlis itu (selain daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau orang lain yang mempengerusikan mesyuarat) hadir dalam mesyuarat itu, dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau mana-mana orang lain yang mempengerusikan mesyuarat itu tidak bersetuju urusan tersebut dijalankan oleh kerana bilangan ahli yang hadir tidak cukup.

(2) Minutes shall be kept of all proceedings of the Privy Council.

(3) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall appoint some fit and proper person to be the Clerk to the Privy Council, and such person shall, before entering upon the duties of his office, take and subscribe before His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan or the senior male Regent, as the case may be, an oath in the form set out as Form II in the First Schedule.

[S 65/04]

(4) Subject to any written law, the exercise of any power conferred on, or the doing of any act or thing by, the Privy Council may be signified under the hand of the Clerk to the Privy Council.

[S 65/04]

(5) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan is not bound to act in accordance with the advice of the Privy Council.

[S 65/04]

Summoning and quorum. [S 65/04]

7. (1) The Privy Council shall not be summoned except by the authority of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan or, if a Council of Regency has been appointed, by the senior male Regent or, if His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan is not present in Brunei Darussalam and if no Council of Regency has been appointed, by the Kepala Wazir.

(2) (a) No business shall be transacted at any meeting of the Privy Council if there are less than one-third of the Members of the Council (besides His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan or other person presiding) present at the meeting, and His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan or any other person presiding has objected to the transaction of business on that account.

(b) Jika bilangan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja yang hadir itu tidak boleh dibahagi 3, maka, bagi maksud Fasal ini, bilangan Ahli-Ahli yang hadir itu hendaklah dianggap bilangan yang tertinggi selepas itu yang boleh dibahagi 3.

(3) Mana-mana mesyuarat Majlis Mesyuarat Di-Raja dan sebarang keputusan yang diambil oleh Majlis itu adalah sah, meskipun ada orang yang tidak berhak berbuat sedemikian mengambil bahagian dalam mesyuarat itu.

Mempengerusikan Majlis Mesyuarat Di-Raja. [S 65/04]

8. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah, seboleh-bolehnya, mempengerusikan mesyuarat-mesyuarat Majlis Mesyuarat Di-Raja.

(2) Jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak hadir, maka orang yang akan mempengerusikan mesyuarat itu hendaklah mengikut susunan keutamaan yang berikut —

(a) jika lantikan telah dibuat, Timbalan Sultan dan Yang Di-Pertuan;

(b) jika Timbalan Sultan dan Yang Di-Pertuan tiada dilantik dan sebuah Jemaah Pemangku Raja telah dilantik, Pemangku Raja laki-laki yang kanan yang hadir;

(c) jika Timbalan Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Jemaah Pemangku Raja tiada dilantik, Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau, semasa ketiadaan Ahli tersebut atau jika Ahli tersebut tiada dilantik, Kepala Wazir; dan

(d) dalam sebarang hal lain, Ahli Rasmi Kerana Jawatan Majlis Mesyuarat Di-Raja yang hadir yang terdahulu dalam susunan jawatan pegawai-pegawai yang disebut dalam perenggan (c) Fasal (2) Perkara 5.

(b) If the number of Members of the Privy Council is not a multiple of 3, then, for the purpose of this Clause, the number of Members shall be deemed to be the next highest multiple of 3.

(3) Any proceedings in the Privy Council and any such decision taken by that Council shall be valid notwithstanding that some person who was not entitled to do so took part in the proceedings.

Presiding in Privy Council. [S 65/04]

8. (1) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall, so far as practicable, preside at meetings of the Privy Council.

(2) In the absence of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, the person who shall preside shall be in the following priority —

(a) if such an appointment has been made, the Deputy Sultan and Yang Di-Pertuan;

(b) if no Deputy Sultan and Yang Di-Pertuan has been appointed and a Council of Regency has been appointed, the senior male Regent present;

(c) if no Deputy Sultan and Yang Di-Pertuan and no Council of Regency has been appointed, such Member of the Privy Council as His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may appoint or, in the absence of such Member or where no such Member has been appointed, the Kepala Wazir; and

(d) in any other case, the *ex-officio* Member of the Privy Council present who stands first in the order in which those officers are referred to in paragraph (c) of Clause (2) of Article 5.

BAHAGIAN IVA

[S 65/04]

JEMAAH PENGAMPUNAN

Penubuhan Jemaah Pengampunan. *[S 65/04; S 15/06]*

***8A.** (1) *Bagi maksud-maksud Bahagian ini, maka hendaklah ditubuhkan Jemaah Pengampunan yang terdiri daripada Peguam Negara, Mufti Kerajaan dan tidak lebih daripada 3 orang ahli lain.*

(2) *3 orang ahli lain itu hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan hendaklah memegang jawatan selama tempoh selagi diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.*

*Perkara 8A tidak berkuatkuasa pada tarikh Pencetakan Semula ini. Perkara ini telah digantung oleh Perintah Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Penggantungan), 2006, mulai dari 21hb Februari 2006.

Hak Pengampunan.

9. **(1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh menjalankan, atas budi bicara mutlak Baginda, berhubung dengan mana-mana kesalahan yang atasnya seseorang pesalah itu boleh atau telah dibicarakan di dalam Negara Brunei Darussalam, satu atau lebih dari kuasa-kuasa yang berikut —

[S 65/04]

**Pada masa Pencetakan Semula ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah, menurut Perintah Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Penggantungan), 2006, memberi tugas kepada Majlis Mesyuarat Di-Raja untuk menyembahkan nasihat kepada Baginda berhubung dengan perjalanan kuasa-kuasa Baginda di bawah Fasal (1) Perkara 9 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

(a) mengurniakan kepada sesiapa jua yang berkaitan dengan, atau didapati sabit, mana-mana kesalahan sedemikian itu suatu pengampunan sama ada tanpa syarat atau tertakluk kepada syarat-syarat;

[S 65/04]

(b) mengurniakan kepada sesiapa jua suatu penangguhan, sama ada bagi tempoh yang tidak tentu atau selama sesuatu tempoh yang tertentu, perlaksanaan apa jua hukuman yang dijatuhkan ke atas orang itu kerana kesalahan sedemikian;

PART IVA

[S 65/04]

PARDONS BOARD

Establishment of Pardons Board. [S 65/04; S 15/06]

***8A.** (1) For the purposes of this Part, there shall be established a Pardons Board which shall consist of the Attorney General, the Mufti Kerajaan and not more than 3 other members.

(2) The 3 other members shall be appointed by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan and shall hold office during His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan's pleasure.

*Article 8A was not in operation at the date of this Reprint. This Article was suspended by the Constitution of Brunei Darussalam (Suspension) Order, 2006, with effect from 21st February 2006.

Prerogative of Mercy.

9. **(1) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may exercise in his absolute discretion, in respect of any offence for which an offender may be or has been tried in Brunei Darussalam, such one or more of the following powers —

[S 65/04]

**As at the time of this Reprint, His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan has, pursuant to the Constitution of Brunei Darussalam (Suspension) Order, 2006, conferred on the Privy Council the function to advise His Majesty in connection with the exercise of His Majesty's powers under Clause (1) of Article 9 of the Constitution of Brunei Darussalam.

(a) grant to any person concerned in, or convicted of, any such offence a pardon either free or subject to conditions;

[S 65/04]

(b) grant to any person a respite, either indefinite or for a specified period, of the execution of any sentence passed on that person for such an offence;

(c) menggantikan dengan suatu hukuman yang kurang berat hukuman yang dijatuhkan ke atas orang itu kerana kesalahan tersebut;

(d) menghapuskan kesemua atau mana-mana bahagian dari sebarang hukuman yang dijatuhkan kerana kesalahan itu atau dari sebarang jumlah wang yang dikenakan sebagai suatu hukuman atau perampasan, atau pun selainnya kena dibayar kepada Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau mana-mana orang lain kerana kesalahan sedemikian; atau

(e) memerintahkan supaya dilepaskan mana-mana orang yang mungkin dipenjarakan kerana mana-mana kesalahan atau kerana tidak membayar sebarang jumlah wang yang tersebut di atas.

[S 65/04]

***(2) *Pada menjalankan kuasa-kuasa Baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh mengambil kira, tetapi tidak terikat untuk bertindak menurut, nasihat Jemaah Pengampunan.*

[S 65/04; S 15/06]

(3) *Dimansuhkan.*

***(4) *Adalah menjadi kewajipan Peguam Negara untuk memberi kepada Jemaah Pengampunan sebarang maklumat yang mungkin ada pada pihak pendakwa berkenaan dengan mana-mana pesalah yang telah dijatuhkan hukuman mati yang mungkin penting berhubung dengan pesalah itu pada menjalankan kuasa-kuasa yang terletak dalam tangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah Fasal (1).*

[S 65/04; S 15/06]

***(5) *Sebelum menghadapkan nasihatnya mengenai mana-mana perkara, Jemaah Pengampunan hendaklah menimbangkan mana-mana pendapat bertulis yang mungkin telah diberikan oleh Peguam Negara mengenainya dari segi undang-undang yang boleh dikenakan dan oleh Mufti Kerajaan mengenai sebarang aspek hukum Ugama Islam.*

[S 65/04; S 15/06]

***Fasal-Fasal (2), (4) dan (5) Perkara 9 tidak berkuatkuasa pada tarikh Pencetakan Semula ini. Fasal-Fasal ini telah digantung oleh Perintah Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Penggantungan), 2006, mulai dari 21hb Februari 2006.

(c) substitute a less severe form of punishment for that imposed by any sentence for such an offence;

(d) remit the whole or any part of any sentence passed for such an offence or of any sum of money imposed as a penalty or forfeiture, or otherwise due to Brunei Darussalam, His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan or any other person on account of such offence; or

(e) order the discharge of any person who may be imprisoned for any offence or for non-payment of any sum of money as aforesaid.

[S 65/04]

***⁽²⁾ *In exercising his powers, His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may have regard to, but is not bound to act in accordance with, the advice of the Pardons Board.*

[S 65/04; S 15/06]

(3) *Repealed.*

***⁽⁴⁾ *It shall be the duty of the Attorney General to supply to the Pardons Board any information which the prosecution may have in relation to any offender who has been sentenced to death which may be material to the exercise in relation to that offender of the powers vested in His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan by Clause (1).*

[S 65/04; S 15/06]

***⁽⁵⁾ *Before tendering its advice on any matter, the Pardons Board shall consider any written opinion which may have been delivered thereon by the Attorney General on the law applicable and by the Mufti Kerajaan on any aspect of Islamic law.*

[S 65/04; S 15/06]

***Clauses (2), (4) and (5) of Article 9 were not in operation at the date of this Reprint. These Clauses were suspended by the Constitution of Brunei Darussalam (Suspension) Order, 2006, with effect from 21st February 2006.

BAHAGIAN V
MAJLIS MESYUARAT MENTERI-MENTERI

[S 65/04]

Penubuhan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri. *[S 65/04]*

10. Hendaklah diadakan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri (yang boleh disebut sebagai Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet) yang ditubuhkan menurut peruntukan-peruntukan Bahagian ini.

Keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri. *[S 65/04]*

11. Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri hendaklah terdiri daripada Perdana Menteri dan Menteri-Menteri yang dilantik di bawah Fasal (3) Perkara 4.

Tempoh memegang jawatan dan pengosongan kerusi.

12. Tertakluk kepada Perlembagaan ini, tiap-tiap Menteri hendaklah menduduki kerusinya di dalam Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri selama tempoh selagi diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

[S 65/04]

13. *Dimansuhkan.*

Kehadiran orang-orang bukan Ahli dalam Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri.

14. Bilamana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau jika Baginda tidak hadir, orang lain yang mempengerusikan mesyuarat memutuskan untuk mendapatkan nasihat bersangkutan dengan hal ehwal Kerajaan daripada sesiapa ju, maka Baginda atau dia boleh menghendaki orang itu untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri bagi maksud tersebut.

[S 65/04]

PART V
COUNCIL OF MINISTERS

[S 65/04]

Establishment of Council of Ministers. *[S 65/04]*

10. There shall be established a Council of Ministers (to be known in Malay as the Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri), constituted in accordance with the provisions of this Part.

Constitution of Council of Ministers. *[S 65/04]*

11. The Council of Ministers shall consist of the Prime Minister and the Ministers appointed under Clause (3) of Article 4.

Tenure of office and vacation of seats.

12. Subject to this Constitution, every Minister shall hold his seat in the Council of Ministers during His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan's pleasure.

[S 65/04]

13. *Repealed.*

Attendance at Council of Ministers of non-Members.

14. Whenever His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan or in his absence, other person presiding decides to obtain the advice of any person touching the affairs of the Government, he may require such person to attend any meeting of the Council of Ministers for such purpose.

[S 65/04]

Tertib tarafnya.

15. Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri hendaklah mempunyai ketinggian pangkat dan keutamaan di kalangan mereka sendiri dalam Majlis itu sebagaimana yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

[S 65/04]

Memanggil mesyuarat dan korum.

16. (1) Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri tidak boleh dipanggil bermesyuarat kecuali dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(2) Tiada sebarang urusan pun boleh dijalankan pada mana-mana mesyuarat Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri jika Ahli-Ahli Majlis yang hadir pada mesyuarat itu, selain dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau orang lain yang mempengerusikan mesyuarat, kurang daripada 5 orang bilangannya, dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau orang lain yang mempengerusikan mesyuarat tersebut tidak bersetuju urusan tersebut dijalankan oleh kerana Ahli-Ahli yang hadir itu tidak cukup bilangannya.

[S 65/04]

(3) Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri tidak boleh hilang kelayakannya dari menjalankan urusan disebabkan oleh sebarang kekosongan di kalangan Ahli-Ahlinya, termasuk mana-mana kekosongan yang tidak dipenuhi apabila Majlis itu mula-mula ditubuhkan atau ditubuhkan semula pada bila-bila masa; dan mana-mana mesyuarat dan keputusannya adalah sah meskipun ada orang yang tidak berhak berbuat sedemikian mengambil bahagian dalam mesyuarat itu.

[S 65/04]

Mempengerusikan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri.

17. Jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak hadir, maka orang yang akan mempengerusikan mesyuarat itu hendaklah Ahli Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri yang hadir yang terdahulu dalam susunan keutamaan menurut Perkara 15.

[S 65/04]

Precedence.

15. The Members of the Council of Ministers shall have seniority and precedence amongst themselves in that Council as His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may assign.

[S 65/04]

Summoning and quorum.

16. (1) The Council of Ministers shall not be summoned except by the authority of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan.

(2) No business shall be transacted at any meeting of the Council of Ministers if there are less than 5 Members of the Council, besides His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan or other person presiding, present at the meeting, and His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan or other person presiding at the meeting has objected to the transaction of business on that account.

[S 65/04]

(3) The Council of Ministers shall not be disqualified from the transaction of business by reason of any vacancy amongst its Members, including any vacancy not filled when that Council is first constituted or is reconstituted at any time; and any proceedings therein and decisions taken therefrom shall be valid notwithstanding that some person who was not entitled to do so took part in the proceedings.

[S 65/04]

Presiding in Council of Ministers.

17. In the absence of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, the person who shall preside shall be the Member of the Council of Ministers present who stands first in order of precedence according to Article 15.

[S 65/04]

Perundingan dengan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri.

18. (1) Dalam menjalankan kuasa-kuasa Baginda dan melaksanakan kewajipan-kewajipan Baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perkara ini, berunding dengan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri.

[S 65/04]

(2) Fasal (1) tidak boleh dikenakan terhadap penggunaan atau perlaksanaan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mana-mana kuasa atau kewajipan, sama ada diberikan atau dikenakan ke atas Baginda oleh Perlembagaan ini atau oleh sebarang undang-undang bertulis, jika undang-undang yang dengan mana kuasa atau kewajipan itu diberikan atau dikenakan, memberi kuasa atau menghendaki Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menggunakan kuasa itu atau melaksanakan kewajipan itu setelah berunding dengan pihak berkuasa selain daripada Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri atau tidak menghendaki Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berunding dengan mana-mana pihak berkuasa.

[S 65/04]

(3) Dengan tidak menghiraukan Fasal (1), Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan adalah tidak dikehendaki untuk berunding dengan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri dalam hal-hal —

[S 65/04]

(a) jika pada fikiran Baginda, faedah Negara Brunei Darussalam mungkin terganggu kalau Baginda berunding dengan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri;

[S 65/04]

(b) jika perkara-perkara yang hendak diputuskan itu, pada fikiran Baginda, kurang sangat mustahaknya dan tidak berkehendakkan nasihat Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri; atau

(c) jika perkara-perkara yang hendak diputuskan itu, pada fikiran Baginda, mustahak disegerakan dan Baginda tidak sempat berunding dengan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri:

Consultation with Council of Ministers.

18. (1) In the exercise of his powers and the performance of his duties, His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall, subject to the provisions of this Article, consult with the Council of Ministers.

[S 65/04]

(2) Clause (1) shall not apply to the exercise or performance by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of any power or duty, whether conferred or imposed on him by this Constitution or by any written law, if the law by which that power or duty is conferred or imposed empowers or requires His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan to exercise that power or perform that duty after consultation with some authority other than the Council of Ministers or does not require His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan to consult with any authority.

[S 65/04]

(3) Notwithstanding Clause (1), His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall not be obliged to consult the Council of Ministers in cases —

[S 65/04]

(a) which are of such a nature that, in his judgment, Brunei Darussalam may sustain material prejudice by his consulting the Council of Ministers thereon;

[S 65/04]

(b) in which the matters to be decided are, in his judgment, too unimportant to require the advice of the Council of Ministers; or

(c) in which the matters to be decided are, in his judgment, too urgent to admit of the advice of the Council of Ministers being given by the time within which it may be necessary for him to act:

Dengan syarat bahawa, dalam setiap hal yang termasuk di bawah perenggan (c), Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah, dengan seberapa segeranya, memberitahu Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri mengenai langkah-langkah yang telah diambil oleh Baginda serta sebab langkah-langkah itu diambil.

(4) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah mempunyai kuasa untuk menetapkan agenda Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri.

[S 65/04]

Kebawah Duli Yang Maha Mulia tidak terikat untuk bertindak menurut nasihat Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri. [S 65/04]

19. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak terikat untuk bertindak menurut nasihat Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri, tetapi dalam sebarang hal yang sedemikian, Baginda hendaklah membuat catatan secara bertulis, untuk dimasukkan ke dalam minit-minit mesyuarat, sebab-sebab keputusan Baginda itu.

(2) Bilamana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bertindak bertentangan dengan nasihat Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri, maka mana-mana Ahli adalah berkuasa untuk menghendaki supaya dicatatkan di dalam minit-minit mesyuarat apa jua nasihat atau pendapat yang telah diberikan oleh Ahli itu atas masalah itu berserta dengan alasan-alasannya.

Keputusan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri. [S 65/04]

19A. Keputusan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri tidaklah sah melainkan jika diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Minit-minit mesyuarat.

20. (1) Minit-minit mesyuarat bagi semua mesyuarat Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri hendaklah disimpan.

(2) Seberapa segera yang boleh selepas minit-minit bagi sesuatu mesyuarat Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri telah disahkan, satu salinannya yang lengkap hendaklah disembahkan oleh Setiausaha kepada Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

[S 65/04]

Provided that, in every case falling within paragraph (c), His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall, as soon as practicable, inform the Council of Ministers of the measures which he has adopted with the reasons therefor.

(4) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall have the power to set the agenda of the Council of Ministers.

[S 65/04]

His Majesty not bound to act in accordance with the advice of Council of Ministers. [S 65/04]

19. (1) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan is not bound to act in accordance with the advice of the Council of Ministers, but in any such case, he shall record in writing, for inclusion in the minutes, the reasons for his decision.

(2) Whenever His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall so act against the advice of the Council of Ministers, any Member shall be competent to require that there be recorded upon the minutes any advice or opinion he may have given upon the question together with the reasons therefor.

Decision of Council of Ministers. [S 65/04]

19A. No decision of the Council of Ministers shall be valid unless approved by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan.

Minutes.

20. (1) Minutes shall be kept of all the proceedings of the Council of Ministers.

(2) As soon as practicable after the minutes of a meeting of the Council of Ministers have been confirmed, a full transcript thereof shall be transmitted by the Secretary to the Council of Ministers to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan.

[S 65/04]

Sumpah yang diangkat oleh Ahli-Ahli.

21. Tiap-tiap Ahli Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri, selain daripada Perdana Menteri, hendaklah, sebelum memulakan kewajipan-kewajipan jawatannya, mengangkat atau membuat di hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau orang lain yang diberi kuasa oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, suatu sumpah atau pengakuan dalam bentuk yang dinyatakan sebagai Borang III di dalam Jadual Pertama:

[S 65/04]

Dengan syarat bahawa seseorang yang dahulunya menjadi Ahli Majlis itu dilantik semula menjadi Ahli Majlis itu dalam masa sebulan selepas tamat lantikannya yang dahulu itu, maka dia boleh memulakan kewajipan jawatannya tanpa sekali lagi mengangkat atau membuat sumpah atau pengakuan tersebut.

[S 65/04]

Setiausaha kepada Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri. *[S 65/04]*

22. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah melantik seorang yang layak dan sesuai untuk menjadi Setiausaha kepada Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri, dan orang itu hendaklah memegang jawatan selama tempoh selagi diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(2) Sebelum memulakan kewajipan-kewajipan jawatannya, Setiausaha hendaklah mengangkat dan menandatangani di hadapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau Ahli lain yang mempergerusikan mesyuarat Majlis itu, suatu sumpah dalam bentuk yang dinyatakan sebagai Borang II di dalam Jadual Pertama.

Oath to be taken by Members.

21. Every Member of the Council of Ministers, other than the Prime Minister, shall, before entering upon the duties of his office, take or make before His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, or some other person authorised by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, an oath or declaration in the form set out as Form III in the First Schedule:

[S 65/04]

Provided that any person who, having previously been a Member of that Council, again becomes a Member of that Council within one month after the termination of his previous membership thereof may enter on the duties of his office without again taking or making such oath or declaration.

[S 65/04]

Secretary to Council of Ministers. *[S 65/04]*

22. (1) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall appoint some fit and proper person to be the Secretary to the Council of Ministers, and such person shall hold office during His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan's pleasure.

(2) Before entering upon the duties of the office, the Secretary shall take and subscribe before His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan or other Member presiding, an oath in the form set out as Form II in the First Schedule.

BAHAGIAN VI

MAJLIS MESYUARAT NEGARA

[S 65/04]

Penubuhan Majlis Mesyuarat Negara. *[S 65/04]*

23. Hendaklah diadakan Majlis Mesyuarat Negara yang ditubuhkan menurut peruntukan-peruntukan Bahagian ini.

Keanggotaan Majlis Mesyuarat Negara dan Ahli-Ahlinya. *[S 65/04]*

24. (1) Jadual Kedua mengenai keanggotaan Majlis Mesyuarat Negara dan ahli-ahlinya hendaklah berkuatkuasa.

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan Perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* menambah, membatalkan atau meminda peruntukan-peruntukan Jadual Kedua.

25. *Dimansuhkan.*

[S 65/04]

26. *Dimansuhkan.*

[S 65/04]

27. *Dimansuhkan.*

28. *Dimansuhkan.*

[S 65/04]

Kelayakan-kelayakan bagi Ahli-Ahli. *[S 65/04]*

29. Tertakluk kepada Perkara 30, mana-mana orang (selain daripada Pemangku Raja) yang menjadi warganegara Negara Brunei Darussalam dan telah mencapai umur 21 tahun adalah layak untuk menjadi seorang Ahli Majlis Mesyuarat Negara.

PART VI
LEGISLATIVE COUNCIL

[S 65/04]

Establishment of Legislative Council. *[S 65/04]*

23. There shall be established a Legislative Council (to be known in Malay as Majlis Mesyuarat Negara), constituted in accordance with the provisions of this Part.

Composition and Membership of Legislative Council. *[S 65/04]*

24. (1) The Second Schedule which concerns the composition and membership of the Legislative Council shall have effect.

(2) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may by Order published in the *Gazette* add to, revoke or amend the provisions of the Second Schedule.

25. *Repealed.*

[S 65/04]

26. *Repealed.*

[S 65/04]

27. *Repealed.*

28. *Repealed.*

[S 65/04]

Qualifications for Members. *[S 65/04]*

29. Subject to Article 30, any person (other than a Regent) who is a citizen of Brunei Darussalam and who has attained the age of 21 years shall be qualified to be a Member of the Legislative Council.

Pembatalan kelayakan bagi Ahli-Ahli. [S 65/04]

30. Tiada sesiapa pun layak untuk menjadi seorang Ahli Majlis Mesyuarat Negara jika —

- (a) dia oleh kerana perbuatannya sendiri telah mengaku taat setia kepada kuasa atau negara di luar Negara Brunei Darussalam, atau telah dengan sengaja memperolehi kerakyatan atau menggunakan hak-hak kerakyatan di sebuah negara asing, atau telah menunjukkan dirinya dengan perbuatan atau ucapan yang mempunyai maksud tidak taat setia atau benci terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;
- (b) dia telah diisyiharkan telah hilang akalnya di bawah sebarang undang-undang yang berkuatkuasa di dalam Negara Brunei Darussalam;
- (c) dia telah dijatuhi hukuman mati, penjara atau denda sebanyak \$1,000 atau lebih kerana sebarang kesalahan dengan nama apa pun juga disebut oleh sebuah mahkamah di Negara Brunei Darussalam atau di luar negeri;

Dengan syarat bahawa perenggan ini tidaklah boleh dikenakan kepada mana-mana orang —

- (i) sehingga masa untuk membuat suatu rayuan telah luput atau, jika suatu rayuan telah dibuat, sehingga rayuan tersebut telah ditolak atau rayuan tersebut telah dibenarkan dan hukuman yang diperuntukkan di bawah perenggan (c) telah diketepikan oleh mahkamah rayuan;
- (ii) yang telah dijatuhi hukuman denda sebagaimana yang tersebut di atas yang disabitkan atas suatu kesalahan yang tidak melibatkan apa jua unsur ketidakjujuran, penipuan atau kekurangan akhlak;
- (iii) yang telah mendapat pengampunan kerana kesalahan itu;
- (iv) jika 3 tahun atau lebih telah limpas sejak tamatnya hukuman penjaranya atau pengenaan denda kepadanya; atau

Disqualification for Members. [S 65/04]

30. No person shall be qualified to be a Member of the Legislative Council who —

(a) is, due to his own act, under any acknowledgement of allegiance, obedience or loyalty to a power or state outside Brunei Darussalam, or has voluntarily acquired the citizenship of or has exercised rights of citizenship in a foreign country, or has shown himself by act or speech to have the intent to be disloyal or disaffected towards His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan;

(b) is a person declared to be of unsound mind under any law in force in Brunei Darussalam;

(c) has been sentenced by a court in Brunei Darussalam or elsewhere, to death, imprisonment or to a fine of \$1,000 or more for any offence by whatever name called:

Provided that this paragraph shall not apply to any person —

- (i) until the time for lodging an appeal has lapsed or, if an appeal has been lodged, until such appeal has been dismissed or the appeal has been allowed and the sentence provided for under paragraph (c) has been set aside by the appellate court;
- (ii) who has been sentenced to a fine as aforesaid which conviction is for an offence which does not involve any element of dishonesty, fraud or moral turpitude;
- (iii) who has received a free pardon for that offence;
- (iv) if 3 years or more have elapsed since the termination of his imprisonment or the imposition of the fine on him; or

- (v) jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah memerintahkan supaya orang itu tidak dikenakan perenggan ini setelah Baginda menimbangkan dengan sepenuhnya hal keadaan tersebut;
- (d) dia adalah seorang bankrap yang belum dilepaskan, setelah dia dihukum atau pun diisyiharkan bankrap di bawah sebarang undang-undang yang berkuatkuasa di Negara Brunei Darussalam atau di luar negeri;
- (e) dia adalah seorang yang telah murtad menurut *Hukum Syara'*; atau
- (f) dia dibatalkan kelayakannya di bawah sebarang undang-undang berhubung dengan kesalahan-kesalahan yang berkaitan dengan pemilihan ke dalam Majlis Mesyuarat Negara kerana telah disabitkan atas kesalahan tersebut atau telah dibuktikan bersalah kerana melakukan sesuatu perbuatan yang menjadi kesalahan tersebut dalam perbicaraan berhubung dengan pemilihan tersebut.

Tempoh memegang jawatan dan pengosongan kerusi. [S 65/04]

31. (1) Tiap-tiap Ahli Majlis Mesyuarat Negara akan menduduki kerusinya dalam Majlis Mesyuarat Negara selama tempoh selagi diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

[S 65/04]

(2) Tiap-tiap Ahli Majlis Mesyuarat Negara hendaklah terhenti daripada menjadi Ahli apabila Majlis itu dibubarkan setelah dia dilantik atau jika kerusinya itu terkosong di bawah Perlembagaan ini.

[S 65/04]

(3) Kerusi seseorang Ahli akan terkosong —

[S 65/04]

(a) jika dia dilantik menjadi Pemangku Raja;

(b) jika dia memohon berhenti daripada menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negara, dengan surat yang ditandatanganinya dan dialamatkannya kepada Jurutulis kepada Majlis Mesyuarat Negara;

[S 65/04]

- (v) in respect of whom His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan has, after full consideration of the circumstances, directed that this paragraph shall not apply;
- (d) is an undischarged bankrupt, having been adjudged or otherwise declared bankrupt under any law in force in Brunei Darussalam or elsewhere;
- (e) is a *murtad* in accordance with the *Hukum Syara'*; or
- (f) is disqualified under any law relating to offences in connection with elections to the Legislative Council by reason of having been convicted of such an offence or having in proceedings relating to such an election been proved guilty of an act constituting such an offence.

Tenure of office and vacation of seats. *[S 65/04]*

31. (1) Every Member of the Legislative Council shall hold his seat therein during His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan's pleasure.

[S 65/04]

(2) Every Member of the Legislative Council shall cease to be a Member when that Council is dissolved after he has been appointed or if his seat shall become vacant under this Constitution.

[S 65/04]

(3) The seat of a Member shall become vacant —

[S 65/04]

(a) if he shall be appointed as a Regent;

(b) if he shall, by writing under his hand addressed to the Clerk of the Legislative Council, resign his seat in the Legislative Council;

[S 65/04]

(c) jika dia, kecuali dalam hal Ahli Rasmi Kerana Jawatan, tidak hadir dalam 2 mesyuarat Majlis Mesyuarat Negara berturut-turut tanpa mendapat keizinan daripada Yang Di-Pertua untuk tidak hadir atau untuk terus tidak hadir dalam mesyuarat tersebut, sebelum tamatnya salah satu mesyuarat tersebut; atau

[S 65/04]

(d) dimansuhkan;

[S 65/04]

(e) dimansuhkan;

[S 65/04]

(f) jika timbul sebarang keadaan yang, jika dia bukan seorang Ahli Majlis Mesyuarat Negara, akan menyebabkan dibatalkan kelayakannya di bawah Perkara 30.

[S 65/04]

(4) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau Majlis Mesyuarat Negara boleh, dengan alasan yang pada pendapat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau Majlis itu sebagai memuaskan dan memadai, mengisyiharkan mana-mana Ahli Majlis itu tidak berkeupayaan melaksanakan tugas-tugasnya sebagai seorang Ahli Majlis itu, dan setelah itu, Ahli tersebut tidak boleh duduk di dalam atau mengambil bahagian di dalam mesyuarat-mesyuarat Majlis itu sehingga dia diisyiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau Majlis itu sekali lagi berkeupayaan melaksanakan tugas-tugasnya:

Dengan syarat bahawa jika Ahli tersebut diisyiharkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak berkeupayaan melaksanakan tugas-tugasnya, Majlis Mesyuarat Negara tidaklah mempunyai kuasa untuk mengisyiharkan Ahli tersebut sekali lagi berkeupayaan melaksanakan tugas-tugasnya tanpa terlebih dahulu mendapat titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

[S 65/04]

(c) if he, except in the case of an *ex-officio* Member, shall be absent from 2 consecutive meetings of the Legislative Council without having obtained from the Speaker, before the termination of either of such meetings, permission to be or to remain absent therefrom; or

[S 65/04]

(d) repealed;

[S 65/04]

(e) repealed;

[S 65/04]

(f) if any circumstances arise which, if he were not a Member of the Legislative Council, would cause him to be disqualified under Article 30.

[S 65/04]

(4) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan or the Legislative Council may, for such reason as may appear to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan or that Council to be good and sufficient, declare any Member of that Council to be incapable of discharging his functions as a Member of that Council, and thereupon, such Member shall not sit in or take part in the proceedings of that Council until he is declared by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan or that Council to be again capable of discharging his functions:

Provided that where the Member is declared by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan to be incapable of discharging his functions, the Legislative Council shall not have the power to declare such Member to be again capable of discharging his functions without the prior approval of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan.

[S 65/04]

(5) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau Majlis Mesyuarat Negara boleh, dengan alasan yang pada pendapat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau Majlis itu sebagai memuaskan dan memadai, menggantung mana-mana Ahli daripada menjalankan tugas-tugasnya, dan hak-hak dan keistimewaan-keistimewaananya sebagai seorang Ahli Majlis itu, dan, setelah itu, Ahli tersebut tidak boleh duduk di dalam atau mengambil bahagian di dalam mesyuarat-mesyuarat Majlis itu sehingga penggantungan Ahli tersebut daripada menjalankan tugas-tugasnya itu ditamatkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau Majlis itu:

Dengan syarat bahawa jika Ahli tersebut digantung daripada menjalankan tugas-tugasnya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Majlis Mesyuarat Negara tidaklah mempunyai kuasa untuk menamatkan penggantungan Ahli tersebut daripada menjalankan tugas-tugasnya tanpa terlebih dahulu mendapat titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

[S 65/04]

(6) Mana-mana orang yang berhenti menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negara boleh, jika layak, dilantik semula sebagai Ahli, atau dipilih menjadi Ahli.

[S 65/04]

(7) *Dimansuhkan.*

[S 65/04]

(8) *Dimansuhkan.*

[S 65/04]

Keputusan tentang persoalan mengenai keahlian Majlis Mesyuarat Negara. [S 65/04]

32. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sahaja yang mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan sebarang persoalan mengenai sama ada —

(a) mana-mana orang telah secara sah dibatalkan kelayakannya sebagai seorang Ahli Majlis Mesyuarat Negara;

(5) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan or the Legislative Council may, for such reason as may appear to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan or that Council to be good and sufficient, suspend any Member, from the exercise of his functions and his rights and privileges, as a Member of that Council, and thereupon, such Member shall not sit in or take part in the proceedings of that Council until the suspension is ended by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan or that Council:

Provided that where the Member is suspended by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, the Legislative Council shall not have the power to end the suspension of such Member without the prior approval of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan.

[S 65/04]

(6) Any person vacating his seat as a Member of the Legislative Council may, if qualified, be again appointed as, or elected to be, a Member.

[S 65/04]

(7) *Repealed.*

[S 65/04]

(8) *Repealed.*

[S 65/04]

Decisions of questions as to membership of Legislative Council. [S 65/04]

32. His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall have exclusive jurisdiction to determine any question on whether —

(a) any person has been validly disqualified to be a Member of the Legislative Council;

- (b) mana-mana Ahli Majlis Mesyuarat Negara telah secara sah dilantik atau dipilih sebagai seorang Ahli, atau dipecat dari Majlis itu;
- (c) mana-mana Ahli Majlis Mesyuarat Negara telah secara sah diisyiharkan tidak berkeupayaan melaksanakan tugas-tugasnya atau digantung dari Majlis Mesyuarat Negara; atau
- (d) mana-mana Ahli Majlis Mesyuarat Negara telah mengosongkan kerusinya dalam Majlis itu.

Lantikan-lantikan sementara.

33. (1) Jika pada masa itu —

- (a) salah seorang daripada Ahli-Ahli itu dilantik menjadi Pemangku Raja;
- (b) dimansuhkan;
[S 65/04]
- (c) dimansuhkan;
[S 65/04]
- (d) kerusi bagi seorang Ahli adalah kosong selain daripada disebabkan oleh pembubaran Majlis Mesyuarat Negara;
[S 65/04]
- (e) seseorang Ahli itu tidak boleh duduk di dalam Majlis Mesyuarat Negara akibat dari suatu pengisytiharan atau penggantungan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau Majlis itu, sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal (4) atau (5) Perkara 31; atau
[S 65/04]
- (f) dimansuhkan;
[S 65/04]
- (g) dimansuhkan;
[S 65/04]
- (h) dimansuhkan;
[S 65/04]

- (b) any Member of the Legislative Council has been validly appointed or elected as a Member of, or dismissed from that Council;
- (c) any Member of the Legislative Council has been validly declared to be incapable of discharging his functions or suspended from the Legislative Council; or
- (d) any such Member of the Legislative Council has vacated his seat therein.

Temporary appointments.

33. (1) Where for the time being —

(a) one of the Members is appointed to act as Regent;

(b) *repealed*;

[S 65/04]

(c) *repealed*;

[S 65/04]

(d) the seat of a Member is vacant otherwise than by reason of a dissolution of the Legislative Council;

[S 65/04]

(e) a Member is unable to sit in the Legislative Council in consequence of a declaration or suspension by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan or that Council, as provided in Clause (4) or (5) of Article 31; or

[S 65/04]

(f) *repealed*;

[S 65/04]

(g) *repealed*;

[S 65/04]

(h) *repealed*;

[S 65/04]

(i) kerusi bagi seorang Ahli akan menjadi kosong atas apa jua alasan pun,

[S 65/04]

maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan Surat Perintah yang dicap dengan Mohor Kerajaan, melantik seseorang itu untuk menjadi Ahli selama tempoh kekosongan itu.

[S 65/04]

(2) *Dimansuhkan.*

[S 65/04]

(3) Tiap-tiap orang yang dilantik demikian, selagi lantikannya itu ada, adalah disifatkan sebagai seorang Ahli Majlis Mesyuarat Negara, dan Bahagian VI hendaklah dengan itu dikenakan kepadanya.

[S 65/04]

(4) *Dimansuhkan.*

[S 65/04]

(5) Bagi maksud-maksud Perkara ini, mana-mana lantikan sementara hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa setelah orang yang dilantik itu diberitahu oleh Jurutulis kepada Majlis Mesyuarat Negara mengenai pembatalan lantikan tersebut, atau setelah lantikan itu digantikan dengan lantikan seseorang secara tetap bagi memenuhi kekosongan itu.

[S 65/04]

Kehadiran orang-orang bukan Ahli dalam Majlis Mesyuarat Negara.

34. (1) Apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau Yang Di-Pertua menghendaki nasihat daripada mana-mana orang di dalam Negara Brunei Darussalam mengenai sebarang perkara yang hendak dibentangkan di hadapan Majlis Mesyuarat Negara, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau Yang Di-Pertua, mengikut mana yang berkenaan, boleh menghendaki mana-mana orang itu untuk menghadiri Majlis itu bagi maksud tersebut.

[S 65/04]

(i) the seat of a Member shall become vacant for whatever reason,

[S 65/04]

His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may, by Instrument under the State Seal, appoint a person to be a Member for the period of such vacancy.

[S 65/04]

(2) *Repealed.*

[S 65/04]

(3) Every person so appointed shall, so long as his appointment shall subsist, for all intents and purposes be a Member of the Legislative Council, and Part VI shall apply to him accordingly.

[S 65/04]

(4) *Repealed.*

[S 65/04]

(5) For the purposes of this Article, any temporary appointment shall cease to have effect on notification by the Clerk to the Legislative Council to the person appointed of the revocation of the appointment, or on the supersession of the appointment by the definitive appointment of a person to fill the vacancy.

[S 65/04]

Attendance at Legislative Council of non-Members.

34. (1) Whenever His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan or the Speaker desires to obtain the advice of any person in Brunei Darussalam touching on any business about to be brought before the Legislative Council, His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan or the Speaker, as the case may be, may summon any such person to attend that Council for such purpose.

[S 65/04]

(2) Mana-mana orang yang dikehendaki hadir itu boleh, dengan kebenaran Yang Di-Pertua dan tertakluk kepada Peraturan-Peraturan Mesyuarat, memberi ucapan di hadapan Majlis itu tetapi, kecuali sebagaimana yang disebutkan di atas, dia tidaklah boleh mengambil bahagian dalam persidangan Majlis itu.

[S 65/04]

35. Dimansuhkan.

[S 65/04]

36. Dimansuhkan.

[S 65/04]

Yang Di-Pertua dan Timbalan Yang Di-Pertua. [S 65/04]

37. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan Surat Perintah yang dicap dengan Mohor Kerajaan, melantik seorang Yang Di-Pertua bagi Majlis Mesyuarat Negara sama ada daripada kalangan Ahli-Ahli Majlis itu atau pun daripada kalangan orang-orang yang bukan Ahli Majlis itu.

[S 65/04]

(1A) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan Surat Perintah yang dicap dengan Mohor Kerajaan melantik seorang Timbalan Yang Di-Pertua bagi Majlis Mesyuarat Negara daripada kalangan Ahli-Ahli Majlis itu atau pun daripada kalangan orang-orang yang bukan Ahli Majlis itu.

[S 65/04]

(2) Mana-mana orang yang dilantik sebagai Yang Di-Pertua atau Timbalan Yang Di-Pertua akan memegang jawatan itu selama tempoh selagi diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan, tertakluk kepadanya, selama tempoh sebagaimana yang mungkin ditentukan dalam Surat Perintah yang melantiknya:

[S 65/04]

Dengan syarat bahawa Yang Di-Pertua atau Timbalan Yang Di-Pertua boleh, dengan surat yang ditandatanganinya dan disembahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, meletakkan jawatannya dan, dalam hal seorang Yang Di-Pertua atau Timbalan Yang Di-Pertua yang dilantik daripada

(2) Any person so required may, with the permission of the Speaker and subject to Standing Orders, address that Council but, save as aforesaid, shall take no part in the proceedings thereof.

[S 65/04]

35. *Repealed.*

[S 65/04]

36. *Repealed.*

[S 65/04]

Speaker and Deputy Speaker. [S 65/04]

37. (1) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may, by Instrument under the State Seal, appoint a Speaker of the Legislative Council either from among the Members of that Council or from among persons who are not Members thereof.

[S 65/04]

(1A) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may by Instrument under the State Seal appoint a Deputy Speaker of the Legislative Council from among the Members of that Council or from among persons who are not Members thereof.

[S 65/04]

(2) Any person appointed as Speaker or Deputy Speaker shall hold office during His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan's pleasure and, subject thereto, for such period as may be specified in the Instrument by which he is appointed:

[S 65/04]

Provided that the Speaker or Deputy Speaker may, by writing under his hand addressed to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, resign his office and, in the case of a Speaker or Deputy Speaker appointed from

kalangan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara, dia hendaklah meletakkan jawatannya jika dia berhenti daripada menjadi Ahli Majlis itu.

[S 65/04]

Yang Di-Pertua atau Timbalan Yang Di-Pertua hendaklah menghadiri dan mempengerusikan mesyuarat. [S 65/04]

38. Yang Di-Pertua atau Timbalan Yang Di-Pertua mengikut mana yang berkenaan, hendaklah seboleh-bolehnya, menghadiri dan mempengerusikan semua mesyuarat Majlis Mesyuarat Negara dan jika mereka tidak hadir, mesyuarat itu hendaklah dipengerusikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang dilantik pada amnya atau khasnya oleh Yang Di-Pertua atau Timbalan Yang Di-Pertua setelah berunding dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

BAHAGIAN VII

PENGGUBALAN UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN DALAM MAJLIS MESYUARAT NEGARA

Kuasa untuk membuat undang-undang. [S 65/04]

39. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang bagi keamanan, ketenteraman, keselamatan dan pemerintahan yang baik Negara Brunei Darussalam.

Mengemukakan Rang Undang-Undang. [S 65/04]

40. (1) Tertakluk kepada Perlembagaan ini dan Peraturan-Peraturan Mesyuarat, mana-mana Ahli Majlis Mesyuarat Negara boleh mengemukakan sebarang Rang Undang-Undang atau mencadangkan sebarang usul untuk dibahaskan di dalam, atau membentangkan sebarang petisyen kepada Majlis Mesyuarat Negara; dan Rang Undang-Undang, usul atau petisyen tersebut hendaklah dibahaskan dan diselesaikan menurut Peraturan-Peraturan Mesyuarat.

[S 65/04]

(2) *Dimansuhkan.*

[S 65/04]

among the Members of the Legislative Council, shall vacate his office if he ceases to be a Member of that Council.

[S 65/04]

Speaker or Deputy Speaker to attend and preside. [S 65/04]

38. The Speaker or the Deputy Speaker, as the case may be, shall so far as practicable, attend and preside at all meetings of the Legislative Council, and in their absence such Member of that Council as the Speaker or Deputy Speaker may, after consultation with His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, generally or specially appoint, shall preside.

PART VII

LEGISLATION AND PROCEDURE IN THE LEGISLATIVE COUNCIL

Power to make laws. [S 65/04]

39. His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall have the power to make laws for the peace, order, security and good government of Brunei Darussalam.

Introduction of Bills. [S 65/04]

40. (1) Subject to this Constitution and to the Standing Orders, any Member of the Legislative Council may introduce any Bill or propose any motion for debate in, or present any petition to the Legislative Council; and such Bill, motion or petition shall be debated and disposed of in accordance with the Standing Orders.

[S 65/04]

(2) *Repealed.*

[S 65/04]

(3) *Dimansuhkan.*

[S 65/04]

Penyiaran Rang Undang-Undang. [S 65/04]

41. (1) Kecuali jika mesti digegaskan dengan diperakui secara bertulis oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, setiap Rang Undang-Undang hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Dalam masa 7 hari dari tarikh sesuatu Rang Undang-Undang itu disiarkan dalam *Warta Kerajaan* atau dari tarikh mana-mana perakuan di bawah Fasal (1), Rang Undang-Undang tersebut hendaklah dibentangkan di atas meja dalam Majlis Mesyuarat Negara sama ada Majlis Mesyuarat Negara itu sedang bersidang atau tidak.

Jenis Rang Undang-Undang, usul dan petisyen yang tidak boleh dibahaskan tanpa titah perkenan. [S 65/04]

42. (1) Kecuali dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang didapatkan terlebih dahulu, seseorang Ahli Majlis Mesyuarat Negara tidaklah boleh memperkenalkan atau mencadangkan, dan Majlis Mesyuarat Negara tidaklah boleh membahaskan, sebarang Rang Undang-Undang, apa-apa pindaan kepada sebarang Rang Undang-Undang, usul, petisyen atau urusan yang, pada pendapat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, termasuk dalam mana-mana jenis yang berikut —

(a) sebarang Rang Undang-Undang, usul, petisyen atau urusan berkenaan dengan pengeluaran Wang Kertas Bank atau penubuhan mana-mana Persatuan Bank atau pindaan kepada perlembagaannya;

(b) sebarang Rang Undang-Undang, usul, petisyen atau urusan yang nampak berlawanan dengan tanggungan-tanggungan yang dikenakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan oleh Triti atau Perjanjian dengan kuasa atau Negara lain;

(c) sebarang Rang Undang-Undang, usul, petisyen atau urusan berkenaan dengan perkara-perkara pertahanan atau keselamatan awam;

(3) *Repealed.*

[S 65/04]

Publication of Bills. [S 65/04]

41. (1) Save in a case of urgency to be certified in writing by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, every Bill shall be published in the *Gazette*.

(2) Within 7 days of the publication of a Bill in the *Gazette* or of the date of any certificate under Clause (1), the Bill shall be laid on the table of the Legislative Council whether or not that Council is sitting.

Description of Bills, motions and petitions not to proceed without approval. [S 65/04]

42. (1) Except with the prior approval of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, a Member of the Legislative Council shall not introduce or propose, and the Legislative Council shall not proceed upon, any Bill, any amendment to any Bill, or any motion, petition or business which, in the opinion of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, falls within any of the following classes —

(a) any Bill, motion, petition or business relating to the issue of Bank Notes or the establishment of any Bank Association or the amendment of the constitution thereof;

(b) any Bill, motion, petition or business which shall appear inconsistent with obligations imposed upon His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan by Treaty or Agreement with another power or State;

(c) any Bill, motion, petition or business relating to questions of defence or public security;

- (d) sebarang Rang Undang-Undang, usul, petisyen atau urusan yang mungkin mempunyai kesan merendahkan atau menjelaskan secara langsung atau tidak langsung hak-hak, kedudukan, budibicara, kuasa-kuasa, keistimewaan-keistimewaan, kedaulatan atau hak mutlak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Pengganti-Pengganti Baginda, Permaisuri Baginda atau ahli-ahli Kerabat Di-Raja yang lain;
- (e) sebarang Rang Undang-Undang, usul, petisyen atau urusan yang mungkin mempunyai kesan merendahkan atau menjelaskan secara langsung atau tidak langsung kedudukan atau keunggulan Falsafah Negara Melayu Islam Beraja (dikenali dalam bahasa Inggeris sebagai *Malay Islamic Monarchy*);
- (f) sebarang Rang Undang-Undang, usul, petisyen atau urusan yang akan memperuntukkan atau secara langsung atau tidak langsung menyentuh kewangan atau matawang Negara Brunei Darussalam;
- (g) sebarang Rang Undang-Undang, usul, petisyen atau urusan yang akan memperuntukkan atau secara langsung atau tidak langsung menyentuh penyelesaian atau penghapusan apa jua hutang yang kena dibayar kepada Negara Brunei Darussalam;
- (h) sebarang Rang Undang-Undang, usul, petisyen atau urusan yang akan memperuntukkan atau secara langsung atau tidak langsung menyentuh penyimpanan Kumpulanwang Yang Disatukan, perbelanjaan yang dikeluarkan dari Kumpulanwang Yang Disatukan atau penghapusan mana-mana perbelanjaan tersebut;
- (i) sebarang Rang Undang-Undang, usul, petisyen atau urusan yang akan memperuntukkan atau secara langsung atau tidak langsung menyentuh pembayaran wang ke dalam Kumpulanwang Yang Disatukan atau pembayaran, pengeluaran atau pengambilan dari Kumpulanwang Yang Disatukan mana-mana wang yang tidak dikenakan ke atasnya, atau sebarang perubahan kepada jumlah pembayaran, pengeluaran atau pengambilan yang tersebut selain daripada mengurangkannya;
- (j) sebarang Rang Undang-Undang, usul, petisyen atau urusan yang akan memperuntukkan atau secara langsung atau tidak langsung menyentuh penerimaan wang bagi faedah Kumpulanwang Yang Disatukan atau penyimpanan atau pengeluaran wang tersebut, atau pengauditan akaun-akaun Negara Brunei Darussalam;

- (d) any Bill, motion, petition or business that may have the effect of lowering or adversely affect directly or indirectly the rights, position, discretion, powers, privileges, sovereignty or prerogatives of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, his Successors, His Consort or other members of the Royal Family;
- (e) any Bill, motion, petition or business that may have the effect of lowering or adversely affect directly or indirectly the standing or prominence of the National Philosophy of *Melayu Islam Beraja* (known in English as Malay Islamic Monarchy);
- (f) any Bill, motion, petition or business which would provide for or directly or indirectly affect the finances or currency of Brunei Darussalam;
- (g) any Bill, motion, petition or business which would provide for or directly or indirectly affect the compounding or remitting of any debt due to Brunei Darussalam;
- (h) any Bill, motion, petition or business which would provide for or directly or indirectly affect the custody of the Consolidated Fund, the charging of any money on the Consolidated Fund or the abolition of any such charge;
- (i) any Bill, motion, petition or business which would provide for or directly or indirectly affect the payment of moneys into the Consolidated Fund or the payment, issue or withdrawal from the Consolidated Fund of any moneys not charged thereon, or any alteration in any such payment, issue or withdrawal otherwise than by reducing it;
- (j) any Bill, motion, petition or business which would provide for or directly or indirectly affect the receipt of moneys on account of the Consolidated Fund or the custody or issue of such moneys, or the audit of the accounts of Brunei Darussalam;

(k) sebarang Rang Undang-Undang, usul, petisyen atau urusan yang akan memperuntukkan atau secara langsung atau tidak langsung menyentuh peminjaman wang, atau pemberian mana-mana jaminan oleh Negara Brunei Darussalam, atau pindaan undang-undang yang berhubung dengan kewajipan-kewajipan kewangan Negara Brunei Darussalam; atau

(l) sebarang Rang Undang-Undang, usul, petisyen atau urusan yang akan memperuntukkan atau secara langsung atau tidak langsung menyentuh penyerahan hak mana-mana cukai atau bayaran.

(2) Suatu Rang Undang-Undang, pindaan kepada suatu Rang Undang-Undang, atau sebarang usul, petisyen atau urusan tidaklah boleh dianggap sebagai membuat peruntukan bagi sebarang perkara yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan (f) hingga (l) Fasal (1) hanya kerana ia memperuntukkan —

(a) bagi pengenaan atau pengubahan sebarang denda atau hukuman lain dengan wang atau bagi pembayaran atau tuntutan bagi bayaran lesen, atau bayaran atau caj kerana sebarang perkhidmatan yang diberikan; atau

(b) bagi pengenaan, pengubahan atau pengawalseliaan sebarang cukai atau cukai pintu yang mesti dibayar kepada pihak berkuasa atau badan tempatan bagi maksud-maksud tempatan.

(3) Titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berkenaan dengan sebarang Rang Undang-Undang atau pindaan kepada sebarang Rang Undang-Undang, atau sebarang usul, petisyen atau urusan, di bawah Fasal (1) boleh dinyatakan pada bila-bila masa sebelum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan memperkenankannya, dan boleh, jika diberikan dalam masa Majlis Mesyuarat Negara sedang bersidang, diberikan secara bertulis melalui mana-mana Menteri.

(4) Bagi maksud Fasal (1), Yang Di-Pertua, atau Timbalan Yang Di-Pertua jika Yang Di-Pertua tidak hadir, boleh pada bila-bila masa atas budibicaranya, menangguhkan persidangan Majlis Mesyuarat Negara atau menggantung persidangannya bagi mendapatkan nasihat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mengenai sebarang Rang Undang-Undang, pindaan kepada sebarang Rang Undang-Undang, atau sebarang usul, petisyen atau urusan.

(k) any Bill, motion, petition or business which would provide for or directly or indirectly affect the borrowing of money, or the giving of any guarantee by Brunei Darussalam, or the amendment of the law relating to the financial obligations of Brunei Darussalam; or

(l) any Bill, motion, petition or business which would provide for or directly or indirectly affect the assignment of any tax or fee.

(2) A Bill, amendment to a Bill, or any motion, petition or business shall not be deemed to make provision for any of the matters specified in paragraphs (f) to (l) of Clause (1) by reason only that it provides —

(a) for the imposition or alteration of any fine or other pecuniary penalty or for the payment or demand of a licence fee, or a fee or charge for any service rendered; or

(b) for the imposition, alteration or regulation of any tax or rate by any local authority or body for local purposes.

(3) The approval of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan in relation to any Bill or amendment to any Bill, or any motion, petition or business, under Clause (1) may be expressed at any time before His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan has assented thereto, and may, if given while the Legislative Council is sitting, be given in writing through any Minister.

(4) For the purpose of Clause (1), the Speaker, or Deputy Speaker in the absence of the Speaker, may at any time in his discretion, adjourn the Legislative Council or suspend the sitting so as to obtain the advice of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan on any Bill, amendment to any Bill, or any motion, petition or business.

Pengundian.

43. (1) Tertakluk kepada Fasal-Fasal (3), (4) dan (5), semua persoalan yang dicadangkan untuk diputuskan dalam Majlis Mesyuarat Negara hendaklah diputuskan dengan kelebihan undi daripada Ahli-Ahli yang hadir dan mengundi.

[S 65/04]

(2) Yang Di-Pertua dan, jika dia tidak hadir Timbalan Yang Di-Pertua, dan jika Timbalan Yang Di-Pertua tidak hadir, Ahli yang mempengerusikan mesyuarat hendaklah mempunyai undi asal dan hendaklah sebagai tambahan, jika atas sebarang persoalan bilangan undi sama banyaknya, mempunyai dan menggunakan undi pemutus.

[S 65/04]

(3) Jika, setelah membahaskan suatu Rang Undang-Undang, Majlis Mesyuarat Negara membuat ketetapan supaya Rang Undang-Undang itu ditolak (ketetapan itu hendaklah selepas ini disebut sebagai “ketetapan menolak”) maka Fasal (4) hendaklah dipakai.

[S 65/04]

(4) Jika Majlis Mesyuarat Negara meluluskan suatu ketetapan menolak, maka Yang Di-Pertua hendaklah, dalam masa 14 hari dari ketetapan itu diluluskan, menyembahkan suatu laporan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan memberikan suatu ringkasan perbahasan itu dan alasan-alasan bagi ketetapan itu.

[S 65/04]

(5) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, setelah menimbangkan laporan daripada Yang Di-Pertua, boleh, walaupun terdapat ketetapan menolak tersebut, mengisyiharkan bahawa Rang Undang-Undang itu hendaklah berkuatkuasa sebagai suatu Akta sama ada dalam bentuk ia telah dicadangkan atau dengan pindaan-pindaan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, mulai dari suatu tarikh yang akan ditentukan dalam *Warta Kerajaan*.

[S 65/04]

Voting.

43. (1) Subject to Clauses (3), (4) and (5), all questions proposed for decision in the Legislative Council shall be determined by a majority of the votes of the Members present and voting.

[S 65/04]

(2) The Speaker and, in his absence the Deputy Speaker, and in his absence, the Member presiding shall have an original vote and shall in addition, if upon any question for which the votes are equally divided, have and exercise a casting vote.

[S 65/04]

(3) If, having debated a Bill, the Legislative Council resolves that the Bill shall be rejected (such resolution shall hereinafter be referred to as a “negative resolution”) then Clause (4) shall apply.

[S 65/04]

(4) If the Legislative Council passes a negative resolution, the Speaker shall, within 14 days of the passing of that resolution, submit a report to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan giving a summary of the debate and the reasons for such resolution.

[S 65/04]

(5) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, having considered the report of the Speaker may, notwithstanding the negative resolution, declare that the Bill shall have effect as an Act either in the form in which it was introduced or with such amendments as His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall think fit, from a date to be specified in the *Gazette*.

[S 65/04]

Tempat-tempat kosong dan korum.

44. (1) Majlis Mesyuarat Negara tidak akan hilang kelayakannya dari menjalankan urusan disebabkan ada kekosongan di antara Ahli-Ahlinya, termasuk sebarang kekosongan yang tidak dipenuhi ketika Majlis itu mula-mula ditubuhkan atau ditubuhkan semula pada bila-bila masa; dan sebarang persidangannya adalah sah meskipun ada orang yang tidak berhak berbuat demikian telah duduk atau mengundi dalam Majlis itu, atau pun selainnya mengambil bahagian dalam persidangannya itu.

[S 65/04]

(2) Jika, pada sebarang persidangan Majlis Mesyuarat Negara, mana-mana Ahli yang hadir menarik perhatian orang yang mempengerusikan persidangan itu bahawa kurang dari satu pertiga daripada Ahli-Ahli hadir selain daripada mana-mana Ahli yang mempengerusikan persidangan itu dan, selepas masa rehat, jika ada, sebagaimana yang mungkin diperuntukkan oleh Peraturan-Peraturan Mesyuarat, orang yang mempengerusikan persidangan itu berpuas hati bahawa bilangan Ahli yang hadir adalah kurang dari bilangan yang tersebut, maka persidangan Majlis itu hendaklah ditangguhkan.

[S 65/04]

(3) Penentuan jumlah seramai satu pertiga yang disebut dalam Fasal (2) hendaklah menurut Peraturan-Peraturan Mesyuarat.

[S 65/04]

Memperkenankan Rang Undang-Undang. [S 65/04]

45. (1) Apabila sebarang Rang Undang-Undang telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negara, Rang Undang-Undang itu hendaklah hanya menjadi undang-undang sama ada dalam bentuk ia telah diluluskan atau dengan pindaan-pindaan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan memperkenankan, menandatangani dan memeterai Rang Undang-Undang itu dengan Mohor Kerajaan.

(2) Sekiranya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan meminda Rang Undang-Undang itu setelah ia diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negara, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidaklah dikehendaki untuk merujukkan balik Rang Undang-Undang itu kepada Majlis Mesyuarat Negara.

Vacancies and quorum.

44. (1) The Legislative Council shall not be disqualified from the transaction of business by reason of any vacancy among the Members, including any vacancy not filled when that Council is first constituted or reconstituted at any time; and any proceedings therein shall be valid notwithstanding that some person who was not entitled to do so sat or voted in that Council, or otherwise took part in those proceedings.

[S 65/04]

(2) If, at any sitting of the Legislative Council, any Member who is present draws the attention of the person presiding at the sitting to the fact that less than one-third of the Members are present apart from any Member presiding and, after such interval, if any, as may be provided for by the Standing Orders, the person presiding is satisfied that there are less than that number of Members so present, the sitting shall be adjourned.

[S 65/04]

(3) The calculation of one-third referred to in Clause (2) shall be in accordance with the Standing Orders.

[S 65/04]

Assent to Bills. [S 65/04]

45. (1) When any Bill has been passed by the Legislative Council, such Bill shall only become law either in the form in which it was passed or with such amendments as His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall think fit, if His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan assents to, signs and seals the Bill with the State Seal.

(2) In the event His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan amends the Bill after it has been passed by the Legislative Council, His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall not be required to refer the Bill back to the Legislative Council.

(3) Suatu undang-undang yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh Baginda mengurniakan perkenan, atau, jika ia diperbuat sama ada dalam undang-undang itu atau dalam suatu undang-undang lain (termasuk sebarang undang-undang yang berkuatkuasa pada permulaan kuatkuasa Bahagian ini) bahawa ia hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada suatu tarikh lain, pada tarikh itu.

Gelaran kepada undang-undang dan perkataan-perkataan memperbuatnya.

46. Semua undang-undang hendaklah digelar Akta dan perkataan-perkataan memperbuatnya hendaklah “Adalah diperbuat undang-undang oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan nasihat dan persetujuan Majlis Mesyuarat Negara seperti berikut:”.

[S 65/04]

Kuasa-kuasa yang tersimpan. *[S 65/04]*

47. (1) Jika bagi kepentingan ketenteraman awam, kepercayaan baik atau pemerintahan yang baik bagi Negara Brunei Darussalam, atau kerana sebarang alasan lain apa pun, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menganggap patut bahawa sebarang Rang Undang-Undang yang dikemukakan, atau sebarang usul, petisyen atau urusan yang disyorkan di dalam Majlis Mesyuarat Negara hendaklah berkuatkuasa, jika Majlis itu tiada meluluskan Rang Undang-Undang itu atau tiada mengesahkan usul, petisyen atau urusan itu dalam masa dan dalam bentuk atau dengan cara yang difikirkan munasabah dan patut oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, pada bila-bila masa, dengan tidak menghiraukan sebarang peruntukan Perlembagaan ini atau Peraturan-Peraturan Mesyuarat, mengisytiharkan bahawa Rang Undang-Undang atau usul, petisyen atau urusan itu mempunyai kuatkuasa seolah-olah ia telah diluluskan atau disahkan oleh Majlis itu baik dalam bentuknya sebagaimana yang telah dikemukakan atau disyorkan itu atau dengan pindaan-pindaan yang difikirkan patut oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang telah dicadang atau disyorkan dalam Majlis Mesyuarat Negara atau dalam mana-mana Jawatankuasanya;

(3) A law assented to by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall come into operation on the date on which such assent shall be given, or, if it shall be enacted either in such law or in some other law (including any law in force on the commencement of this Part) that it shall come into operation on some other date, on that date.

Style of laws and enacting words.

46. All laws shall be styled Acts and the enacting words shall be “Be it enacted by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan with the advice and consent of the Legislative Council as follows:”.

[S 65/04]

Reserved powers. *[S 65/04]*

47. (1) If His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall consider that it is expedient in the interests of public order, good faith or good government of Brunei Darussalam, or for any other reason whatsoever, that any Bill introduced, or any motion, petition or business proposed in the Legislative Council shall have effect, then, if that Council shall fail to pass that Bill or carry that motion, petition or business within such time and in such form or manner as His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may think reasonable and expedient, His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may, at any time, notwithstanding any provision of this Constitution or the Standing Orders, declare that that Bill or motion, petition or business shall have effect as if it had been passed or carried by that Council either in the form in which it was so introduced or proposed or with such amendments as His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall think fit which have been moved or proposed in that Council or in any committee thereof;

dan Rang Undang-Undang atau usul atau petisyen itu hendaklah selepas itu dianggap telah diluluskan atau disahkan; dan peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini, dan, khasnya, peruntukan-peruntukan Perkara 45, berhubung dengan perkenan kepada Rang Undang-Undang hendaklah berkuatkuasa.

(2) Sebarang perisytiharan seperti itu yang diperbuat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah Fasal (1) berserta dengan Rang Undang-Undang, usul, petisyen atau urusan yang dianggap telah diluluskan atau disahkan itu hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan* oleh Yang Di-Pertua.

(3) Sebarang perisytiharan seperti itu, selain dari perisytiharan berkenaan dengan suatu Rang Undang-Undang, boleh dibatalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan; dan Yang Di-Pertua hendaklah menyiarakan pembatalan itu dalam *Warta Kerajaan*; dan mulai dari tarikh penyiaran itu, sebarang usul, petisyen atau urusan yang dianggap telah disahkan menurut perisytiharan yang telah dibatalkan itu tidak lagi mempunyai kuatkuasa; dan pemberhentian kuatkuasa itu adalah sama dengan pemansuhan suatu undang-undang bertulis.

Peraturan-Peraturan Mesyuarat.

48. (1) Tertakluk kepada Perlembagaan ini, Majlis Mesyuarat Negara boleh dari masa ke semasa membuat, meminda dan membatalkan Peraturan-Peraturan Mesyuarat untuk mengatur dan menjalankan dengan sempurna mesyuarat-mesyuaratnya sendiri dan melaksanakan urusannya, termasuk kuasa untuk mengenakan hukuman.

[S 65/04]

(2) *Dimansuhkan.*

[S 65/04]

(3) Peraturan-Peraturan Mesyuarat tidak boleh digantung tanpa kebenaran daripada Yang Di-Pertua dan kebenaran sedemikian hanya boleh diberikan olehnya jika dia berpuashati bahawa penggantungan itu adalah perlu untuk melaksanakan urusan Majlis Mesyuarat Negara dengan sempurna dan cepat.

[S 65/04]

and the Bill or motion or petition shall be deemed thereupon to have been so passed or carried; and the provisions of this Constitution, and, in particular, the provisions of Article 45, relating to assent to Bills shall have effect accordingly.

(2) Any such declaration made by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan under Clause (1) together with the Bill, motion, petition or business so deemed to have been passed or carried shall be notified in the *Gazette* by the Speaker.

(3) Any such declaration, other than a declaration relating to a Bill, may be revoked by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan; and the Speaker shall notify such revocation in the *Gazette*; and from the date of such notification, any motion, petition or business which shall be deemed to have been carried by virtue of the declaration revoked shall cease to have effect; and such cessation shall have the same effect as the repeal of a written law.

Standing Orders.

48. (1) Subject to this Constitution, the Legislative Council may from time to time make, amend and revoke Standing Orders for the regulation and orderly conduct of its own proceedings and the dispatch of business, including the power to impose sanctions.

[S 65/04]

(2) *Repealed.*

[S 65/04]

(3) No Standing Order shall be suspended without the approval of the Speaker and such approval shall only be granted by him if he is satisfied that such suspension is necessary for the proper and expeditious dispatch of the business of the Legislative Council.

[S 65/04]

(4) Peraturan-Peraturan Mesyuarat yang dibuat oleh Majlis Mesyuarat Negara dan pindaan-pindaan, penggantungan atau pembatalan Peraturan-Peraturan Mesyuarat tidak boleh berkuatkuasa melainkan jika telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

[S 65/04]

Sumpah yang diangkat oleh Ahli-Ahli. [S 65/04]

49. Tiap-tiap Ahli Majlis Mesyuarat Negara hendaklah, sebelum memulakan kewajipan-kewajipan jawatannya dan menduduki kerusinya, mengangkat atau membuat dan menandatangani di hadapan Yang Di-Pertua atau Timbalan Yang Di-Pertua atau Ahli lain yang mempengerusikan persidangan Majlis itu suatu sumpah atau pengakuan dalam bentuk yang dinyatakan sebagai Borang IV di dalam Jadual Pertama:

Dengan syarat bahawa mana-mana orang yang, sebelumnya telah menjadi seorang Ahli Majlis Mesyuarat Negara, sekali lagi menjadi Ahli Majlis itu dalam masa satu bulan selepas tamat keahliannya yang dahulu dalam Majlis itu boleh memulakan kewajipan-kewajipan jawatannya dan menduduki kerusinya tanpa sekali lagi mengangkat atau membuat dan menandatangani sumpah atau pengakuan sedemikian.

Jurutulis kepada Majlis Mesyuarat Negara. [S 65/04]

50. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah melantik seorang yang layak dan sesuai untuk menjadi Jurutulis kepada Majlis Mesyuarat Negara, dan akan memegang jawatan selama tempoh selagi diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dan orang itu hendaklah, sebelum memulakan kewajipan-kewajipan jawatannya, mengangkat di hadapan Yang Di-Pertua atau Ahli lain yang mempengerusikan persidangan Majlis itu suatu sumpah dalam bentuk yang dinyatakan sebagai Borang V di dalam Jadual Pertama.

Minit-minit mesyuarat.

51. (1) Minit-minit mesyuarat bagi semua mesyuarat Majlis Mesyuarat Negara hendaklah disimpan.

(4) No Standing Orders made by the Legislative Council and no amendments, suspension or revocation of the Standing Orders shall have effect unless approved by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan.

[S 65/04]

Oath to be taken by Members. *[S 65/04]*

49. Every Member of the Legislative Council shall, before entering upon the duties of his office and taking his seat, take or make and subscribe before the Speaker or Deputy Speaker or other Member presiding an oath or declaration in the form set out as Form IV in the First Schedule:

Provided that any person who, having previously been a Member of the Legislative Council, again becomes a Member of that Council within one month after the termination of his previous membership thereof may enter upon the duties of his office and take his seat without again taking or making and subscribing such oath or declaration.

Clerk to the Legislative Council. *[S 65/04]*

50. His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall appoint some fit and proper person to be the Clerk to the Legislative Council, and who shall hold the office during His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan's pleasure, and such person shall, before entering upon the duties of his office, take before the Speaker or other Member presiding an oath in the form set out as Form V in the First Schedule.

Minutes.

51. (1) Minutes shall be kept of all the proceedings of the Legislative Council.

(2) Seberapa segera yang boleh, satu salinan minit-minit mesyuarat yang lengkap bagi setiap persidangan Majlis Mesyuarat Negara hendaklah disembaikan oleh Jurutulis kepada Majlis Mesyuarat Negara ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

[S 65/04]

Persidangan-persidangan Majlis Mesyuarat Negara. [S 65/04]

52. (1) Melainkan jika dititahkan selainnya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, hendaklah diadakan Musim Permesyuaratan bagi Majlis Mesyuarat Negara sekurang-kurangnya sekali dalam setahun, tetapi jarak tempoh antara persidangan yang terakhir pada satu Musim Permesyuaratan dengan tarikh yang ditetapkan bagi persidangan pada Musim Permesyuaratan yang berikutnya hendaklah tidak melebihi dari 12 bulan.

[S 65/04]

(2) Tiap-tiap Musim Permesyuaratan bagi Majlis Mesyuarat Negara hendaklah diadakan pada tempat dan hendaklah bermula dan berakhir pada masa sebagaimana yang ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dari masa ke semasa dengan notis yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

[S 65/04]

Keistimewaan-keistimewaan Ahli Majlis Mesyuarat Negara. [S 65/04]

53. (1) Tertakluk kepada Fasal (1A), tiap-tiap Ahli Majlis Mesyuarat Negara boleh menyatakan pendapatnya dengan bebas di dalam Majlis Mesyuarat Negara atau mana-mana jawatankuasanya, tentang apa juar perkara yang dihadapkan dalam Majlis itu.

[S 65/04]

(1A) Ahli Majlis Mesyuarat Negara tidaklah boleh bercakap atau membuat sebarang ulasan —

(a) yang secara langsung atau tidak langsung mengurangkan hak-hak, taraf, kedudukan, kuasa-kuasa, keistimewaan-keistimewaan, kedaulatan atau hak mutlak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Pengganti-Pengganti Baginda, Permaisuri Baginda atau ahli-ahli Kerabat Di-Raja yang lain atau Falsafah Negara Melayu Islam Beraja; atau

(2) As soon as practicable, a full transcript of the minutes of every sitting of the Legislative Council shall be transmitted by the Clerk to the Legislative Council to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan.

[S 65/04]

Sessions of Legislative Council. [S 65/04]

52. (1) Unless otherwise directed by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, there shall be a session of the Legislative Council once at least in every year, so that a period of more than 12 months shall not intervene between the last sitting in one session and the date appointed for its first sitting in the next session.

[S 65/04]

(2) Each session of the Legislative Council shall be held at such place and shall commence and end at such time as His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may from time to time, by notice published in the *Gazette*, appoint.

[S 65/04]

Privileges of Members of Legislative Council. [S 65/04]

53. (1) Subject to Clause (1A), every Member of the Legislative Council may express his opinion freely in the Legislative Council or any committee thereof, upon any matter which comes before it.

[S 65/04]

(1A) No Member of the Legislative Council shall speak or make any comments —

(a) directly or indirectly derogatory of the rights, status, position, powers, privileges, sovereignty or prerogatives of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, his Successors, His Consort or other members of the Royal Family or the National Philosophy of Malay Islamic Monarchy; or

(b) yang menjadi kesalahan di bawah Akta Hasutan (Penggal 24).

[S 65/04]

(2) Kesahihan mana-mana mesyuarat dalam Majlis Mesyuarat Negara atau dalam mana-mana jawatankuasanya tidak boleh dipersoalkan di dalam atau tertakluk kepada sebarang kajian semula oleh mana-mana mahkamah.

[S 65/04]

(3) Tertakluk kepada Fasal (1A), tiada sesiapa pun boleh dibicarakan di dalam mana-mana mahkamah berkaitan dengan apa jua yang dikatakan, atau mana-mana undi yang diberikan olehnya, ketika mengambil bahagian di dalam mana-mana mesyuarat Majlis Mesyuarat Negara atau mana-mana jawatankuasanya.

[S 65/04]

(4) Tiada sesiapa pun boleh dibicarakan di dalam mana-mana mahkamah berkaitan dengan apa jua yang disiarkan dengan atau di bawah kuasa Majlis Mesyuarat Negara.

Hak Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk bertitah dalam Majlis Mesyuarat Negara. [S 65/04]

54. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah mempunyai hak untuk bertitah dalam Majlis Mesyuarat Negara pada bila-bila masa tentang apa jua perkara.

Penamatan Musim Permesyuaratan bagi dan pembubaran Majlis Mesyuarat Negara.

55. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh pada bila-bila masa, dengan Pemasyhuran yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, menamatkan Musim Permesyuaratan bagi atau membubarkan Majlis Mesyuarat Negara.

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah membubarkan Majlis Mesyuarat Negara apabila tamat tempoh 5 tahun dari tarikh ia mula bermesyuarat sesudah ia mula ditubuhkan atau ditubuhkan semula pada bila-bila masa kecuali jika ia telah dibubarkan terlebih dahulu.

(b) which constitute an offence under the Sedition Act (Chapter 24).

[S 65/04]

(2) The validity of any proceedings in the Legislative Council or any committee thereof shall not be questioned in or be subject to any review by any court.

[S 65/04]

(3) Subject to Clause (1A), no person shall be liable to any proceedings in any court in respect of anything said, or any vote given, by him when taking part in any proceedings of the Legislative Council or any committee thereof.

[S 65/04]

(4) No person shall be liable to any proceedings in any court in respect of anything published by or under the authority of the Legislative Council.

Right of His Majesty to address Legislative Council. [S 65/04]

54. His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall have the right to address the Legislative Council at any time upon any matter.

Prorogation and dissolution.

55. (1) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may at any time, by Proclamation published in the *Gazette*, prorogue or dissolve the Legislative Council.

(2) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall dissolve the Legislative Council at the expiration of 5 years from the date when it first meets after it is first constituted or is reconstituted at any time unless it has been sooner dissolved.

BAHAGIAN VIII

KEWANGAN

Tiada cukai boleh dikenakan melainkan jika dibenarkan oleh undang-undang.

56. Cukai atau cukai pintu tidak boleh dikutip oleh atau bagi maksud-maksud Negara Brunei Darussalam kecuali dengan atau menurut kuatkuasa undang-undang.

Peruntukan Di-Raja bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Permaisuri Baginda dan Kerabat Di-Raja. [S 65/04]

57. (1) Maka hendaklah diadakan dengan undang-undang suatu Peruntukan Di-Raja bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Permaisuri Baginda dan ahli-ahli Kerabat Di-Raja yang lain, dan Peruntukan Di-Raja itu adalah suatu pengenaan bayaran ke atas Kumpulanwang Yang Disatukan.

(2) Peruntukan Di-Raja itu hendaklah berpatutan, mencukupi dan sesuai dengan pangkat, kedudukan dan kemuliaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Permaisuri Baginda dan ahli-ahli Kerabat Di-Raja yang lain, dan tidak boleh secara langsung atau tidak langsung berkurangan dalam masa pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(3) Dalam menilai Peruntukan Di-Raja itu, adalah tidak dibenarkan untuk mengambil kira sebarang pendapatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Permaisuri Baginda dan ahli-ahli Kerabat Di-Raja yang lain yang diperolehi dari harta pusaka peribadi dan harta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Permaisuri Baginda dan ahli-ahli Kerabat Di-Raja yang lain dan yang bukan harta Negara Brunei Darussalam.

(4) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh menyediakan, menyelenggara atau meminda suatu jadual ahli-ahli Kerabat Di-Raja yang akan dibayar belanja santapan di bawah Perkara ini.

PART VIII

FINANCE

No taxation unless authorised by law.

56. No tax or rate shall be levied by or for the purposes of Brunei Darussalam except by or under the authority of law.

Civil List of His Majesty, His Consort and the Royal Family. [S 65/04]

57. (1) There shall be provided by law a Civil List making provision for His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, His Consort and other members of the Royal Family, which Civil List shall be a charge on the Consolidated Fund.

(2) The Civil List shall be reasonable, adequate and suitable to the rank, position and dignity of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, His Consort and other members of the Royal Family, and shall not be directly or indirectly diminished during His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan's reign.

(3) In assessing the Civil List, it shall not be permissible to take into account any income of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, His Consort and other members of the Royal Family which is derived from the personal estates and properties of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, His Consort and other members of the Royal Family and those which are not the property of Brunei Darussalam.

(4) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may draw up, maintain or amend a schedule of the members of the Royal Family to whom an allowance will be payable under this Article.

(5) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membatalkan, menggantung atau mengurangkan sebarang belanja santapan kepada mana-mana ahli Kerabat Di-Raja yang sepatutnya dibayar belanja santapan tersebut di bawah Perkara ini.

Kumpulanwang Yang Disatukan.

58. Semua hasil dan wang walau bagaimana sekali didapati atau diterima oleh Kerajaan dari apa jua sumber pun hendaklah, tertakluk kepada Perlembagaan ini dan sebarang undang-undang bertulis, dimasukkan ke dalam dan dijadikan satu kumpulanwang yang dikenali sebagai "Kumpulanwang Yang Disatukan".

[S 65/04]

Perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulanwang Yang Disatukan.

59. (1) Hendaklah dikenakan ke atas Kumpulanwang Yang Disatukan sebagai tambahan kepada sebarang penguriaan, saraan atau wang lain yang dikenakan oleh sebarang peruntukan Perlembagaan ini atau oleh sebarang undang-undang bertulis —

[S 65/04]

(a) kos-kos, bayaran-bayaran dan perbelanjaan-perbelanjaan, selain dari gaji bagi anggota perkhidmatan awam, yang bersangkutan dengan pemungutan dan pengurusan hasil-hasil yang dikenakan atau diterima oleh Kerajaan;

[S 65/04]

(b) semua pence, gantirugi kerana kehilangan jawatan dan baksis-baksis yang menjadi tanggungan Kerajaan;

[S 65/04]

(c) semua bayaran hutang yang menjadi tanggungan Kerajaan; dan

[S 65/04]

(d) semua wang yang dikehendaki untuk membayar sebarang penghakiman, keputusan atau award terhadap Kerajaan oleh mana-mana mahkamah atau tribunal.

[S 65/04]

(5) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may revoke, suspend or reduce any allowance to any member of the Royal Family to whom such allowance would otherwise be payable under this Article.

Consolidated Fund.

58. All revenues and moneys howsoever raised or received by the Government from whatsoever source shall, subject to this Constitution and any written law, be paid into and form one fund to be known as the “Consolidated Fund”.

[S 65/04]

Expenditure charged on Consolidated Fund.

59. (1) There shall be charged on the Consolidated Fund in addition to any grant, remuneration or other moneys so charged by any provision of this Constitution or by any written law —

[S 65/04]

(a) the costs, charges and expenses, other than the emoluments of members of the public service, incidental to the collection and management of the revenues raised or received by the Government;

[S 65/04]

(b) all pensions, compensation for loss of office and gratuities for which the Government is liable;

[S 65/04]

(c) all debt charges for which the Government is liable; and

[S 65/04]

(d) all moneys required to satisfy any judgment, decision or award against the Government by any court or tribunal.

[S 65/04]

(2) Bagi maksud-maksud Perkara ini, “bayaran-bayaran hutang” termasuk faedah, bayaran-bayaran kumpulanwang penjelas, pembayaran balik atau penjelasan hutang, dan semua perbelanjaan berhubung dengan mendapatkan pinjaman atas jaminan Kumpulanwang Yang Disatukan dan pembayaran perbelanjaan hutang dan penebusan hutang yang disebabkan oleh pinjaman itu.

[S 65/04]

Anggaran-anggaran wang masuk dan perbelanjaan tahunan.

60. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah, berhubung dengan tiap-tiap tahun kewangan, menyebabkan supaya dibentangkan di hadapan Majlis Mesyuarat Negara suatu penyata mengenai anggaran wang masuk dan perbelanjaan Kerajaan bagi tahun itu dan, melainkan jika Majlis Mesyuarat Negara dengan undang-undang bertulis berhubung dengan mana-mana tahun memperuntukkan sebaliknya, penyata itu hendaklah dibentangkan sedemikian sebelum permulaan tahun itu.

[S 65/04]

(2) Anggaran-anggaran perbelanjaan hendaklah menunjukkan secara berasingan —

(a) jumlah wang yang dikehendaki untuk mencukupi perbelanjaan yang dikenakan bayarannya ke atas Kumpulanwang Yang Disatukan; dan

(b) tertakluk kepada Fasal (3), wang-wang yang masing-masing dikehendaki untuk membiayai tajuk-tajuk perbelanjaan lain yang dicadangkan hendak dibiayai dari Kumpulanwang Yang Disatukan.

[S 65/04]

(3) Wang-wang yang hendak ditunjukkan di bawah perenggan (b) Fasal (2) tidak boleh mengandungi —

(a) wang-wang yang merupakan pendapatan dari sebarang pinjaman yang didapatkan oleh Kerajaan bagi sebarang maksud tertentu dan diperuntukkan bagi maksud itu oleh atau di bawah undang-undang bertulis atau Akta yang membenarkan pinjaman itu didapatkan; dan

(2) For the purposes of this Article, “debt charges” include interest, sinking fund charges, the repayment or amortization of debt, and all expenditure in connection with the raising of loans on the security of the Consolidated Fund and the service and redemption of debt created thereby.

[S 65/04]

Annual estimates of receipts and expenditure.

60. (1) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall, in respect of every financial year, cause to be laid before the Legislative Council a statement of the estimated receipts and expenditure of the Government for that year and, unless the Legislative Council by written law in respect of any year otherwise provides, that statement shall be so laid before the commencement of that year.

[S 65/04]

(2) The estimates of expenditure shall show separately —

(a) the total sums required to meet expenditure charged on the Consolidated Fund; and

(b) subject to Clause (3), the sums respectively required to meet the heads of other expenditure proposed to be met from the Consolidated Fund.

[S 65/04]

(3) The sums to be shown under paragraph (b) of Clause (2) shall not include —

(a) sums representing the proceeds of any loan raised by the Government for any specific purpose and appropriated for such purpose by or under the written law or Act authorising the raising of that loan; and

(b) wang-wang yang merupakan apa jua wang, atau faedah ke atas wang, yang diterima oleh Kerajaan tertakluk kepada suatu amanah dan hendak digunakan menurut syarat-syarat amanah itu.

[S 65/04]

(4) Penyata itu hendaklah juga menunjukkan, setakat yang boleh, aset dan liabiliti Kerajaan, selain dari aset dan liabiliti Agensi Pelaburan Brunei, pada penghujung tahun kewangan yang lalu, cara bagaimana aset itu dilaburkan atau disimpan dan tajuk-tajuk am yang berkaitan dengannya liabiliti itu masih belum dijelaskan.

[S 20/85; S 65/04]

Rang Undang-Undang Perbekalan. [S 65/04]

61. Tajuk-tajuk perbelanjaan yang hendak dijelaskan dari Kumpulanwang Yang Disatukan tetapi tidak dikenakan ke atasnya selain dari perbelanjaan yang hendak dijelaskan dengan wang-wang yang disebutkan dalam Fasal (3) Perkara 60, hendaklah dimasukkan ke dalam suatu Rang Undang-Undang, yang dikenali sebagai Rang Undang-Undang Perbekalan Tahunan, yang memperuntukkan pengeluaran dari Kumpulanwang Yang Disatukan wang-wang yang dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan dan penggunaan wang-wang itu bagi maksud-maksud yang ditentukan dalam Rang Undang-Undang itu.

[S 65/04]

Perbelanjaan tambahan dan berlebihan.

62. Jika, berhubung dengan mana-mana tahun kewangan, didapati —

(a) bahawa jumlah yang diperuntukkan oleh Akta Perbekalan Tahunan bagi sebarang maksud tidak mencukupi atau bahawa suatu keperluan telah timbul bagi perbelanjaan kerana sesuatu maksud yang mana tiada wang telah diperuntukkan oleh Akta Perbekalan Tahunan; atau

(b) bahawa wang yang telah dibelanjakan bagi apa jua maksud berlebihan dari jumlahnya, jika ada, yang diperuntukkan bagi maksud itu oleh Akta Perbekalan Tahunan,

[S 65/04]

(b) sums representing any money, or interest on money, received by the Government subject to a trust and to be applied in accordance with the terms of that trust.

[S 65/04]

(4) The statement shall also show, so far as practicable, the assets and liabilities of the Government, other than the assets and liabilities of the Brunei Investment Agency, at the end of the last completed financial year, the manner in which those assets are invested or held and the general heads in respect of which those liabilities are outstanding.

[S 20/85; S 65/04]

Supply Bill. [S 65/04]

61. The heads of expenditure to be met from the Consolidated Fund but not charged thereon other than expenditure to be met by such sums as are mentioned in Clause (3) of Article 60, shall be included in a Bill, to be known as the Annual Supply Bill, providing the issue from the Consolidated Fund of the sums necessary to meet that expenditure and the application of those sums for the purposes specified therein.

[S 65/04]

Supplementary and excess expenditure.

62. If, in respect of any financial year, it is found —

(a) that the amount appropriated by the Annual Supply Act for any purpose is insufficient or that a need has arisen for expenditure for a purpose for which no amount has been appropriated by the Annual Supply Act; or

(b) that any moneys have been expended for any purpose in excess of that amount, if any, appropriated for that purpose by an Annual Supply Act,

[S 65/04]

maka suatu Anggaran Tambahan yang menunjukkan wang-wang yang dikehendaki atau yang telah dibelanjakan hendaklah diaturkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan supaya dibentangkan di hadapan Majlis Mesyuarat Negara dan tajuk-tajuk bagi sebarang perbelanjaan tersebut hendaklah dimasukkan dalam suatu Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan.

Kuasa untuk membenarkan perbelanjaan ke atas akaun atau bagi maksud-maksud yang tidak ditentukan.

63. Majlis Mesyuarat Negara hendaklah mempunyai kuasa berhubung dengan mana-mana tahun kewangan —

[S 65/04]

(a) sebelum meluluskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tahunan untuk membenarkan dengan undang-undang bertulis perbelanjaan bagi sebahagian dari tahun itu; dan

(b) untuk membenarkan dengan undang-undang bertulis perbelanjaan bagi keseluruhan atau sebahagian dari tahun itu selain dari menurut Perkara-Perkara 59 hingga 62 jika, oleh kerana perbelanjaan itu besar atau belum tentu jenisnya atau oleh kerana keadaan luar biasa yang memerlukan tindakan segera, didapati mustahak untuk berbuat demikian.

[S 65/04]

Kumpulanwang Luarjangka. [S 65/04]

64. (1) Majlis Mesyuarat Negara boleh dengan undang-undang bertulis membuat peruntukan bagi mengadakan suatu Kumpulanwang Luarjangka dan bagi membenarkan Menteri Kewangan, jika berpuas hati bahawa timbul suatu keperluan yang mendesak dan tidak diduga bagi perbelanjaan yang tidak didapati dalam peruntukan lain, untuk meminjam wang dari Kumpulanwang Luarjangka bagi memenuhi keperluan itu.

[S 65/04]

(2) Jika pinjaman telah diberi menurut Fasal (1), suatu Anggaran Tambahan hendaklah diadakan dan suatu Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan dikemukakan dalam Majlis Mesyuarat Negara dengan seberapa segera yang boleh bagi maksud menggantikan jumlah wang yang dipinjam itu.

[S 65/04]

a Supplementary Estimate showing the sums required or spent shall be caused by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan to be laid before the Legislative Council and the heads of any such expenditure shall be included in a Supplementary Supply Bill.

Power to authorise expenditure on account or for unspecified purposes.

63. The Legislative Council shall have power in respect of any financial year —

[S 65/04]

(a) before the passing of the Annual Supply Bill to authorise by written law expenditure for part of the year; and

(b) to authorise by written law expenditure for the whole or part of the year otherwise than in accordance with Articles 59 to 62 inclusive if, owing to the magnitude or indefinite character of any services or to circumstances which require any action of unusual urgency, it appears to be desirable to do so.

[S 65/04]

Contingencies Fund. *[S 65/04]*

64. (1) The Legislative Council may by written law provide for the creation of a Contingencies Fund and for authorising the Minister of Finance, if satisfied that there has arisen an urgent and unforeseen need for expenditure for which no other provision exists, to make advances from the Contingencies Fund to meet that need.

[S 65/04]

(2) Where any advance has been made in accordance with Clause (1), a Supplementary Estimate shall be presented and a Supplementary Supply Bill introduced into the Legislative Council as soon as possible for the purpose of replacing the amount so advanced.

[S 65/04]

Pengeluaran wang dari Kumpulanwang Yang Disatukan. [S 65/04]

65. (1) Tertakluk kepada Fasal (2), wang-wang tidak boleh dikeluarkan dari Kumpulanwang Yang Disatukan melainkan jika wang-wang itu —

(a) dikenakan ke atas Kumpulanwang Yang Disatukan;

(b) dibenarkan untuk dikeluarkan oleh suatu Akta Perbekalan; atau

(c) dibenarkan untuk dikeluarkan di bawah Perkara 63.

[S 65/04]

(2) Fasal (1) tidak boleh dikenakan kepada mana-mana wang sebagaimana yang disebutkan dalam Fasal (3) Perkara 60.

[S 65/04]

(3) Wang-wang tidak boleh dikeluarkan dari Kumpulanwang Yang Disatukan kecuali dengan cara yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Juruaudit Agung.

66. (1) Hendaklah ada seorang Juruaudit Agung yang akan dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(2) Seseorang yang telah memegang jawatan Juruaudit Agung boleh dilantik semula tetapi tidak boleh, semasa memegang jawatan itu, dilantik memegang sebarang jawatan lain dalam perkhidmatan awam Negara Brunei Darussalam.

[S 65/04]

(3) Juruaudit Agung hendaklah memegang jawatan selama tempoh selagi diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, tetapi dia boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya.

[S 65/04]

(4) Majlis Mesyuarat Negara hendaklah membuat peruntukan bagi saraan Juruaudit Agung dan saraan yang diperuntukkan itu hendaklah dikenakan ke atas Kumpulanwang Yang Disatukan.

[S 65/04]

(5) *Dimansuhkan.*

[S 65/04]

Withdrawals from Consolidated Fund. [S 65/04]

65. (1) Subject to Clause (2), no moneys shall be withdrawn from the Consolidated Fund unless they are —

- (a) charged on the Consolidated Fund;
- (b) authorised to be issued by a Supply Act; or
- (c) authorised to be issued under Article 63.

[S 65/04]

(2) Clause (1) shall not apply to any such sums as are mentioned in Clause (3) of Article 60.

[S 65/04]

(3) No moneys shall be withdrawn from the Consolidated Fund except in the manner provided by law.

Auditor General.

66. (1) There shall be an Auditor General who shall be appointed by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan.

(2) A person who has held the office of Auditor General shall be eligible for re-appointment but shall not, while holding that office be eligible for any other appointment in the public service of Brunei Darussalam.

[S 65/04]

(3) The Auditor General shall hold office during His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan's pleasure, but he may at any time resign his office.

[S 65/04]

(4) The Legislative Council shall provide for the remuneration of the Auditor General and the remuneration so provided shall be charged on the Consolidated Fund.

[S 65/04]

(5) *Repealed.*

[S 65/04]

(6) *Dimansuhkan.*

[S 65/04]

Kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan Juruaudit Agung.

67. (1) Akaun Negara Brunei Darussalam hendaklah, tertakluk kepada Perlembagaan ini dan sebarang undang-undang bertulis, diaudit dan dibuat laporan mengenainya oleh Juruaudit Agung yang, bersama dengan kakitangan bawahannya, pada setiap masa berhak untuk memeriksa semua buku, rekod, penyata dan laporan berkeraan dengan akaun itu.

[S 65/04]

(2) Juruaudit Agung hendaklah melaksanakan kewajipan-kewajipan lain dan menjalankan kuasa-kuasa berhubung dengan akaun Negara Brunei Darussalam dan akaun pihak-pihak berkuasa dan badan-badan awam lain yang mentadbir wang negara sebagaimana yang diperuntukkan oleh sebarang undang-undang bertulis.

Laporan Juruaudit Agung.

68. Juruaudit Agung hendaklah menyembahkan laporan-laporannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Baginda boleh menyebabkan supaya laporan-laporan itu dibentangkan di hadapan Majlis Mesyuarat Negara.

[S 65/04]

Pengecualian hasil dan wang Tabung Ugama Islam.

69. Peruntukan-peruntukan Bahagian ini tidak boleh dikenakan kepada hasil-hasil dan wang-wang Tabung Ugama Islam.

BAHAGIAN IX

PERKHIDMATAN AWAM

[S 65/04]

Tempoh memegang jawatan dalam perkhidmatan awam. *[S 65/04]*

70. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Perlembagaan ini, setiap orang yang memegang jawatan dalam perkhidmatan awam Kerajaan hendaklah memegang jawatan selama tempoh selagi diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(6) *Repealed.*

[S 65/04]

Powers and duties of Auditor General.

67. (1) The accounts of Brunei Darussalam shall, subject to this Constitution and any written law, be audited and reported upon by the Auditor General, who, with his subordinate staff, shall at all times be entitled to have access to all books, records, returns and reports relating to such accounts.

[S 65/04]

(2) The Auditor General shall perform such other duties and exercise such powers in relation to the accounts of Brunei Darussalam and to the accounts of other public authorities and bodies administering public funds as may be provided by any written law.

Reports of Auditor General.

68. The Auditor General shall submit his reports to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan who may cause the reports to be laid before the Legislative Council.

[S 65/04]

Exclusion of Muslim revenues and funds.

69. The provisions of this Part shall not be applicable to Muslim revenues and funds.

PART IX

PUBLIC SERVICE

[S 65/04]

Tenure of office in public service. [S 65/04]

70. Save as otherwise provided in this Constitution, every person holding office in the public service of the Government shall hold office during His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan's pleasure.

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. [S 65/04]

71. (1) Hendaklah ada sebuah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang mengandungi seorang Pengerusi dan beberapa orang ahli lain, termasuk Timbalan Pengerusi, sebagaimana yang mungkin dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

[S 65/04]

(2) Tertakluk kepada Fasal (3), setiap orang yang dilantik menjadi seorang ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah, melainkan jika dia meletakkan jawatannya lebih awal atau diberhentikan dari jawatannya, memegang jawatan bagi tempoh selama 3 tahun dari tarikh lantikannya dan dia boleh dilantik semula.

[S 65/04]

(3) Semua ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, termasuk Pengerusi dan Timbalan Pengerusi, jika ada, hendaklah memegang jawatan selama tempoh selagi diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

[S 65/04]

(4) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membenarkan mana-mana ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bercuti, dan boleh melantik seseorang untuk menjadi ahli sementara selama tempoh percutian tersebut.

(5) Peraturan pekerjaan bagi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah, tertakluk kepada mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Perkara 75, seperti yang ditetapkan oleh Suruhanjaya itu.

[S 65/04]

(6) Bagi maksud-maksud Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22), seseorang ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah dianggap sebagai pegawai Kerajaan.

[S 65/04]

Setiausaha kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

72. Hendaklah ada seorang Setiausaha kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang akan dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dan memegang jawatan selama tempoh selagi diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

[S 65/04]

Public Service Commission. [S 65/04]

71. (1) There shall be a Public Service Commission which shall consist of a Chairman and such number of members, including a Deputy Chairman, as His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may appoint.

[S 65/04]

(2) Subject to Clause (3), every person who is appointed to be a member of the Public Service Commission shall, unless he earlier resigns his office or is removed therefrom, hold office for a period of 3 years from the date of his appointment and shall be eligible for re-appointment.

[S 65/04]

(3) All members of the Public Service Commission, including the Chairman and Deputy Chairman, if any, shall hold office during His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan's pleasure.

[S 65/04]

(4) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may grant leave of absence from his duties to any member of the Public Service Commission, and may appoint a person to be a temporary member for the period of such leave.

(5) The procedure of the Public Service Commission shall, subject to any regulations made under Article 75, be as determined by the Commission.

[S 65/04]

(6) For the purposes of the Penal Code (Chapter 22), a member of the Public Service Commission shall be deemed to be a public servant.

[S 65/04]

Secretary to Public Service Commission.

72. There shall be a Secretary to the Public Service Commission who shall be appointed by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, and who shall hold office during His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan's pleasure.

[S 65/04]

Gaji ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

73. Tiap-tiap orang yang dilantik menjadi ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah dibayar suatu gaji atau elaun-elaun, atau kedua-duanya, sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan; dan semua gaji dan elaun tersebut hendaklah dikenakan ke atas Kumpulanwang Yang Disatukan.

[S 65/04]

Lantikan dalam perkhidmatan awam.

74. (1) Kuasa untuk melantik, menukar, menaikkan pangkat, memecat atau menjalankan kawalan tata tertib ke atas pegawai-pegawai Kerajaan adalah dengan ini terletak dalam tangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(2) Pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh Fasal (1), maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah, melainkan jika peraturan-peraturan di bawah Perkara 75 memperuntukkan sebaliknya, berunding dengan dan bertindak mengikut nasihat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

[S 65/04]

(3) Tiada sebarang apa pun dalam Perkara ini boleh menjelaskan peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis berhubung dengan anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei atau Perkhidmatan Penjara Negara Brunei Darussalam.

[S 65/04]

Peraturan-peraturan.

75. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat peraturan-peraturan bagi memperuntukkan —

[S 65/04]

(a) perjalanan mana-mana tugas Suruhanjaya Perkhidmatan Awam; atau

Salaries of members of Public Service Commission.

73. Every person appointed to be a member of the Public Service Commission shall be paid such salary or allowances, or both, as may be determined by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan; and all such salaries and allowances shall be a charge on the Consolidated Fund.

[S 65/04]

Appointments in public service.

74. (1) The power to appoint, transfer, promote, dismiss or exercise disciplinary control over public officers is hereby vested in His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan.

(2) In exercise of the power conferred upon him by Clause (1), His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall, unless the regulations under Article 75 otherwise provide, consult and act in accordance with the recommendation of the Public Service Commission.

[S 65/04]

(3) Nothing in this Article shall affect the provisions of any written law relating to members of the Royal Brunei Armed Forces, the Royal Brunei Police Force or the Prison Service of Brunei Darussalam.

[S 65/04]

Regulations.

75. His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may make regulations to provide for —

[S 65/04]

(a) the exercise by the Public Service Commission of any of its functions; or

(b) perjalanan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau oleh mana-mana orang, tertakluk kepada syarat-syarat yang mungkin ditetapkan, mana-mana kuasa yang terletak dalam tangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan oleh Perkara 74 dan boleh memperuntukkan selanjutnya bahawa mana-mana orang itu hendaklah bebas dari sekatan yang dikenakan oleh Fasal (2) Perkara 74.

[S 65/04]

Kebawah Duli Yang Maha Mulia menghendaki pengangkatan sumpah. [S 65/04]

76. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, apabila difikirkan patut oleh Baginda, menghendaki mana-mana orang dalam perkhidmatan awam Negara Brunei Darussalam mengangkat atau membuat di hadapan Baginda atau orang yang mungkin dilantik oleh Baginda, suatu sumpah atau pengakuan taat setia dalam bentuk yang dinyatakan sebagai Borang VI di dalam Jadual Pertama.

[S 65/04]

77. *Dimansuhkan.*

78. *Dimansuhkan.*

BAHAGIAN X

MOHOR KERAJAAN

[S 65/04]

Mohor Kerajaan. [S 65/04]

79. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah menyimpan dan menggunakan Mohor Kerajaan bagi memeterai segala barang apa pun juga yang perlu dimeterai dengan Mohor Kerajaan itu.

[S 65/04]

(b) the exercise by the Public Service Commission or by any person, subject to such conditions as may be prescribed, of any of the powers vested in His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan by Article 74 and may further provide that any such person shall be free from the restriction imposed by Clause (2) of Article 74.

[S 65/04]

His Majesty to require oaths. [S 65/04]

76. His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may, whenever he thinks fit, require any person in the public service of Brunei Darussalam to take or make before him or such person as he may appoint, an oath or declaration of allegiance in the form set out as Form VI in the First Schedule.

[S 65/04]

77. *Repealed.*

78. *Repealed.*

PART X

STATE SEAL

[S 65/04]

State Seal. [S 65/04]

79. His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall keep and use the State Seal for sealing all things whatsoever that shall pass that State Seal.

[S 65/04]

BAHAGIAN XI

RAMPAIAN

Peruntukan-peruntukan untuk menguatkuasakan Perlembagaan.

80. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan Perintah, pada bila-bila masa dalam tempoh 3 tahun selepas Perlembagaan ini disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, membuat peruntukan jika dalam pandangan Baginda perlu atau mustahak bagi maksud menjadikan surat-surat perintah yang sedia ada selaras dengan peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini atau pun selainnya untuk menguatkuasakan, atau membolehkan kuatkuasa diberikan, kepada peruntukan-peruntukan itu; dan, khasnya dan tanpa menjelaskan keluasan makna kuasa yang disebutkan di atas maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan Perintah-Perintah tersebut —

- (a) mengubah, menambah atau menyesuaikan sebarang peruntukan dalam surat-surat perintah yang sedia ada yang merujuk, dalam apa perkataan pun, kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat, *State Council* atau *Council of State*;
- (b) membuat peruntukan bagi pemindahan tugas-tugas, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan yang diberikan atau dikenakan oleh surat-surat perintah yang sedia ada kepada mana-mana orang atau pihak berkuasa kepada orang atau pihak berkuasa lain sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh Perintah-Perintah tersebut;
- (c) terus membuat sebarang lantikan yang Baginda berkuasa untuk membuatnya di bawah Bahagian VI seolah-olah Perlembagaan ini telah berjalan kuatkuasanya dan boleh juga, pada bila-bila masa selepas lantikan-lantikan tersebut, terus membuat sebarang lantikan yang Baginda berkuasa untuk membuatnya di bawah Perkara 11 seolah-olah Perkara itu dan Bahagian VI telah berjalan kuatkuasanya dan lantikan-lantikan yang dibuat di bawah Bahagian VI telah berjalan kuatkuasanya:

[S 65/04]

Dengan syarat bahawa, kecuali setakat yang mungkin perlu untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan Fasal ini, lantikan yang dibuat menurut ceraian ini tidak akan berkuatkuasa sebelum Bahagian VI itu mula berjalan kuatkuasanya;

[S 65/04]

PART XI

MISCELLANEOUS

Provisions to give effect to Constitution.

80. (1) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may by Order, at any time within 3 years after the publication in the *Gazette* of this Constitution, make such provision as appears to him necessary or expedient for the purpose of bringing existing instruments into accord with the provisions of this Constitution or otherwise for giving effect, or enabling effect to be given, to those provisions; and, in particular and without prejudice to the generality of the foregoing power His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may by such Orders —

(a) modify, add to or adapt any provisions in existing instruments which refer, in whatever terms, to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan in Council, the State Council or the Council of State;

(b) provide for the transfer of functions, powers and duties conferred or imposed by existing instruments upon any person or authority to such other person or authority as may be specified by such Orders;

(c) proceed to make any appointment which he would be authorised to make under Part VI if this Constitution were in operation and may also, at any time after such appointments, proceed to make any appointment which he would be authorised to make under Article 11 if that Article and Part VI were in force and the appointments made under Part VI had taken effect:

[S 65/04]

Provided that, except in so far as may be necessary to give effect to the provisions of this Clause, no appointment made by virtue hereof shall have effect before the commencement of that Part;

[S 65/04]

(d) membuat peruntukan bagi peraturan kewangan Negara Brunei Darussalam termasuk, sehingga peruntukan lain telah dibuat di bawah Fasal (1) Perkara 64, mengadakan Kumpulanwang Luar Jangka;

[S 65/04]

(e) membuat peruntukan bagi pengauditan wang Negara Brunei Darussalam dan badan-badan awam lain yang mentadbir wang awam, dan, sehingga diperuntukkan selainnya oleh Majlis Mesyuarat Negara menurut Fasal (4) Perkara 66, membuat peruntukan bagi saraan Juruaudit Agung;

[S 65/04]

(f) sehingga diperuntukkan selainnya oleh Majlis Mesyuarat Negara menurut Perkara 73, membuat peruntukan bagi saraan ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam;

[S 65/04]

(g) membuat peruntukan bagi menjadikan Perdana Menteri sebagai perbadanan bagi maksud memegang dan melupuskan harta alih dan harta tak alih, sebagai perbadanan, bagi pihak Negara Brunei Darussalam, dan bagi maksud memindahkan kepadanya, sebagai perbadanan itu bagi pihak Negara Brunei Darussalam, harta alih dan harta tak alih, yang terletak di dalam dan di luar Negara Brunei Darussalam, yang pada masa ini dipegang bagi pihak Negara Brunei Darussalam oleh orang-orang dan badan-badan lain yang tertentu;

(h) membuat peruntukan bagi tatacara bagaimana rayuan pentadbiran boleh disembaahkan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam Majlis Mesyuarat.

(2) Tertakluk kepada Perkara ini, surat-surat perintah yang sedia ada hendaklah, sehingga dimansuhkan oleh pihak berkuasa yang mempunyai kuasa untuk memansuhkannya di bawah Perlembagaan ini, terus berkuatkuasa pada dan selepas permulaan kuatkuasa Perlembagaan ini, atau mana-mana Bahagiannya, dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian yang mungkin dibuat di dalamnya oleh sebarang Perintah yang dibuat di bawah Perkara ini atau oleh sebarang undang-undang bertulis yang lain.

[S 65/04]

(d) provide for the financial procedure of Brunei Darussalam including, until other provision has been made under Clause (1) of Article 64, the establishment of a Contingencies Fund;

[S 65/04]

(e) provide for the audit of the moneys of Brunei Darussalam and of other public bodies administering public funds, and until otherwise provided by the Legislative Council pursuant to Clause (4) of Article 66, provide for the remuneration of Auditor General;

[S 65/04]

(f) until otherwise provided by the Legislative Council pursuant to Article 73, provide for the remuneration of the member of the Public Service Commission;

[S 65/04]

(g) provide for the incorporation of the Prime Minister for the purpose of holding and disposing of property, movable and immovable, in his corporate capacity, on behalf of Brunei Darussalam, and for the purpose of transferring to him, in that capacity on behalf of Brunei Darussalam, certain property, movable and immovable situate within and outside Brunei Darussalam, at present held on behalf of Brunei Darussalam by certain other persons and bodies;

(h) provide for the procedure in administrative appeals to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan in Council.

(2) Subject to this Article, the existing instruments shall until repealed by the authority having power to do so under this Constitution continue in force on and after the commencement of this Constitution, or any Part thereof, with such modifications as may be made therein by any Order made under this Article or by any other written law.

[S 65/04]

(3) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun yang terkandung dalam Perlembagaan ini, Majlis Mesyuarat Negeri yang ada sejurus sebelum Perlembagaan ini mula berjalan kuatkuasanya hendaklah terus mempunyai kuasa membuat undang-undang dan kuasa memerintah yang penuh sehingga Bahagian-Bahagian V, VI dan VII mula berjalan kuatkuasanya.

(4) Dalam Perkara ini, “surat-surat perintah yang sedia ada” bermakna Akta-Akta, aturan-aturan, peraturan-peraturan, undang-undang kecil, pemasyhuran-pemasyhuran, perintah-perintah, lesen-lesen, permit-permit dan surat-surat perintah lain yang mempunyai kuatkuasa undang-undang, atau yang dikeluarkan menurut kuasa-kuasa berkanun, dan berkuatkuasa di dalam Negara Brunei Darussalam pada tarikh Perintah itu dibuat mengenainya.

[S 65/04]

(5) Suatu Perintah yang dibuat di bawah Perkara ini boleh dipinda atau dibatalkan oleh satu Perintah selanjutnya dan boleh diberikan kuatkuasa secara kebelakangan pada suatu tarikh yang tidak lebih awal dari tarikh Perlembagaan ini disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

[S 65/04]

Peguam Negara dan tugas-tugasnya. [S 65/04]

81. (1) Hendaklah ada seorang Peguam Negara yang akan dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan kenyataan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Peguam Negara hendaklah menasihatkan tentang segala perkara undang-undang yang berhubungkait dengan hal ehwal Negara Brunei Darussalam yang dirujukkan kepadanya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau oleh Kerajaan.

(3) Peguam Negara hendaklah mempunyai kuasa yang boleh dijalankan mengikut budi bicaranya untuk memulakan, menjalankan atau menghentikan sebarang perbicaraan kerana sesuatu kesalahan selain dari —

(a) perbicaraan di hadapan sesebuah Mahkamah Syariah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang bertentangan; atau

(b) perbicaraan di hadapan sesebuah Mahkamah Tentera, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis yang bertentangan.

(3) Notwithstanding anything in this Constitution contained, the State Council existing immediately before the commencement of this Constitution shall continue to have full legislative and executive authority until the commencement of Parts V, VI and VII.

(4) In this Article, “existing instruments” means Acts, rules, regulations, by-laws, proclamations, orders, licences, permits and other instruments having the force of law, or issued in pursuance of statutory powers, and in force in Brunei Darussalam at the date of the Order by which they are affected.

[S 65/04]

(5) An Order made under this Article may be amended or revoked by a further Order and may be given a retrospective effect to a date not earlier than the date of the publication in the *Gazette* of this Constitution.

[S 65/04]

Attorney General and his functions. [S 65/04]

81. (1) There shall be an Attorney General who shall be appointed by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan by notification published in the *Gazette*.

(2) The Attorney General shall advise on all legal matters connected with the affairs of Brunei Darussalam referred to him by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan or by the Government.

(3) The Attorney General shall have power exercisable at his discretion to institute, conduct or discontinue any proceedings for an offence other than —

(a) proceedings before a Syariah Court, subject to the provisions of any written law to the contrary; or

(b) proceedings before a Court Martial, subject to the provisions of any written law to the contrary.

(4) Dalam menjalankan kuasa ini, Peguam Negara tidak boleh tertakluk kepada arahan atau kawalan mana-mana orang atau pihak berkuasa.

(5) Peguam Negara hendaklah mempunyai hak untuk hadir dan bercakap di dalam, dan hendaklah mendapat keutamaan daripada mana-mana orang lain yang hadir di hadapan, mana-mana mahkamah atau tribunal di dalam Negara Brunei Darussalam.

(6) Peguam Negara hendaklah memegang jawatan selama tempoh selagi diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, akan tetapi dia boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya.

Bahasa rasmi. *[S 65/04]*

82. (1) Bahasa rasmi bagi Negara Brunei Darussalam adalah Bahasa Melayu.

(2) Versi rasmi dalam Bahasa Inggeris hendaklah diadakan mengenai sesuatu perkara yang, menurut Perlembagaan ini atau menurut sebarang undang-undang bertulis atau menurut Peraturan-Peraturan Mesyuarat, dikehendaki untuk dicetak atau ditulis, dan versi tersebut hendaklah, samalah juga dengan versi rasmi dalam Bahasa Melayu, diterima sebagai naskhah yang sah.

(3) Sekiranya terdapat sebarang kewahaman, pertelingkahan atau percanggahan antara naskhah Bahasa Melayu dan naskhah Bahasa Inggeris Perlembagaan ini, atau apa-apa juar yang dicetak atau ditulis menurut Fasal (2) di atas, maka naskhah Bahasa Melayu hendaklah dipakai.

Keadaan Darurat.

83. (1) Jika pada pendapat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bahawa akan berlaku, terdapat atau telah timbul suatu kejadian darurat atau kejadian yang membahayakan orang ramai yang dengan kerananya keselamatan atau kehidupan ekonomi Negara Brunei Darussalam, atau mana-mana bahagiannya, adalah atau mungkin terancam, sama ada oleh peperangan atau serangan dari luar atau kekacauan dalam negeri, yang sebenarnya atau yang diancam, maka Baginda boleh dengan Pemasyhuran (selepas ini disebut sebagai suatu "Pemasyhuran Darurat") mengisyiharkan suatu keadaan darurat sama ada bagi seluruh Negara Brunei Darussalam atau dalam bahagian Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam Pemasyhuran itu.

[S 65/04]

(4) In the exercise of this power, the Attorney General shall not be subject to the direction or control of any person or authority.

(5) The Attorney General shall have the right of audience in, and shall take precedence over any other person appearing before, any court or tribunal in Brunei Darussalam.

(6) The Attorney General shall hold office during His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan's pleasure, but he may at any time resign his office.

Official language. [S 65/04]

82. (1) The official language of Brunei Darussalam shall be the Malay language.

(2) An official version in the English language shall be provided of anything which, by this Constitution or by any written law or by the Standing Orders, is required to be printed or in writing, and such version shall, in addition to the official Malay version, be accepted as an authentic text.

(3) In the case of any doubt, conflict or discrepancy between the Malay and the English texts of this Constitution, or anything printed or written in accordance with Clause (2), the Malay text shall prevail.

State of Emergency.

83. (1) Whenever it appears to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan that an occasion of emergency or public danger is imminent, exists or has arisen whereby the security or economic life of Brunei Darussalam, or any part thereof, is or may be threatened, whether by war or external aggression or internal disturbance, actual or threatened, he may by Proclamation (hereinafter referred to as a "Proclamation of Emergency") declare a state of emergency either in the whole of Brunei Darussalam or in such part of Brunei Darussalam as may be specified in the Proclamation.

[S 65/04]

(2) Pemasyhuran Darurat tidak boleh berkuatkuasa lebih dari 2 tahun, akan tetapi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berhak mengeluarkan satu lagi Pemasyhuran sedemikian apabila atau sebelum tamatnya tempoh itu.

[S 65/04]

(2A) Dengan tidak menghiraukan Fasal (2), Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan satu lagi Pemasyhuran sedemikian mengisyiharkan pemberhentian suatu keadaan darurat bagi seluruh Negara Brunei Darussalam atau dalam bahagian Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam Pemasyhuran itu sebelum tamat tempoh 2 tahun.

[S 65/04]

(3) Apabila suatu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran tersebut berkuatkuasa, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat apa jua Perintah pun yang Baginda fikirkan dikehendaki bagi kepentingan orang ramai; dan boleh menetapkan hukuman-hukuman yang boleh dikenakan kerana sebarang kesalahan terhadap mana-mana Perintah tersebut; dan boleh membuat peruntukan bagi perbicaraan orang-orang yang dituduh melakukan kesalahan-kesalahan tersebut oleh mana-mana mahkamah.

[S 65/04]

(4) Tanpa menjaskan keluasan makna Fasal (3), Perintah-Perintah sedemikian boleh dibuat berhubung dengan sebarang perkara yang termasuk dalam jenis-jenis perkara yang disebutkan satu persatu selepas ini, iaitu —

[S 65/04]

(a) penapisan, kawalan dan penahanan penerbitan-penerbitan, tulisan-tulisan, peta-peta, pelan-pelan, gambar-gambar, perhubungan-perhubungan dan alat-alat perhubungan;

[S 65/04]

(b) penangkapan, penahanan, tegahan dari memasuki negeri dan pembuangan negeri;

(c) kawalan ke atas pelabuhan-pelabuhan dan perairan wilayah Negara Brunei Darussalam dan ke atas pergerakan kapal-kapal;

(d) pengangkutan dengan jalan darat, udara atau air dan kawalan pengangkutan dan pergerakan orang-orang, binatang-binatang dan barang-barang;

(2) No Proclamation of Emergency shall be in force for more than 2 years, without prejudice, however, to the right of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan to issue another such Proclamation at or before the end of that period.

[S 65/04]

(2A) Notwithstanding Clause (2), His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may by another such Proclamation declare the cessation of a state of emergency in the whole of Brunei Darussalam or in such part of Brunei Darussalam as may be specified in the Proclamation before the end of 2 years.

[S 65/04]

(3) When a Proclamation of Emergency has been made and so long as such Proclamation is in force, His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may make any Orders whatsoever which he considers desirable in the public interest; and may prescribe penalties which may be imposed for any offence against any such Order; and may provide for the trial by any court of persons charged with such offences.

[S 65/04]

(4) Without prejudice to the generality of Clause (3), such Orders may be made with regard to any matters coming within the classes of subject hereinafter enumerated, that is to say —

[S 65/04]

(a) censorship, the control and suppression of publications, writings, maps, plans, photographs, communications and means of communication;

[S 65/04]

(b) arrest, detention, exclusion and deportation;

(c) control of the harbours, ports and territorial waters of Brunei Darussalam, and of the movements of vessels;

(d) transportation by land, air or water and the control of the transport and movement of persons, animals and things;

(e) perdagangan, penyimpanan, pengeksportan, pengimportan, pengeluaran dan pengilangan;

(f) pembekalan dan pembahagian makanan, air, bahan bakar, api dan keperluan-keperluan lain;

(g) pengambilan, kawalan, perampasan dan pelupusan harta dan penggunaannya;

(h) memberikan kuasa-kuasa kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan lain-lain;

(i) mengarahkan orang-orang untuk membuat kerja atau memberikan perkhidmatan-perkhidmatan;

(j) menubuhkan sebuah pasukan polis khas;

(k) penubuhan tribunal-tribunal dan badan-badan lain bagi maksud memutuskan sebarang perkara yang dinyatakan dalam mana-mana Perintah sedemikian;

[S 65/04]

(l) pengubahsuaian, pindaan, penggantian atau penggantungan semua atau mana-mana peruntukan sebarang undang-undang bertulis;

(m) memasuki, dan menggeledah, bangunan-bangunan atau tempat-tempat lain, dan memeriksa dan menyosyal siasat orang-orang;

(n) menetapkan bayaran atau pembayaran lain; dan

[S 65/04]

(o) kawalan, pengeksplotasian, penggunaan, pelupusan, pengambilan atau penghantaran apa juar sumber asli.

[S 65/04]

(5) Dengan tidak menghiraukan sebarang apa pun yang terkandung dalam Bahagian VIII, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan mana-mana Perintah sedemikian, membuat semua peruntukan kewangan yang difikirkan perlu oleh Baginda selama tempoh darurat itu, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam, dan bagi pembayaran gantirugi kerana pekerjaan yang dikehendaki dibuat secara paksa, dan bagi harta yang diambil secara paksa.

[S 65/04]

(e) trading, storage, exportation, importation, production and manufacture;

(f) supply and distribution of food, water, fuel, light and other necessities;

(g) appropriation, control, forfeiture and disposition of property and the use thereof;

(h) conferring powers on public officers and others;

(i) requiring persons to do work or render services;

(j) constituting a special police force;

(k) formation of tribunals and other bodies for the purpose of deciding any matters specified in any such Orders;

[S 65/04]

(l) modification, amendment, supersession or suspension of all or any of the provisions of any written law;

(m) entry into, and search of, premises or other places, and search and interrogation of persons;

(n) prescribing fees or other payments; and

[S 65/04]

(o) control, exploitation, use, disposition, appropriation or deployment of any natural resources.

[S 65/04]

(5) Notwithstanding anything contained in Part VIII, His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may, by any such Order, make all such financial provisions as he thinks necessary during the period of the emergency, including provision for the public service, and for the payment of compensation for work required compulsorily to be undertaken, and for property compulsorily taken.

[S 65/04]

(6) Mana-mana Perintah yang dibuat di bawah Perkara ini hendaklah berjalan kuatkuasanya pada hari Perintah itu diperbuat melainkan jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan memerintahkan sebaliknya.

[S 65/04]

(7) Tiap-tiap Perintah yang dibuat di bawah Perkara ini hendaklah, pada persidangan Majlis Mesyuarat Negara yang akan datang, dibentangkan di hadapan Majlis itu dan Majlis itu boleh membuat ketetapan bahawa mana-mana Perintah sedemikian hendaklah, setakat dan mulai dari tarikh sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam ketetapan itu, sama ada terhenti daripada berkuatkuasa (dan terhentinya daripada berkuatkuasa itu hendaklah, jika diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, berkuatkuasa sama seperti pemansuhan suatu undang-undang bertulis) atau diluluskan oleh Majlis itu.

[S 65/04]

(8) Perintah-Perintah sedemikian atau terhentinya Perintah-Perintah sedemikian daripada berkuatkuasa, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan* sebaik sahaja keadaan mengizinkan.

[S 65/04]

(9) Mana-mana Perintah yang dibuat di bawah Perkara ini hendaklah, jika Pemasyhuran Darurat itu menentukan sebahagian Negara Brunei Darussalam sahaja, berkuatkuasa di dalam bahagian itu sahaja:

[S 65/04]

Dengan syarat bahawa jika, ketika sesuatu Pemasyhuran Darurat sedang berkuatkuasa di dalam mana-mana bahagian Negara Brunei Darussalam, satu lagi Pemasyhuran Darurat dibuat berhubung dengan mana-mana bahagian lain Negara Brunei Darussalam, maka mana-mana Perintah yang sudah dibuat dan masih berkuatkuasa apabila Pemasyhuran yang kemudian itu berjalan kuatkuasanya, hendaklah, dengan serta-merta, berkuatkuasa di dalam bahagian Negara Brunei Darussalam yang dinyatakan dalam Pemasyhuran yang kemudian itu.

(10) Tiap-tiap Perintah yang dibuat menurut Perkara ini, dan tiap-tiap Surat Perintah yang dibuat menurut mana-mana Perintah yang sedemikian, hendaklah berkuatkuasa sungguh pun berlawanan dengan apa yang terkandung dalam Perlembagaan ini atau sebarang undang-undang bertulis.

[S 65/04]

(6) Any Order made under this Article shall, unless His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan otherwise directs, come into force on the day on which it is made.

[S 65/04]

(7) Every Order made under this Article shall, at the next meeting of the Legislative Council, be laid before that Council and that Council may resolve that any such Order shall, to the extent and as from such date as may be specified in such resolution, either cease to have effect (and any such cessation shall, if assented to by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, have the same effect as the repeal of a written law) or be passed by that Council.

[S 65/04]

(8) Such Orders or cessation of such Orders, as the case may be, shall be published in the *Gazette* as soon as circumstances permit.

[S 65/04]

(9) Any Order made under this Article shall, if the Proclamation of Emergency specified only part of Brunei Darussalam, have effect only in such part:

[S 65/04]

Provided that if, while a Proclamation of Emergency is in force in any part of Brunei Darussalam, another Proclamation of Emergency is made in respect of any other part of Brunei Darussalam, any Order already made and still in force when the last Proclamation comes into operation shall, forthwith, have effect in the part of Brunei Darussalam specified in the last Proclamation.

(10) Every Order made in pursuance of this Article, and every instrument made in pursuance of any such Order, shall have effect notwithstanding anything inconsistent therewith contained in this Constitution or in any written law.

[S 65/04]

Perkecualian Akta-Akta, Pemasyhuran-Pemasyhuran dan Perintah-Perintah. [S 65/04]

83A. (1) Adalah dengan ini diisytiharkan bagi mengelakkan kewahaman bahawa setiap undang-undang yang ada termasuk —

- (a) tiap-tiap satu Pemasyhuran Darurat yang mengisyiharkan suatu keadaan Darurat di dalam Negara Brunei Darussalam yang dibuat di bawah Perkara 83, bermula dengan Pemasyhuran Darurat yang dibuat pada 12hb Disember 1962 dan selepas itu tiap-tiap 2 tahun dan berakhir dengan Pemasyhuran Darurat yang dibuat pada 16 haribulan Muharram Tahun Hijrah 1425 bersamaan dengan 8 haribulan Mac 2004; dan
- (b) tiap-tiap satu Perintah, Surat Perintah, Akta, Undang-Undang atau undang-undang bertulis lain yang dibuat di bawah Perkara 83 sepanjang tempoh darurat yang tersebut itu,

hendaklah dianggap telah diluluskan atau diperbuat dengan sahnya, untuk berkuatkuasa sepenuhnya dan mempunyai kuatkuasa sepenuhnya mulai dari tarikh Pemasyhuran, Perintah, Surat Perintah, Akta, Undang-Undang atau undang-undang bertulis lain itu diisytiharkan atau dibuat meskipun Pemasyhuran, Perintah, Surat Perintah, Akta, Undang-Undang atau undang-undang bertulis lain itu berlawanan dengan mana-mana peruntukan Perlembagaan ini; dan Pemasyhuran, Perintah, Surat Perintah, Akta, Undang-Undang atau undang-undang bertulis lain itu yang disebut dalam perenggan-perenggan (a) dan (b) hendaklah dianggap telah sempurna dibentangkan di hadapan dan diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negara menurut Fasal (7) Perkara 83.

(2) Pada tamatnya tempoh 6 bulan bermula dari tarikh suatu Pemasyhuran Darurat yang dibuat selepas 16 haribulan Muharram Tahun Hijrah 1425 bersamaan dengan 8 haribulan Mac 2004 terhenti daripada berkuatkuasa, sebarang Pemasyhuran, Perintah, Surat Perintah, Akta, Undang-Undang atau undang-undang bertulis lain yang dibuat di bawah Perkara 83 sepanjang tempoh darurat yang tersebut itu dan, setakat mana ia tidak mungkin dibuat dengan sahnya jika tidak kerana Perkara 83, sebarang Pemasyhuran, Perintah, Surat Perintah, Akta, Undang-Undang atau undang-undang bertulis lain yang dibuat ketika Pemasyhuran itu berkuatkuasa, hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa kecuali tentang perkara-perkara yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan sebelum tamatnya tempoh tersebut.

Saving of Acts, Proclamations and Orders. [S 65/04]

83A. (1) It is hereby declared for the avoidance of doubt that every existing law including —

(a) each and every Proclamation of Emergency declaring a state of emergency in Brunei Darussalam made under Article 83, commencing with the Proclamation of Emergency made on 12th December 1962 and thereafter every 2 years or thereabouts and ending with the Proclamation of Emergency made on the 16th day of Muharram 1425 Hijriah corresponding to the 8th day of March 2004; and

(b) each and every Order, Instrument, Act, Enactment or other written law made under Article 83 during any such period of emergency,

shall be deemed to have been validly passed or made, to be fully effectual and to have had full force and effect from the date on which such Proclamation, Order, Instrument, Act, Enactment or other written law was declared or made even if such Proclamation, Order, Instrument, Act, Enactment or other written law was inconsistent with any provision of this Constitution; and the said Proclamation, Order, Instrument, Act, Enactment or other written law referred to in paragraphs (a) and (b) shall be deemed to have been duly laid before and passed by the Legislative Council in accordance with Clause (7) of Article 83.

(2) At the expiration of a period of 6 months beginning with the date on which a Proclamation of Emergency made after the 16th day of Muharram 1425 Hijriah corresponding to the 8th day of March 2004 ceases to be in force, any Proclamation, Order, Instrument, Act, Enactment or other written law made under Article 83 during any such period of emergency and, to the extent that it could not have been validly made but for Article 83, any Proclamation, Order, Instrument, Act, Enactment or other written law made while the Proclamation was in force, shall cease to have effect except as to things done or omitted to be done before the expiration of that period.

Kesan Perlembagaan ke atas Hak Kedaulatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. [S 65/04]

84. (1) Kerajaan hendaklah diatur perjalannya menurut peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini, dan bentuk Kerajaan itu tidak boleh diubah kecuali menurut kuasa yang diberikan oleh Perkara 85.

[S 65/04]

(2) Tiada sebarang apa pun dalam Perlembagaan ini boleh dianggap mengurangkan hak dan kuasa kedaulatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan, bagi mengelakkan kewahaman, maka adalah diisyiharkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berkuasa untuk membuat undang-undang dan memasyurkan lagi satu Bahagian atau Bahagian-Bahagian Perlembagaan ini dari masa ke semasa jika difikirkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan elok diperbuat demikian.

[S 65/04]

Lantikan ke jawatan-jawatan tertentu. [S 32/04; S 65/04]

84A. (1) Tiada sesiapa pun boleh dilantik untuk menyandang mana-mana jawatan yang ditentukan dalam Jadual Ketiga melainkan jika dia itu seorang warganegara Negara Brunei Darussalam berbangsa Melayu yang berugama Islam.

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dengan Perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* meminda Jadual Ketiga.

Kekebalan. [S 65/04]

84B. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak pandai berbuat salah sama ada atas sifat peribadi atau rasmi Baginda. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak boleh dibicarakan di dalam mana-mana mahkamah berkaitan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan oleh Baginda dalam masa atau selepas pemerintahan Baginda sama ada atas sifat peribadi atau rasmi Baginda.

(2) Mana-mana orang yang bertindak bagi pihak, atau dengan titah perkenan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak boleh dibicarakan di dalam mana-mana mahkamah berkaitan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan oleh orang itu atas sifat rasmi orang itu:

Effect of Constitution on His Majesty's Prerogatives. [S 65/04]

84. (1) The Government shall be regulated in accordance with the provisions of this Constitution, and the form of the Government shall not be altered save in pursuance of the power conferred by Article 85.

[S 65/04]

(2) Nothing in this Constitution shall be deemed to derogate from the prerogative powers and jurisdiction of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan and, for the avoidance of doubt, it is declared that His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan retains the power to make laws and to proclaim a further Part or Parts of the law of this Constitution as to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan from time to time may seem expedient.

[S 65/04]

Appointment to specified offices. [S 32/04; S 65/04]

84A. (1) No person shall be appointed to any office specified in the Third Schedule unless he is a citizen of Brunei Darussalam of the Malay race professing the Islamic Religion.

(2) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may by Order published in the *Gazette* amend the Third Schedule.

Immunity. [S 65/04]

84B. (1) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan can do no wrong in either his personal or any official capacity. His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall not be liable to any proceedings whatsoever in any court in respect of anything done or omitted to have been done by him during or after his reign in either his personal or any official capacity.

(2) Any person acting on behalf, or under the authority, of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall not be liable to any proceedings whatsoever in any court in respect of anything done or omitted to have been done by him in his official capacity:

Dengan syarat bahawa, tertakluk kepada Perkara 84C, peruntukan boleh dibuat dengan undang-undang bertulis untuk membawa langkah perbicaraan terhadap Kerajaan atau mana-mana pegawai, pekerja atau ejennya, tetapi bukan terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, berkaitan dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan semasa melaksanakan tugas-tugas pemerintahan Negara Brunei Darussalam.

(3) Sebarang undang-undang yang disebut dalam proviso kepada Fasal (2) tidaklah boleh dianggap sebagai suatu pindaan kepada Perlembagaan ini.

Tiada kajian semula kehakiman. [S 65/04]

84C. (1) Remedi bagi kajian semula kehakiman tiada dan tidak boleh didapati di Negara Brunei Darussalam.

(2) Bagi mengelakkan kewahaman, kajian semula kehakiman tiada dan tidak boleh diadakan di dalam mana-mana mahkamah mengenai apa-apa perbuatan, keputusan, pemberian, pembatalan atau penggantungan, atau keengganan atau peninggalan daripada berbuat demikian, sebarang perjalanan atau keengganan atau peninggalan daripada menjalankan sebarang kuasa, autoriti atau budibicara oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, atau mana-mana pihak yang bertindak bagi pihak Baginda atau dengan titah perkenan Baginda atau dalam melaksanakan sebarang tugas awam, di bawah peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini atau sebarang undang-undang bertulis atau pun selainnya, termasuk apa jua perkara yang berhubung dengan pematuhan sebarang kehendak prosedur yang mengawal perbuatan atau keputusan tersebut.

(3) Dalam Perkara ini, "kajian semula kehakiman" bermakna perbicaraan yang dimulakan dengan apa jua cara pun termasuk, tetapi tidak terhad kepada, perbicaraan dengan cara —

- (a) suatu permohonan bagi sebarang perintah prerogatif *mandamus*, larangan dan *certiorari*;
- (b) suatu permohonan bagi suatu pengisyiharan atau injunksi;
- (c) suatu writ *habeas corpus*; dan

Provided that, subject to Article 84C, provision may be made by written law for the bringing of proceedings against the Government or any officer, servant or agent thereof, but not His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, in respect of wrongs committed in the course of carrying on the government of Brunei Darussalam.

(3) Any such law as is referred to in the proviso to Clause (2) shall not be deemed to be an amendment to this Constitution.

No judicial review. [S 65/04]

84C. (1) The remedy of judicial review is and shall not be available in Brunei Darussalam.

(2) For the avoidance of doubt, there is and shall be no judicial review in any court of any act, decision, grant, revocation or suspension, or refusal or omission to do so, any exercise of or refusal or omission to exercise any power, authority or discretion by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, or any party acting on his behalf or under his authority or in the performance of any public function, under the provisions of this Constitution or any written law or otherwise, including any question relating to compliance with any procedural requirement governing such act or decision.

(3) In this Article, “judicial review” means proceedings instituted by any manner whatsoever including, but not limited to, proceedings by way of—

- (a) an application for any of the prerogative orders of *mandamus*, *prohibition* and *certiorari*;
- (b) an application for a declaration or an injunction;
- (c) a writ of *habeas corpus*; and

(d) mana-mana guaman atau tindakan lain berhubung dengan atau berbangkit dari apa-apa perbuatan, keputusan, pemberian, pembatalan atau penggantungan, atau keengganan atau peninggalan daripada berbuat demikian, sebarang perjalanan atau keengganan atau peninggalan daripada menjalankan sebarang kuasa, autoriti atau budibicara yang diberikan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, atau mana-mana pihak yang bertindak bagi pihak Baginda atau dengan titah perkenan Baginda atau dalam melaksanakan sebarang tugas awam, di bawah peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini atau sebarang undang-undang bertulis atau pun selainnya.

(4) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak boleh dikehendaki untuk memberi sebarang alasan kerana apa-apa perbuatan, keputusan, pemberian, pembatalan atau penggantungan, atau keengganan atau peninggalan daripada berbuat demikian, sebarang perjalanan atau keengganan atau peninggalan daripada menjalankan sebarang kuasa, autoriti atau budibicara di bawah peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini atau sebarang undang-undang bertulis atau pun selainnya.

Kuatkuasa undang-undang di luar negeri. [S 65/04]

84D. Undang-Undang Negara Brunei Darussalam boleh berkuatkuasa di luar negeri, dengan syarat ia dinyatakan demikian dalam undang-undang tersebut.

BAHAGIAN XII

PINDAAN DAN TAFSIRAN PERLEMBAGAAN

[S 65/04]

Pindaan Perlembagaan.

85. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan Pemasyhuran, meminda, menambah atau membatalkan sebarang peruntukan Perlembagaan ini termasuk Perkara ini; dan Perlembagaan ini tidak boleh dipinda, ditambah atau dibatalkan dengan cara lain.

[S 65/04]

(d) any other suit or action relating to or arising out of any act, decision, grant, revocation or suspension, or refusal or omission to do so, any exercise of or refusal or omission to exercise any power, authority or discretion conferred on His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, or any party acting on his behalf or under his authority or in the performance of any public function, under the provisions of this Constitution or any written law or otherwise.

(4) Save as provided in this Constitution, His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall not be required to assign any reason for any act, decision, grant, revocation or suspension, or refusal or omission to do so, any exercise of or refusal or omission to exercise any power, authority or discretion under the provisions of this Constitution or any written law or otherwise.

Extra-territorial effect of laws. *[S 65/04]*

84D. Laws of Brunei Darussalam may have extra-territorial effect, provided it is so stated in such laws.

PART XII

**AMENDMENT AND INTERPRETATION
OF CONSTITUTION**

[S 65/04]

Amendment of Constitution.

85. (1) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may, by Proclamation, amend, add to or revoke any of the provisions of this Constitution including this Article; and this Constitution shall not otherwise be amended, added to or revoked.

[S 65/04]

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah berunding dengan Majlis Mesyuarat Di-Raja jika hendak menjalankan kuasa-kuasa yang terletak dalam tangan Baginda menurut Perkara ini tetapi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak terikat untuk bertindak mengikut nasihat Majlis itu.

[S 65/04]

(3) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tiada boleh membuat sebarang Pemasyhuran bagi meminda atau membatalkan sebarang peruntukan Perlembagaan ini melainkan jika rang Pemasyhuran itu telah dibentangkan di hadapan Majlis itu untuk membolehkan Majlis Mesyuarat Negara memutuskan sama ada sebarang pindaan kepada rang Pemasyhuran itu patut dibuat.

[S 65/04]

(4) Jika pindaan-pindaan tiada disyorkan oleh Majlis Mesyuarat Negara dalam masa 14 hari, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh terus mengisyiharkan Pemasyhuran itu; jika pindaan-pindaan disyorkan oleh Majlis Mesyuarat Negara dalam masa 14 hari, Yang Di-Pertua hendaklah, dalam masa 14 hari dari tarikh Majlis Mesyuarat Negara membuat syor tersebut, menyembahkan suatu laporan ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan memberikan suatu ringkasan perbahasan itu dan alasan-alasan bagi pindaan-pindaan yang disyorkan itu.

[S 65/04]

(5) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan setelah memberi pertimbangan kepada laporan Yang Di-Pertua boleh mengisyiharkan bahawa Pemasyhuran itu hendaklah berkuatkuasa di bawah Fasal (1) sama ada dalam bentuk ia telah dibentangkan di hadapan Majlis Mesyuarat Negara atau dengan pindaan-pindaan sebagaimana yang difikirkan patut oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

[S 65/04]

(2) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall consult the Privy Council in relation to the exercise of the powers vested in him by this Article but His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan is not bound to act in accordance with the advice of that Council.

[S 65/04]

(3) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall not make any Proclamation for the amendment or revocation of any provision of this Constitution unless a draft of the Proclamation has been laid before that Council to enable the Legislative Council to determine if any amendments to the draft of the Proclamation should be made.

[S 65/04]

(4) If no amendments are proposed by the Legislative Council within 14 days, His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may proceed to declare the Proclamation; if amendments are proposed by the Legislative Council within 14 days, the Speaker shall, within 14 days of that Council making the proposal, submit a report to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan giving a summary of the debate and the reasons for the proposed amendments.

[S 65/04]

(5) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan having considered the report of the Speaker may declare that the Proclamation shall have effect under Clause (1) either in the form in which it was laid before the Legislative Council or with such amendments as His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall think fit.

[S 65/04]

Tribunal Tafsiran.

86. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh merujukkan apa jua perkara yang melibatkan, berbangkit dari, berkenaan dengan, atau berhubung dengan, makna, tafsiran, tujuan, pengertian, bidang atau kesan mana-mana peruntukan Perlembagaan ini kepada Tribunal Tafsiran yang ditubuhkan menurut Fasal (7) untuk diputuskan olehnya.

[S 65/04]

(2) Apabila sebarang perkara sedemikian timbul dalam mana-mana perbicaraan undang-undang di hadapan mana-mana mahkamah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh mengarahkan supaya mahkamah itu merujukkan perkara tersebut kepada Tribunal Tafsiran atau mahkamah itu hendaklah merujukkan perkara tersebut ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan suatu penghujahan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah merujukkan perkara tersebut kepada Tribunal Tafsiran, dan setelah menerima rujukan tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh merujukkan perkara itu kepada Tribunal Tafsiran:

Dengan syarat bahawa mahkamah itu tidak boleh merujukkan perkara tersebut kepada Tribunal Tafsiran, sekiranya perkara tersebut telah pun diputuskan oleh Tribunal Tafsiran.

[S 65/04]

(3) Jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak merujukkan perkara tersebut kepada Tribunal Tafsiran, maka Baginda hendaklah menyebabkan mahkamah yang membuat rujukan mengenai perkara tersebut diberitahu, dan mahkamah itu hendaklah meneruskan perbicaraan di hadapannya.

[S 65/04]

(4) Keputusan dari kebanyakan ahli Tribunal Tafsiran ke atas apa jua perkara yang dirujukkan kepadanya di bawah Perkara ini hendaklah dianggap sebagai suatu keputusan Tribunal itu; dan mana-mana keputusan Tribunal itu hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, dan boleh dibuktikan dalam mahkamah dengan menunjukkan *Warta Kerajaan* itu.

[S 65/04]

Interpretation Tribunal.

86. (1) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may refer any question involving, arising from, relating to, or in connection with, the meaning, interpretation, purpose, construction, ambit or effect of any of the provisions of this Constitution to the Interpretation Tribunal established in accordance with Clause (7) for its determination.

[S 65/04]

(2) When any such question arises in any legal proceedings before any court, His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may direct that court to refer such question to the Interpretation Tribunal or that court shall refer such question to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, with a submission that His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan should refer that question to the Interpretation Tribunal, and upon receiving such reference His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may refer such question to the Interpretation Tribunal:

Provided that the court shall not refer such question which has already been decided by the Interpretation Tribunal.

[S 65/04]

(3) If His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan does not refer such question to the Interpretation Tribunal, he shall cause the court by whom the reference thereof was made to be so informed, and the court shall thereupon proceed with the determination of the legal proceedings before it.

[S 65/04]

(4) The decision of a majority of the Interpretation Tribunal upon any question referred to it under this Article shall be deemed to be a decision of the Tribunal; and any decision of the Tribunal shall be in writing and shall be published in the *Gazette*, and may be proved by production of the *Gazette*.

[S 65/04]

(5) Dalam hal suatu rujukan yang dibuat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan kepada Tribunal Tafsiran menurut suatu rujukan di bawah Fasal (2), maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah menyebabkan supaya keputusan Tribunal Tafsiran itu disampaikan kepada mahkamah yang telah merujukkan perkara tersebut dan, dalam hal sedemikian, mahkamah itu boleh membuat peruntukan yang adil tentang perbelanjaan, dan yang telah dilakukan oleh, rujukan tersebut.

[S 65/04]

(6) Keputusan Tribunal Tafsiran tentang apa jua perkara yang dirujukkan kepadanya di bawah Perkara ini hendaklah terikat dan muktamad ke atas semua orang, dan tidak boleh dipersoalkan di dalam atau tertakluk kepada sebarang kajian semula oleh atau rayuan kepada mana-mana mahkamah.

[S 65/04]

(7) Tribunal Tafsiran hendaklah terdiri daripada 3 orang ahli —

(a) seorang Pengerusi yang merupakan orang yang memegang atau telah memegang jawatan kehakiman yang tinggi di mana-mana negara, atau telah menjalankan amalan undang-undang sekurang-kurangnya selama 20 tahun di mana-mana negara;

(b) seorang ahli yang merupakan orang yang telah menjalankan amalan undang-undang sekurang-kurangnya selama 10 tahun di mana-mana negara; dan

(c) seorang ahli yang merupakan orang dari mana-mana negara yang berugama Islam yang memegang atau telah memegang jawatan dalam perundangan Islam atau mahir dalam bidang perundangan dan hukum ugama Islam.

Pengerusi dan ahli-ahli lain itu hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan Surat Perintah yang dicap dengan Mohor Kerajaan, dan hendaklah memegang jawatan selama tempoh selagi diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

[S 65/04]

(5) In the case of a reference made by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan to the Interpretation Tribunal pursuant to a reference under Clause (2), His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall cause the determination of the Interpretation Tribunal to be communicated to the court by which the question has been referred and, in such case, that court may make such provision as may be just as to the costs of, and incurred by, such reference.

[S 65/04]

(6) The determination of the Interpretation Tribunal in any question referred to it under this Article shall be binding and conclusive upon all persons, and shall not be called in question in or be subject to any review by or appeal to any court.

[S 65/04]

(7) The Interpretation Tribunal shall consist of 3 members —

(a) a Chairman who shall be a person who holds or has held high judicial office in any country, or has for at least 20 years been engaged in legal practice in any country;

(b) one member who shall be a person who has for at least 10 years been engaged in legal practice in any country; and

(c) one member who shall be a person from any country who professes the Islamic Religion who holds or has held office in Islamic law or is an expert in Islamic law and jurisprudence.

The Chairman and other members shall be appointed by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan by Instrument under the State Seal, and shall hold office during His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan's pleasure.

[S 65/04]

(8) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dari masa ke semasa membuat, memindah atau membatalkan aturan-aturan berhubung dengan prosedur yang mesti diikuti dalam merujukkan atau memutuskan perkara-perkara di bawah Perkara ini, dan boleh membuat penyusunan-penyusunan tentang saraan yang hendak dibayar kepada ahli-ahli Tribunal Tafsiran dan saraan itu hendaklah dikenakan ke atas Kumpulanwang Yang Disatukan.

[S 65/04]

(9) Tribunal Tafsiran boleh menyimpang dari apa-apa keputusannya yang terdahulu.

[S 65/04]

Pencetakan semula Perlembagaan yang dibenarkan. [S 65/04]

87. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dari masa ke semasa, memberi kuasa kepada Peguam Negara untuk menyebabkan supaya dicetak dan disiarkan pencetakan semula Perlembagaan ini yang kemaskini, dengan memasukkan di dalamnya semua pindaan yang berkuatkuasa pada tarikh pemberian kuasa tersebut.

(2) Sebarang pencetakan semula Perlembagaan ini yang dicetak dan disiarkan di bawah Fasal (1) hendaklah dianggap sebagai dan adalah, tanpa dipersoalkan pun di dalam semua mahkamah dan bagi segala maksud pun, naskhah yang sah Perlembagaan ini yang berkuatkuasa mulai dari tarikh yang dinyatakan dalam pencetakan semula itu sehingga digantikan dengan pencetakan semula yang berikutnya atau kemudiannya.

(3) Dalam menyediakan dan menyusun sebarang pencetakan semula di bawah Fasal (1), Peguam Negara hendaklah mempunyai, dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian yang perlu, segala kuasa yang diberikan kepadanya oleh Akta Penyemakan Undang-Undang (Penggal 1).

(8) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may from time to time make, amend or revoke rules relating to the procedure to be followed in referring or determining questions under this Article, and may make arrangements as to the remuneration to be paid to members of the Interpretation Tribunal, which remuneration shall be charged on the Consolidated Fund.

[S 65/04]

(9) The Interpretation Tribunal may depart from any of its previous decisions.

[S 65/04]

Authorised reprints of Constitution. [S 65/04]

87. (1) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may, from time to time, authorise the Attorney General to cause to be printed and published an up-to-date reprint of this Constitution, incorporating therein all amendments in force at the date of such authorisation.

(2) Any reprint of this Constitution printed and published under Clause (1) shall be deemed to be and shall be, without any question whatsoever in all courts and for all purposes whatsoever, the authentic text of this Constitution in force as from the date specified in that reprint until superseded by the next or a subsequent reprint.

(3) In the preparation and compilation of any reprint under Clause (1), the Attorney General shall have, with the necessary modifications, all the powers conferred upon him by the Law Revision Act (Chapter 1).

JADUAL PERTAMA

[S 65/04]

BORANG-BORANG

BORANG I

[S 65/04]

(Perkara 5(4))

SUMPAH ATAU PENGAKUAN YANG DIANGKAT ATAU DIBUAT DAN DITANDATANGANI OLEH SESEORANG AHLI MAJLIS MESYUARAT DI-RAJA

WALLAHİ WA-BILLAHİ WA-TAALLAHİ¹

Saya, sebagai seorang Ahli Rasmi Kerana Jawatan²
setelah dilantik menjadi seorang Ahli²

bagi Majlis Mesyuarat Di-Raja Kebawah Duli Yang Maha Mulia
bersumpah dengan nama ALLAH Yang Maha Kuasa² bahawa, kecuali
dengan sesungguhnya dan tulus ikhlas mengaku²
dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri
Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan saya tidak akan memberitahu secara
langsung atau tidak langsung urusan atau laporan mengenai Majlis
Mesyuarat Di-Raja, atau jenis atau isi mana-mana dokumen yang
disampaikan kepada saya sebagai seorang Ahli Majlis itu, atau apa jua
perkara yang sampai ke pengetahuan saya dalam kedudukan saya sebagai
seorang Ahli Majlis itu dan bahawa dalam segala apa jua pun saya akan
menjadi seorang Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja yang taat lagi setia.

Bertarikh pada hari ini haribulan 20

.....
Tandatangan

¹ Bagi orang Islam sahaja.

² Potong perkataan-perkataan yang tidak dikehendaki.

FIRST SCHEDULE

[S 65/04]

FORMS

FORM I

[S 65/04]

(Article 5(4))

OATH OR DECLARATION TO BE TAKEN OR MADE AND SUBSCRIBED BY A PRIVY COUNCILLOR

WALLAHI WA-BILLAHI WA-TAALLAHI¹

I,	being an <i>ex-officio</i> Member ²
of His Majesty's Privy Council	having been appointed a Member ²
	swear by Almighty ALLAH ²
	solemnly and sincerely declare ²

that, except with the authority of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan I will not directly or indirectly reveal the business or proceedings of the Privy Council, or the nature or contents of any documents communicated to me as a Member of the Council, or any matter coming to my knowledge in my capacity as a Member of the Council and that in all things I will be a true and faithful Privy Councillor.

Dated this day of 20

.....
Signature

¹ For Muslims only.

² Delete words not required.

BORANG II

[S 65/04]

(Perkara-Perkara 6(3) dan 22(2))

SUMPAH YANG DIANGKAT DAN DITANDATANGANI OLEH JURUTULIS KEPADA MAJLIS MESYUARAT DI-RAJA DAN SETIAUSAHA KEPADA MAJLIS MESYUARAT MENTERI-MENTERI KABINET

WALLAHI WA-BILLAHI WA-TAALLAHI

Saya, setelah dilantik menjadi
Jurutulis¹ kepada Majlis Mesyuarat Di-Raja¹
Setiausaha¹ Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet¹
bersumpah dengan nama ALLAH Yang Maha Kuasa bahawa saya tidak akan memberitahu secara langsung atau tidak langsung perkara-perkara yang akan dibahaskan dalam Majlis itu dan dirahsiakan kepada saya, sebaliknya saya akan berkhidmat dengan sebaiknya dan sebenarnya dalam jawatan tersebut sebagai
Jurutulis¹ kepada Majlis Mesyuarat Di-Raja¹
Setiausaha¹ Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet¹

Bertarikh pada hari ini haribulan 20

.....
Tandatangan

¹ Potong perkataan-perkataan yang tidak dikehendaki.

FORM II

[S 65/04]

(Articles 6(3) and 22(2))

OATH TO BE TAKEN AND SUBSCRIBED BY THE CLERK TO THE PRIVY COUNCIL AND THE SECRETARY TO THE COUNCIL OF MINISTERS

WALLAHI WA-BILLAHI WA-TAALLAHI

I, having been appointed
Clerk¹ to the Privy Council¹

Secretary¹ Council of Ministers¹

swear by Almighty ALLAH that I will not directly or indirectly reveal such matters as shall be debated in the Council and committed to my secrecy but that I will well and truly serve in the said office as

Clerk¹ to the Privy Council¹

Secretary¹ Council of Ministers¹

Dated this day of 20

.....
Signature

¹ Delete words not required.

BORANG III

(Perkara 21)

[S 65/04]

SUMPAH ATAU PENGAKUAN YANG DIANGKAT ATAU DIBUAT OLEH SESEORANG AHLI MAJLIS MESYUARAT MENTERI-MENTERI KABINET

[S 65/04]

WALLAHI WA-BILLAHI WA-TAALLAHI¹

Saya, setelah dilantik menjadi seorang Ahli Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet bersumpah dengan nama ALLAH Yang Maha Kuasa² bahawa, kecuali dengan sesungguhnya dan tulus ikhlas mengaku²

dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan saya, tidak akan memberitahu secara langsung atau tidak langsung urusan atau laporan mengenai Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet, atau jenis atau isi mana-mana dokumen yang disampaikan kepada saya sebagai seorang Ahli Majlis itu, atau apa jua perkara yang sampai ke pengetahuan saya dalam kedudukan saya sebagai seorang Ahli Majlis itu, dan bahawa dalam segala apa jua pun saya akan menjadi seorang Ahli Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet yang taat lagi setia.

[S 65/04]

Bertarikh pada hari ini haribulan 20
[S 65/04]

.....
Tandatangan

¹ Bagi orang Islam sahaja.

² Potong perkataan-perkataan yang tidak dikehendaki.

FORM III

(Article 21)

[S 65/04]

OATH OR DECLARATION TO BE TAKEN OR MADE BY A MEMBER OF THE COUNCIL OF MINISTERS

[S 65/04]

WALLAHI WA-BILLAHI WA-TAALLAHI¹

I, having been appointed a Member of
the Council of Ministers _____ swear by Almighty ALLAH²
solemnly and sincerely declare²

that, except with the authority of His Majesty the Sultan and Yang
Di-Pertuan I, will not directly or indirectly reveal the
business or proceedings of the Council of Ministers, or the nature or contents
of any document communicated to me as a Member of the Council, or any
matter coming to my knowledge in my capacity as a Member of the Council,
and that in all things I will be a true and faithful Member of the Council of
Ministers.

[S 65/04]

Dated this day of 20
[S 65/04]

.....
Signature

¹ For Muslims only.

² Delete words not required.

BORANG IV

(Perkara 49)

[S 65/04]

SUMPAH ATAU PENGAKUAN YANG DIANGKAT ATAU DIBUAT DAN DITANDATANGANI OLEH SESEORANG AHLI MAJLIS MESYUARAT NEGARA

[S 65/04]

WALLAHI WA-BILLAHI WA-TAALLAHI¹

Saya, setelah dilantik atau dipilih menjadi seorang Ahli Majlis Mesyuarat Negara bersumpah dengan nama ALLAH Yang Maha Kuasa² bahawa saya akan dengan sesungguhnya dan tulus ikhlas mengaku² dengan sedaya upaya mengikut kebolehan dan fikiran saya, berkhidmat sebagai seorang Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang taat lagi setia.

[S 65/04]

Bertarikh pada hari ini haribulan 20
[S 65/04]

.....
Tandatangan

¹ Bagi orang Islam sahaja.

² Potong perkataan-perkataan yang tidak dikehendaki.

FORM IV

(Article 49)

[S 65/04]

OATH OR DECLARATION TO BE TAKEN OR MADE AND SUBSCRIBED BY A MEMBER OF THE LEGISLATIVE COUNCIL

[S 65/04]

WALLAHI WA-BILLAHI WA-TAALLAHI¹

I, having been appointed or elected
a Member of the Legislative Council swear by Almighty ALLAH²
..... solemnly and sincerely declare²
that I will to the best of my ability and judgment, serve as a true and faithful
Member of the Legislative Council.

[S 65/04]

Dated this day of 20
[S 65/04]

.....

Signature

¹ For Muslims only.

² Delete words not required.

BORANG V

(Perkara 50)

[S 65/04]

**SUMPAH YANG DIANGKAT OLEH JURUTULIS KEPADA
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

[S 65/04]

WALLAHI WA-BILLAHI WA-TAALLAHI

Saya, setelah dilantik menjadi Jurutulis kepada Majlis Mesyuarat Negara bersumpah dengan nama ALLAH Yang Maha Kuasa bahawa saya akan berkhidmat dengan sebaiknya dan sebenarnya dalam jawatan sebagai Jurutulis kepada Majlis Mesyuarat Negara.

[S 65/04]

Bertarikh pada hari ini haribulan 20
[S 65/04]

.....
Tandatangan

FORM V

(Article 50)

[S 65/04]

**OATH TO BE TAKEN BY
THE CLERK TO THE LEGISLATIVE COUNCIL**

[S 65/04]

WALLAHI WA-BILLAHI WA-TAALLAHI

I, having been appointed Clerk to the Legislative Council swear by Almighty ALLAH that I will well and truly serve in the said office of Clerk to the Legislative Council.

[S 65/04]

Dated this day of 20
[S 65/04]

.....
Signature

BORANG VI

(Perkara 76)

[S 65/04]

SUMPAH ATAU PENGAKUAN TAAT SETIA

WALLAHI WA-BILLAHI WA-TAALLAHI¹

Saya, bersumpah dengan nama ALLAH Yang Maha Kuasa²
dengan sesungguhnya dan tulus ikhlas mengaku²

bahawa saya akan taat setia dengan sesungguhnya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan..... dan Pengganti-Pengganti Baginda menurut undang-undang. Bahawa saya akan berkhidmat dengan tiada ketakutan atau berat sebelah dan dengan sedaya upaya mengikut kebolehan dan fikiran saya sebagai seorang kakitangan perkhidmatan awam Negara Brunei Darussalam yang taat lagi setia.

[S 65/04]

Bertarikh pada hari ini haribulan 20
[S 65/04]

.....
Tandatangan

¹ Bagi orang Islam sahaja.

² Potong perkataan-perkataan yang tidak dikehendaki.

FORM VI

(Article 76)

[S 65/04]

OATH OR DECLARATION OF ALLEGIANCE

WALLAHI WA-BILLAHI WA-TAALLAHI¹

I, swear by Almighty ALLAH²
solemnly and sincerely declare²

that I will be faithful and bear true allegiance to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan and His Successors according to law. That I will without fear or favour and to the best of my ability and judgment, serve as a true and faithful member of the public service of Brunei Darussalam.

[S 65/04]

Dated this day of 20
[S 65/04]

.....
Signature

¹ For Muslims only.

² Delete words not required.

JADUAL KEDUA

[S 65/04]

(Perkara 24(1))

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERKENAAN DENGAN MAJLIS MESUARAT NEGARA

Keanggotaan Majlis Mesuarat Negara dan Ahli-Ahlinya.

1. Majlis Mesuarat Negara hendaklah mengandungi tidak lebih daripada 45 orang Ahli seperti berikut —

(a) sehingga 30 orang yang akan dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dari kategori-kategori yang berikut —

- (i) Ahli-Ahli Rasmi Kerana Jawatan yang terdiri daripada Perdana Menteri dan semua Menteri yang dilantik di bawah Perkara 4(3) dari Perlembagaan ini;
- (ii) orang-orang bergelar;
- (iii) orang-orang yang, pada pendapat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, telah menyumbangkan perkhidmatan awam yang cemerlang atau mereka yang tidak termasuk dalam perenggan kecil *(a)(iv)* tetapi boleh, pada pendapat Baginda, menyumbang kepada perbahasan dalam Majlis Mesuarat Negara;
- (iv) orang-orang yang, pada pendapat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, telah mencapai tahap kecemerlangan dalam bidang keugamaan, pengurusan, sebarang profesion, perniagaan, perdagangan, pertanian, aktiviti-aktiviti kebudayaan, kesenian atau kemasyarakatan, atau yang mewakili masyarakat-masyarakat tertentu; dan

SECOND SCHEDULE

[S 65/04]

(Article 24(1))

PROVISIONS RELATING TO LEGISLATIVE COUNCIL

Composition and Membership of the Legislative Council.

1. The Legislative Council shall consist of not more than 45 Members as follows —

- (a) up to 30 persons who shall be appointed by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan from the following categories —
- (i) *ex-officio* Members who comprise the Prime Minister and all the Ministers appointed under Article 4(3) of this Constitution;
 - (ii) titled persons;
 - (iii) persons who, in His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan's opinion, have rendered distinguished public service or who are not within sub-paragraph (a)(iv) but who, in his opinion, will be capable of contributing to the deliberations of the Legislative Council;
 - (iv) persons who, in His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan's opinion, have achieved distinction in the field of religion, management, any profession, business, trade, agriculture, cultural arts or community activities, or who are representatives of particular communities; and

(b) sehingga 15 orang wakil, bilangan sebenarnya hendaklah ditentukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dari Daerah Brunei Muara, Daerah Belait, Daerah Tutong dan Daerah Temburong yang akan dipilih menurut undang-undang berkenaan dengan pilihan raya yang berkuatkuasa di dalam Negara Brunei Darussalam.

Surat Perintah lantikan.

2. Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang dilantik menurut perenggan kecil (a) perenggan 1 hendaklah dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan Surat Perintah yang dicap dengan Mohor Kerajaan.

Tempoh jawatan dan syarat-syarat lantikan.

3. Tiap-tiap Ahli Majlis Mesyuarat Negara akan menduduki kerusinya dalam Majlis itu selama tempoh selagi diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan, tertakluk kepadanya, akan memegang jawatan menurut syarat-syarat sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam Surat Perintah lantikan yang termasuk suatu peruntukan yang menentukan kawasan pemilihan yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

Wakil-Wakil Daerah.

4. (1) Bagi maksud perenggan kecil (b) perenggan 1, Daerah-Daerah hendaklah diwakili dalam Majlis Mesyuarat Negara oleh Ahli-Ahli (dalam Jadual ini disebut sebagai “Wakil-Wakil Daerah”) seperti berikut —

- (a) Daerah Brunei Muara, sehingga 7 orang ahli;
- (b) Daerah Belait, sehingga 3 orang ahli;
- (c) Daerah Tutong, sehingga 3 orang ahli;
- (d) Daerah Temburong, sehingga 2 orang ahli.

(2) Sehingga undang-undang berkenaan dengan pilihan raya berkuatkuasa di dalam Negara Brunei Darussalam untuk memilih Wakil-Wakil Daerah, perenggan-perenggan 5 dan 6 hendaklah berkuatkuasa bagi maksud melantik ahli-ahli tersebut dan lantikan-lantikan tersebut adalah sah bagi maksud perenggan-perenggan 1 dan 4.

(b) up to 15 representatives, the exact number of which shall be determined by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, from Brunei and Muara District, Belait District, Tutong District and Temburong District who shall be elected in accordance with the laws relating to elections in force in Brunei Darussalam.

Instrument of appointment.

2. The Members of the Legislative Council who are appointed in accordance with sub-paragraph (a) of paragraph 1 shall be appointed by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan by Instrument under the State Seal.

Duration and terms of appointment.

3. Every Member of the Legislative Council shall hold his seat in that Council during His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan's pleasure and, subject thereto, shall hold office in accordance with such terms as may be specified in the Instrument of appointment which may include a provision specifying the constituency or electoral area for which he may be made responsible.

District Representatives.

4. (1) For the purpose of sub-paragraph (b) of paragraph 1, the Districts shall be represented in the Legislative Council by Members (in this Schedule referred to as "District Representatives") as follows —

- (a) Brunei and Muara District, up to 7 members;
- (b) Belait District, up to 3 members;
- (c) Tutong District, up to 3 members;
- (d) Temburong District, up to 2 members.

(2) Until laws relating to elections are in force in Brunei Darussalam to elect District Representatives, paragraphs 5 and 6 shall have effect for the purpose of appointing such members and such appointments shall be valid for the purposes of paragraphs 1 and 4.

Penamaan dan lantikan Wakil-Wakil Daerah.

5. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, apabila dianggap patut oleh Baginda, memberitahu Penghulu-Penghulu, Ketua-Ketua Kampong dan Ketua-Ketua Rumah Panjang mengenai bilangan sebenar Wakil-Wakil Daerah yang hendak dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(2) Penghulu-Penghulu, Ketua-Ketua Kampong dan Ketua-Ketua Rumah Panjang hendaklah memilih daripada kalangan mereka sendiri calon-calon untuk dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menjadi Wakil-Wakil Daerah.

(3) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah melantik sebuah Jawatankuasa Pemilihan yang terdiri daripada seorang Pengurus dan 2 orang ahli lain, yang akan memegang jawatan-jawatan mereka selama tempoh selagi diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(4) Jawatankuasa Pemilihan itu hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat sokongan, dari senarai calon-calon yang dihadapkan dalam perenggan kecil (2), orang-orang untuk dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sebagai Wakil-Wakil Daerah dan, dalam membuat sokongan tersebut, Jawatankuasa Pemilihan itu hendaklah mengambil kira kesesuaian orang-orang itu sebagai Wakil-Wakil Daerah.

(5) Sekiranya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menolak mana-mana calon yang disokong oleh Jawatankuasa Pemilihan itu, Penghulu-Penghulu, Ketua-Ketua Kampong dan Ketua-Ketua Rumah Panjang yang berkaitan hendaklah mencadangkan calon-calon lain untuk dipertimbangkan dan proses yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan kecil (4) dan (5) hendaklah diteruskan sehingga semua kerusi yang ditentukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berkaitan dengan perenggan kecil (b) perenggan 1 telah dipenuhi.

Nomination and appointment of District Representatives.

5. (1) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may, whenever His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan deems fit, inform the Penghulus, Ketua Kampong and Ketua Rumah Panjang of the exact number of District Representatives which His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan intends to appoint.

(2) The Penghulus, Ketua Kampong and Ketua Rumah Panjang shall select from amongst themselves candidates for appointment by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan as District Representatives.

(3) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall appoint a Selection Committee comprising a Chairman and 2 other members, who shall hold their positions during His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan's pleasure.

(4) The Selection Committee shall have the power to recommend, from the candidates put forward in sub-paragraph (2), persons for appointment by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan as District Representatives and, in making such recommendation, the Selection Committee shall take into consideration the suitability of such persons as District Representatives.

(5) Should His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan reject any candidates recommended by the Selection Committee, the relevant Penghulus, Ketua Kampong and Ketua Rumah Panjang shall propose alternative candidates for consideration and the process set out in sub-paragraphs (4) and (5) shall continue until all seats determined by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan in respect of sub-paragraph (b) of paragraph 1 have been filled.

Kekosongan.

6. (1) Apabila suatu kekosongan timbul di kalangan Wakil-Wakil Daerah, Yang Di-Pertua hendaklah, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan yang didapatkan terlebih dahulu secara bertulis, memberi notis kepada Pegawai Daerah yang berkenaan supaya pemilihan calon dijalankan.

(2) Penghulu-Penghulu, Ketua-Ketua Kampong dan Ketua-Ketua Rumah Panjang yang berkaitan hendaklah dipanggil oleh Pegawai Daerah untuk menamakan seorang calon atau calon-calon untuk mengisikan kekosongan tersebut, dan proses yang dinyatakan dalam perenggan-perenggan kecil (4) dan (5) perenggan 5 hendaklah dipakai.

Peraturan-peraturan.

7. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud melaksanakan sebarang peruntukan Jadual ini.

Kesahan.

8. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah mempunyai budibicara mutlak untuk memasyhurkan bahawa Majlis Mesyuarat Negara adalah atau telah sempurna dan secara sah ditubuhkan, walaupun Ahli-Ahli tiada dilantik di bawah mana-mana satu atau lebih dari perenggan-perenggan kecil (a)(i) hingga (iv) atau di bawah perenggan kecil (b) perenggan 1.

(2) Tertakluk kepada bilangan maksimum ahli-ahli yang dibenarkan di bawah perenggan 1, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah mempunyai kuasa untuk melantik ahli-ahli tambahan kepada Majlis Mesyuarat Negara selepas membuat Pemasyhuran dalam perenggan kecil (1).

Vacancy.

6. (1) Whenever a vacancy arises amongst District Representatives, the Speaker shall, with the prior written consent of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, give notice to the District Officer concerned that the selection of the candidate be carried out.

(2) The relevant Penghulus, Ketua Kampong and Ketua Rumah Panjang shall be called by the District Officer to nominate a candidate or candidates to fill such vacancy, and the process set out in sub-paragraphs (4) and (5) of paragraph 5 shall apply.

Regulations.

7. His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may make regulations for the purposes of carrying out any provision of this Schedule.

Validity.

8. (1) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall have the absolute discretion to proclaim that the Legislative Council is or has been properly and validly constituted, notwithstanding that no Members have been appointed under any one or more of sub-paragraphs (a)(i) to (iv) or under sub-paragraph (b) of paragraph 1.

(2) Subject to the maximum number of members allowed under paragraph 1, His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall have the power to appoint additional members to the Legislative Council after making the Proclamation in sub-paragraph (1).

JADUAL KETIGA

[S 65/04]

(Perkara 84A(1))

SENARAI JAWATAN-JAWATAN TERTENTU

Juruaudit Agung

Jurutulis kepada Majlis Mesyuarat Di-Raja

Jurutulis kepada Majlis Mesyuarat Negara

Ketua Hakim Syar'ie

Mufti Kerajaan

Peguam Negara

Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Yang Di-Pertua Adat Istiadat

Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara

Setiausaha kepada Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet

THIRD SCHEDULE

[S 65/04]

(Article 84A(1))

LIST OF SPECIFIED OFFICES

Auditor General

Clerk to the Privy Council

Clerk to the Legislative Council

Chief Syar'ie Judge

Mufti Kerajaan

Attorney General

Chairman of the Public Service Commission

Yang Di-Pertua Adat Istiadat

Speaker of the Legislative Council

Secretary to the Council of Ministers

Pengesahan.

Demikianlah kandungannya Perlembagaan Negeri dan Kerajaan Brunei, 1959.

Ucapan doa.

Barang dirahmati ALLAH Subhanahu Wata'ala Malikul Mulk dan diberkati Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam akan Perlembagaan ini kekal selama-lamanya, Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Diperbuat di Lapau, di Brunei pada 26 haribulan Rabiulawal Hijrah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam Seribu tiga ratus tujuh puluh sembilan, bersamaan dengan hitungan Masihi 29 haribulan September Seribu sembilan ratus lima puluh sembilan, iaitu tahun yang kesepuluh Beta di atas Takhta Kerajaan Brunei Darul Salam.

PADA MENYAKSIKAN pengurniaan dan pengesahan Perlembagaan ini dan persetujuan dari Penasihat-Penasihat menurut Adat Istiadat, maka kami telah menurunkan tandatangan-tandatangan kami masing-masing di bawah ini:

Duli Pengiran Bendahara, Dato' Paduka Muda Hashim ibni Pengiran Anak Abdul Rahman, D.P.M.B., P.O.A.S.

Duli Pengiran Pemancha, Dato' Paduka Haji Mohammed Alam ibni Pengiran Anak Abdul Rahman, D.K., D.P.M.B., P.O.A.S., O.B.E.

Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar, Dato' Paduka Haji Mohammed Salleh bin Pengiran Haji Mohammed, D.P.M.B., P.O.A.S.

Pehin Dato' Perdana Menteri, Dato' Paduka Haji Ibrahim bin Mohammed Jahfar, D.K., D.P.M.B., O.B.E., P.O.A.S.

Pehin Orang Kaya Di-Gadong, Awang Haji Mohammed Yussof bin Awang Haji Husain, P.O.A.S.

Pehin Orang Kaya Shahbandar, Haji Ahmad bin Mohammed Daud, P.O.A.S., M.B.E.

Pehin Jawatan Dalam, Awang Haji Mohammed Noor bin Haji Abdul Razak, P.O.A.S.

Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohammed Daud, S.M.B.

Confirmation.

So be it. Such are the contents of the Constitution of the State of Brunei, 1959.

Invocation.

May ALLAH, to Whom be praise and Whose name be exalted, the King of Kings, vouchsafe His grace and may the Prophet Muhammad (on whom be the benediction and peace of ALLAH) grant His Blessing to this Constitution, for ever and ever. Amen! O Lord of the Universe!

Done at the Lapau, at Brunei this 26th day of Rabiulawal the Hijrah of the Prophet (on Whom be the benediction and peace of ALLAH) One thousand three hundred and seventy-nine corresponding to the 29th day of September, One thousand nine hundred and fifty-nine of the Christian era, being the tenth year of the reign of His Highness.

IN WITNESS of the granting and confirmation of this Constitution and of the concurrence and assent of the Traditional Advisers, we have hereunder affixed our respective signatures:

Duli Pengiran Bendahara, Dato' Paduka Muda Hashim ibni Pengiran Anak Abdul Rahman, D.P.M.B., P.O.A.S.

Duli Pengiran Pemancha, Dato' Paduka Haji Mohammed Alam ibni Pengiran Anak Abdul Rahman, D.K., D.P.M.B., P.O.A.S., O.B.E.

Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar, Dato' Paduka Haji Mohammed Salleh bin Pengiran Haji Mohammed, D.P.M.B., P.O.A.S.

Pehin Dato' Perdana Menteri, Dato' Paduka Haji Ibrahim bin Mohammed Jahfar, D.K., D.P.M.B., O.B.E., P.O.A.S.

Pehin Orang Kaya Di-Gadong, Awang Haji Mohammed Yussof bin Awang Haji Husain, P.O.A.S.

Pehin Orang Kaya Shahbandar, Haji Ahmad bin Mohammed Daud, P.O.A.S., M.B.E.

Pehin Jawatan Dalam, Awang Haji Mohammed Noor bin Haji Abdul Razak, P.O.A.S.

Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohammed Daud, S.M.B.

Pehin Laksamana, Haji Mohammed Taha bin Awang Mohammed Husain,
P.O.A.S.

Pengiran Mohammed Yussof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, S.M.B.

Marsal bin Ma'un, S.M.B.

Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Mohammed Salleh, P.O.A.S.

Pehin Dato' Temanggong, Lim Cheng Choo.

Pengiran Anak Safar ibni Al-Marhum Sultan Hashim, P.O.A.S.

Pengiran Anak Khamis ibni Al-Marhum Sultan Hashim, P.O.A.S.

Pehin Laksamana, Haji Mohammed Taha bin Awang Mohammed Husain,
P.O.A.S.

Pengiran Mohammed Yussof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, S.M.B.

Marsal bin Ma'un, S.M.B.

Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Mohammed Salleh, P.O.A.S.

Pehin Dato' Temanggong, Lim Cheng Choo.

Pengiran Anak Safar ibni Al-Marhum Sultan Hashim, P.O.A.S.

Pengiran Anak Khamis ibni Al-Marhum Sultan Hashim, P.O.A.S.

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERKARA-PERKARA PERLEMBAGAAN II PEMASYHURAN MENGANGKAT RAJA DAN MELANTIK PEMANGKU RAJA, 1959

S 98/59

Dipinda oleh
26 tahun 1967
S 75/74
11 tahun 1979
S 28/83

Edisi 1984, Perkara-Perkara Perlembagaan II

Dipinda oleh
E 1/85
S 32/04
S 49/04
S 79/04
S 80/04
S 16/06
S 78/06

LAWS OF BRUNEI

CONSTITUTIONAL MATTERS II SUCCESSION AND REGENCY PROCLAMATION, 1959

S 98/59

Amended by
26 of 1967
S 75/74
11 of 1979
S 28/83

1984 Edition, Constitutional Matters II

Amended by
E 1/85
S 32/04
S 49/04
S 79/04
S 80/04
S 16/06
S 78/06

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERKARA-PERKARA PERLEMBAGAAN II PEMASYHURAN MENGANGKAT RAJA DAN MELANTIK PEMANGKU RAJA, 1959

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

- 1.** Gelaran.
- 2.** Tafsiran.

BAHAGIAN II

SULTAN DAN PENGGANTI-PENGGANTI BAGINDA

- 3.** Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Pengganti-Pengganti Baginda.
- 4.** Orang yang tidak boleh menduduki takhta.
- 5.** Aturan-aturan yang akan dipakai bagi menentukan Waris yang sah yang akan mengantikan Sultan.
- 6.** Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja.
- 7.** Tatacara mesyuarat.
- 8.** Mempersetujui dan mengesahkan Pengganti Sultan.
- 9.** Tiada hak memakai gelaran Duli Pengiran Muda Mahkota.
- 10.** Hak untuk menaiki takhta Kerajaan boleh terhapus dan demikian juga kelebihan-kelebihan.

LAWS OF BRUNEI

CONSTITUTIONAL MATTERS II

SUCCESSION AND REGENCY

PROCLAMATION, 1959

ARRANGEMENT OF SECTIONS

Section

PART I

PRELIMINARY

1. Citation.
2. Interpretation.

PART II

THE SUCCESSION

3. His Majesty and succession to the Sultanate.
4. Person excluded from succession to the throne.
5. Rules to be observed in ascertaining the lawful Heir to the throne.
6. Council of Succession.
7. Procedure.
8. Approval and confirmation of succession to the throne.
9. Wrongful assumption of title of the Sultan's Successor.
10. Right to the succession may be forfeited and privileges may cease in certain circumstances.

BAHAGIAN III

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA ATAU PEMANGKU RAJA TIDAK BERADA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- 11.** Jemaah Pemangku Raja sebelum Kebawah Duli Yang Maha Mulia berumur 18 tahun.
- 12.** Jemaah Pemangku Raja semasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia tidak berdaya sama sekali.
- 13.** Lantikan Jemaah Pemangku Raja atau Pemangku Raja.
- 14.** Sumpah yang diangkat dan ditandatangani oleh Pemangku Raja.
- 15.** Penjagaan dan lain-lain terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam masa Jemaah Pemangku Raja.
- 16.** Keputusan Jemaah Pemangku Raja, korum.
- 17.** Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh melantik seorang Timbalan Sultan untuk menjalankan tugas-tugas Negara bagi pihak Baginda.
- 18.** Pemangku Raja tidak berada di Negara Brunei Darussalam.

BAHAGIAN IV

TURUN TAKHTA

- 19.** Turun takhta.
- 20.** Santapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah turun takhta.
- 21.** Santapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang dianggap telah turun takhta.

BAHAGIAN V

PERMAISURI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

- 22.** Lantikan Raja Isteri dan gelaran Permaisuri Kebawah Duli Yang Maha Mulia.
- 23.** Belanja santapan bagi Permaisuri Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

PART III

THE REGENCY AND ABSENCE FROM BRUNEI DARUSSALAM OF HIS MAJESTY OR REGENT

- 11.** Council of Regency while His Majesty is under 18.
- 12.** Council of Regency during total incapacity of His Majesty.
- 13.** Appointment of a Council of Regency or a Regent.
- 14.** Oath to be taken and subscribed by Regent.
- 15.** Guardianship etc. of His Majesty during Regency.
- 16.** Decision of Council of Regency, quorum.
- 17.** His Majesty may appoint a Deputy to exercise State functions on his behalf.
- 18.** Absence of a Regent from Brunei Darussalam.

PART IV

ABDICTION

- 19.** Abdication.
- 20.** Emoluments of His Majesty who has abdicated.
- 21.** Emoluments of His Majesty who is deemed to have abdicated.

PART V

THE CONSORT OF HIS MAJESTY

- 22.** Appointment of Raja Isteri and title of Consort of His Majesty.
- 23.** Allowances for Consort of His Majesty.

BAHAGIAN VI
TUGAS-TUGAS NEGARA

- 24.** Batasan ke atas perjalanan tugas-tugas Negara.
- 25.** Dasar-dasar yang menjadi asas perjalanan tugas-tugas Negara.
- 26.** Lambang kebesaran Negara, bendera dan lain-lain.
- 27.** Balai dan Istana Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

BAHAGIAN VII
PERUNTUKAN-PERUNTUKAN RAMPAIAN

- 28.** Kesucian.
- 29.** Kuasa untuk memanggil Majlis Mesyuarat Di-Raja bersidang.
- 30.** Memelihara adat istiadat yang sedia ada dan kuasa mengurniakan belanja santapan.
- 30A.** Belanja santapan sagu hati.

BAHAGIAN VIII
PINDAAN DAN TAFSIRAN

- 31.** Pindaan.
- 32.** Tribunal Tafsiran.
- 33.** Naskhah yang dipakai.
- 34.** Tiada kajian semula kehakiman.

**JADUAL — SUMPAH YANG DIANGKAT DAN
DITANDATANGANI OLEH PEMANGKU RAJA**

Pengesahan.

Ucapan doa.

PART VI

STATE FUNCTIONS

- 24.** Limitation on exercise of State functions.
- 25.** Principles underlying the exercise of State functions.
- 26.** State emblems, flags etc.
- 27.** Court and Palace of His Majesty.

PART VII

MISCELLANEOUS PROVISIONS

- 28.** Sanctity.
- 29.** Power to convene Privy Council.
- 30.** Preservation of existing custom and of the right to grant certain pension and allowances.
- 30A.** Compassionate allowances.

PART VIII

AMENDMENT AND INTERPRETATION

- 31.** Amendment.
- 32.** Interpretation Tribunal.
- 33.** Prevailing text.
- 34.** No judicial review.

SCHEDULE — OATH TO BE TAKEN AND SUBSCRIBED BY REGENT

Confirmation.

Invocation.

PEMASYHURAN MENGANGKAT RAJA DAN MELANTIK PEMANGKU RAJA, 1959

*Permulaan kuatkuasa: 29hb September 1959
[S 106/59]*

*Bismillahhir Rahmanir Rahim, Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin,
Wassalatu Wassalamu 'Ala Saiyidina Muhammad Wa'ala Alihi Wasahbihi
Ajma'in.*

DENGAN KURNIA ALLAH, BETA, SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIN SA'ADUL KHAIRI WADDIN IBNI AL-MARHUM SULTAN MOHAMED JAMALUL-ALAM RAJA DAN KEPALA BAGI DARJAH KERABAT YANG AMAT DIHORMATI, RAJA DAN KEPALA BAGI MAHKOTA BRUNEI YANG AMAT MULIA, DARJAH UTAMA SRI MAHKOTA NEGARA, DARJAH KERABAT YANG UTAMA (KELANTAN), HONORARY KNIGHT COMMANDER OF THE MOST DISTINGUISED ORDER OF SAINT MICHAEL AND SAINT GEORGE, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM serta sekalian Jajahan Takluk Rantau dan Pesisirnya.

BAHAWASANYA BETA telah mengeluarkan Pemasyhuran pada dua belas haribulan Mei, 1953, yang menyatakan bahawa adalah mendatangkan faedah untuk membuat peraturan bagi menentukan Pengganti-Pengganti BETA, bagi menjalankan tugas-tugas Negara dan juga bagi perkara-perkara lain mengenai BETA dan Kerabat BETA:

DAN BAHAWASANYA BETA telah memperbuat suatu Perlembagaan yang bernama Perlembagaan Negara Brunei Darussalam:

OLEH YANG DEMIKIAN MAKAN, BETA, dengan hak-hak dan kuasa-kuasa BETA sebagai Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta sekalian Jajahan Takluk Rantau dan Pesisirnya, DENGAN INI MEMASYHURKAN dan MEMERINTAHKAN dengan nama BETA dan bagi pihak diri BETA dan bagi PENGGANTI-PENGGANTI BETA sebagaimana yang tersebut di bawah ini:

SUCCESSION AND REGENCY PROCLAMATION, 1959

*Commencement: 29th September 1959
[S 106/59]*

In the name of ALLAH, the Compassionate, the Merciful, PRAISE be to ALLAH, the Lord of the Universe, and may the benediction and peace of ALLAH be upon Our Leader Muhammad and upon all his Relations and Friends.

BY THE GRACE OF ALLAH, OMAR ALI SAIFUDDIN SA'ADUL KHAIRI WADDIN IBNI AL-MARHUM MOHAMED JAMALUL-ALAM of Brunei Darussalam and all its Dependencies, the Sultan and Yang Di-Pertuan, SOVEREIGN AND CHIEF OF THE MOST ESTEEMED FAMILY ORDER, SOVEREIGN AND CHIEF OF THE MOST HONOURABLE ORDER OF THE CROWN OF BRUNEI, ORDER OF SRI MAHKOTA NEGARA, MOST ESTEEMED FAMILY ORDER (FIRST CLASS) KELANTAN, HONORARY KNIGHT COMMANDER OF THE MOST DISTINGUISHED ORDER OF SAINT MICHAEL AND SAINT GEORGE.

WHEREAS as announced by a Proclamation of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of the twelfth day of May, 1953, it is desirable to regulate the succession to the throne, the exercise of the State functions and also other matters affecting His Majesty and his family:

AND WHEREAS WE have proclaimed the Constitution of Brunei Darussalam:

NOW, THEREFORE, WE by the rights and powers of OUR Prerogatives as the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and all its Dependencies, do HEREBY PROCLAIM in OUR name and on OUR behalf and for and on behalf of OUR SUCCESSORS as hereinafter follows:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran.

1. Pemasyhuran ini boleh digelar sebagai Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja, 1959.

Tafsiran.

2. Dalam Pemasyhuran ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

[S 49/04]

“Jurutulis kepada Majlis Mesyuarat Di-Raja” termasuk mana-mana orang yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk menjadi Timbalan Jurutulis kepada Majlis itu;

[S 49/04]

“Permaisuri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan” bermakna isteri yang sah kepada Sultan yang memerintah menurut Adat Istiadat Melayu Negara Brunei Darussalam dan jika ada lebih dari seorang isteri tersebut bermakna isteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dari keturunan darah Sultan-Sultan Negara Brunei Darussalam, atau, jika ada lebih dari seorang isteri tersebut, maka bermakna isteri yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berpuas hati adalah hampir sekali kepada keturunan Sultan:

[S 32/04; S 49/04; S 16/06]

Dengan syarat bahawa —

(a) jika isteri tersebut tiada, bermakna isteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dari keturunan darah Raja Negeri Melayu Islam yang lain, iaitu yang bersaudara dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dan, jika ada lebih dari seorang isteri tersebut yang mempunyai

PART I

PRELIMINARY

Citation.

1. This Proclamation may be cited as the Succession and Regency Proclamation, 1959.

Interpretation.

2. In this Proclamation, unless the context otherwise requires —

[S 49/04]

“Clerk to the Privy Council” includes any person appointed by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan to be Deputy Clerk to that Council;

[S 49/04]

“Consort of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan” means a lawful wife of the reigning Sultan according to the Malay Custom of Brunei Darussalam and, if there is more than one such wife, means the wife of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan who is of the blood of the Sultans of Brunei Darussalam, or, if there is more than one of such wives, then that wife whom His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan is satisfied is nearest in the direct line to such Sultans:

[S 32/04; S 49/04; S 16/06]

Provided that —

(a) if there is no such wife, the wife of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan who is of the blood of the ruling house of another Malay Muslim State, being a house which is related to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, or, if there is more than one such wife

tuntutan-tuntutan yang sama kuatnya, maka bermakna isteri yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berpuas hati adalah hampir sekali persaudaraannya dengan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;

[S 49/04]

(b) jika isteri tersebut tiada, bermakna isteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dari bangsa Melayu dan dari keturunan darah Raja Negara Islam yang lain, dan, jika ada lebih dari seorang isteri tersebut, maka bermakna isteri yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berpuas hati adalah hampir sekali kepada keturunan Sultan Negara Islam yang lain;

[S 32/04; S 49/04; S 16/06]

(c) jika isteri tersebut tiada, bermakna isteri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dari Pengiran Kebanyakan atau jika ada lebih dari seorang isteri tersebut, maka bermakna isteri yang dipilih oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan; atau

[S 49/04]

(d) jika isteri tersebut tiada, bermakna isteri yang dipilih oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan:

[S 49/04]

Dengan syarat selanjutnya bahawa —

- (i) mana-mana isteri tidak boleh menjadi atau tidaklah boleh dianggap sebagai Permaisuri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan melainkan jika dia menganut Ugama Islam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah, dengan Pemasyhuran yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, memasyhurkannya sebagai Permaisuri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan; dan

[S 49/04; S 16/06]

with equal claims, then of those wives, the wife whom His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan is satisfied is nearest related to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan;

[S 49/04]

(b) if there is no such wife, the wife of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan who is of the Malay race and who is of the blood of the ruling house of another Muslim State, or, if there is more than one such wife, then that wife whom His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan is satisfied is nearest in the direct line to the Sultan of another Muslim State;

[S 32/04; S 49/04; S 16/06]

(c) if there is no such wife, the wife of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan who is a Pengiran Kebanyakan or if there is more than one such wife, then of those wives, the wife His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan so chooses; or

[S 49/04]

(d) if there is no such wife, the wife His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan so chooses:

[S 49/04]

Provided further that —

(i) no wife shall be or deemed to be a Consort of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan unless she professes the Islamic Religion and His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan has, by Proclamation published in the *Gazette*, proclaimed her as a Consort of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan; and

[S 49/04; S 16/06]

- (ii) seorang isteri yang terkemudian tidaklah boleh dimasyurkan sebagai Permaisuri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan jika isteri terdahulu masih lagi hidup yang telah diangkat menjadi Duli Raja Isteri atau Pengiran Isteri menurut peruntukan-peruntukan bab 22;

[S 49/04]

“Perlembagaan” bermakna Perlembagaan Negara Brunei Darussalam;

[S 49/04]

“Jemaah Pemangku Raja” bermakna Jemaah Pemangku Raja yang dilantik di bawah ceraian (1) bab 13;

“Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja” bermakna Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja yang dilantik di bawah ceraian (1) bab 6;

“Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri” bermakna Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri yang ditubuhkan oleh Perlembagaan;

[S 49/04]

“Kerajaan” bermakna Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;

[S 49/04]

“Pengiran Muda Mahkota”, tertakluk kepada bab 3, bermakna orang yang bakal menjadi Sultan, jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mangkat dahulu daripadanya;

[S 49/04]

“Pengiran Muda”, tertakluk kepada bab 3, bermakna orang yang mempunyai hak yang baik sekali untuk menaiki takhta, jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mangkat dengan serta-merta, tetapi haknya itu boleh terhapus jika zahir seorang yang mempunyai hak yang lebih baik lagi;

[S 49/04]

- (ii) a subsequent wife shall not be proclaimed the Consort of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan if there is living a former wife who has been appointed Duli Raja Isteri or Pengiran Isteri in accordance with the provisions of section 22;

[S 49/04]

“Constitution” means the Constitution of Brunei Darussalam;

[S 49/04]

“Council of Regency” means a Council of Regency appointed under subsection (1) of section 13;

“Council of Succession” means the Council of Succession appointed under subsection (1) of section 6;

“Council of Ministers” means the Council of Ministers established by the Constitution;

[S 49/04]

“Government” means the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan;

[S 49/04]

“Heir Apparent”, subject to section 3, means the person who, if he survives His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, must be the Heir to the throne;

[S 49/04]

“Heir Presumptive”, subject to section 3, means the person who, if His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan were to die immediately, would have the best claim to succeed to the throne but whose claim might be displaced by the emergence of a person with a better claim;

[S 49/04]

“immediate ancestor” means His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan the succession to whom is being determined either in the circumstances referred to in subsection (2) of section 8 or for the purposes of ascertaining the Heir Apparent or the Heir Presumptive;

“Tribunal Tafsiran” bermakna Tribunal Tafsiran yang ditubuhkan oleh atau di bawah Perlembagaan;

[S 49/04]

“Ugama Islam” bermakna Ugama Islam menurut Ahlis Sunnah Waljamaah mengikut Mazhab Shafi’ee;

[S 32/04; S 49/04]

“Kepala Wazir” bermakna orang yang bertaraf dan masyhur lagi ternama yang dikenali sebagai Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar;

[S 49/04]

“Majlis Mesyuarat Negara” bermakna Majlis Mesyuarat Negara yang ditubuhkan oleh Perlembagaan;

[S 49/04]

“Menteri” bermakna seseorang yang dilantik sedemikian di bawah Perlembagaan;

[S 49/04]

“Negara Islam” bermakna sesbuah Negara yang ugama rasminya adalah Ugama Islam;

[S 32/04; S 49/04]

“Orang Kebanyakan” bermakna orang dari keturunan darah orang kebanyakan;

“Pengiran Kebanyakan” bermakna orang dari keturunan darah bangsawan Brunei selain orang dari keturunan darah Sultan-Sultan Negara Brunei Darussalam;

[S 49/04]

“orang dari keturunan darah Sultan-Sultan Negara Brunei Darussalam” bermakna orang dari keturunan yang sah Al-Marhum Sultan Mohamed Jamalul-alam atau, jika keturunan sebelah lelaki tiada, maka bermakna keturunan yang sah sebelah lelaki dari nenda Sultan yang memerintah pada masa itu atau, jika Sultan yang memerintah pada masa itu tiada, maka bermakna keturunan yang sah sebelah lelaki dari nenda Sultan yang baru lepas memerintah;

[S 49/04]

“Interpretation Tribunal” means the Interpretation Tribunal established by or under the Constitution;

[S 49/04]

“Islamic Religion” means the Islamic Religion according to the Shafeite sect of Ahlis Sunnah Waljamaah;

[S 32/04; S 49/04]

“Kepala Wazir” means the noble and illustrious personage known as the Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar;

[S 49/04]

“Legislative Council” means the Legislative Council established by the Constitution;

[S 49/04]

“Minister” means a person appointed as such under the Constitution;

[S 49/04]

“Muslim State” means a State whose official religion is the Islamic Religion;

[S 32/04; S 49/04]

“Orang Kebanyakan” means a person of common blood;

“Pengiran Kebanyakan” means a person of Brunei noble blood other than a person who is of the blood of the Sultans of Brunei Darussalam;

[S 49/04]

“person of the blood of the Sultans of Brunei Darussalam” means a person who is a lawfully begotten descendant of Al-Marhum Sultan Mohamed Jamalul-alam or, if there is no such descendant of the appropriate sex, a person who is a lawfully begotten descendant of the grandfather in the male line of the reigning Sultan, or, if there is no reigning Sultan, a lawfully begotten descendant of the grandfather in the male line of the last reigning Sultan;

[S 49/04]

“Yang Di-Pertua” bermakna Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja;

“Majlis Mesyuarat Di-Raja” bermakna Majlis Mesyuarat Di-Raja yang ditubuhkan oleh Perlembagaan;

[S 49/04]

“Pemangku Raja” bermakna Pemangku Raja yang dilantik di bawah ceraian (1) bab 13 atau disebut dalam bab 11;

[S 49/04]

“Majlis Ugama Islam” bermakna Majlis Ugama Islam yang ditubuhkan menurut Bahagian II dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77);

[S 49/04]

“Setiausaha” bermakna Setiausaha kepada Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja;

“Negara” bermakna Negara Brunei Darussalam;

[S 49/04]

“tugas-tugas Negara” bermakna kuasa, autoriti dan keistimewaan yang terletak dalam tangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menurut Perlembagaan, menurut sebarang undang-undang bertulis yang lain atau berdasarkan hak kedaulatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;

[S 49/04]

“Sultan” atau “Kebawah Duli Yang Maha Mulia” atau “Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan” bermakna Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tetapi tidak termasuk Jemaah Pemangku Raja atau Timbalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;

[S 49/04]

“Timbalan Sultan” bermakna Timbalan yang dilantik di bawah bab 17;

[S 49/04]

“President” means the President of the Council of Succession;

“Privy Council” means the Privy Council established by the Constitution;

[S 49/04]

“Regent” means a Regent duly appointed under subsection (1) of section 13 or referred to in section 11;

[S 49/04]

“Religious Council” means the Religious Council constituted by Part II of the Religious Council and Kadis Courts Act (Chapter 77);

[S 49/04]

“Secretary” means the Secretary to the Council of Succession;

“State” means Brunei Darussalam;

[S 49/04]

“State functions” means the powers, authorities and privileges vested in His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan by the Constitution, by any other written law or by virtue of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan’s prerogative;

[S 49/04]

“Sultan” or “His Majesty” or “His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan” means His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam but does not include a Council of Regency or His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan’s Deputy;

[S 49/04]

“Sultan’s Deputy” means the Deputy appointed under section 17;

[S 49/04]

“Wazir-Wazir” bermakna Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar, Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuarah, Pengiran Digadong Sahibul Mal, Pengiran Pemancha Sahibul Rae’ Wal-Mashuarah dan Pengiran Temanggong Sahibul Bahar.

[S 49/04]

BAHAGIAN II

SULTAN DAN PENGGANTI-PENGGANTI BAGINDA

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Pengganti-Pengganti Baginda. [S 49/04]

3. (1) Maka adalah dengan ini diisyiharkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien adalah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang sah.

(2) Maka adalah dengan ini diisyiharkan bahawa Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah adalah Pengganti takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam yang sah:

Dengan syarat bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dari masa ke semasa, dengan Pemasyhuran yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, memasyhurkan orang lain sebagai satu-satunya Pengganti takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam yang sah; orang yang haknya untuk menduduki takhta telah dibatalkan dengan Pemasyhuran yang kemudian hendaklah dengan serta-merta tidak lagi berhak digelar Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan gelaran itu hendaklah dengan serta-merta berpindah kepada orang yang diisyiharkan demikian dalam Pemasyhuran yang kemudian.

“Wazirs” means the Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar, the Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara, the Pengiran Digadong Sahibul Mal, the Pengiran Pemancha Sahibul Rae’ Wal-Mashuarah and the Pengiran Temanggong Sahibul Bahar.

[S 49/04]

PART II

THE SUCCESSION

His Majesty and succession to the Sultanate. [S 49/04]

3. (1) It is hereby declared that His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien is the lawful Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam.

(2) It is hereby declared that Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah is the lawful Successor to the throne of Brunei Darussalam:

Provided that His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may from time to time, by Proclamation published in the *Gazette*, proclaim another person to be the only lawful Successor to the throne of Brunei Darussalam; the person whose right to succeed has been revoked by the later Proclamation shall forthwith cease to be entitled to the title of Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota and the title shall forthwith pass to such person so proclaimed in the later Proclamation.

(3) Maka adalah dengan ini diisyiharkan bahawa setelah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah menaiki takhta atau atas apa-apa alasan pun tidak dapat menduduki takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam, putera tertua yang sah kepadanya adalah Pengganti yang sah untuk menduduki takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam, dan selepas itu, hak untuk menduduki takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam hendaklah diturunkan kepada putera tertua yang sah kepada Pengganti yang sah itu dan setiap Pengganti kemudiannya yang sah.

[S 79/04]

(4) Sekiranya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien tidak lagi menduduki takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam, dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah atas apa-apa alasan pun tidak dapat menaiki takhta, atau setelah menaiki takhta tidak lagi menduduki takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam tanpa meninggalkan Pengganti yang sah, maka Pengganti Baginda akan dipilih —

[S 79/04]

(a) pertamanya, dari Waris-Waris yang sah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien mengikut susunan yang berikut —

- (i) Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, dan setelah menaiki takhta atau atas apa-apa alasan pun tidak dapat menaiki takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam, putera tertua yang sah kepadanya adalah Pengganti yang sah untuk menduduki takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam, dan selepas itu, hak untuk menduduki takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam hendaklah diturunkan kepada putera tertua yang sah kepada Pengganti yang sah itu dan setiap Pengganti kemudiannya yang sah;

[S 79/04]

(3) It is hereby declared that upon Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ascending or for any reason whatsoever being unable to ascend to the throne of Brunei Darussalam, his eldest lawful son shall be the lawful Successor to the throne of Brunei Darussalam, and thereafter, the right to succeed to the throne of Brunei Darussalam shall vest in the eldest lawful son of that and each subsequent lawful Successor.

[S 79/04]

(4) In the event that His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ceases to occupy the throne of Brunei Darussalam, and Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah for any reason whatsoever being unable to ascend to, or having ascended to ceasing to occupy, the throne of Brunei Darussalam without leaving a lawful Successor, the succession thereto is hereby vested —

[S 79/04]

(a) first, in the lawful Heirs of the body of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien in the following order —

- (i) Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, and upon his ascending or for any reason whatsoever being unable to ascend to the throne of Brunei Darussalam, his eldest lawful son shall be the lawful Successor to the throne of Brunei Darussalam, and thereafter, the right to succeed to the throne of Brunei Darussalam shall vest in the eldest lawful son of that and each subsequent lawful Successor;

[S 79/04]

- (ii) sekiranya Pengganti yang sah tiada di bawah ceraian 4(a)(i), Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, dan setelah menaiki takhta atau atas apa-apa alasan pun tidak dapat menaiki takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam, putera tertua yang sah kepadanya adalah Pengganti yang sah untuk menduduki takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam, dan selepas itu, hak untuk menduduki takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam hendaklah diturunkan kepada putera tertua yang sah kepada Pengganti yang sah itu dan setiap Pengganti kemudiannya yang sah;

[S 79/04]

- (iii) sekiranya Pengganti yang sah tiada di bawah ceraian 4(a)(ii), Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, dan setelah menaiki takhta atau atas apa-apa alasan pun tidak dapat menaiki takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam, putera tertua yang sah kepadanya adalah Pengganti yang sah untuk menduduki takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam, dan selepas itu, hak untuk menduduki takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam hendaklah diturunkan kepada putera tertua yang sah kepada Pengganti yang sah itu dan setiap Pengganti kemudiannya yang sah;

[S 79/04]

- (iv) sekiranya Pengganti yang sah tiada di bawah ceraian 4(a)(iii), Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Wakeel ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, dan setelah menaiki takhta atau atas apa-apa alasan pun tidak dapat menaiki takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam, putera tertua yang sah kepadanya adalah Pengganti yang sah untuk menduduki takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam, dan selepas itu, hak untuk menduduki takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam hendaklah diturunkan kepada putera tertua yang sah kepada Pengganti yang sah itu dan setiap Pengganti kemudiannya yang sah;

[S 78/06]

- (ii) in the event that there is no lawful Successor under subsection 4(a)(i), Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, and upon his ascending or for any reason whatsoever being unable to ascend to the throne of Brunei Darussalam, his eldest lawful son shall be the lawful Successor to the throne of Brunei Darussalam, and thereafter, the right to succeed to the throne of Brunei Darussalam shall vest in the eldest lawful son of that and each subsequent lawful Successor;

[S 79/04]

- (iii) in the event that there is no lawful Successor under subsection 4(a)(ii), Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, and upon his ascending or for any reason whatsoever being unable to ascend to the throne of Brunei Darussalam, his eldest lawful son shall be the lawful Successor to the throne of Brunei Darussalam, and thereafter, the right to succeed to the throne of Brunei Darussalam shall vest in the eldest lawful son of that and each subsequent lawful Successor;

[S 79/04]

- (iv) in the event that there is no lawful Successor under subsection 4(a)(iii), Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda ‘Abdul Wakeel ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu’izzaddin Waddaulah, and upon his ascending or for any reason whatsoever being unable to ascend to the throne of Brunei Darussalam, his eldest lawful son shall be the lawful Successor to the throne of Brunei Darussalam, and thereafter, the right to succeed to the throne of Brunei Darussalam shall vest in the eldest lawful son of that and each subsequent lawful Successor;

[S 78/06]

(b) selepas itu, dari Waris-Waris yang sah kepada Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien sebagaimana yang ditentukan menurut bab 5; dan

(c) akhirnya, dari Waris-Waris yang sah kepada Al-Marhum Sultan Mohamed Jamalul-alam sebagaimana yang ditentukan menurut bab 5.

Orang yang tidak boleh menduduki takhta. [S 32/04; S 49/04]

4. (1) Seseorang itu tidak boleh dianggap sebagai Waris yang sah atau Pengganti yang sah kalau dia tidak menganut Ugama Islam dan kalau dia bukan lelaki keturunan yang sah dari sebelah lelaki.

(2) Seorang Waris yang sah tidak boleh menduduki takhta jika haknya itu telah terhapus di bawah ceraian (1) bab 10.

Aturan-aturan yang akan dipakai bagi menentukan Waris yang sah yang akan mengantikan Sultan. [S 49/04]

5. (1) Apabila Sultan telah mangkat, aturan-aturan yang berikut hendaklah dipakai bagi menentukan keturunan Baginda yang akan menjadi Pengganti Baginda —

[S 49/04]

(a) zuriat yang terdahulu hendaklah diutamakan dari zuriat yang terkemudian;

(b) putera yang tua hendaklah, tertakluk kepada perenggan (c), diutamakan dari putera yang muda;

[S 49/04]

(c) putera yang bonda serta ayahandanya adalah dari keturunan darah Sultan-Sultan Negara Brunei Darussalam hendaklah diutamakan dari putera yang ayahandanya sahaja dari keturunan darah yang disebutkan di atas:

Dengan syarat bahawa —

(i) putera isteri Sultan yang telah diangkat menjadi Duli Raja Isteri atau Pengiran Isteri menurut peruntukan-peruntukan bab 22 hendaklah diutamakan dari putera isteri Sultan yang tidak diangkat sedemikian; dan

(b) next, in the lawful Heirs of the body of Al-Marhum Sultan Haji Omar ‘Ali Saifuddien Sa’adul Khairi Waddien as determined in accordance with section 5; and

(c) finally, in the lawful Heirs of the body of Al-Marhum Sultan Mohamed Jamalul-alam as determined in accordance with section 5.

Person excluded from succession to the throne. [S 32/04; S 49/04]

4. (1) No person shall be considered a lawful Heir or a lawful Successor unless he professes the Islamic Religion and is a male lawfully begotten descendant in the male line of the common ancestor.

(2) A lawful Heir shall be excluded from the succession if his right to succeed has been forfeited under subsection (1) of section 10.

Rules to be observed in ascertaining the lawful Heir to the throne. [S 49/04]

5. (1) The following rules shall apply for ascertaining who, among the lineal descendants of the immediate ancestor, shall be his lawful Heir —

[S 49/04]

(a) an earlier generation shall be preferred to a later generation;

(b) an older son shall, subject to paragraph (c), be preferred to a younger son;

[S 49/04]

(c) a son whose mother as well as his father is of the blood of the Sultans of Brunei Darussalam shall be preferred to a son whose father only is of such blood as aforesaid:

Provided that —

(i) the son of a wife of the Sultan who was appointed Duli Raja Isteri or Pengiran Isteri in accordance with the provisions of section 22 shall be preferred to the son of a wife of the Sultan who was not so appointed; and

- (ii) putera yang bondanya adalah dari keturunan darah Raja Negara Islam yang lain hendaklah diutamakan dari putera yang bondanya adalah bukan dari keturunan darah yang disebutkan di atas;

(d) putera kepada seorang putera yang tua hendaklah diutamakan dari putera kepada seorang putera yang muda:

Dengan syarat bahawa —

- (i) jika ayahanda kepada putera yang tua itu sahaja dari keturunan darah Sultan-Sultan Negara Brunei Darussalam atau dari keturunan darah Raja Negara Islam yang lain dan jika bonda dan juga ayahanda kepada putera yang muda itu adalah dari keturunan darah yang disebutkan di atas, maka, putera kepada putera yang muda itu hendaklah diutamakan dari putera kepada putera yang tua itu; dan
- (ii) jika bonda dan juga ayahanda kepada kedua-dua putera yang tua dan putera yang muda itu adalah dari keturunan darah yang disebutkan di atas, akan tetapi ayahanda kepada putera yang tua itu sahaja dari keturunan darah yang disebutkan di atas dan bonda dan juga ayahanda kepada putera yang muda itu dari keturunan darah yang disebutkan di atas, maka, putera kepada putera yang muda itu hendaklah diutamakan dari putera kepada putera yang tua itu.

(2) Aturan-aturan yang dinyatakan dalam ceraian (1) hendaklah, tertakluk kepada pengubahsuaian-pengubahsuaian sebagaimana yang mungkin diperlukan untuk menyesuaikannya dengan keadaan sesuatu perkara, dikenakan kepada zuriat yang lebih jauh dari yang dinyatakan dalam ceraian itu.

(3) Dengan tidak menghiraukan ceraian-ceraian (1) dan (2), jika Sultan mangkat dengan meninggalkan —

(a) seorang adinda atau adinda tiri dari keturunan darah Sultan-Sultan Negara Brunei Darussalam atau dari keturunan darah Raja Negara Islam yang lain; dan

(b) seorang cucu atau cicit atau baka lain yang bonda atau nendanya bukan dari keturunan yang sedemikian,

maka hak adinda atau adinda tiri itu untuk menjadi Pengganti Sultan adalah lebih dari hak cucu atau cicit yang tersebut.

(ii) a son whose mother is of the blood of the ruling house of another Muslim State shall be preferred to a son whose mother is not of such blood as aforesaid;

(d) the son of an older son shall be preferred to the son of a younger son:

Provided that —

(i) if the father only of such older son is of the blood of the Sultans of Brunei Darussalam or of the blood of the ruling house of another Muslim State and if both the mother and the father of such younger son are of such blood as aforesaid, then, the son of the younger son shall be preferred to the son of the older son; and

(ii) if both the mothers and the fathers of both such older son and such younger son are of such blood as aforesaid, but the father only of the son of such older son is of such blood as aforesaid and both the mother and the father of the son of such younger son are of such blood as aforesaid, then, the son of the younger son shall be preferred to the son of the older son.

(2) The rules specified in subsection (1) shall, subject to such modifications as may be necessary to suit the circumstances of the particular case, apply to more remote generations than those specified in that subsection.

(3) Notwithstanding subsections (1) and (2), if the Sultan dies leaving no male descendant other than a descendant one of whose ancestors in the male line, not being an ancestor of a generation prior to that of the deceased Sultan, married a wife who was not of the blood of the Sultans of Brunei Darussalam or of the blood of the ruling house of another Muslim State, but leaving a younger brother or half-brother of such blood as aforesaid, then, such younger brother or half-brother shall be preferred to any descendant of the Sultan.

(4) Jika Sultan mangkat dengan tiada meninggalkan baka yang boleh dengan sahnya dilantik menjadi Pengganti Baginda, maka ayahanda Baginda hendaklah disifatkan sebagai Sultan yang baharu mangkat itu dan Pengganti Baginda hendaklah dipilih daripada keturunan ayahanda Baginda itu iaitu menurut aturan-aturan yang tersebut di atas; dan jika pengganti yang sah daripada keturunan itu tidak ada, maka nenda Baginda hendaklah disifatkan sebagai Sultan yang baharu mangkat itu dan Pengganti Baginda dipilih daripada keturunan-keturunan nenda Baginda itu; dan demikianlah keadaannya.

[S 49/04]

Contoh

Misalan 1.

Jika Sultan mempunyai 2 orang isteri, isteri pertama orang kebanyakan dan isteri kedua dari keturunan darah Raja, dan tiap-tiap isteri Baginda itu mempunyai seorang putera, maka putera dari isteri kedua yang berketurunan darah Raja itu akan mempunyai tuntutan yang lebih kuat untuk menduduki takhta daripada putera dari isteri pertama itu. Kedudukan ini akan terbalik jadinya, jika kedua-dua isteri Baginda itu adalah dari keturunan darah Raja.

Misalan 2.

Jika Sultan mempunyai 3 orang isteri, *A* orang kebanyakan dan *B* dan *C* dari keturunan darah Raja dan semuanya bernikah menurut susunan itu, dan isteri *A* melahirkan putera *D* pada tahun 1940, isteri *B* melahirkan putera *E* pada tahun 1941 dan isteri *C* melahirkan putera *F* pada tahun 1942, maka untuk menggantikan Sultan mula-mula hendaklah dipilih putera kepada isteri *B* (isteri kedua), kemudian dipilih putera kepada isteri *C* (isteri ketiga) dan akhirnya barulah dipilih putera kepada isteri *A*.

(4) If there is no lawful Heir who is a lineal descendant of the immediate ancestor, recourse shall be had to the male lineal ascendant of the preceding generation to that of the immediate ancestor and the above rules shall be applied in like manner as if such ascendant had been the immediate ancestor; and, if necessary, recourse shall be had to the male lineal ascendant of each preceding generation up to and including the common ancestor:

[S 49/04]

Provided that, in any case in which such recourse is necessary, each lineal ancestor shall be deemed to be the immediate ancestor.

(5) Subsections (1), (2), (3) and (4) shall apply to the ascertainment of the Heir Apparent and the Heir Presumptive with the modifications required by virtue of the fact that the immediate ancestor has not died, and, for this purpose, it shall be assumed that any Heir of the Sultan will survive him.

[S 49/04]

Illustration

Example 1.

If a Sultan has 2 wives, the first a commoner and the second of princely blood, and each of those wives has a son, then, the son of the second wife will have a better claim to succeed the Sultan than the son of the first wife. The position would be reversed if both wives were of princely blood.

Example 2.

If a Sultan has 3 wives, *A* a commoner and *B* and *C* of princely blood married in that order, and each of those wives has a son (*D*, *E* and *F*) born, respectively, in 1940, 1941 and 1942, the order of preference of those sons will be first the son of *B* (the second wife), second the son of *C* (the third wife) and third the son of *A*.

Misalan 3.

Jika, atas fakta-fakta yang dinyatakan dalam Misalan 2, ketiga-tiga putera itu mangkat terlebih dahulu daripada Sultan tetapi tiap-tiap putera itu meninggalkan putera-putera seperti berikut —

- (a) *D* meninggalkan seorang putera *G* yang dilahirkan pada tahun 1960 oleh isteri dari keturunan darah Raja;
- (b) *E* meninggalkan seorang putera *H* yang dilahirkan pada tahun 1961 oleh isteri dari keturunan darah orang kebanyakan; dan
- (c) *F* meninggalkan seorang putera *I* yang dilahirkan pada tahun 1962 oleh isteri dari keturunan darah Raja,

maka untuk menggantikan Sultan mula-mula hendaklah dipilih *I* selepas itu *H* dan akhirnya *G*.

Misalan 4.

Jika semua keturunan Sultan itu mangkat terlebih dahulu daripada Baginda, maka Pengganti Baginda hendaklah dipilih dari baka keturunan Sultan sebelah lelaki dari zuriat yang terdahulu iaitu dari baka keturunan ayahanda Baginda.

[S 49/04]

Jika ayahanda Sultan itu mempunyai seorang lagi putera iaitu *J* dan putera itu mempunyai 4 orang isteri iaitu *K*, orang kebanyakan, dan *L*, *M* dan *N*, dari keturunan darah Raja dan isteri *K* melahirkan putera *O* pada tahun 1951, isteri *L* melahirkan putera *P* pada tahun 1952, isteri *M* melahirkan putera *Q* pada tahun 1953 dan isteri *N* melahirkan putera *R* pada tahun 1954, dan putera *O* nikah dengan *S* dari keturunan darah Raja, putera *P* nikah dengan *T* orang kebanyakan, putera *Q* nikah dengan *U* dari keturunan darah Raja, dan putera *R* nikah dengan *V* dari keturunan darah Raja, dan isteri *S* melahirkan putera *X* pada tahun 1971, isteri *T* melahirkan putera *Y* pada tahun 1972, isteri *U* melahirkan putera *Z* pada tahun 1973 dan isteri *V* melahirkan putera *AA* pada tahun 1974, dan putera *X* nikah dengan *BB* dari keturunan darah Raja, putera *Y* nikah dengan *CC* dari keturunan darah Raja, putera *Z* nikah dengan *DD* orang kebanyakan dan putera *AA* nikah dengan *EE* dari keturunan darah Raja, dan isteri *BB* melahirkan putera *FF* pada tahun 1991, isteri *CC* melahirkan putera *GG* pada tahun 1992, isteri *DD*

Example 3.

If, on the facts as set out in Example 2, all 3 sons predecease the Sultan but each of those sons leaves issue as follows —

- (a) *D* a son *G* born in 1960 by a wife of princely blood;
- (b) *E* a son *H* born in 1961 by a wife who is a commoner; and
- (c) *F* a son *I* born in 1962 by a wife of princely blood,

then the order of preference will be *I, H* and *G*.

Example 4.

If all the issue of a Sultan predecease him, it is necessary to trace the Heir from the male line descendant of the Sultan in the preceding generation, namely his father.

[S 49/04]

If the father of the Sultan had another son *J* who had 4 wives namely, *K*, a commoner, and *L, M* and *N*, wives of princely blood, and if each of those wives had a son, namely *O, P, Q* and *R* born respectively in 1951, 1952, 1953 and 1954, and if each of those sons married a wife, namely, *S, T, U* and *V* of whom *S, U* and *V* were of princely blood but *T* was a commoner, and if each of those wives had a son, namely, *X, Y, Z* and *AA* born respectively in 1971, 1972, 1973 and 1974, and if each of those sons had a wife, namely, *BB, CC, DD* and *EE* of whom all except *DD* were of princely

melahirkan putera *HH* pada tahun 1993 dan isteri *EE* melahirkan putera *II* pada tahun 1994, maka, jika semua keturunan Sultan itu dan semua keturunan *J* melainkan *FF*, *GG*, *HH* dan *II* mangkat terlebih terdahulu daripada Sultan, maka, putera *II* akan dipilih menggantikan Sultan oleh kerana putera *II* itu adalah dari keturunan darah Raja yang tiada bercampur dengan darah orang kebanyakan, tetapi jika putera *II* itu mangkat terlebih dahulu daripada Sultan, putera *HH* akan dipilih menggantikan Sultan, dan, jika putera *HH* dan juga putera *II* mangkat terlebih dahulu daripada Sultan, maka putera *GG* akan dipilih menggantikan Sultan dan, jika putera *FF* seorang sahaja yang masih hidup pada masa Sultan itu mangkat, maka putera *FF* itulah yang akan menggantikan Sultan.

[S 49/04]

Misalan 5.

Jika Sultan mangkat meninggalkan 3 orang putera daripada isteri pertama orang kebanyakan, dan 2 orang cucunda lelaki daripada isteri Baginda yang kedua dan Baginda juga ada mempunyai seorang adinda yang ayahanda dan juga bondanya adalah dari keturunan darah Sultan-Sultan Negara Brunei Darussalam, maka jika isteri yang kedua itu orang kebanyakan atau menantu perempuannya iaitu bonda kepada kedua-dua orang cucunda itu orang kebanyakan, maka yang akan dipilih menggantikan Sultan adalah adinda Baginda.

- (5) Bab ini hendaklah dibaca tertakluk kepada bab 3.

[S 49/04]

Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja.

6. (1) Maka adalah dengan ini ditubuhkan Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja Brunei.

(2) Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja hendaklah terdiri daripada —

(a) Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri yang berbangsa Melayu sebagaimana yang mungkin dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja;

(b) mana-mana orang yang memegang gelaran Wazir atau Cheteria yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja;

blood, and if each of those wives had a son, namely, *FF*, *GG*, *HH* and *II* respectively born in 1991, 1992, 1993 and 1994, then, if all the issue of the Sultan predeceased him together with all the issue of *J* except for *FF*, *GG*, *HH* and *II*, then, *II* being the descendant of the purest princely blood, would be the Heir to the throne, but, if he had predeceased the Sultan, *HH* would be the Heir, and, if *HH* and *II* had both predeceased the Sultan, *GG* would be the Heir and, if only *FF* survived the Sultan, he would be Heir.

[S 49/04]

Example 5.

A Sultan dies leaving 3 sons by one wife, 2 grandsons by another wife and a younger brother whose father and mother are both of the blood of the Sultans of Brunei Darussalam, then, if the wife, the mother of 3 sons, is of common blood and if either the wife or her daughter-in-law, the mother of the 2 grandsons, is of common blood, then, the younger brother will succeed to the throne.

- (6) This section shall be read subject to section 3.

[S 49/04]

Council of Succession.

6. (1) There is hereby established the Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja Brunei, to be styled in English as the Council of Succession.

- (2) The Council of Succession shall consist of—

(a) such Malay Members of the Council of Ministers as may be appointed by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan to be Members of the Council of Succession;

(b) any person who holds the dignitary or office of Wazir or Cheteria appointed by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan to be a Member of the Council of Succession;

(c) mana-mana Pehin Manteri atau mana-mana orang yang ternama yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja;

(d) mana-mana Ahli Majlis Ugama Islam yang dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja.

[E 1/85; S 49/04]

(2A) Tiap-tiap ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja hendaklah memegang jawatannya selama tempoh selagi diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

[S 49/04]

(3) Kepala Wazir hendaklah menjadi Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja, dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah melantik seorang Wazir untuk menjadi Naib Yang Di-Pertua dan, sekiranya Kepala Wazir tidak hadir atau tidak dapat atau tidak mahu menjalankan tugasnya sebagai Yang Di-Pertua, maka Naib Yang Di-Pertua hendaklah menunaikan tugas Yang Di-Pertua di bawah Pemasyhuran ini atau pun selainnya.

Tatacara mesyuarat.

7. (1) Pada menjalankan tugas-tugasnya di bawah Bahagian ini, Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja hendaklah mematuhi aturan-aturan tatacara mesyuarat yang berikut —

(a) mesyuarat tidaklah boleh dijalankan oleh Majlis itu jika bilangan Ahli-Ahli yang hadir sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan (b) tidak cukup pada masa mesyuarat Majlis itu hendak dimulakan;

(b) mesyuarat Majlis itu tidaklah sah melainkan ada separuh dari bilangan Ahli-Ahlinya hadir dan termasuk dalam Ahli-Ahli yang hadir itu tidak kurang dari 4 orang Ahli Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri dan tidak kurang dari 3 orang Ahli Majlis Ugama Islam;

(c) any Pehin Manteri or any person of distinction appointed by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan to be a Member of the Council of Succession;

(d) any Member of the Religious Council appointed by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan to be a Member of the Council of Succession.

[E I/85; S 49/04]

(2A) Every member of the Council of Succession shall hold his office during His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan's pleasure.

[S 49/04]

(3) The Kepala Wazir shall be the President of the Council of Succession, and His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall appoint a Wazir to be Vice President thereof and, in the absence or inability or unwillingness to act of the President, the Vice President shall discharge the function of the President under this Proclamation or otherwise.

Procedure.

7. (1) In the exercise of its functions under this Part, the Council of Succession shall observe the following rules of procedure —

(a) no business shall be transacted by the Council unless such quorum as is provided for in paragraph (b) is present at the time when the Council proceeds to business;

(b) one half of the Members of the Council of Succession shall form a quorum if no less than 4 of the Members of the Council of Ministers and no less than 3 of the Members of the Religious Council aforesaid are among those Members present;

(c) apa-apa keputusan yang dibuat oleh Majlis itu tidaklah sah dan tidak terikat kepada sesiapa melainkan jika keputusan itu telah dipersetujui oleh sekurang-kurangnya dua pertiga daripada Ahli-Ahli yang hadir, dan keputusan tersebut tidak boleh tertakluk kepada sebarang kajian semula oleh atau rayuan kepada mana-mana mahkamah;

[S 49/04]

(d) Yang Di-Pertua, atau mana-mana Ahli lain yang mempengaruhi mesyuarat Majlis itu semasa ketiadaan Yang Di-Pertua, boleh mengundi atas sebarang perkara;

(e) tiada sesiapa pun selain daripada Ahli boleh hadir pada sebarang mesyuarat Majlis itu;

(f) Yang Di-Pertua boleh menangguhkan sebarang mesyuarat Majlis itu dari masa ke semasa tetapi suatu mesyuarat setelah dimulakan hendaklah diteruskan sehingga suatu keputusan Majlis itu telah dibuat;

(g) minit-minit mesyuarat Majlis itu pada setiap mesyuaratnya hendaklah disimpan secara bertulis, dalam bahasa Melayu, oleh Setiausaha;

(h) catatan setiap keputusan Majlis itu hendaklah dibuat secara bertulis oleh Setiausaha dan hendaklah ditandatangani oleh Yang Di-Pertua dan tandatangannya hendaklah disaksikan sebagaimana yang diperuntukkan selepas ini; dan

(i) setiap keputusan Majlis itu hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik seseorang itu untuk menjadi Setiausaha Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja yang akan memegang jawatan selama tempoh selagi diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

[E 1/85; S 49/04]

(3) Tandatangan Yang Di-Pertua hendaklah disaksikan oleh 2 orang Ahli Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri yang dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja dan hadir pada mesyuarat Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja yang berkenaan.

[E 1/85; S 49/04]

(c) no decision of the Council of Succession shall be valid and binding unless at least two-thirds of the Members present shall agree thereto, and such decision shall not be subject to any review by or appeal to any court;

[S 49/04]

(d) the President, or any other Members of the Council presiding in his absence, may vote on any question;

(e) no person other than a Member shall be present at any meeting of the Council of Succession;

(f) the President may adjourn any meeting of the Council of Succession from time to time but a meeting once begun shall continue until a decision of the Council of Succession has been made;

(g) minutes of the proceedings at each meeting of the Council of Succession shall be kept in writing, in the Malay language, by the Secretary;

(h) a record of every decision of the Council of Succession shall be made in writing by the Secretary and shall be signed by the President, whose signature shall be witnessed as hereinafter provided; and

(i) every decision of the Council of Succession shall be notified in the *Gazette*.

(2) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may appoint a person to be the Secretary of the Council of Succession, who shall hold office during His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan's pleasure.

[E 1/85; S 49/04]

(3) The President's signature shall be witnessed by 2 Members of the Council of Ministers appointed as Members of the Council of Succession and present at the meeting of the Council of Succession concerned.

[E 1/85; S 49/04]

Memersetujui dan mengesahkan Pengganti Sultan.

8. (1) Dimansuhkan.

[S 49/04]

(2) Apabila takhta Kerajaan tiada diduduki oleh sesiapa kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah mangkat atau turun takhta, atau disebabkan oleh sesuatu kejadian yang diisyiharkan oleh Pemasyhuran ini mempunyai kesan yang sama dengan penyempurnaan Surat Perintah Turun Takhta yang sah, maka Yang Di-Pertua hendaklah, dengan notis secara bertulis kepada tiap-tiap Ahli yang menyatakan masa dan tempat mesyuarat, dengan serta-merta memanggil Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja untuk bermesyuarat, dan adalah menjadi kewajipan tiap-tiap Ahli untuk hadir, melainkan jika terdapat sebarang sebab yang dianggap memuaskan dan mencukupi oleh Yang Di-Pertua yang menyebabkan Ahli itu tidak dapat hadir:

[S 49/04]

Dengan syarat bahawa, sungguhpun notis tiada dikeluarkan di bawah ceraian ini, walau bagaimanapun, adalah menjadi kewajipan tiap-tiap Ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja yang telah diberitahu bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah mangkat atau turun takhta atau tentang kejadian lain sebagaimana yang disebutkan di atas untuk berhimpun dengan serta-merta di suatu tempat sebagaimana yang mungkin dari masa ke semasa ditetapkan oleh Majlis Mesyuarat Di-Raja sebagai tempat mesyuarat apabila perkara tersebut berlaku; dan, jika, pada habis tempoh 48 jam setelah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mangkat, turun takhta atau kejadian lain berlaku sebagaimana yang disebutkan di atas, mesyuarat belum dipanggil secara sah di bawah ceraian ini dan bilangan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja yang hadir di tempat itu cukup, maka Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja hendaklah dianggap telah berhimpun secara sah dan boleh terus melantik Yang Di-Pertua sementara daripada kalangan Ahli-Ahli yang hadir dan menjalankan semua urusan yang disebutkan dalam ceraian-ceraian (3) dan (4).

[S 49/04]

(3) Pada sebarang mesyuarat tersebut, jika Pengganti Sultan telah pun dimasyhurkan atau ditentukan menurut ceraian (2), (3) atau (4) bab 3, maka Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja tidak boleh menyiasat hak-hak orang lain untuk menjadi Pengganti Sultan yang dikehendaki oleh ceraian (4) dan hendaklah mengesahkan bahawa orang yang telah dimasyhurkan atau diisyiharkan itulah yang dipilih menjadi Sultan.

[S 49/04]

Approval and confirmation of succession to the throne.

8. (1) *Repealed.*

[S 49/04]

(2) Whenever the throne is vacant owing to the death or abdication of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, or by reason of an event declared by this Proclamation to have the same effect as the execution of a valid Instrument of Abdication, the President shall, by notice in writing to each Member stating the time and place of the meeting, forthwith convene the Council of Succession, and it shall be the duty of each Member, unless his absence is excused for any cause which the President may deem good and sufficient, to attend accordingly:

[S 49/04]

Provided that, even if no notice has been issued under this subsection, it shall nevertheless be the duty of every Member of the Council of Succession who has been informed of the death or abdication of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan or other event as aforesaid to assemble forthwith at such place as the Privy Council may from time to time declare to be the appropriate meeting place on such an occasion; and, if, at the expiration of 48 hours after such death, abdication or other event as aforesaid, a meeting has not been lawfully convened under this subsection and a quorum of the Council of Succession is present at such place, the Council of Succession shall be deemed to have lawfully assembled and may proceed to appoint a temporary President from among the Members there present and to transact all such business as is mentioned in subsections (3) and (4).

[S 49/04]

(3) At any such meeting, if a Successor has already been proclaimed or determined in accordance with subsection (2), (3) or (4) of section 3, then the Council of Succession shall not examine any other claim or make any inquiry required by subsection (4) and shall confirm the succession so proclaimed or declared.

[S 49/04]

(4) Melainkan jika telah dibuat ketetapan berdasarkan ceraian (3), Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja hendaklah tanpa bertangguh-tangguh terus menyiasat hak orang-orang yang berhak menjadi Pengganti Sultan serta memutuskan perkara itu tanpa menunggu untuk mengetahui sama ada hak Pengiran Muda akan terhapus oleh hak orang-orang yang harus dizahirkan. Majlis itu hendaklah juga membuat siasatan penuh dan lengkap tentang sama ada mana-mana orang yang dipersetujuinya menjadi Pengganti Sultan mempunyai apa-apa kecacatan yang besar dan berat yang akan menjatuhkan sifat seorang Sultan, umpamanya lemah tubuh badan, buta atau bisu, atau mempunyai apa-apa sifat yang hina dan oleh sebab itu dia tidak boleh dibenarkan menurut *Hukum Syara'* menjadi Sultan. Jika Majlis itu memutuskan bahawa seseorang itu tidak boleh dibenarkan atau disahkan menjadi Sultan, maka Majlis itu hendaklah terus bermesyuarat untuk menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh ceraian ini sehingga diputuskan siapakah yang akan diangkat menjadi Sultan yang baru.

[S 49/04]

(5) Setelah Sultan yang baru itu dipersetujui, Majlis Mesyuarat Mengangkat Raja hendaklah, dengan Pemasyhuran, memasyhurkan seperti biasa atas nama Sultan yang baru itu bahawa Baginda telah menaiki takhta Kerajaan.

[S 49/04]

Tiada hak memakai gelaran Duli Pengiran Muda Mahkota. [S 49/04]

9. Jika seseorang itu tiada dimasyhurkan atau ditentukan menurut ceraian (2), (3) atau (4) bab 3 sebagai Pengganti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau jika seseorang itu telah dibatalkan haknya untuk menaiki takhta Kerajaan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah bab 3 dan tiada digelar Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota, tetapi dia menuntut atau memakai atau membenarkan orang lain untuk memakai gelaran itu, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berkuasa memerintahkan dan juga Jemaah Pemangku Raja, jika ada, berkuasa menyuruh orang itu mengaku secara rasmi di hadapan Majlis Mesyuarat Di-Raja bahawa dia tidak mahu lagi berbuat demikian, dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berkuasa melucutkan orang yang telah membuat kesalahan itu daripada apa-apa gelaran, pangkat, kemuliaan, kebesaran atau keutamaan yang berhubung dengan Negara Brunei Darussalam yang ada pada orang itu, dan apa-apa santapan atau belanja santapan lain yang diterimanya daripada Negara Brunei Darussalam.

(4) Unless it has been resolved in terms of subsection (3), the Council of Succession shall without delay proceed to examine and announce its decision on any claim to the throne without waiting to see whether the claim of any Heir Presumptive will be displaced by any prospective birth; and shall also make full and complete inquiry as to whether any person it accepts as the Heir has any such great and serious defect derogatory to the quality of a Sultan such as infirmity, blindness or dumbness, or has any such base quality on account of which he should not in accordance with the *Hukum Syara'* be approved as Sultan and, if in any case approval or confirmation is withheld, the Council of Succession shall continue to proceed under the powers conferred by this subsection until an Heir has been ascertained who can lawfully succeed to the throne of Brunei Darussalam.

[S 49/04]

(5) The Council of Succession shall, by Proclamation in the name of the lawful Successor proclaim his accession in the customary manner.

[S 49/04]

Wrongful assumption of title of the Sultan's Successor. [S 49/04]

9. Any person who, not having been duly proclaimed or determined in accordance with subsection (2), (3) or (4) of section 3 to be His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan's Successor or whose right to succeed has been revoked by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan under section 3, claims or uses, or permits others to use in his regard, the title of Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota may, if His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan or, if there is a Regency, if the Council of Regency, so directs, be required formally to renounce such claim or use in the presence of the Privy Council; His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may deprive the offender of any title, rank, dignity, decoration or precedence connected with Brunei Darussalam which the offender may in fact enjoy, and of any maintenance or other allowance payable to the offender by Brunei Darussalam.

Hak untuk menaiki takhta Kerajaan boleh terhapus dan demikian juga kelebihan-kelebihan. [S 49/04]

10. (1) Jika seseorang Waris dari keturunan darah daging Al-Marhum Sultan Hashim Jalilul-alam Akamuddin telah didapati salah —

[S 49/04]

(a) kerana melakukan sebarang kesalahan dalam bab-bab 121, 121A, 122 dan 123 dari Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22);

[S 49/04]

(b) kerana melakukan kesalahan yang diwujudkan oleh ceraian (3); atau

(c) kerana melakukan kesalahan yang sama jenisnya dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah membuat Perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* yang menyatakan bahawa bab ini terpakai kepada kesalahan itu,

[S 49/04]

dan, setelah rayuan atau kajian semula dibuat oleh Mahkamah, penghakiman yang mengatakan salah itu tiada diubah, maka, selain dari sebarang hukuman yang ditetapkan bagi kesalahan itu, segala hak Waris tersebut dan juga keturunannya untuk menaiki takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam akan terhapus, melainkan jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan memerintahkan sebaliknya.

[S 49/04]

(2) Jika ceraian (1) dikenakan kepada seseorang Waris, maka segala hak atau kelebihan yang diterima atau boleh diterima olehnya atau keturunannya daripada Negara Brunei Darussalam, termasuk apa-apa gelaran, pangkat, kemuliaan, kebesaran, keutamaan dan segala hak mereka itu untuk menerima segala santapan atau belanja santapan yang lain adalah, melainkan jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan memerintahkan sebaliknya, terhapus dan boleh diberikan oleh Negara Brunei Darussalam kepada orang lain. Dalam ceraian ini, perkataan “Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan” termasuk Jemaah Pemangku Raja.

[S 49/04]

Right to the succession may be forfeited and privileges may cease in certain circumstances. [S 49/04]

10. (1) If any Heir of the body of Al-Marhum Sultan Hashim Jalilul-alam Akamuddin is convicted —

[S 49/04]

(a) of any of the offences in sections 121, 121A, 122 and 123 of the Penal Code (Chapter 22);

[S 49/04]

(b) of the offence created by subsection (3); or

(c) of an offence of a similar nature which His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan has by Order signified in the *Gazette* declared to be an offence to which this section applies,

[S 49/04]

and such conviction is not set aside on appeal or revision, then, in addition to any punishment prescribed for the offence, he and his issue shall, unless His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall otherwise determine, forfeit any right whatsoever to succeed to the throne of Brunei Darussalam.

[S 49/04]

(2) If subsection (1) is applicable to any person, then such rights and privileges as he or his issue may have received or been entitled to from Brunei Darussalam, including any title, rank, dignity, decoration or precedence, and any claim to maintenance or other allowance, shall, unless His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall otherwise determine, cease and be at the disposal of Brunei Darussalam. In this subsection, the expression "His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan" includes a Council of Regency.

[S 49/04]

(3) Jika seseorang Waris dari keturunan darah daging Al-Marhum Sultan yang disebutkan dalam ceraian (1), melakukan, atau bersubahat atau cuba melakukan, sebarang perbuatan terhadap Waris lain yang sah kepada Sultan itu, atau menghasut atau menyuruh orang lain untuk melakukan perbuatan yang sedemikian, dengan niat supaya dia atau orang lain itu akan dapat menaiki takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam atau akan mudah dapat menaiki takhta itu oleh kerana perbuatan yang telah dilakukan itu atau oleh kerana kesannya, adalah melakukan suatu kesalahan: Hukuman, mati atau penjara selama 15 tahun, atau suatu denda, atau kedua-duanya sekali penjara dan denda.

[S 49/04]

BAHAGIAN III

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA ATAU PEMANGKU RAJA TIDAK BERADA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Jemaah Pemangku Raja sebelum Kebawah Duli Yang Maha Mulia berumur 18 tahun. [S 49/04]

11. (1) Maka adalah dengan ini diisyiharkan bahawa jika setelah kemangkatan atau berlaku sebarang kejadian lain yang menyebabkan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah tidak lagi menduduki takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam, dan putera tertua yang sah kepadanya (selepas ini disebut sebagai "Pengganti baru") berumur kurang dari 18 tahun, maka putera tertua kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, selepasnya yang masih hidup, adalah Pemangku Raja dan hendaklah menjalankan tugas-tugas Negara atas nama dan bagi pihak Pengganti baru, sehingga Pengganti baru mencapai umur 18 tahun.

[S 79/04]

(2) Jika putera tertua kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien itu mangkat atau berlaku sebarang kejadian lain yang menyebabkannya tidak

(3) Whoever, being an Heir of the body of the Sultan mentioned in subsection (1), does, or conspires or attempts to do, any act or thing against any other lawful Heir of the body of the aforesaid Sultan, or incites or procures another to do any such act or thing, with intent that he or another may succeed to the throne of Brunei Darussalam or be in a better position to succeed thereto by reason by such act or thing or the effect thereof, shall be guilty of an offence: Penalty, death or imprisonment for 15 years, or a fine, or both such imprisonment and a fine.

[S 49/04]

PART III

THE REGENCY AND ABSENCE FROM BRUNEI DARUSSALAM OF HIS MAJESTY OR REGENT

Council of Regency while His Majesty is under 18. [S 49/04]

11. (1) It is hereby declared that if upon the death or occurrence of any other event by reason of which Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah shall cease to occupy the throne of Brunei Darussalam, and his eldest lawful son (hereinafter referred to as "the new Successor") is below the age of 18 years, the next eldest surviving son of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien shall be the Regent and shall perform the State functions in the name and on behalf of the new Successor, until the new Successor attains the age of 18 years.

[S 79/04]

(2) If the next eldest surviving son of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien is upon his death or occurrence of any other event by reason of which he shall be unable to

dapat menjalankan tugas-tugas Negara, maka putera kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, selepasnya yang masih hidup, adalah Pemangku Raja dan hendaklah menjalankan tugas-tugas Negara atas nama dan bagi pihak Pengganti baru, sehingga Pengganti baru mencapai umur 18 tahun.

(3) Sekiranya seorang putera kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien selain daripada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah mewarisi takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam menurut perenggan (a) ceraian (4) bab 3, maka ceraian-ceraian (1) dan (2) hendaklah dipakai seolah-olah putera itu disebut dalam ceraian (1) menggantikan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

(4) Jika tiada seorang pun daripada putera-putera kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, yang masih hidup, dapat menjalankan tugas-tugas Negara, maka tugas-tugas Negara hendaklah dijalankan atas nama dan bagi pihak Pengganti baru oleh Jemaah Pemangku Raja yang dilantik oleh Majlis Mesyuarat Di-Raja.

(5) Tertakluk kepada ceraian-ceraian yang terdahulu, dalam semua hal lain jika Sultan semasa Baginda menaiki takhta Kerajaan, berumur kurang dari 18 tahun, maka, sehingga Baginda mencapai umur itu, tugas-tugas Negara hendaklah dijalankan atas nama dan bagi pihak Sultan oleh Jemaah Pemangku Raja.

(6) Bagi maksud sebarang undang-undang bertulis yang menghendaki supaya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mengangkat, membuat atau menandatangani sumpah atau pengakuan pada atau selepas Baginda menaiki takhta Kerajaan, maka tarikh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mencapai umur 18 tahun hendaklah dianggap sebagai tarikh Baginda menaiki takhta Kerajaan.

perform the State functions, then the next surviving son of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien shall be the Regent and shall perform the State functions in the name and on behalf of the new Successor, until the new Successor attains the age of 18 years.

(3) In the event that a son of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien other than Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah succeeds to the throne of Brunei Darussalam in accordance with paragraph (a) of subsection (4) of section 3, subsections (1) and (2) shall apply as if that son is referred to in subsection (1) in place of Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

(4) If none of the surviving sons of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien shall be able to perform the State functions, then the State functions shall be performed in the name and on behalf of the new Successor by a Jemaah Pemangku Raja, to be styled in English as the Council of Regency, appointed by the Privy Council.

(5) Subject to the preceding subsections, in all other cases where the Sultan is at his accession, under the age of 18 years, then, until he attains that age, the State functions shall be performed in the name and on behalf of the Sultan by the Council of Regency.

(6) For the purpose of any written law requiring any oath or declaration to be taken, made or subscribed by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan on or after his accession, the date on which His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan attains the age of 18 years shall be deemed to be the date of his accession.

Jemaah Pemangku Raja semasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia tidak berdaya sama sekali. [S 49/04]

12. (1) Jika semua orang yang berikut ini, atau mana-mana 8 orang daripadanya, iaitu, Permaisuri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Wazir-Wazir, Menteri-Menteri, Ketua Hakim Syar'ie, Kepala Cheteria dan 5 orang Menteri, mengisyiharkan secara bertulis kepada Majlis Mesyuarat Di-Raja bahawa mereka berpuas hati dengan keterangan, yang termasuk keterangan 3 orang pakar perubatan bebas, bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan oleh kerana kelemahan akal fikiran atau tubuh badan tidak berdaya pada masa itu untuk menjalankan tugas-tugas Negara, atau bahawa mereka berpuas hati dengan keterangan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak ada kerana sesuatu sebab yang tertentu untuk menjalankan tugas-tugas tersebut, maka, sehingga diisyiharkan dengan cara yang sama bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak gering lagi dan boleh menjalankan semula tugas-tugas Negara, atau Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ada untuk menjalankan tugas-tugas Negara, mengikut mana yang berkenaan, maka tugas-tugas tersebut hendaklah dijalankan atas nama dan bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan —

(a) oleh Pengganti Baginda yang sah;

(b) jika Pengganti yang sah berumur kurang dari 18 tahun, oleh, jika berkenaan, Pemangku Raja yang disebut di bawah bab 11 atau oleh Jemaah Pemangku Raja yang dilantik oleh Majlis Mesyuarat Di-Raja; dan

(c) sekiranya Pengganti yang sah tiada, oleh Jemaah Pemangku Raja yang dilantik oleh Majlis Mesyuarat Di-Raja.

(2) Jika suatu perisyiharan yang dibuat di bawah bahagian pertama ceraian (1) tidak digantikan dalam tempoh 5 tahun dari perisyiharan itu disampaikan kepada Majlis Mesyuarat Di-Raja dengan perisyiharan yang diperuntukkan dalam bahagian akhir ceraian tersebut, maka, mulai dari tamatnya tempoh 5 tahun itu, perisyiharan yang mula-mula disebutkan itu hendaklah mempunyai kuatkuasa yang sama bagi segala maksud seolah-olah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah turun takhta di bawah ceraian (1) bab 19 dengan Surat Perintah Turun Takhta yang sah yang berkuatkuasa pada tamatnya tempoh 5 tahun yang tersebut di atas.

Council of Regency during total incapacity of His Majesty. [S 49/04]

12. (1) If all of the following persons, or any 8 of them, that is to say, the Consort of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, the Wazirs, the Ministers, the Chief Syar'ie Judge, the Kepala Cheteria and 5 Menteris, declare in writing to the Privy Council that they are satisfied by evidence, which shall include the evidence of 3 independent physicians, that His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan is by reason of infirmity of mind or body incapable for the time being of performing the State functions, or that they are satisfied by evidence that His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan is for some definite cause not available for the performance of those functions, then, until it is declared in like manner that His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan has so far recovered his health as to warrant his resumption of the State functions, or has become available for the performance thereof, as the case may be, those functions shall be performed in the name and on behalf of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan —

(a) by his lawful Successor;

(b) where the lawful Successor is below the age of 18 years, by, where applicable, the Regent referred to under section 11 or by the Council of Regency appointed by the Privy Council; and

(c) in the absence of a lawful Successor, by the Council of Regency appointed by the Privy Council.

(2) If a declaration made under the first part of subsection (1) is not within 5 years from its communication to the Privy Council superseded by the declaration provided for in the latter part of such subsection, then, as from the expiration of such period of 5 years, the declaration first mentioned shall have the same effect for all purposes as if His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan had renounced the throne under subsection (1) of section 19 by a valid Instrument of Abdication having effect at the expiration of the aforesaid period of 5 years.

(3) Ceraian (1) hendaklah dikenakan kepada Pemangku Raja dengan pengubahsuai-an-pengubahsuai-an yang berikut —

(a) perisytiharan tentang tidak berdaya menjalankan tugas-tugas Negara hendaklah dibuat oleh Majlis Mesyuarat Di-Raja; dan

(b) pulihnya kesihatan Pemangku Raja yang telah diisyiharkan tidak berdaya menjalankan tugas-tugas Negara tidaklah menghendaki sebarang perisytiharan atau menjelaskan lantikan Pemangku Raja yang lain.

(4) Sebarang perisytiharan di bawah bab ini hendaklah dibuat dengan Perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* oleh Majlis Mesyuarat Di-Raja.

Lantikan Jemaah Pemangku Raja atau Pemangku Raja.

13. (1) Dengan tidak menghiraukan bab 11, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik Jemaah Pemangku Raja atau seorang Pemangku Raja dengan memaklumkan titah perkenan Baginda dengan apa-apa cara yang difikirkan patut oleh Baginda, tetapi lantikan tersebut tidaklah boleh berkuatkuasa sehingga diberitahu dengan Pemasyhuran yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* atas nama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

[S 49/04]

(2) Apabila (di bawah Pemasyhuran Baginda atau pun dengan cara lain) berlaku kejadian yang menyebabkan Jemaah Pemangku Raja atau seorang Pemangku Raja dilantik oleh pihak yang lain daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, maka lantikan tersebut hendaklah dibuat oleh Majlis Mesyuarat Di-Raja dan hendaklah diberitahu dengan Pemasyhuran yang disiarkan dengan cara yang difikirkan patut oleh Majlis Mesyuarat Di-Raja.

(3) Jemaah Pemangku Raja hendaklah mengandungi Permaisuri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan 2 orang Pemangku Raja atau, jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan pada masa itu tidak

(3) Subsection (1) shall apply to a Regent with the following modifications —

(a) the declaration as to incapacity of performing the State functions shall be made by the Privy Council; and

(b) the recovery of health by a Regent who has been declared incapable of performing the State functions shall not require any declaration or affect the appointment of another Regent.

(4) Any declaration under this section shall be made by Order which shall be signified in the *Gazette* by the Privy Council.

Appointment of a Council of Regency or a Regent.

13. (1) Notwithstanding section 11, His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may appoint a Council of Regency or a Regent by making known his pleasure in any manner he thinks fit, but no such appointment shall take effect until it is notified by Proclamation published in the *Gazette* in the name of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan.

[S 49/04]

(2) Whenever (under his Proclamation or otherwise) there is occasion for a Council of Regency or a Regent to be appointed otherwise than by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, such appointment shall be made by the Privy Council and shall be notified by a Proclamation published in such manner as the Privy Council sees fit.

(3) A Council of Regency shall consist of the Consort of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan and 2 other Regents or, if His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan is not then married, or if there is no

beristeri, atau jika Permaisuri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah mangkat, atau jika Permaisuri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan oleh kerana sesuatu sebab tidak berdaya menjadi Pemangku Raja, maka Jemaah Pemangku Raja hendaklah mengandungi 3 orang Pemangku Raja tidak termasuk Permaisuri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan:

Dengan syarat bahawa —

(a) orang-orang yang berikut ini, jika cukup umur dan keupayaannya dan jika mereka berada di dalam Negara Brunei Darussalam atau mereka tidak dihalang oleh sebarang sebab lain yang dianggap mencukupi dengan ketetapan Majlis Mesyuarat Di-Raja daripada menjadi Pemangku Raja, adalah berhak untuk dilantik menjadi Pemangku Raja oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan —

[S 49/04]

- (i) Pengiran Muda Mahkota;
- (ii) Pengiran Muda;
- (iii) Duli Pengiran Bendahara dan Duli Pengiran Pemancha;
- (iv) Kepala Cheteria dari keturunan yang sah Sultan yang disebutkan dalam ceraian (1) bab 10; dan

(b) ceraian ini tidaklah boleh dikenakan jika lantikan Jemaah Pemangku Raja atau seorang Pemangku Raja dibuat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atau di bawah bab 11; dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dalam sebarang hal tersebut, melantik mana-mana Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja yang boleh menjadi Ahli Jemaah Pemangku Raja.

[S 49/04]

(4) Lantikan mana-mana Timbalan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di bawah bab 17 hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa setelah Jemaah Pemangku Raja dilantik, tetapi tanpa menjelaskan apa-apa jua yang dilakukan secara sah oleh Timbalan tersebut.

Consort of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan living, or if the Consort is for any cause incapable of acting as Regent, of 3 Regents other than the Consort:

Provided that —

(a) the following persons, if of full age and capacity and if not prevented by absence from Brunei Darussalam or any other cause considered sufficient by resolution of the Privy Council from acting as Regents, shall be entitled to be appointed by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan as a Regent —

[S 49/04]

- (i) the Heir Apparent;
- (ii) the Heir Presumptive;
- (iii) the Duli Pengiran Bendahara and the Duli Pengiran Pemancha;
- (iv) any Kepala Cheteria who is a lawfully begotten descendant of a Sultan mentioned in subsection (1) of section 10; and

(b) this subsection shall not apply where the appointment of a Council of Regency or a Regent is made by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan or under section 11; and His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may, in any such case, appoint as a Member of the Council of Regency any Member of the Privy Council who is capable of acting.

[S 49/04]

(4) The appointment of any Deputy to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan under section 17 shall cease to have effect on the appointment of a Council of Regency, but without prejudice to anything lawfully done by such Deputy.

(5) Lantikan Jemaah Pemangku Raja hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa —

(a) setelah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berangkat tiba di Negara Brunei Darussalam, kecuali jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berumur kurang dari 18 tahun atau Baginda telah diisyiharkan tidak berdaya di bawah bab 12 dan Perisyiharan itu masih berjalan kuatkuasanya;

(b) setelah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mencapai umur 18 tahun, jika Baginda pada masa itu berada di Negara Brunei Darussalam dan tiada menderita sebarang kekurangan yang menyebabkan Baginda tidak berdaya dalam makna ceraian (1) bab 12; dan

(c) setelah suatu perisyiharan dibuat di bawah bahagian kedua ceraian (1) bab 12.

[S 49/04]

(6) Tertakluk kepada bab 11, lantikan seorang Pemangku Raja hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa apabila berlaku sebarang kejadian yang dinyatakan dalam ceraian (5) dan juga —

[S 49/04]

(a) apabila seorang Pemangku Raja dilantik bagi mengantikannya menurut bab ini;

(b) apabila suatu perisyiharan tidak berdaya dibuat terhadap Pemangku Raja tersebut di bawah bab 12; dan

(c) dalam kejadian yang dinyatakan dalam bab 18.

(7) Lantikan seorang Pemangku Raja boleh dibatalkan dengan cara yang sama seperti cara lantikan itu dibuat dan hendaklah dibatalkan dalam tempoh masa yang berpatutan jika Pemangku Raja itu meminta, dengan surat yang ditandatangani olehnya, supaya pihak yang berkenaan memberhentikannya dari jawatannya itu:

Dengan syarat bahawa tiada sebarang apa pun yang terkandung dalam bab ini boleh dianggap sebagai menghalang Sultan yang cukup umur dan keupayaan dari membatalkan pada bila-bila masa lantikan seorang Pemangku Raja dan melantik seorang Pemangku Raja bagi mengantikannya di bawah bab ini.

(5) The appointment of a Council of Regency shall cease to have effect —

(a) upon the arrival in Brunei Darussalam of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, save where His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan is under the age of 18 years or a subsisting declaration of incapacity under section 12 has been made of him;

(b) upon His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan attaining the age of 18 years, if he is then in Brunei Darussalam and not suffering from any incapacity within the meaning of subsection (1) of section 12; and

(c) upon a declaration under the second part of subsection (1) of section 12.

[S 49/04]

(6) Subject to section 11, the appointment of a Regent shall cease to have effect upon any event specified in subsection (5) and also —

[S 49/04]

(a) on the appointment of another Regent in his place in accordance with this section;

(b) upon a declaration of incapacity in respect of such Regent under section 12; and

(c) in the event specified in section 18.

(7) The appointment of a Regent may be revoked in like manner as that in which it was made and shall be so revoked within a reasonable time if the Regent, by writing under his hand, requests the appropriate authority to relieve him of his office:

Provided that nothing herein contained shall be deemed to preclude a Sultan of full age and capacity from revoking at any time the appointment of a Regent and appointing another Regent in his place under this section.

Sumpah yang diangkat dan ditandatangani oleh Pemangku Raja.

14. Tiap-tiap Pemangku Raja hendaklah, sebelum dia menjalankan atau memegang jawatannya itu, mengangkat dan menandatangani di hadapan Majlis Mesyuarat Di-Raja sumpah yang dinyatakan dalam Jadual, dan Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja yang kanan sekali yang hadir di dalam Majlis itu adalah dengan ini diberi kuasa dan dikehendaki untuk mentadbirkan sumpah itu, dan untuk menyebabkan supaya suatu catatan yang bersesuaian dibuat bahawa bab ini telah dipatuhi.

Penjagaan dan lain-lain terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam masa Jemaah Pemangku Raja. [S 49/04]

15. Semasa lantikan Jemaah Pemangku Raja, melainkan jika Majlis Mesyuarat Di-Raja memutuskan selainnya —

(a) jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berusia kurang dari 18 tahun, dan tidak beristeri, maka bonda Baginda, jika dia masih hidup, hendaklah bertanggungjawab terhadap penjagaan diri Baginda;

(b) jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah beristeri, tetapi Baginda berusia kurang dari 18 tahun atau telah diisyiharkan di bawah Pemasyhuran ini bahawa Baginda tidak berdaya pada masa itu untuk menjalankan tugas-tugas Negara, maka Permaisuri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, jika umurnya 18 tahun atau lebih, hendaklah bertanggungjawab terhadap penjagaan diri Baginda;

(c) Jemaah Pemangku Raja hendaklah, kecuali dalam hal-hal yang disebutkan di atas, bertanggungjawab terhadap penjagaan diri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan; dan harta Baginda, kecuali dan melainkan sebarang harta persendirian yang menurut syarat-syarat sebarang amanah mengenainya yang ditadbir oleh orang lain, hendaklah ditadbir oleh Jemaah Pemangku Raja.

Oath to be taken and subscribed by Regent.

14. Every Regent shall, before he acts in or enters upon his office, take and subscribe before the Privy Council the oath set out in the Schedule, and the Member of the Privy Council there present ranking first in precedence is hereby empowered and required to administer that oath, and to cause an appropriate record to be made that this section has been complied with.

Guardianship etc. of His Majesty during Regency. [S 49/04]

15. When a Council of Regency has been appointed, unless the Privy Council otherwise determines —

(a) if His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan is under the age of 18 years, and unmarried, his mother, if she is living, shall have the guardianship of his person;

(b) if His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, being married, is under the age of 18 years or has been declared under this Proclamation to be incapable for the time being of performing the State functions, the Consort of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, if of the age of 18 or more, shall have the guardianship of the person of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan;

(c) the Council of Regency shall, save in the cases aforesaid, have the guardianship of the person of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan; and the property of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, save and except any private property which in accordance with the terms of any trust affecting it is to be administered by some other person, shall be administered by the Council of Regency.

Keputusan Jemaah Pemangku Raja, korum.

16. Apa-apa perbuatan yang boleh dilakukan secara sah oleh Jemaah Pemangku Raja adalah dilakukan secara sah jika dilakukan oleh, atau dengan persetujuan, 2 orang Ahlinya; dan bantahan terhadap apa-apa perbuatan yang dilakukan itu tidaklah boleh dibuat atas alasan bahawa mana-mana Pemangku Raja tidak dibawa berunding atau tidak bersetuju dengannya:

Dengan syarat bahawa —

(a) kecuali jika sesuatu perkara itu mustahak disegerakan dan tidak sempat dirundingkan, Pemangku Raja yang berada di Negara Brunei Darussalam dan yang boleh menjalankan tugas-tugasnya hendaklah dibawa berunding, dan Pemangku Raja yang tidak berada di Negara Brunei Darussalam hendaklah dibawa berunding jika dapat berbuat demikian; dan

(b) jika 2 orang Ahli Jemaah Pemangku Raja tidak dapat bersetuju dengan apa-apa tindakan yang hendak dijalankan, maka perkara itu hendaklah dirujukkan kepada Majlis Mesyuarat Di-Raja, dan keputusannya hendaklah dianggap bagi segala maksud sebagai keputusan Jemaah Pemangku Raja yang akan melaksanakan keputusan itu.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia boleh melantik seorang Timbalan Sultan untuk menjalankan tugas-tugas Negara bagi pihak Baginda.

17. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidaklah boleh meninggalkan Negara Brunei Darussalam selama lebih dari 7 hari tanpa melantik Jemaah Pemangku Raja:

Dengan syarat bahawa —

(a) dalam hal jika seorang Timbalan Sultan boleh dilantik secara sah menurut bab ini, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh melantik seorang Timbalan Sultan tanpa melantik Jemaah Pemangku Raja; dan

(b) sebelum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berangkat meninggalkan Negara Brunei Darussalam, Baginda hendaklah memberitahu Majlis Mesyuarat Di-Raja akan lantikan tersebut.

Decision of Council of Regency, quorum.

16. Any act which the Council of Regency may lawfully do shall be lawfully done if done by, or with the consent of, 2 Members thereof; and no objection shall be taken to any act so done on the ground that any Regent has not been consulted or is not in agreement therewith:

Provided that —

(a) save where any matter is of such urgency as to preclude consultation, a Regent who is in Brunei Darussalam and who is capable of acting as such shall be consulted, and a Regent who is not in Brunei Darussalam shall be consulted whenever it is practicable so to do; and

(b) if 2 Members of the Council of Regency are unable to agree on any course of action, the matter shall be referred to the Privy Council, and its decision shall be deemed to be for all purposes the decision of the Council of Regency which shall proceed to give effect thereto.

His Majesty may appoint a Deputy to exercise State functions on his behalf.

17. (1) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall not absent himself from Brunei Darussalam for more than 7 days without appointing a Council of Regency:

Provided that —

(a) in cases where a Deputy may be lawfully appointed in accordance with this section, His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may appoint a Deputy in lieu of appointing a Council of Regency; and

(b) prior to his departure from Brunei Darussalam, His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall inform the Privy Council of any such appointment.

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan Surat Perintah yang dicap dengan Mohor Kerajaan, melantik seorang Ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja untuk menjadi Timbalan Sultan dan Timbalan Sultan itu akan menjalankan, melaksanakan dan menyempurnakan untuk dan bagi pihak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tugas-tugas Negara sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam Surat Perintah tersebut selagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berangkat meninggalkan Negara Brunei Darussalam selama lebih dari 7 hari; dan tiap-tiap Timbalan Sultan yang dilantik itu hendaklah menjunjung dan mematuhi segala titah perintah sebagaimana yang mungkin dari masa ke semasa dititahkan kepadanya untuk panduannya.

(3) *Dimansuhkan.*

(4) Jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berangkat meninggalkan Negara Brunei Darussalam selama lebih dari 7 hari tanpa melantik Jemaah Pemangku Raja atau seorang Timbalan menurut ceraian-ceraian (1) dan (2), Majlis Mesyuarat Di-Raja hendaklah melantik Jemaah Pemangku Raja.

(5) Jika dalam pandangan Majlis Mesyuarat Di-Raja bahawa adalah bagi kepentingan Negara Brunei Darussalam jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, yang telah berangkat meninggalkan Negara Brunei Darussalam setelah melantik secara sah seorang Timbalan Sultan di bawah bab ini, kembali ke Negara Brunei Darussalam atau melantik Jemaah Pemangku Raja, Majlis Mesyuarat Di-Raja hendaklah dengan cara yang dianggap bersesuaian oleh Majlis itu menyembahkan perkara itu kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan; dan, jika, dalam masa 30 hari dari perkara itu disembahkan kepada Baginda, atau jika selepas 30 hari telah limpas sejak masa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak dapat dijumpai, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak juga kembali ke Negara Brunei Darussalam atau melantik Jemaah Pemangku Raja, maka, Majlis Mesyuarat Di-Raja hendaklah terus melantik Jemaah Pemangku Raja.

[S 49/04]

(2) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may, by Instrument under the Seal of the State, appoint a Member of the Privy Council to be his Deputy and, in that capacity, to exercise, perform and execute for and on behalf of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan such State functions as may be specified in such Instrument so long as His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan is absent from Brunei Darussalam for more than 7 days; and every Deputy so appointed shall conform to and observe all such instructions as His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may from time to time address to him for his guidance.

(3) *Repealed.*

(4) If His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan absents himself from Brunei Darussalam for more than 7 days without appointing a Council of Regency or a Deputy in accordance with subsections (1) and (2), the Privy Council shall appoint a Council of Regency.

(5) If it appears to the Privy Council to be in the interest of Brunei Darussalam that His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, who has absented himself from Brunei Darussalam after lawfully appointing a Deputy under this section, should either return to Brunei Darussalam or appoint a Council of Regency, the Privy Council shall in such manner as that Council may deem appropriate inform His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan accordingly; and, if within 30 days of such information being communicated to him, or if after 30 days have lapsed since the time that His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan could not be found, His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan has neither returned to Brunei Darussalam nor appointed a Council of Regency, then, the Privy Council shall proceed to appoint a Council of Regency.

[S 49/04]

(6) Jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah, pada bila-bila masa, berangkat meninggalkan Negara Brunei Darussalam bagi tempoh selama lebih dari 24 bulan berturut-turut, sama ada peruntukan-peruntukan bab ini telah dipatuhi atau tidak dan sama ada Jemaah Pemangku Raja telah dilantik atau tidak, maka, adalah sah bagi Majlis Mesyuarat Di-Raja untuk menyembahkan permintaan supaya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan kembali ke Negara Brunei Darussalam dan jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak kembali ke Negara Brunei Darussalam dalam masa 3 bulan dari tarikh permintaan itu disembahkan kepada Baginda, atau jika selepas 3 bulan telah limpas sejak masa permintaan itu diumumkan kepada orang ramai, maka peruntukan-peruntukan ceraian (7) hendaklah dikenakan.

[S 49/04]

(7) Majlis Mesyuarat Di-Raja hendaklah bermesyuarat dan hendaklah menyiasat sama ada terdapat sebarang sebab yang mencukupi kenapa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak kembali ke Negara Brunei Darussalam dan boleh membuat ketetapan —

[S 49/04]

(a) supaya siasatan lanjut dibuat;

(b) supaya amaran terakhir disembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bahawa, jika Baginda tidak kembali dalam masa 3 bulan dari tarikh ketetapan itu disembahkan kepada Baginda atau diumumkan kepada orang ramai, maka Baginda hendaklah dianggap telah turun takhta; atau

[S 49/04]

(c) bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah dianggap telah berangkat meninggalkan Negara Brunei Darussalam secara sah sehingga penyakit atau sebab lain yang menghalang Baginda dari kembali ke Negara Brunei Darussalam telah dapat disembuhkan atau diatasi, atau sehingga Baginda telah berangkat meninggalkan Negara Brunei Darussalam bagi tempoh selama 36 bulan berturut-turut yang dikira dari masa Baginda berangkat meninggalkan Negara Brunei Darussalam, mengikut mana yang lebih awal.

[S 49/04]

(6) If His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan has, at any time, been absent from Brunei Darussalam for a consecutive period of more than 24 months, then, whether or not the provisions of this section have been complied with and whether or not a Council of Regency has been appointed, it shall be lawful for the Privy Council to require His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan to return to Brunei Darussalam and if His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall fail to return to Brunei Darussalam within 3 months of the communication to him of such requirement, or if after 3 months have lapsed since the time of the public announcement of such requirement, the provisions of subsection (7) shall apply.

[S 49/04]

(7) The Privy Council shall meet and shall inquire if there be any sufficient reason why His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan should have failed to return to Brunei Darussalam and may resolve —

[S 49/04]

(a) that further inquiries be made;

(b) that a final warning be sent to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan that, if he fails to return within 3 months from the communication to him or of a public announcement of such resolution, he shall be deemed to have abdicated; or

[S 49/04]

(c) that His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan should be considered lawfully absent until the malady or other sufficient cause preventing his return has been cured or removed, or until he has been absent from Brunei Darussalam for a consecutive period of 36 months computed from the time he left Brunei Darussalam, whichever shall be the earlier.

[S 49/04]

(8) Melainkan jika ketetapan telah diambil supaya siasatan lanjut dibuat, dalam hal itu Majlis Mesyuarat Di-Raja hendaklah menimbangkan semula perkara itu apabila siasatan tersebut telah selesai, maka segala ketetapan yang telah diambil menurut ceraian (7) hendaklah disembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk makluman Baginda mengikut cara yang difikirkan patut oleh Majlis Mesyuarat Di-Raja.

[S 49/04]

(9) Jika —

(a) ketetapan telah diambil menurut perenggan (b) ceraian (7) dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak juga kembali pada penghujung tempoh yang ditentukan itu; atau

[S 49/04]

(b) ketetapan telah diambil menurut perenggan (c) ceraian (7) dan tempoh 36 bulan yang disebutkan di dalamnya telah tamat, atau jika dalam pandangan Majlis Mesyuarat Di-Raja bahawa penyakit atau sebab lain yang telah menghalang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dari kembali itu telah sembahuh atau diatasi dan Baginda tidak kembali ke Negara Brunei Darussalam walau pun boleh berbuat demikian,

[S 49/04]

maka dan dalam sebarang hal tersebut, Majlis Mesyuarat Di-Raja boleh dengan Perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* mengisyiharkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah dianggap telah turun takhta; dan Perintah tersebut hendaklah, tertakluk kepada bab 21, mempunyai kuatkuasa yang sama bagi segala maksud seolah-olah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah menyempurnakan Surat Perintah Turun Takhta yang sah yang berkuatkuasa pada tarikh Perintah itu disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

[S 49/04]

(10) Kuasa untuk melantik seorang Timbalan Sultan yang diberikan oleh ceraian (2) boleh juga digunakan oleh Sultan yang berada di Negara Brunei Darussalam, selain dari Sultan yang telah diisyiharkan tidak berdaya di bawah bahagian pertama ceraian (1) bab 12, jika Baginda hendak berangkat meninggalkan kepala Kerajaan atau Baginda gering atau tidak berdaya oleh sesuatu sebab dari menunaikan tugas-tugas Negara dengan sempurnanya, atau mana-mana daripadanya:

[S 49/04]

(8) Unless it has been resolved that further inquiries shall be made, in which case the Privy Council shall again consider the matter when such inquiries have been concluded, any such resolution shall be made known to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan in such manner as the Privy Council shall think fit.

[S 49/04]

(9) If—

(a) it has been resolved in terms of paragraph (b) of subsection (7) and His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan has failed to return at the end of the specified period; or

[S 49/04]

(b) it has been resolved in terms of paragraph (c) of subsection (7) and the period of 36 months therein mentioned has expired, or if it appears to the Privy Council that the malady or other cause considered to have been preventing the return of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan was removed at a time which would have enabled His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, had he been willing to do so, to return to Brunei Darussalam,

[S 49/04]

then and in any such case, the Privy Council may by Order signified in the *Gazette* declare that His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall be deemed to have abdicated; and such Order shall, subject to section 21, have the same effect for all purposes as if His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan had executed a valid Instrument of Abdication having effect on the date of publication of the Order in the *Gazette*.

[S 49/04]

(10) The power to appoint a Deputy conferred by subsection (2) shall be available also to a Sultan, other than a Sultan in respect of whom a declaration of incapacity has been made under the first part of subsection (1) of section 12, who is present in Brunei Darussalam but who is about to absent himself from the seat of Government or who is ill or incapacitated from any similar cause from discharging in a proper manner the State functions, or any of them:

[S 49/04]

Dengan syarat bahawa tiap-tiap lantikan tersebut hendaklah terhenti daripada berkuatkuasa —

(a) jika lantikan itu dibuat kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendak berangkat meninggalkan kepala Kerajaan, sebaik saja Baginda kembali ke kepala Kerajaan; atau

[S 49/04]

(b) jika lantikan itu dibuat kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan gering atau tidak berdaya menjalankan tugas-tugas Baginda, bila dan sebaik saja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah sembah atau berdaya menjalankan tugas-tugas Baginda, atau jika suatu perisytiharan tidak berdaya dibuat di bawah bahagian pertama ceraian (1) bab 12.

[S 49/04]

(11) Bab ini tidak boleh dipakai jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berumur kurang dari 18 tahun.

[S 49/04]

Pemangku Raja tidak berada di Negara Brunei Darussalam.

18. (1) Jika Pemangku Raja tidak berada di Negara Brunei Darussalam atau masih tidak berada di Negara Brunei Darussalam selama lebih dari 3 bulan, kecuali menurut dan mengikut persetujuan Majlis Mesyuarat Di-Raja, maka dia tidak lagi dengan sendirinya menjadi Pemangku Raja dan, kecuali jika lantikan seorang Pemangku Raja diperuntukkan di bawah bab 11, seorang Pemangku Raja yang baru hendaklah dilantik, tetapi lantikan tersebut tidak menghalang lantikan semula bekas Pemangku Raja itu apabila dia kembali ke Negara Brunei Darussalam.

[S 49/04]

(2) Bab ini hendaklah juga dipakai bagi Pemangku Raja yang tidak berada di Negara Brunei Darussalam pada tarikh dia dilantik, kecuali bahawa, dalam hal itu, dia tidaklah boleh dianggap tidak berada di Negara Brunei Darussalam atau masih tidak berada di Negara Brunei Darussalam sehingga tamat tempoh masa sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis Mesyuarat Di-Raja.

Provided that every such appointment shall cease to have effect —

(a) if the appointment was made as a result of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan being about to absent himself from the seat of Government, as soon as he returns to the seat of the Government; or

[S 49/04]

(b) if the appointment was made as a result of the illness or incapacity of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, if and as soon as the illness or incapacity necessitating such appointment ceases or is removed, or if a declaration of incapacity relating to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan is made under the first part of subsection (1) of section 12.

[S 49/04]

(11) This section shall not apply where His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan is below the age of 18 years.

[S 49/04]

Absence of a Regent from Brunei Darussalam.

18. (1) If any Regent is or remains absent from Brunei Darussalam for more than 3 months, save in pursuance of and in accordance with the approval of the Privy Council, he shall automatically cease to be a Regent and, save where the appointment of a Regent is provided under section 11, a fresh appointment of a Regent shall be made, but without prejudice to the appointment of the ex-Regent on his return to Brunei Darussalam.

[S 49/04]

(2) This section shall apply also to a Regent who is absent from Brunei Darussalam at the date of his appointment, save that, in such case, he shall not be deemed to be or to remain absent from Brunei Darussalam until the expiration of such time as may be specified by the Privy Council.

BAHAGIAN IV

TURUN TAKHTA

Turun takhta.

19. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, pada bila-bila masa, dengan Surat Perintah Turun Takhta, mengisyiharkan niat Baginda yang tidak boleh ditarik balik, hendak turun takhta.

[S 49/04]

(2) Setelah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan memperbuat Surat Perintah Turun Takhta mengikut cara yang dinyatakan dalam ceraian (3), maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak lagi menjadi Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam akan terkosong.

[S 49/04]

(3) Surat Perintah Turun Takhta yang diperbuat di Negara Brunei Darussalam tidaklah boleh diterima sebagai sah jika tidak disaksikan oleh sekurang-kurangnya 2 orang Wazir dan sekurang-kurangnya 10 orang pembesar yang lain Negara Brunei Darussalam:

Dengan syarat bahawa —

(a) jika sebarang pertikaian timbul tentang kesahan Surat Perintah tersebut, perkara itu hendaklah dirujukkan kepada Majlis Mesyuarat Di-Raja yang keputusannya adalah muktamad dan tidaklah boleh dibuka untuk kajian semula oleh, atau rayuan kepada, mana-mana mahkamah; dan

(b) jika Surat Perintah Turun Takhta diperbuat di luar Negara Brunei Darussalam maka Surat Perintah itu adalah sah jika diperbuat dan disaksikan dengan cara dan oleh orang-orang yang dianggap boleh diterima oleh Majlis Mesyuarat Di-Raja.

[S 49/04]

PART IV

ABDICTION

Abdication.

19. (1) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may, at any time, by an Instrument of Abdication, declare his irrevocable intention to abdicate.

[S 49/04]

(2) Upon the execution by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of the Instrument of Abdication in the manner specified in subsection (3), His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall cease to be the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam and the throne of Brunei Darussalam shall become vacant.

[S 49/04]

(3) An Instrument of Abdication executed in Brunei Darussalam shall not be accepted as valid if it has not been witnessed by at least 2 of the Wazirs and at least 10 of the other illustrious personages of Brunei Darussalam:

Provided that —

(a) if any dispute arises as to the validity of any such Instrument, the matter shall be referred to the Privy Council whose decision shall be final and shall not be open to review by, or appeal to, any court; and

(b) in the case of an Instrument of Abdication executed elsewhere than in Brunei Darussalam, any Instrument which is executed and witnessed in such manner and by such persons as the Privy Council shall, in all the circumstances of the case, consider acceptable, shall be valid.

[S 49/04]

Santapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah turun takhta. [S 49/04]

20. Jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah turun takhta di bawah Bahagian ini, Baginda adalah berhak —

[S 49/04]

(a) menerima belanja santapan tiap-tiap bulan seumur hidup dari hasil Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengganti Baginda yang sah dan belanja santapan itu tidaklah boleh kurang dari suku bahagian dari jumlah yang ditetapkan untuk belanja santapan tiap-tiap bulan pada masa Baginda memerintah; dan

[S 49/04]

(b) jika Baginda tiada mempunyai tempat tinggal yang dianggap oleh Pengganti Baginda yang sah sebagai sesuai dengan taraf Baginda, maka Baginda berhak diberikan oleh Negara Brunei Darussalam tempat tinggal yang sesuai untuk kediaman Baginda dalam masa hayat Baginda, sama ada di dalam atau di luar Negara Brunei Darussalam.

[S 49/04]

Santapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang dianggap telah turun takhta. [S 49/04]

21. Apabila Majlis Mesyuarat Di-Raja telah membuat suatu Perintah di bawah ceraian (9) bab 17 yang mengisyiharkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah dianggap telah turun takhta, maka Pengganti Baginda yang sah boleh memberi kepada Baginda santapan sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengganti Baginda yang sah.

Emoluments of His Majesty who has abdicated. [S 49/04]

20. In any case in which His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall have abdicated under this Part, he shall be entitled —

[S 49/04]

(a) to such monthly allowance for life from the revenues of Brunei Darussalam as his lawful Successor may determine, which allowance shall not be less than one-fourth part of the sum fixed for his monthly allowance when he was the reigning Sultan; and

[S 49/04]

(b) if he does not possess of his own right a house deemed by his lawful Successor to be suitable to his station, to the right to be provided by Brunei Darussalam, for his own personal use during his lifetime, with a suitable place of residence, either within or outside Brunei Darussalam.

[S 49/04]

Emoluments of His Majesty who is deemed to have abdicated. [S 49/04]

21. Whenever the Privy Council has made an Order under subsection (9) of section 17 declaring that His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall be deemed to have abdicated, his lawful Successor may grant to him such emoluments as his lawful Successor may determine.

BAHAGIAN V

PERMAISURI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA

Lantikan Raja Isteri dan gelaran Permaisuri Kebawah Duli Yang Maha Mulia. [S 32/04; S 49/04]

22. (1) Jika Permaisuri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berbangsa Melayu dan dari keturunan darah Sultan-Sultan Negara Brunei Darussalam atau dari keturunan darah Raja Negara Islam yang lain, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh —

[S 16/06]

(a) jika dia telah ditabalkan, melantik Permaisuri itu menjadi “Duli Raja Isteri”; atau

(b) jika dia belum ditabalkan, melantiknya menjadi “Pengiran Isteri”.

(2) Jika Permaisuri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, sama ada ditabalkan atau tidak, bukan berbangsa Melayu atau bukan dari keturunan darah yang disebutkan di bawah ceraian (1), maka dia hanya boleh digelar “Pengiran Isteri” atau gelaran lain sebagaimana yang mungkin dikurniakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan atas budibicara mutlak Baginda.

[S 79/04; S 16/06]

Belanja santapan bagi Permaisuri Kebawah Duli Yang Maha Mulia. [S 49/04]

23. (1) Permaisuri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah menerima belanja santapan dari dana Negara Brunei Darussalam sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(2) Belanja santapan yang diperuntukkan di bawah ceraian (1) hendaklah —

PART V
THE CONSORT OF HIS MAJESTY

Appointment of Raja Isteri and title of Consort of His Majesty. *[S 32/04; S 49/04]*

22. (1) If the Consort of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan is a Malay and of the blood of the Sultans of Brunei Darussalam or of the blood of the ruling house of another Muslim State, His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may —

[S 16/06]

(a) if she has been crowned, appoint her to be the “Duli Raja Isteri”; or

(b) if she has not been crowned, appoint her to be the “Pengiran Isteri”.

(2) If the Consort of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, whether crowned or not, is not of the race or blood aforesaid, the appropriate title shall be the “Pengiran Isteri” or such other title as His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may confer in his absolute discretion.

[S 79/04; S 16/06]

Allowances for Consort of His Majesty. *[S 49/04]*

23. (1) The Consort of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall receive such allowances out of the funds of Brunei Darussalam as His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may determine.

(2) The allowances provided for under subsection (1) shall —

(a) jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mangkat atau setelah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan turun takhta, tidak kurang dari jumlah yang ditetapkan untuk belanja santapannya tiap-tiap bulan sebagai Permaisuri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengganti Baginda; dan

(b) jika Permaisuri Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan bercerai atau berkahwin semula, berupa belanja santapan sugu hati sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

BAHAGIAN VI

TUGAS-TUGAS NEGARA

Batasan ke atas perjalanan tugas-tugas Negara. [S 49/04]

24. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidaklah boleh tanpa pengetahuan, nasihat dan persetujuan Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri —

[S 49/04]

(a) menyerahkan atau memberikan, atau cuba, berunding atau merancang hendak menyerahkan atau memberikan, Negara Brunei Darussalam atau mana-mana bahagiannya; atau

(b) menggabungkan, mempersekuatkan atau menyatukan, atau cuba, berunding atau merancang hendak menggabungkan, mempersekuatkan atau menyatukan Negara Brunei Darussalam atau mana-mana bahagiannya dengan mana-mana negara lain.

(2) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, atau mana-mana Wazir atau Menteri tidaklah boleh, tanpa pengetahuan, nasihat dan persetujuan Majlis Mesyuarat Di-Raja, memindahkan, menyerah hak atau mencagarkan wang hasil.

[S 49/04]

(a) in the event of the demise of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan or upon the abdication of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, be not less than the sum fixed for her monthly allowance as the Consort of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, as his Successor may determine; and

(b) on the divorce or remarriage of the Consort of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, be such compassionate allowance as His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may determine.

PART VI

STATE FUNCTIONS

Limitation on exercise of State functions. [S 49/04]

24. (1) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall not without the knowledge, advice and consent of the Council of Ministers —

[S 49/04]

(a) surrender or cede, or attempt, negotiate or plan to surrender or cede, Brunei Darussalam or any part thereof; or

(b) amalgamate, federate or unite, or attempt, negotiate or plan to amalgamate, federate or unite Brunei Darussalam or any part thereof with any other territory.

(2) Neither His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, nor any Wazir or Minister shall, without the knowledge, advice and consent of the Privy Council, transfer, assign or charge any cession money.

[S 49/04]

(3) Bagi maksud-maksud bab ini, “wang hasil” bermakna wang pajakan yang dibayar kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, Kerajaan Negara Brunei Darussalam, atau mana-mana Wazir atau Menteri menurut perjanjian-perjanjian dengan Kerajaan Sarawak atau North Borneo berkenaan dengan tanah-tanah yang telah dipajakkan kepada Kerajaan Sarawak atau North Borneo.

(4) Sebarang perbuatan atau perkara yang dilakukan atau dikatakan telah dilakukan yang melanggar bab ini adalah batal dan tidak sah, dan tidaklah mempunyai kuatkuasa.

Dasar-dasar yang menjadi asas perjalanan tugas-tugas Negara.

25. (1) Dasar-dasar di bawah ini hendaklah diikuti dalam menjalankan tugas-tugas Negara —

[S 49/04]

(a) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidaklah berputusan hayatnya dan pemegangan sebarang jawatan Kerajaan, lantikan atau kehormatan di Negara Brunei Darussalam tidaklah terjejas, dan sebarang lantikan baru atau pengurniaan kehormatan tidak perlu dibuat semula, oleh kerana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah mangkat atau turun takhta; dan

[S 49/04]

(b) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak pandai berbuat salah sama ada atas sifat peribadi atau rasmi Baginda:

Dengan syarat bahawa peruntukan boleh dibuat dengan undang-undang yang digubal di bawah Perlembagaan bagi membawa langkah perbicaraan terhadap Kerajaan atau mana-mana pegawai, pekerja atau ejennya, tetapi bukan terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, berkaitan dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan semasa melaksanakan tugas-tugas pemerintahan Negara Brunei Darussalam.

[S 49/04]

(2) Sebarang undang-undang yang disebut dalam proviso kepada perenggan (b) ceraian (1) tidaklah boleh dianggap sebagai suatu pindaan kepada Pemasyhuran ini.

[S 49/04]

(3) For the purposes of this section, “cession money” means any money paid to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, the Government of Brunei Darussalam, or to any Wazir or Minister by the Government of Sarawak or North Borneo by virtue of any agreements relating to lands which have been leased to either of those Governments.

(4) Any act or thing done or purported to be done which contravenes this section shall be null and void, and shall have no effect.

Principles underlying the exercise of State functions.

25. (1) The following principles shall be inherent in the exercise of the State functions —

[S 49/04]

(a) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan never dies and the holding of any public office, appointment or honour in Brunei Darussalam shall not be affected, nor shall any fresh appointments thereto be rendered necessary by the death or abdication of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan; and

[S 49/04]

(b) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan can do no wrong in either his personal or any official capacity:

Provided that provision may be made by laws enacted under the Constitution for the bringing of proceedings against the Government or any officer, servant or agent thereof, but not His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, in respect of wrongs committed in the course of carrying on the government of Brunei Darussalam.

[S 49/04]

(2) Any such law as is referred to in the proviso to paragraph (b) of subsection (1) shall not be deemed to be an amendment to this Proclamation.

[S 49/04]

Lambang kebesaran Negara, bendera dan lain-lain.

26. (1) Tanpa menjelaskan ceraian (2), semua yang berikut ini, yang sedia ada dan diakui pada masa ini, adalah dengan ini dipakai untuk selama-lamanya —

(a) Lambang Kebesaran, Tanda Kebesaran, Bendera dan Alat Kebesaran Di-Raja Negara Brunei Darussalam;

(b) Panji-Panji Di-Raja dan Bendera Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan; dan

[S 49/04]

(c) Bendera-Bendera Wazir, Cheteria dan Menteri.

(2) Adalah sah bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, setelah berunding dengan Majlis Mesyuarat Di-Raja, untuk mengubah dengan sebarang cara yang difikirkan patut oleh Baginda, atau untuk membatalkan dengan menggantinya atau tanpa menggantinya sebagaimana yang difikirkan patut oleh Baginda, semua atau sebarang perkara dan benda yang dipakai menurut ceraian (1).

[S 49/04]

Balai dan Istana Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

27. Tanpa menjelaskan hak kedaulatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sebagai punca segala kehormatan dan kemuliaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, dengan menggunakan buah fikiran Baginda sendiri tetapi dengan menghormati adat istiadat Negara Brunei Darussalam, mengadakan peruntukan dengan Surat Pekeliling Balai atau Istana, atau sebagaimana yang difikirkan patut oleh Baginda bagi —

[S 49/04]

(a) lantikan Pegawai-Pegawai Balai dan Istana;

(b) penyempurnaan majlis beristiadat dan keraian Balai dan Istana; dan

(c) cara bagaimana Pegawai-Pegawai Balai dan Istana, dan mereka yang bertanggungjawab terhadap majlis beristiadat dan keraian Balai dan Istana akan melaksanakan kewajipan-kewajipan mereka.

State emblems, flags etc.

26. (1) Without prejudice to subsection (2), all the following, as now existing and recognised, are hereby adopted in perpetuity —

(a) the Emblem, Arms, Flag and Regalia of Brunei Darussalam;

(b) the Insignia of Royalty and His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan's Standard; and

[S 49/04]

(c) the Standards and Flags of the Wazirs, Cheterias and Menteris.

(2) It shall be lawful for His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, after consultation with the Privy Council, to alter in any respect he may deem fit, or to rescind with or without such substitution as he may deem fit, all or any of the matters and things adopted by subsection (1).

[S 49/04]

Court and Palace of His Majesty.

27. Without prejudice to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan's prerogatives as the fountain of all honour and dignities of Brunei Darussalam, His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may, acting with due regard to the custom of Brunei Darussalam, provide by Court or Palace Circulars, or as he may deem appropriate for —

[S 49/04]

(a) the appointment of Court and Palace Officers;

(b) the discharge of Court and Palace Ceremonial and observance; and

(c) the manner in which Court and Palace Officers, and those responsible for Court and Palace Ceremonial and observance shall discharge their duties.

BAHAGIAN VII

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN RAMPAIAN

Kesucian.

28. Kesucian ada pada batang tubuh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan pada istana-istana dan tanah-tanah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sebagaimana yang diisytiharkan oleh Majlis Mesyuarat Di-Raja, yang bertindak bagi pihak dan atas nama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, sebagai istana-istana atau tanah-tanah yang dikenakan oleh bab ini, yang disiarkan dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* yang ditandatangani oleh Jurutulis kepada Majlis Mesyuarat Di-Raja.

[S 49/04]

Kuasa untuk memanggil Majlis Mesyuarat Di-Raja bersidang.

29. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, pada bila-bila masa, memerintahkan Jurutulis kepada Majlis Mesyuarat Di-Raja untuk memanggil Majlis itu, atau ahli-ahlinya yang dianggap oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dapat hadir dengan mudah, supaya bersidang dengan tujuan hendak menunaikan sebarang tugas yang diberikan kepada Majlis Mesyuarat Di-Raja oleh Pemasyhuran ini.

[S 49/04]

(2) Bab ini hendaklah dikenakan kepada Jemaah Pemangku Raja sebagaimana ia dikenakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

[S 49/04]

Memelihara adat istiadat yang sedia ada dan kuasa mengurniakan belanja santapan.

30. (1) Kecuali setakat mana yang mungkin berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Pemasyhuran ini, adat istiadat Negara Brunei Darussalam yang purbakala berkenaan dengan Sultan atau Pemangku Raja, atau pengurniaan, pemegangan, penggantungan atau perlucutan pangkat, gelaran, kebesaran, kemuliaan atau pingat kebesaran atau keutamaan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, hendaklah terus berkuatkuasa.

[S 49/04]

PART VII

MISCELLANEOUS PROVISIONS

Sanctity.

28. Sanctity shall attach to the person of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan and to such of the palaces and lands of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan as the Privy Council, acting on behalf of and in the name of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, may, by notification signified in the *Gazette* under the hand of the Clerk to the Privy Council, declare to be palaces or lands to which this section applies.

[S 49/04]

Power to convene Privy Council.

29. (1) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may, at any time, require the Clerk to the Privy Council to summon the Council, or such members thereof as His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan considers can conveniently attend, to assemble for the purpose of discharging any of the functions conferred upon the Privy Council by this Proclamation.

[S 49/04]

(2) This section shall apply to a Council of Regency as it applies to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan.

[S 49/04]

Preservation of existing custom and of the right to grant certain pension and allowances.

30. (1) Save in so far as the same may be inconsistent with the provisions of this Proclamation, the ancient customs of Brunei Darussalam in relation to the Sultanate or the Regency, or to the granting, holding, suspension or deprivation of rank, title, dignity, decoration or precedence by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, shall continue to have effect.

[S 49/04]

(2) Tiada sebarang apa pun yang terkandung dalam Perlembagaan atau dalam Pemasyhuran ini boleh dianggap membatalkan pengurniaan apa-apa bayaran santapan bulanan atau belanja santapan kepada Putera-Putera dan Puteri-Puteri Sultan; dan adalah sah bagi Sultan dan Pengganti-Pengganti Baginda untuk mengurniakan dari hasil Negara Brunei Darussalam —

[S 49/04]

(a) bayaran santapan bulanan kepada Putera-Putera dan Puteri-Puteri Sultan yang memerintah; dan

(b) belanja santapan sagu hati kepada mana-mana orang yang, pada pandangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, berhak menerimanya, sama ada dengan cara bayaran sekali gus atau tiap-tiap bulan atau berkala, atau sebahagiannya dibayar dengan satu cara dan sebahagian lagi dengan cara lain.

(3) Apa-apa bayaran santapan bulanan atau belanja santapan yang dikurniakan di bawah ceraian (2) kepada seorang Putera Sultan hendaklah dihentikan apabila Putera itu menaiki takhta Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

(4) Kuasa yang diberikan oleh ceraian (2) hendaklah termasuk kuasa untuk membatalkan atau mengubah sebarang kurnia termasuk kurnia yang dibuat sebelum Pemasyhuran ini mula berkuatkuasa.

[S 49/04]

Belanja santapan sagu hati.

30A. Seseorang itu tidak lagi memegang gelaran dan pangkat Kepala Wazir atau Wazir, mengikut mana yang berkenaan, setelah mencapai umur 70 tahun atau waktu yang kemudian sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan dalam hal tersebut orang itu hendaklah menerima belanja santapan sagu hati sebagaimana yang mungkin dikurniakan di bawah bab 30.

[S 49/04]

(2) Nothing contained in the Constitution or in this Proclamation shall be deemed to revoke the grant of any political pension or allowance to any of the children of a Sultan; and it shall be lawful for the Sultan and his Successors to grant out of the revenue of Brunei Darussalam —

[S 49/04]

(a) political pensions to any of the children of a reigning Sultan; and

(b) a compassionate allowance to any person who is, in the opinion of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, entitled thereto, either by way of a lump sum or a periodical payment, or partly in the one way and partly in the other.

(3) Any pension or allowance granted under subsection (2) to a male child of the Sultan shall cease upon the accession of such child to the throne of Brunei Darussalam.

(4) The power conferred by subsection (2) shall include the power to revoke or vary any grant including a grant made prior to the commencement of this Proclamation.

[S 49/04]

Compassionate allowances.

30A. A person shall cease to hold the title and rank of Kepala Wazir or Wazir, as the case may be, on attaining the age of 70 years or such later time as His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may determine and in such event the person shall receive such compassionate allowance as may be granted under section 30.

[S 49/04]

BAHAGIAN VIII

PINDAAN DAN TAFSIRAN

Pindaan. *[S 49/04]*

31. Adalah sah bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan Pemasyhuran yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, untuk menambah, meminda atau membatalkan semua atau mana-mana peruntukan Pemasyhuran ini, termasuk bab ini, dan Pemasyhuran ini tidaklah boleh ditambah, dipinda atau dibatalkan dengan cara lain.

Tribunal Tafsiran. *[S 49/04]*

32. (1) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh merujukkan apa jua perkara yang melibatkan, berbangkit dari, berkenaan dengan, atau berhubung dengan makna, tafsiran, tujuan, pengertian, bidang atau kesan mana-mana peruntukan Pemasyhuran ini kepada Tribunal Tafsiran.

[S 49/04]

(2) Apabila sebarang perkara sedemikian timbul dalam mana-mana perbicaraan undang-undang di hadapan mana-mana mahkamah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh mengarahkan supaya mahkamah itu merujukkan perkara tersebut kepada Tribunal Tafsiran atau mahkamah itu hendaklah merujukkan perkara tersebut ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan suatu penghujahan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah merujukkan perkara tersebut kepada Tribunal Tafsiran, dan setelah menerima rujukan tersebut Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh merujukkan perkara itu kepada Tribunal Tafsiran:

Dengan syarat bahawa mahkamah itu tidak boleh merujukkan perkara tersebut kepada Tribunal Tafsiran, sekiranya perkara tersebut telah pun diputuskan oleh Tribunal Tafsiran.

[S 49/04]

PART VIII

AMENDMENT AND INTERPRETATION

Amendment. *[S 49/04]*

31. It shall be lawful for His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan to, by Proclamation published in the *Gazette*, add to, amend or revoke all or any of the provisions of this Proclamation, including this section, and this Proclamation shall not otherwise be added to, amended or revoked.

Interpretation Tribunal. *[S 49/04]*

32. (1) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may refer any question involving, arising from, relating to, or in connection with, the meaning, interpretation, purpose, construction, ambit or effect of any of the provisions of this Proclamation to the Interpretation Tribunal.

[S 49/04]

(2) When any such question arises in any legal proceedings before any court, His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may direct that court to refer such question to the Interpretation Tribunal or that court shall refer such question to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, with a submission that His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan should refer that question to the Interpretation Tribunal, and upon receiving such reference His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may refer such question to the Interpretation Tribunal:

Provided that the court shall not refer such question which has already been decided by the Interpretation Tribunal.

[S 49/04]

(3) Jika Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan tidak merujukkan perkara tersebut kepada Tribunal Tafsiran, maka Baginda hendaklah menyebabkan mahkamah yang membuat rujukan mengenai perkara tersebut diberitahu, dan mahkamah itu hendaklah meneruskan perbicaraan di hadapannya.

[S 49/04]

(4) Keputusan dari kebanyakan ahli Tribunal Tafsiran ke atas apa jua perkara yang dirujukkan kepadanya di bawah bab ini hendaklah dianggap sebagai suatu keputusan Tribunal Tafsiran; dan mana-mana keputusan Tribunal Tafsiran itu hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, dan boleh dibuktikan dalam mahkamah dengan menunjukkan *Warta Kerajaan* itu.

[S 49/04]

(5) Dalam hal suatu rujukan yang dibuat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan kepada Tribunal Tafsiran menurut suatu rujukan di bawah ceraian (2), maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan hendaklah menyebabkan supaya keputusan Tribunal Tafsiran itu disampaikan kepada mahkamah yang telah merujukkan perkara tersebut dan dalam hal sedemikian mahkamah itu boleh membuat syarat yang adil tentang perbelanjaan, dan yang telah dilakukan oleh, rujukan tersebut.

[S 49/04]

(6) Keputusan Tribunal Tafsiran tentang apa jua perkara yang dirujukkan kepadanya di bawah bab ini hendaklah terikat dan muktamad ke atas semua orang, dan tidak boleh dipersoalkan di dalam atau tertakluk kepada sebarang kajian semula oleh atau rayuan kepada mana-mana mahkamah.

[S 49/04]

(7) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh dari masa ke semasa membuat, meminda atau membatalkan aturan-aturan berhubung dengan prosedur yang mesti diikuti dalam merujukkan atau memutuskan perkara-perkara di bawah bab ini, dan boleh membuat penyusunan-penyusunan tentang saraan yang hendak dibayar kepada ahli-ahli Tribunal Tafsiran dan saraan itu hendaklah dikenakan ke atas Kumpulanwang Yang Disatukan.

[S 49/04]

(3) If His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan does not refer such question to the Interpretation Tribunal, he shall cause the court by whom the reference thereof was made to be so informed, and the court shall thereupon proceed with the determination of the legal proceedings before it.

[S 49/04]

(4) The decision of a majority of the Interpretation Tribunal upon any question referred to it under this section shall be deemed to be a decision of that Tribunal; and any decision of the Interpretation Tribunal shall be in writing and shall be published in the *Gazette*, and may be proved by production of the *Gazette*.

[S 49/04]

(5) In the case of a reference made by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan to the Interpretation Tribunal pursuant to a reference under subsection (2), His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall cause the determination of the Interpretation Tribunal to be communicated to the court by which the question has been referred and in such case that court may make such provision as may be just as to the costs of, and incurred by, such reference.

[S 49/04]

(6) The determination of the Interpretation Tribunal in any question referred to it under this section shall be binding and conclusive upon all persons, and shall not be called in question in or be subject to any review by or appeal to any court.

[S 49/04]

(7) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may from time to time make, amend or revoke rules relating to the procedure to be followed in referring or determining questions under this section, and may make arrangements as to the remuneration to be paid to members of the Interpretation Tribunal, which remuneration shall be charged to the Consolidated Fund.

[S 49/04]

(8) Tribunal Tafsiran boleh menyimpang dari apa-apa keputusannya yang terdahulu.

[S 49/04]

Naskhah yang dipakai. [S 49/04]

33. Sekiranya terdapat sebarang kewahaman, pertelingkahan atau percanggahan antara naskhah Bahasa Melayu dan naskhah Bahasa Inggeris Pemasyhuran ini, maka naskhah Bahasa Melayu hendaklah dipakai.

Tiada kajian semula kehakiman. [S 49/04]

34. (1) Remedi bagi kajian semula kehakiman tiada dan tidak boleh didapati di Negara Brunei Darussalam.

(2) Bagi mengelakkan kewahaman, kajian semula kehakiman tiada dan tidak boleh diadakan di dalam mana-mana mahkamah mengenai apa-apa perbuatan, keputusan, pemberian, pembatalan atau penggantungan, atau keengganan atau peninggalan daripada berbuat demikian, sebarang perjalanan atau keengganan atau peninggalan daripada menjalankan sebarang kuasa, autoriti atau budibicara oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, atau mana-mana pihak yang bertindak bagi pihak Baginda atau dengan titah perkenan Baginda atau dalam melaksanakan sebarang tugas awam, di bawah peruntukan-peruntukan Pemasyhuran ini, termasuk apa jua perkara yang berhubung dengan pematuhan sebarang kehendak prosedur yang mengawal perbuatan atau keputusan tersebut.

(3) Dalam bab ini, “kajian semula kehakiman” bermakna perbicaraan yang dimulakan dengan apa jua cara pun termasuk, tetapi tidak terhad kepada, perbicaraan dengan cara —

- (a) suatu permohonan bagi sebarang perintah prerogatif *mandamus*, larangan dan *certiorari*;
- (b) suatu permohonan bagi suatu pengisyiharan atau injunksi;
- (c) suatu writ *habeas corpus*; dan

(8) The Interpretation Tribunal may depart from any of its previous decisions.

[S 49/04]

Prevailing text. [S 49/04]

33. In the case of any doubt, conflict or discrepancy between the Malay and the English texts of this Proclamation, the Malay text shall prevail.

No judicial review. [S 49/04]

34. (1) The remedy of judicial review is and shall not be available in Brunei Darussalam.

(2) For the avoidance of doubt, there is and shall be no judicial review in any court of any act, decision, grant, revocation or suspension, or refusal or omission to do so, any exercise of or refusal or omission to exercise any power, authority or discretion by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, or any party acting on his behalf or under his authority or in the performance of any public function, under the provisions of this Proclamation, including any question relating to compliance with any procedural requirement governing such act or decision.

(3) In this section, “judicial review” means proceedings instituted by any manner whatsoever including, but not limited to, proceedings by way of—

- (a) an application for any of the prerogative orders of *mandamus*, *prohibition* and *certiorari*;
- (b) an application for a declaration or an injunction;
- (c) a writ of *habeas corpus*; and

(d) mana-mana guaman atau tindakan lain berhubung dengan atau berbangkit dari apa-apa perbuatan, keputusan, pemberian, pembatalan atau penggantungan, atau keengganan atau peninggalan daripada berbuat demikian, sebarang perjalanan atau keengganan atau peninggalan daripada menjalankan sebarang kuasa, autoriti atau budibicara yang diberikan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, atau mana-mana pihak yang bertindak bagi pihak Baginda atau dengan titah perkenan Baginda atau dalam melaksanakan sebarang tugas awam, di bawah peruntukan-peruntukan Pemasyhuran ini.

(d) any other suit or action relating to or arising out of any act, decision, grant, revocation or suspension, or refusal or omission to do so, any exercise of or refusal or omission to exercise any power, authority or discretion conferred on His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, or any party acting on his behalf or under his authority or in the performance of any public function, under the provisions of this Proclamation.

JADUAL

(bab 14)

SUMPAH YANG DIANGKAT DAN DITANDATANGANI OLEH PEMANGKU RAJA

WALLAHI WA-BILLAHI WA-TAALLAHI

1. Saya, bersumpah dengan nama ALLAH Yang Maha Kuasa bahawa saya akan taat dan menumpahkan kesetiaan yang sesungguhnya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan* Sultan dan Yang Di-Pertuan, Waris-Waris dan Pengganti-Pengganti Baginda menurut undang-undang.

[S 49/04]

2. Saya, bersumpah dengan nama ALLAH Yang Maha Kuasa bahawa saya akan menyempurnakan jawatan Pemangku Raja dalam segala perkara, dengan segala kuasa dan kebolehan saya dengan sebenarnya dan dengan taat, dan bahawa saya akan memerintah menurut undang-undang dan akan menimbang, berunding dan memelihara keselamatan, kehormatan dan kemuliaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan* Sultan dan Yang Di-Pertuan serta kebajikan rakyat Baginda.

[S 49/04]

3. Saya, bersumpah dengan nama ALLAH Yang Maha Kuasa bahawa saya akan menjaga dan memelihara dengan tiada kendur-kendurnya akan Ugama Islam di Negara Brunei Darussalam.

[S 32/04; S 49/04]

Bertarikh pada hari ini haribulan 20.....
[S 49/04]

.....
(Tandatangan)

* Masukkan di sini nama Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

SCHEDULE

(section 14)

OATH TO BE TAKEN AND SUBSCRIBED BY REGENT

WALLAHI WA-BILLAHI WA-TAALLAHI

1. I, swear by Almighty ALLAH that I will be faithful and bear true allegiance to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan* his Heirs and Successors according to law.

[S 49/04]

2. I, swear by Almighty ALLAH that I will truly and faithfully execute the office of Regent, and that I will govern according to law, and will, in all things, to the utmost of my power and ability, consult and maintain the safety, honour and dignity of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan* and the welfare of his people.

[S 49/04]

3. I, swear by Almighty ALLAH that I will inviolably maintain and preserve in Brunei Darussalam the Islamic Religion.

[S 32/04; S 49/04]

Dated this day of 20.....
[S 49/04]

.....
(Signature)

* Here insert the name of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan

Pengesahan.

Demikianlah kandungannya Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja.

Ucapan doa.

Barang dirahmati ALLAH Subhanahu Wata'ala Malikul Mulk dan diberkati Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wasallam akan Pemasyhuran ini kekal selama-lamanya, Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Diperbuat di Lapau, di Brunei pada 26 haribulan Rabiulawal Hijrah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam Seribu tiga ratus tujuh puluh sembilan, bersamaan dengan hitungan Masihi 29 haribulan September Seribu sembilan ratus lima puluh sembilan, iaitu tahun yang kesepuluh Beta di atas Takhta Kerajaan Brunei Darul Salam.

PADA MENYAKSIKAN pengurniaan dan pengesahan Pemasyhuran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja ini dan persetujuan dari Penasihat-Penasihat menurut Adat Istiadat, maka kami telah menurunkan tandatangan-tandatangan kami masing-masing di bawah ini:

Duli Pengiran Bendahara, Dato' Paduka Muda Hashim ibni Pengiran Anak Abdul Rahman, D.P.M.B., P.O.A.S.

Duli Pengiran Pemancha, Dato' Paduka Haji Mohammed Alam ibni Pengiran Anak Abdul Rahman, D.K., D.P.M.B., P.O.A.S., O.B.E.

Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar, Dato' Paduka Haji Mohammed Salleh bin Pengiran Haji Mohammed, D.P.M.B., P.O.A.S.

Pehin Dato' Perdana Menteri, Dato' Paduka Haji Ibrahim bin Mohammed Jahfar, D.K., D.P.M.B., O.B.E., P.O.A.S.

Pehin Orang Kaya Di-Gadong, Awang Haji Mohammed Yussof bin Awang Haji Husain, P.O.A.S.

Pehin Orang Kaya Shahbandar, Haji Ahmad bin Mohammed Daud, P.O.A.S., M.B.E.

Pehin Jawatan Dalam, Awang Haji Mohammed Noor bin Haji Abdul Razak, P.O.A.S.

Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohammed Daud, S.M.B.

Confirmation.

So be it. Such are the contents of the Succession and Regency Proclamation.

Invocation.

May ALLAH, to Whom be praise and Whose name be exalted, the King of Kings, vouchsafe His grace and may the Prophet Muhammad (on whom be the benediction and peace of ALLAH) grant His Blessing to this Constitution, for ever and ever. Amen! O Lord of the Universe!

Done at the Lapau, at Brunei this 26th day of Rabiulawal the Hijrah of the Prophet (on Whom be the benediction and peace of ALLAH) One thousand three hundred and seventy-nine corresponding to the 29th day of September, One thousand nine hundred and fifty-nine of the Christian era, being the tenth year of the reign of His Highness.

IN WITNESS of the granting and confirmation of the Succession and Regency Proclamation and of the concurrence and assent of the Traditional Advisers, we hereunder affixed our respective signatures:

Duli Pengiran Bendahara, Dato' Paduka Muda Hashim ibni Pengiran Anak Abdul Rahman, D.P.M.B., P.O.A.S.

Duli Pengiran Pemancha, Dato' Paduka Haji Mohammed Alam ibni Pengiran Anak Abdul Rahman, D.K., D.P.M.B., P.O.A.S., O.B.E.

Pengiran Shahbandar Sahibul Bandar, Dato' Paduka Haji Mohammed Salleh bin Pengiran Haji Mohammed, D.P.M.B., P.O.A.S.

Pehin Dato' Perdana Menteri, Dato' Paduka Haji Ibrahim bin Mohammed Jahfar, D.K., D.P.M.B., O.B.E., P.O.A.S.

Pehin Orang Kaya Di-Gadong, Awang Haji Mohammed Yussof bin Awang Haji Husain, P.O.A.S.

Pehin Orang Kaya Shahbandar, Haji Ahmad bin Mohammed Daud, P.O.A.S., M.B.E.

Pehin Jawatan Dalam, Awang Haji Mohammed Noor bin Haji Abdul Razak, P.O.A.S.

Pengiran Ali bin Pengiran Haji Mohammed Daud, S.M.B.

Pechin Laksamana, Haji Mohammed Taha bin Awang Mohammed Husain,
P.O.A.S.

Pengiran Mohammed Yussof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, S.M.B.

Marsal bin Ma'un, S.M.B.

Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Mohammed Salleh, P.O.A.S.

Pechin Dato' Temanggong, Lim Cheng Choo.

Pengiran Anak Safar ibni Al-Marhum Sultan Hashim, P.O.A.S.

Pengiran Anak Khamis ibni Al-Marhum Sultan Hashim, P.O.A.S.

Pe hin Laksamana, Haji Mohammed Taha bin Awang Mohammed Husain,
P.O.A.S.

Pengiran Mohammed Yussof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, S.M.B.

Marsal bin Ma'un, S.M.B.

Pengiran Haji Abu Bakar bin Pengiran Mohammed Salleh, P.O.A.S.

Pe hin Dato' Temanggong, Lim Cheng Choo.

Pengiran Anak Safar ibni Al-Marhum Sultan Hashim, P.O.A.S.

Pengiran Anak Khamis ibni Al-Marhum Sultan Hashim, P.O.A.S.

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERKARA-PERKARA PERLEMBAGAAN III

PERINTAH PERLEMBAGAAN (PROSEDUR KEWANGAN)

S 101/59

Dipinda oleh
S 50/61
2 tahun 1965
S 264/68
S 166/70
2 tahun 1972
S 56/74
S 180/74
S 8/76
S 49/76
S 109/79
S 36/84

Edisi 1984, Perkara-Perkara Perlembagaan III

Dipinda oleh
S 20/85
S 39/03
S 63/04
S 70/04
S 14/08
S 36/08

LAWS OF BRUNEI

CONSTITUTIONAL MATTERS III

CONSTITUTION (FINANCIAL PROCEDURE) ORDER

S 101/59

Amended by
S 50/61
2 of 1965
S 264/68
S 166/70
2 of 1972
S 56/74
S 180/74
S 8/76
S 49/76
S 109/79
S 36/84

1984 Edition, Constitutional Matters III

Amended by
S 20/85
S 39/03
S 63/04
S 70/04
S 14/08
S 36/08

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PERKARA-PERKARA PERLEMBAGAAN III

PERINTAH PERLEMBAGAAN (PROSEDUR KEWANGAN)

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

- 1.** Gelaran.
- 2.** Tafsiran.

BAHAGIAN II

PEGAWAI-PEGAWAI PERAKAUNAN

- 3.** Kewajipan-kewajipan pegawai perakaunan.
- 4.** Akaun bank.

BAHAGIAN III

KAWALAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

- 5.** Kuasa-kuasa Menteri.
- 6.** Akaun Kumpulanwang Yang Disatukan.
- 7.** Penjagaan dan pelaburan wang.
- 8.** Akaun amanah.

LAWS OF BRUNEI

CONSTITUTIONAL MATTERS III

**CONSTITUTION (FINANCIAL PROCEDURE)
ORDER**

ARRANGEMENT OF SECTIONS

Section

PART I

PRELIMINARY

- 1.** Citation.
- 2.** Interpretation.

PART II

ACCOUNTING OFFICERS

- 3.** Duties of accounting officers.
- 4.** Bank accounts.

PART III

**CONTROL AND MANAGEMENT OF PUBLIC FINANCES OF
BRUNEI DARUSSALAM**

- 5.** Powers of Minister.
- 6.** Consolidated Fund accounts.
- 7.** Custody and investment of moneys.
- 8.** Trust accounts.

- 9.** Dana amanah Kerajaan.
- 10.** Kumpulanwang Luarjangka.
- 11.** Pembayaran wang.
- 12.** Jaminan.
- 13.** Anggaran dan pindah peruntukan.
- 14.** Penyata akaun tahunan.
- 14A.** Titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.
- 15.** Penghapusan dari kira-kira.
- 15A.** Keputusan di bawah bab 15 hendaklah muktamad dan mengikat.
- 16.** Surcaj.
- 17.** Pemberitahuan surcaj.
- 18.** Penarikan balik surcaj.
- 19.** Mendapatkan kembali surcaj.

BAHAGIAN IV

PERATURAN-PERATURAN

- 20.** Peraturan-peraturan.

JADUAL PERTAMA — **PELABURAN-PELABURAN
YANG DIBENARKAN**

JADUAL KEDUA — **DANA AMANAH KERAJAAN**

- 9.** Government trust funds.
- 10.** Contingencies Fund.
- 11.** Payment of moneys.
- 12.** Guarantees.
- 13.** Estimates and virement.
- 14.** Yearly statement of accounts.
- 14A.** Approval from His Majesty.
- 15.** Write-off.
- 15A.** Decision under section 15 to be final and binding.
- 16.** Surcharge.
- 17.** Notification of surcharge.
- 18.** Withdrawal of surcharge.
- 19.** Recovery of surcharge.

PART IV

REGULATIONS

- 20.** Regulations.

FIRST SCHEDULE — AUTHORISED INVESTMENTS

SECOND SCHEDULE — GOVERNMENT TRUST FUNDS

PERINTAH PERLEMBAGAAN (PROSEDUR KEWANGAN)

*Permulaan kuatkuasa: 1hb Januari 1960
[S 156/59]*

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Gelaran.

- 1.** Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perlembagaan (Prosedur Kewangan).

Tafsiran.

- 2.** Dalam Perintah ini —

“pegawai perakaunan” termasuk tiap-tiap pegawai Kerajaan yang diberi tugas untuk memungut, menerima, atau memasukkan ke dalam akaun, atau yang sebenarnya memungut, menerima atau memasukkan ke dalam akaun, mana-mana wang Kerajaan, atau yang diberi tugas untuk mengeluarkan, atau yang sebenarnya mengeluarkan, mana-mana wang Kerajaan, dan tiap-tiap pegawai Kerajaan yang diberi tugas untuk menerima, menjaga atau melupuskan, atau memasukkan ke dalam akaun, barang-barang stor Kerajaan atau yang sebenarnya menerima, memegang atau melupuskan barang-barang stor Kerajaan, tetapi tidak termasuk Menteri;

[S 63/04]

“Kumpulanwang Yang Disatukan” bermakna Kumpulanwang yang ditubuhkan oleh Perkara 58 dari Perlembagaan;

“Perlembagaan” bermakna Perlembagaan Negara Brunei Darussalam;

“Kumpulanwang Luarjangka” bermakna Kumpulanwang yang diwujudkan oleh ceraian (1) bab 10;

[S 63/04]

CONSTITUTION (FINANCIAL PROCEDURE) ORDER

*Commencement: 1st January 1960
[S 156/59]*

PART I

PRELIMINARY

Citation.

1. This Order may be cited as the Constitution (Financial Procedure) Order.

Interpretation.

2. In this Order —

“accounting officer” includes every public officer who is charged with the duty of collecting, receiving, or accounting for, or who in fact collects, receives or accounts for, any public moneys, or who is charged with the duty of disbursing, or who does in fact disburse, any public moneys, and every public officer who is charged with the receipt, custody or disposal of, or the accounting for, public stores or who in fact receives, holds or disposes of public stores, but does not include the Minister;

[S 63/04]

“Consolidated Fund” means the Fund established by Article 58 of the Constitution;

“Constitution” means the Constitution of Brunei Darussalam;

“Contingencies Fund” means the Fund created by subsection (1) of section 10;

[S 63/04]

“tahun kewangan” bermakna suatu tempoh 12 bulan yang berakhir pada 31hb Mac pada mana-mana tahun;

[S 39/03]

“Menteri” bermakna Menteri Kewangan;

[S 63/04]

“wang Kerajaan” bermakna semua hasil, pinjaman, amanah dan wang lain dan semua bon, debentur dan sekuriti lain apa jua pun yang didapatkan atau diterima oleh atau atas akaun Negara Brunei Darussalam, termasuk wang hasil yang dikenali sebagai *tulin* dan *kuripan* yang dibayar oleh Kerajaan Sarawak dan Kerajaan North Borneo kepada Negara Brunei Darussalam, tetapi tidak termasuk *Zakat*, *Fitrah* atau hasil dan wang-wang tabung Ugama Islam yang serupa;

[S 63/04]

“Suruhanjaya Perkhidmatan Awam” bermakna Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang ditubuhkan oleh Perkara 71 dari Perlembagaan;

[S 63/04]

“barang-barang stor Kerajaan” bermakna catel yang merupakan harta kepunyaan atau dalam milikan atau di bawah kawalan Kerajaan Negara Brunei Darussalam;

[S 63/04]

“Perbendaharaan” bermakna Menteri dan termasuk mana-mana pegawai di bawah kawalan atau arahan pentadbiran Menteri yang kepadanya sebarang kuasa di bawah Perintah ini telah diwakilkan secara sah.

BAHAGIAN II

PEGAWAI-PEGAWAI PERAKAUNAN

Kewajipan-kewajipan pegawai perakaunan.

3. Tiap-tiap pegawai perakaunan hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini dan sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya dan hendaklah menjalankan kewajipan-kewajipan, menyimpan

“financial year” means a period of 12 months ending on the 31st day of March in any year;

[S 39/03]

“Minister” means the Minister of Finance;

[S 63/04]

“public moneys” means all revenue, loan, trust and other moneys and all bonds, debentures and other securities whatsoever raised or received by or on account of Brunei Darussalam, including cession moneys known as *tulin* and *kuripan* paid by the Governments of Sarawak and North Borneo to Brunei Darussalam, but does not include *Zakat*, *Fitrah* or similar Muslim revenues and funds;

[S 63/04]

“Public Service Commission” means the Public Service Commission established by Article 71 of the Constitution;

[S 63/04]

“public stores” means chattels which are the property of or in the possession or under the control of the Government of Brunei Darussalam;

[S 63/04]

“Treasury” means the Minister and includes any officer under the administrative control or direction of the Minister to whom any powers under this Order have been lawfully delegated.

PART II

ACCOUNTING OFFICERS

Duties of accounting officers.

3. Every accounting officer shall be subject to the provisions of this Order and any regulations made hereunder and shall perform such duties,

buku-buku dan menyediakan akaun-akaun sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh atau di bawah Perintah ini atau dengan arahan yang dikeluarkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam perkara-perkara mengenai prosedur kewangan dan perakaunan yang tidak bertentangan dengannya.

[S 63/04]

Akaun bank. [S 63/04]

4. Tiada pegawai perakaunan boleh membuka mana-mana akaun Kerajaan atau rasmi di dalam mana-mana bank tanpa titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan secara bertulis berkaitan dengan wang Kerajaan Negara Brunei Darussalam, dan tiada bank boleh membenarkan suatu overdraf ke atas mana-mana akaun Kerajaan atau rasmi melainkan jika ia diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

BAHAGIAN III

KAWALAN DAN PENGURUSAN KEWANGAN KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

[S 63/04]

Kuasa-kuasa Menteri.

5. Menteri hendaklah, tertakluk kepada arahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, mengurus Kumpulanwang Yang Disatukan dan menyelia, mengawal dan mengarahkan semua perkara berhubung dengan hal ehwal kewangan Negara Brunei Darussalam yang tidak ditugaskan kepada mana-mana pegawai lain oleh sebarang undang-undang bertulis.

[S 63/04]

Akaun Kumpulanwang Yang Disatukan.

6. Perbendaharaan hendaklah menyelenggarakan berkaitan dengan Kumpulanwang Yang Disatukan 3 akaun yang berasingan —

keep such books and render such accounts as may be prescribed by or under this Order or by instructions issued by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan in matters of financial and accounting procedure not inconsistent therewith.

[S 63/04]

Bank accounts. [S 63/04]

4. No accounting officer shall open any public or official account in any bank without the authority in writing of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan in respect of public moneys of Brunei Darussalam, and no bank shall permit an overdraft on any public or official account unless the same be authorised by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan.

PART III

CONTROL AND MANAGEMENT OF PUBLIC FINANCES OF BRUNEI DARUSSALAM

[S 63/04]

Powers of Minister.

5. The Minister shall, subject to the instructions of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, have the management of the Consolidated Fund and the supervision, control and direction of all matters relating to the financial affairs of Brunei Darussalam which are not assigned to any other officer by any written law.

[S 63/04]

Consolidated Fund accounts.

6. There shall be maintained by the Treasury in respect of the Consolidated Fund 3 separate accounts —

(a) suatu akaun yang dipanggil Akaun Hasil Yang Disatukan yang akan menyimpan semua wang dalam Kumpulanwang tersebut selain dari wang-wang yang disebutkan dalam perenggan-perenggan (b) dan (c);

[S 63/04]

(b) suatu akaun yang dipanggil Akaun Pinjaman Yang Disatukan yang akan menyimpan semua wang yang diterima dengan cara pinjaman ke atas kredit Kerajaan Negara Brunei Darussalam; dan

[S 63/04]

(c) suatu akaun yang dipanggil Akaun Amanah Yang Disatukan yang akan menyimpan semua wang yang diterima tertakluk kepada suatu amanah dan mestilah digunakan menurut syarat-syarat amanah itu.

[S 63/04]

Penjagaan dan pelaburan wang.

7. (1) Wang-wang yang dibayar kepada Kumpulanwang Yang Disatukan boleh disimpan dengan sebuah bank atau bank-bank sebagaimana yang diarahkan dari masa ke semasa oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

[S 63/04]

(2) Semua wang tersebut yang dibayar ke dalam mana-mana bank atau bank-bank itu hendaklah dianggap sebagai wang Kerajaan dan harta Kerajaan yang dipinjamkan oleh Kerajaan kepada bank itu.

[S 20/85; S 63/04]

(3) Wang-wang yang ada dalam kredit Kerajaan dengan mana-mana bank atau pun selainnya dipegang oleh Kerajaan boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dilaburkan oleh Menteri —

(a) untuk didepositkan di dalam mana-mana bank; atau

(b) sebagaimana yang dibenarkan dengan cara lain oleh sebarang undang-undang bertulis,

dan pelaburan-pelaburan tersebut, berserta dengan apa jua pendapatan dalam bentuk dividen, keuntungan, faedah atau pulangan yang diterima darinya hendaklah menjadi sebahagian dari Kumpulanwang Yang Disatukan.

[S 14/08]

(a) an account to be called the Consolidated Revenue Account in which account shall be kept all moneys in the Fund other than such moneys as are mentioned in paragraphs (b) and (c);

[S 63/04]

(b) an account to be called the Consolidated Loan Account in which account shall be kept all moneys received by way of loan upon the public credit of Brunei Darussalam; and

[S 63/04]

(c) an account to be called the Consolidated Trust Account in which account shall be kept all moneys received subject to a trust and to be applied in accordance with the terms of the trust.

[S 63/04]

Custody and investment of moneys.

7. (1) Moneys paid to the Consolidated Fund may be kept with such bank or banks as His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan shall from time to time direct.

[S 63/04]

(2) All such moneys paid into any such bank or banks shall be deemed to be public moneys and the property of the Government lent by the Government to the bank.

[S 20/85; S 63/04]

(3) Moneys standing to the credit of the Government with any bank or otherwise held by the Government may, with the approval of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, be invested by the Minister —

(a) on deposit in any bank; or

(b) so otherwise authorised by any written law,

and such investments, together with any income in the form of dividends, profits, interest or returns received therefrom shall form part of the Consolidated Fund.

[S 14/08]

(3A) Wang-wang yang ada dalam kredit Kerajaan dengan mana-mana bank atau pun selainnya dipegang oleh Kerajaan boleh dengan titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dibayar kepada Agensi Pelaburan Brunei dan boleh dilaburkan oleh Agensi Pelaburan Brunei —

- (a) untuk didepositkan di dalam mana-mana bank;
- (b) dalam mana-mana dana yang diselenggarakan oleh Agensi Pelaburan Brunei bagi pelaburan tersebut; atau
- (c) sebagaimana yang dibenarkan dengan cara lain oleh sebarang undang-undang bertulis,

[S 63/04]

dan pelaburan-pelaburan tersebut, berserta dengan apa jua pendapatan dalam bentuk dividen, keuntungan, faedah atau pulangan yang diterima darinya hendaklah menjadi sebahagian dari Dana Simpanan Am Agensi Pelaburan Brunei dan mana-mana bahagiannya boleh, dan hendaklah jika diperintahkan demikian oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dari masa ke semasa dibayar oleh Agensi Pelaburan Brunei kepada Kumpulanwang Yang Disatukan.

[S 20/85; S 63/04; S 14/08]

(4) Pendapatan yang diterima dari pelaburan mana-mana wang menurut ceraian (3) hendaklah dimasuk-kirakan ke dalam Akaun Hasil Yang Disatukan kecuali jika diperuntukkan demikian dalam sebarang undang-undang atau di bawah sebarang amanah, bahawa pendapatan yang diterima dari pelaburan wang-wang yang ada dalam kredit mana-mana akaun amanah dalam Akaun Amanah Yang Disatukan hendaklah dibayar ke dalam kredit akaun amanah itu.

[S 14/08]

(4A) Pendapatan yang diterima dari pelaburan mana-mana wang menurut ceraian (3A) hendaklah dimasukkan ke dalam akaun Dana Simpanan Am Agensi Pelaburan Brunei kecuali jika diperuntukkan demikian dalam sebarang undang-undang atau di bawah sebarang amanah, bahawa pendapatan yang diterima dari pelaburan mana-mana wang yang ada dalam kredit mana-mana akaun amanah dalam Akaun Amanah Yang Disatukan hendaklah dibayar ke dalam kredit akaun amanah itu.

[S 20/85; S 63/04; S 14/08]

(3A) Moneys standing to the credit of the Government with any bank or otherwise held by the Government may on the order of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan be paid to the Brunei Investment Agency and may be invested by the Brunei Investment Agency —

- (a) on deposit in any bank;
- (b) in any fund maintained by the Brunei Investment Agency for such investment; or
- (c) as otherwise authorised by any written law,

[S 63/04]

and such investments, together with any income in the form of dividends, profits, interest or returns received therefrom shall form part of the General Reserve Fund of the Brunei Investment Agency and any part thereof may, and shall if so ordered by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, from time to time be paid by the Brunei Investment Agency to the Consolidated Fund.

[S 20/85; S 63/04; S 14/08]

(4) Income received from the investment of any moneys in accordance with subsection (3) shall be accounted in the Consolidated Revenue Account except that where it is so provided in any law or under any trust, that the income received from the investment of moneys standing to the credit of any trust account in the Consolidated Trust Account shall be paid to the credit of that trust account.

[S 14/08]

(4A) Income received from the investment of any moneys in accordance with subsection (3A) shall be accounted in the General Reserve Fund of the Brunei Investment Agency except where it is so provided in any law or under any trust, that the income received from the investment of any moneys standing to the credit of any trust account in the Consolidated Trust Account shall be paid to the credit of that trust account.

[S 20/85; S 63/04; S 14/08]

(5) Pelaburan-pelaburan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama hendaklah dibenarkan bagi maksud-maksud perenggan (b) ceraian (3) atau perenggan (c) ceraian (3A):

[S 63/04; S 14/08]

Dengan syarat bahawa adalah sah bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan Perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, untuk menambah, meminda atau mengeluarkan, semua atau mana-mana butiran pelaburan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

[S 63/04]

Akaun amanah.

8. (1) Perpendaharaan boleh mengadakan akaun-akaun amanah sebagaimana yang mungkin dianggap perlu bagi pengiraan wang dengan sempurna dalam Akaun Amanah Yang Disatukan.

(2) Wang-wang yang berikut hendaklah dibayar ke dalam kredit akaun amanah yang dimaksudkan oleh wang-wang tersebut —

(a) semua wang yang diperuntukkan bagi maksud sebarang akaun amanah;

(b) semua wang yang diterima dari penjualan kepada mana-mana orang atau jabatan akan apa-apa barang yang dibeli atau dihasilkan, atau bagi kerja yang dibayar, dengan wang yang ada dalam kredit suatu akaun amanah;

[S 63/04]

(c) semua wang yang dibayar oleh mana-mana orang bagi maksud sebarang akaun amanah; dan

(d) pendapatan sebagaimana yang diperuntukkan dalam ceraian-ceraian (4) dan (4A) bab 7.

[S 63/04; S 14/08]

(3) Tertakluk kepada sebarang undang-undang bertulis dan sebarang amanah, Perpendaharaan hendaklah, berkaitan dengan mana-mana akaun atau jenis akaun itu, menentukan orang-orang yang akan mengawal dan cara bagaimana akaun atau jenis akaun itu akan dikawal.

[S 63/04]

(5) The investments specified in the First Schedule shall be authorised for the purposes of paragraph (b) of subsection (3) or of paragraph (c) of subsection (3A):

[S 63/04; S 14/08]

Provided that it shall be lawful for His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, by Order published in the *Gazette*, to add to, amend or remove, all or any of the items of investments specified in the First Schedule.

[S 63/04]

Trust accounts.

8. (1) The Treasury may establish such trust accounts as may be deemed necessary for the proper accounting of moneys in the Consolidated Trust Account.

(2) The following moneys shall be paid to the credit of the trust account to which they relate —

(a) all moneys appropriated for the purposes of any trust account;

(b) all moneys received from the sale to any person or department of any articles purchased or produced, or for work paid for, with moneys standing to the credit of a trust account;

[S 63/04]

(c) all moneys paid by any person for the purpose of any trust account; and

(d) income as provided in subsections (4) and (4A) of section 7.

[S 63/04; S 14/08]

(3) Subject to any written law and any trust, the Treasury shall, in respect of any such account or class of accounts, specify the persons by whom and the manner in which such account or class of accounts shall be controlled.

[S 63/04]

(4) Tertakluk kepada sebarang undang-undang bertulis dan sebarang amanah, Perbendaharaan boleh mengarahkan supaya sebarang akaun amanah ditutup dan selepas itu, setelah semua liabiliti akaun itu telah dibayar, akaun itu hendaklah ditutup dengan sewajarnya.

[S 63/04]

(5) Tertakluk kepada sebarang undang-undang bertulis dan sebarang amanah, Perbendaharaan boleh mengarahkan supaya mana-mana wang yang ada dalam kredit sebarang akaun amanah yang tidak dikehendaki bagi maksud-maksud akaun itu dan baki wang yang ada dalam kredit suatu akaun amanah yang ditutup di bawah ceraian (4) hendaklah dibayar sebagaimana yang diperuntukkan dalam ceraian (6).

[S 63/04]

(6) Jika mana-mana wang dikehendaki menurut ceraian (5) untuk dibayar, wang-wang tersebut hendaklah, setakat mana wang-wang tersebut diperuntukkan dari wang-wang yang ada dalam kredit Akaun Pinjaman Yang Disatukan, dibayar kepada Akaun Pinjaman Yang Disatukan dan bakinya hendaklah dibayar kepada Akaun Hasil Yang Disatukan.

[S 63/04]

Dana amanah Kerajaan.

9. (1) Hendaklah dibayar dari Kumpulanwang Yang Disatukan ke dalam setiap dana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua sejumlah wang sebagaimana yang mungkin dari masa ke semasa diperuntukkan bagi maksud-maksud dana itu oleh sebarang undang-undang bertulis.

(2) Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan tertakluk kepada sebarang undang-undang bertulis, boleh dari masa ke semasa menggunakan dana itu bagi maksud-maksud am atau bagi sebarang maksud tertentu sebagaimana yang mungkin dari masa ke semasa ditentukan dengan ketetapan Majlis Mesyuarat Negara.

[S 63/04]

(3) Semua wang yang tidak digunakan menurut peruntukan-peruntukan ceraian (2) hendaklah dibayar oleh Menteri ke dalam Kumpulanwang Yang Disatukan dan hendaklah dimasukkan ke dalam suatu akaun yang berasingan dalam Akaun Amanah Yang Disatukan untuk digunakan mengikut cara yang diperuntukkan dalam ceraian (2).

[S 63/04]

(4) Subject to any written law and any trust, the Treasury may direct that any trust account shall be closed and thereupon, after all liabilities of the account have been met, the account shall be closed accordingly.

[S 63/04]

(5) Subject to any written law and any trust, the Treasury may direct that any moneys standing to the credit of any trust account which are not required for the purposes of that account and the balance of moneys standing to the credit of a trust account closed under subsection (4) shall be paid as provided in subsection (6).

[S 63/04]

(6) Where any moneys are required in accordance with subsection (5) to be paid, such moneys shall, to such extent as they were appropriated out of moneys standing to the credit of the Consolidated Loan Account, be paid to the Consolidated Loan Account and the balance shall be paid to the Consolidated Revenue Account.

[S 63/04]

Government trust funds.

9. (1) There shall be paid from the Consolidated Fund into each of the funds specified in the Second Schedule such sums as may from time to time be appropriated for the purposes of the fund by any written law.

(2) The Minister, with the approval of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan and subject to any written law, may from time to time apply the fund for the general purposes thereof or for any particular purposes as may from time to time be specified by resolution of the Legislative Council.

[S 63/04]

(3) All moneys not applied in accordance with the provisions of subsection (2) shall be paid by the Minister into the Consolidated Fund and shall be accounted in a separate account in the Consolidated Trust Account to be applied in the manner provided in subsection (2).

[S 63/04]

(4) Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, boleh dari masa ke semasa meminda, memotong dari atau menambah Jadual Kedua.

[S 63/04]

Kumpulanwang Luarjangka.

10. (1) Suatu Kumpulanwang Luarjangka adalah dengan ini diwujudkan yang mengandungi wang-wang yang dari masa ke semasa diperuntukkan kepadanya.

(2) Semua wang yang diperuntukkan kepada Kumpulanwang Luarjangka hendaklah dibayar dari Kumpulanwang Yang Disatukan ke dalam Kumpulanwang Luarjangka dan hendaklah digunakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan menurut peruntukan-peruntukan ceraian (3), dan semua wang yang tidak digunakan itu hendaklah dibayar oleh Menteri ke dalam Kumpulanwang Yang Disatukan dan hendaklah dimasukkan ke dalam suatu akaun yang berasingan dalam Akaun Amanah Yang Disatukan.

[S 63/04]

(3) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, jika Baginda berpuas hati bahawa suatu keperluan yang segera dan tidak diduga telah timbul bagi perbelanjaan yang tidak ada dalam peruntukan lain dan wang tidak dapat diadakan di bawah ceraian (4) bab 13, membuat pinjaman dari Kumpulanwang Luarjangka untuk memenuhi keperluan itu.

[S 63/04]

Pembayaran wang.

11. (1) Wang-wang tidak boleh dikeluarkan dari Kumpulanwang Yang Disatukan kecuali mengikut cara yang diperuntukkan oleh bab ini.

(2) Menteri hendaklah, dengan waran yang ditandatangani olehnya, membenarkan pengeluaran dari Kumpulanwang Yang Disatukan sejumlah wang untuk membayar kos sebarang perkhidmatan yang dikenakan dengan sewajarnya ke atas Kumpulanwang Yang Disatukan, dan jumlah wang tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Yang Disatukan.

[S 63/04]

(4) The Minister, with the approval of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, may from time to time amend, delete from or add to the Second Schedule.

[S 63/04]

Contingencies Fund.

10. (1) A Contingencies Fund is hereby created consisting of moneys from time to time appropriated thereto.

(2) All moneys appropriated to the Contingencies Fund shall be paid from the Consolidated Fund into the Contingencies Fund and shall be applied by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan in accordance with the provisions of subsection (3), and all moneys not so applied shall be paid by the Minister into the Consolidated Fund and shall be accounted in a separate account in the Consolidated Trust Account.

[S 63/04]

(3) His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may, if he is satisfied that there has arisen an urgent and unforeseen need for expenditure for which no other provision exists and for which funds cannot be provided under subsection (4) of section 13, make advances from the Contingencies Fund to meet that need.

[S 63/04]

Payment of moneys.

11. (1) No moneys shall be withdrawn from the Consolidated Fund except in the manner provided by this section.

(2) The Minister shall, by warrant under his hand, authorise the issue from the Consolidated Fund of sums to meet the due cost of any service properly charged upon the Consolidated Fund, and such sums shall be accounted in the Consolidated Revenue Account.

[S 63/04]

(3) (a) Menteri boleh, dengan waran yang ditandatangani olehnya, membenarkan pengeluaran dari Kumpulanwang Yang Disatukan sejumlah wang untuk membayar perbelanjaan yang diperuntukkan oleh suatu Akta Perbekalan atau dibenarkan oleh undang-undang menurut peruntukan-peruntukan Perkara 63 dari Perlumbagaan dan jumlah wang tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Akaun Hasil Yang Disatukan:

Dengan syarat bahawa jumlah keseluruhan wang tersebut di bawah tiap-tiap tajuk perbelanjaan tidaklah boleh melebihi dari jumlah wang yang diperuntukkan atau dibenarkan itu berkaitan dengan tajuk tersebut.

(b) Walaupun terdapat sebarang kebenaran am atau khas yang mungkin telah diberikan oleh Menteri, adalah di bawah budibicara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan untuk menghadkan, menggantung atau membatalkan sebarang perbelanjaan, atau sebahagian dari perbelanjaan tersebut, yang telah dibenarkan itu.

[S 63/04]

(4) Menteri boleh, dengan waran yang ditandatangani olehnya, membenarkan pengeluaran dari Kumpulanwang Yang Disatukan sejumlah wang yang akan digunakan bagi maksud-maksud kumpulanwang itu diperuntukkan oleh atau menurut sebarang undang-undang bertulis yang membenarkan sesuatu pinjaman didapatkan dan jumlah wang tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Akaun Pinjaman Yang Disatukan.

[S 63/04]

(5) (a) Tiada wang yang dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Yang Disatukan boleh dikeluarkan dari Kumpulanwang Yang Disatukan kecuali bagi maksud-maksud suatu amanah atau jika dibenarkan oleh suatu undang-undang.

(b) Menteri atau mana-mana orang yang dibenarkan di bawah ceraian (3) bab 8 berkaitan dengan sebarang akaun amanah atau jenis akaun amanah boleh mengeluarkan wang yang dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Yang Disatukan.

[S 63/04]

(6) Tiap-tiap waran yang dikeluarkan di bawah bab ini bagi mana-mana tahun kewangan hendaklah luput dan terhenti daripada berkuatkuasa pada penghujung tahun itu.

(3) (a) The Minister may, by warrant under his hand, authorise the issue from the Consolidated Fund of sums to meet the expenditure appropriated by a Supply Act or authorised by law in accordance with the provisions of Article 63 of the Constitution and such sums shall be accounted in the Consolidated Revenue Account:

Provided that the aggregate of such sums under each head of expenditure shall not exceed the total sum so appropriated or authorised in respect of such head.

(b) Notwithstanding any general or special authority which may have been given by the Minister, it shall be within the discretion of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan to limit, suspend or cancel any expenditure, or part of such expenditure, so authorised.

[S 63/04]

(4) The Minister may, by warrant under his hand, authorise the issue from the Consolidated Fund of sums to be applied for the purposes for which funds shall have been appropriated by or in accordance with any written law authorising the raising of a loan and such sums shall be accounted in the Consolidated Loan Account.

[S 63/04]

(5) (a) No moneys accounted in the Consolidated Trust Account shall be withdrawn from the Consolidated Fund except for the purposes of a trust or under the authority of a law.

(b) The Minister or any person authorised under subsection (3) of section 8 in respect of any trust account or class of trust accounts may withdraw moneys accounted in the Consolidated Trust Account.

[S 63/04]

(6) Every warrant issued under this section for the service of any financial year shall lapse and cease to have any effect at the close of that year.

Jaminan.

12. Sesuatu jaminan yang melibatkan suatu tanggungan kewangan tidak boleh mengikat Negara Brunei Darussalam, melainkan jika dibuat dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan secara bertulis atau menurut sebarang undang-undang bertulis.

[S 63/04]

Anggaran dan pindah peruntukan.

13. (1) Anggaran perbelanjaan yang dibentangkan di hadapan Majlis Mesyuarat Negara menurut peruntukan-peruntukan Fasal (1) Perkara 60 dari Perlembagaan berkaitan dengan mana-mana tahun kewangan hendaklah menunjukkan tajuk-tajuk kecil di bawah tiap-tiap tajuk perbelanjaan.

(2) Tajuk kecil pertama di bawah tiap-tiap tajuk perbelanjaan dalam anggaran perbelanjaan itu hendaklah menunjukkan jawatan-jawatan awam dalam tajuk itu dan gaji-gaji perseorangan yang dianggarkan untuk dibayar berkaitan dengan jawatan-jawatan tersebut.

(3) Kecuali menurut sebarang undang-undang bertulis, tambahan kepada jawatan-jawatan awam yang diperuntukkan di bawah mana-mana tajuk anggaran perbelanjaan tidak boleh dibuat atau peruntukan bagi gaji-gaji yang ditetapkan di bawah mana-mana tajuk tidak boleh diubah sama ada berhubung dengan bilangan jawatan atau kadar-kadar gaji perseorangan, melainkan jika telah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Perbendaharaan.

[S 63/04]

(4) Jika keterdesakan perkhidmatan awam menyebabkannya perlu untuk mengubah jumlah-jumlah yang diperuntukkan kepada tajuk-tajuk kecil di bawah suatu tajuk perbelanjaan yang ditunjukkan dalam anggaran perbelanjaan yang disebut dalam ceraian (1) atau untuk mewujudkan suatu tajuk kecil yang baru, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh mengarahkan bahawa hendaklah digunakan untuk mana-mana tajuk kecil yang mungkin kekurangan atau mana-mana tajuk kecil baru suatu jumlah wang tambahan dari sebarang lebihan yang terdapat dalam mana-mana tajuk kecil yang lain dari tajuk yang sama, dengan syarat bahawa jumlah yang diperuntukkan di bawah mana-mana tajuk perbelanjaan oleh suatu Akta Perbekalan tidak dibelanjakan melebihinya.

[S 63/04]

Guarantees.

12. No guarantee involving a financial liability shall be binding upon Brunei Darussalam, unless entered into with the written authority of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan or in accordance with any written law.

[S 63/04]

Estimates and virement.

13. (1) The estimates of expenditure laid before the Legislative Council in accordance with the provisions of Clause (1) of Article 60 of the Constitution in respect of any financial year shall show sub-heads under each head of expenditure.

(2) The first sub-head under each head of expenditure in the estimates shall show the public offices in that head and the personal emoluments estimated to be paid in respect of them.

(3) Except in accordance with any written law, no addition to the public offices provided under any head of estimates may be made nor may the appropriation of the established salaries under any head be altered either as regards the number of appointments or the rates of personal emoluments, unless the prior approval of the Treasury has been obtained.

[S 63/04]

(4) If the exigencies of the public service render it necessary to alter the proportions assigned to the sub-heads under a head of expenditure shown in the estimates referred to in subsection (1) or to create a new sub-head, His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may direct that there shall be applied in aid of any sub-head which may be deficient or any new sub-head a further sum out of any surplus arising on any other sub-head of the same head, provided that the amount appropriated under any head of expenditure by a Supply Act is not thereby exceeded.

[S 63/04]

Penyata akaun tahunan.

14. Menteri hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas penghujung tiap-tiap tahun kewangan, menyediakan bagi tahun itu —

- (a) suatu penyata yang lengkap dan khusus mengenai Akaun Hasil Yang Disatukan yang menunjukkan di bawah tajuk-tajuk dan tajuk-tajuk kecil anggaran perbelanjaan yang dibentangkan menurut peruntukan-peruntukan Perkara 60 dari Perlembagaan bagi tahun itu jumlah yang dianggarkan untuk diterima dan dibelanjakan pada tahun itu dan jumlah yang sebenarnya diterima dan dibelanjakan berserta dengan jumlah yang sebenarnya diterima dan dibelanjakan di bawah mana-mana tajuk dan tajuk kecil yang tidak termasuk dalam anggaran perbelanjaan yang dibentangkan itu;
- (b) suatu penyata yang lengkap dan khusus mengenai Akaun Pinjaman Yang Disatukan yang menunjukkan wang masuk dan perbelanjaan dari wang-wang pinjaman;
- (c) suatu penyata mengenai wang masuk dan perbelanjaan dari wang-wang yang dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Yang Disatukan;
- (d) suatu penyata mengenai akaun-akaun sebarang kumpulanwang yang diwujudkan oleh Perlembagaan atau oleh bab 10 dan tidak dimasukkan ke dalam Akaun Amanah Yang Disatukan;
- (e) setakat yang boleh, suatu penyata mengenai aset dan liabiliti Kerajaan selain dari aset dan liabiliti Agensi Pelaburan Brunei pada penghujung tahun kewangan, cara bagaimana aset tersebut dilaburkan atau dipegang, dan tajuk-tajuk am jika liabiliti tersebut belum dijelaskan;

[S 20/85; S 63/04]

- (f) setakat yang boleh, suatu penyata mengenai jaminan yang belum dijelaskan dan liabiliti kewangan lain Kerajaan pada penghujung tahun kewangan; dan

[S 63/04]

Yearly statement of accounts.

14. The Minister shall, as soon as practicable after the end of every financial year, prepare in respect of that year —

- (a) a full and particular statement of the Consolidated Revenue Account showing under the heads and sub-heads of the estimates laid in accordance with the provisions of Article 60 of the Constitution in respect of that year the amounts estimated to be received and spent in that year and the amounts actually received and spent together with the amounts actually received and spent under any heads and sub-heads not included in the estimates so laid;
- (b) a full and particular statement of the Consolidated Loan Account showing receipts and expenditure of loan moneys;
- (c) a statement of receipts and expenditure of moneys accounted in the Consolidated Trust Account;
- (d) a statement of the accounts of any fund created by the Constitution or by section 10 and not accounted in the Consolidated Trust Account;
- (e) so far as is practicable, a statement of the assets and liabilities of the Government other than the assets and liabilities of the Brunei Investment Agency at the end of the financial year, the manner in which those assets are invested or held, and the general heads in respect of which those liabilities are outstanding;

[S 20/85; S 63/04]

- (f) as far as is practicable, a statement of outstanding guarantees and other financial liabilities of the Government at the end of the financial year; and

[S 63/04]

(g) penyata-penyata lain sebagaimana yang mungkin dari masa ke semasa dikehendaki oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan:

[S 63/04]

Dengan syarat bahawa jika Menteri adalah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, maka sebutan kepada "Menteri" dalam baris pertama bab ini hendaklah dianggap sebagai sebutan kepada Timbalan Menteri Kewangan.

[S 63/04]

Titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. [S 63/04]

14A. Penyata yang disebut dalam bab 14 tidak boleh dikeluarkan melainkan jika telah terlebih dahulu mendapat titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Penghapusan dari kira-kira.

15. Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, hendaklah, berkaitan dengan wang-wang, hasil dan barang-barang stor Kerajaan Negara Brunei Darussalam, mempunyai kuasa —

[S 63/04]

(a) untuk menghapuskan dari kira-kira wang-wang Kerajaan yang telah hilang atau kekurangan dan nilai barang-barang stor yang telah hilang, kekurangan, tidak boleh dipakai lagi, tidak boleh diservis atau usang; dan

(b) untuk mengenepikan sebarang tuntutan kepada jumlah hasil, hutang dan terlebih bayaran yang tidak boleh didapatkan balik.

[S 63/04]

Dalam bab ini, perkataan "Menteri" termasuk Timbalan Menteri Kewangan.

[S 36/84]

Keputusan di bawah bab 15 hendaklah muktamad dan mengikat. [S 63/04]

15A. Jika sebarang keputusan diambil berkaitan dengan bab 15, keputusan tersebut hendaklah muktamad dan mengikat dan tidaklah boleh dibahaskan, dicabar atau dikaji semula dalam Majlis Mesyuarat Negara, mana-mana mahkamah atau di tempat lain.

(g) such other statements as His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may from time to time require:

[S 63/04]

Provided that where the Minister is His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, then the reference to "Minister" in the first line of this section shall be deemed to be a reference to the Deputy Minister of Finance.

[S 63/04]

Approval from His Majesty. [S 63/04]

14A. No statement referred to in section 14 shall be released unless the prior approval of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan has been obtained.

Write-off.

15. The Minister, with the approval of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, shall, in respect of public moneys, revenue and stores of Brunei Darussalam, have power —

[S 63/04]

(a) to write off losses or deficiencies of public moneys and the value of lost, deficient, condemned, unserviceable or obsolete stores; and

(b) to abandon any claim to irrecoverable amounts of revenue, debts and overpayments.

[S 63/04]

In this section, the expression "Minister" includes the Deputy Minister of Finance.

[S 36/84]

Decision under section 15 to be final and binding. [S 63/04]

15A. Where any decision is taken in respect of section 15, such decision shall be final and binding and shall not be debated, challenged or reviewed in the Legislative Council, any court or elsewhere.

Surcaj.

16. Jika pada pandangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, setelah berunding dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan, bahawa mana-mana orang yang bekerja atau pernah bekerja dengan Kerajaan Negara Brunei Darussalam —

[S 63/04]

(a) telah gagal memungut mana-mana wang yang terhutang kepada Kerajaan sedangkan dia diberi tanggungjawab atau telah diberi tanggungjawab untuk memungutnya;

(b) bertanggungjawab atau telah bertanggungjawab bagi sebarang pembayaran yang tidak teratur wang Kerajaan Negara Brunei Darussalam atau bagi sebarang pembayaran wang tersebut yang tidak diteliti dengan sempurna; atau

[S 63/04]

(c) bertanggungjawab atau telah bertanggungjawab bagi sebarang kekurangan, atau bagi pemusnahan, mana-mana wang Kerajaan, setem, sekuriti, barang stor atau harta lain Kerajaan,

dan jika suatu penjelasan yang memuaskan tidak diberikan, dalam suatu tempoh yang ditentukan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, kepada Suruhanjaya itu berhubung dengan kegalannya untuk memungut, pembayaran yang tidak teratur, pembayaran yang tidak diteliti dengan sempurna, kekurangan atau pemusnahan, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh memerintahkan supaya orang itu dikenakan surcaj dengan suatu jumlah wang yang tidak melebihi dari sebarang jumlah wang yang tidak dipungut, dibayar, kekurangan, atau kehilangan nilai harta yang dimusnahkan, mengikut mana yang berkenaan.

[S 63/04]

Pemberitahuan surcaj.

17. Penggerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah memberitahu ketua jabatan orang yang dikenakan surcaj itu mengenai sebarang surcaj yang dibuat di bawah bab 16 dan ketua jabatan tersebut hendaklah selepas itu memberitahu orang yang dikenakan surcaj itu.

[S 63/04]

Surcharge.

16. If it appears to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, after consultation with the Public Service Commission and the Treasury, that any person who is or was in the employment of the Government of Brunei Darussalam —

[S 63/04]

(a) has failed to collect any moneys owing to the Government for the collection of which he is or was responsible;

(b) is or was responsible for any improper payment of public moneys of Brunei Darussalam or for any payment of such moneys which is not duly vouched; or

[S 63/04]

(c) is or was responsible for any deficiency in, or for the destruction of, any public moneys, stamps, securities, stores or other property of the Government,

and if a satisfactory explanation is not, within a period specified by the Public Service Commission, furnished to that Commission with regard to such failure to collect, improper payment, payment not duly vouched, deficiency or destruction, His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may surcharge against that person a sum not exceeding the amount of any such amount not collected, payment, deficiency, or loss of the value of the property destroyed, as the case may be.

[S 63/04]

Notification of surcharge.

17. The Chairman of the Public Service Commission shall notify the head of the department of the person surcharged of any surcharge made under section 16 and such head of department shall thereupon notify the person surcharged.

[S 63/04]

Penarikan balik surcaj.

18. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh pada bila-bila masa menarik balik sebarang surcaj jika suatu penjelasan yang memuaskan hati Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah diterima atau jika didapati sebaliknya bahawa sebarang surcaj tidak patut dibuat, dan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah dengan serta-merta memberitahu ketua jabatan itu mengenai penarikan balik tersebut.

[S 63/04]

Mendapatkan kembali surcaj.

19. Jumlah sebarang surcaj yang dibuat di bawah bab 16, dan tidak ditarik balik di bawah bab 18, adalah suatu hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan oleh orang yang terhadapnya surcaj itu dibuat, dan orang itu boleh didakwa dan surcaj itu didapatkan kembali, di dalam mana-mana mahkamah berbidang kuasa yang layak dengan tindakan guaman Kerajaan; dan Menteri boleh mengarahkan bahawa jumlah sebarang surcaj hendaklah didapatkan kembali dengan bayaran ansuran bulanan yang sama, dengan potongan dari gaji atau penceن orang yang didakwa itu, dalam jumlah yang tidak melebihi satu per empat dari jumlah gaji atau penceن bulanan, mengikut mana yang berkenaan, orang yang didakwa itu.

[S 63/04]

BAHAGIAN IV

PERATURAN-PERATURAN

Peraturan-peraturan.

20. (1) Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, boleh membuat peraturan-peraturan, yang dipanggil “Peraturan-Peraturan Kewangan” yang tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Perintah ini, bagi maksud menjalankan pada amnya peruntukan-peruntukan Perintah ini dan, khasnya, peraturan-peraturan tersebut boleh mengadakan peruntukan bagi —

[S 63/04]

(a) memungut, menerima, menyimpan, mengeluarkan, membelanjakan, memasukkan ke dalam akaun, menjaga dan mengurus semua wang Kerajaan dan memberi panduan kepada semua orang yang berkenaan;

Withdrawal of surcharge.

18. His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan may at any time withdraw any surcharge in respect of which an explanation satisfactory to His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan has been received or if it otherwise appears that no surcharge should have been made, and the Chairman of the Public Service Commission shall at once notify the head of department of such withdrawal.

[S 63/04]

Recovery of surcharge.

19. The amount of any surcharge made under section 16, and not withdrawn under section 18, shall be a debt due to the Government from the person against whom the surcharge is made, and such person may be sued and the surcharge recovered, in any court of competent jurisdiction at the suit of the Government; and the Minister may direct that the amount of any surcharge shall be recovered by equal monthly instalments, by deductions from the salary or pension of such person being sued, in amounts not exceeding one-fourth of the total monthly salary or pension, as the case may be, of such person being sued.

[S 63/04]

PART IV

REGULATIONS

Regulations.

20. (1) The Minister, with the approval of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan, may make regulations, to be called "Financial Regulations", that are not inconsistent with the provisions of this Order, for the general purpose of carrying out the provisions of this Order and, in particular, such regulations may provide for —

[S 63/04]

(a) the collection, receipt, custody, issue, expenditure, due accounting for, care and management of all public moneys and the guidance of all persons concerned therein;

(b) merekodkan, meneliti, menyelidiki dan memeriksa jabatan dengan lebih berkesan lagi semua wang masuk dan perbelanjaan dan menyimpan semua buku dan akaun yang diperlukan;

[S 63/04]

(c) borang-borang untuk semua buku dan dokumen bila-bila masa dikehendaki di bawah peruntukan-peruntukan Perintah ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya;

[S 63/04]

(d) membeli, menyimpan dengan selamat, mengeluarkan, menjual atau melupuskan atau menghapuskan dari kira-kira barang-barang stor dan harta lain Negara Brunei Darussalam, dan memasukkan dengan sempurna ke dalam akaun, dan mengira stok, barang-barang stor dan harta tersebut;

[S 63/04]

(e) menyediakan anggaran hasil dan perbelanjaan di Negara Brunei Darussalam;

[S 63/04]

(f) membenarkan kadar-kadar pembayaran dana Kerajaan bagi maksud-maksud tertentu jika kadar-kadar pembayaran tersebut tidak diperuntukkan oleh undang-undang; dan

(g) memberi pinjaman kepada pegawai-pegawai Kerajaan dan orang lain dan kadar-kadar dan had pinjaman tersebut dan kadar-kadar faedah ke atasnya.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat menurut peruntukan-peruntukan Perintah ini yang disebutkan di atas hendaklah, apabila dibuat, berkuatkuasa sepenuhnya dan hendaklah dibentangkan di hadapan Majlis Mesyuarat Negara dengan seberapa segera yang boleh setelah peraturan-peraturan itu dibuat.

(b) the more effective record, examination, inspection and departmental check of all receipts and expenditure and the keeping of all necessary books and accounts;

[S 63/04]

(c) the forms for all books and documents whenever required under the provisions of this Order or the regulations made thereunder;

[S 63/04]

(d) the purchase, safe custody, issue, sale or other disposal or writing off of stores and other property of Brunei Darussalam, and the proper accounting for, and stock-taking of, such stores and property;

[S 63/04]

(e) the preparation of estimates of revenue and expenditure in Brunei Darussalam;

[S 63/04]

(f) the authorisation of rates of payment of public funds for specific purposes where such rates of payment are not provided by law; and

(g) the making of advances to public officers and other persons and the rates and limits of such advances and the rates of interest thereon.

(2) Regulations made pursuant to the foregoing provisions of this Order shall, when made, have full force and effect and shall be laid before the Legislative Council as soon as possible after they are made.

JADUAL PERTAMA

(bab 7(5))

[S 63/04]

PELABURAN-PELABURAN YANG DIBENARKAN

- (a) Sebarang stok, dana, saham atau sekuriti syarikat-syarikat yang diperbadankan di Negara Brunei Darussalam yang diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan;
- [S 63/04]
- (b) Pelaburan-pelaburan di mana-mana negara lain dan dalam matawang-matawang yang diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan termasuk —
- (i) Sekuriti-sekuriti dengan faedah tetap yang dikeluarkan oleh atau dijamin oleh kerajaan-kerajaan, negara-negara atau perbandaran-perbandaran atau oleh institusi-institusi antarabangsa yang dijamin oleh kerajaan-kerajaan;
 - (ii) Sekuriti-sekuriti yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat yang jumlah modal diterbitkan dan berbayarnya tidak kurang dari nilai yang bersamaan satu juta paun sterling;
 - (iii) Bulion dan komoditi;
 - (iv) Harta tanah.

FIRST SCHEDULE

(*section 7(5)*)

[S 63/04]

AUTHORISED INVESTMENTS

- (a) Any stocks, funds, shares or securities of companies incorporated in Brunei Darussalam approved by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan;

[S 63/04]

- (b) Investments in any other countries and currencies approved by His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan including —

- (i) Fixed interest securities issued by or guaranteed by governments, states or municipalities or by international institutions guaranteed by governments;
- (ii) Securities issued by companies of which the total issued and paid up capital is not less than the equivalent of one million pounds sterling;
- (iii) Bullion and commodities;
- (iv) Real estate.

JADUAL KEDUA

[S 63/04]

(bab 9(1))

DANA AMANAH KERAJAAN

Pinjaman dan Pendahuluan —

- Kumpulanwang Luarjangka
- Dana Pinjaman Perumahan
- Dana Pinjaman Rumah Kedai
- Dana Pinjaman Pembangunan
- Dana Pinjaman Ternakan
- Dana Pinjaman Persendirian
- Dana Pinjaman Kenderaan
- Dana Pinjaman Persendirian (Pegawai-Pegawai Kerajaan)
- Dana Pinjaman Rampaian
- Dana Panjar Wang Runcit
- Skim Pembiayaan Perniagaan Kecil dan Sederhana
- Dana Penyelesaian Jabatan

Akaun Semasa Antara Pentadbiran dan Agensi —

- Kerajaan Negeri Sabah
- Kerajaan Malaysia
- Kerajaan Negeri Sarawak
- Kerajaan Singapura

SECOND SCHEDULE

[S 63/04]

(section 9(1))

GOVERNMENT TRUST FUNDS

Loan and Advances —

- Contingencies Fund
- Housing Loans Fund
- Shophouses Loans Fund
- Development Loans Fund
- Livestock Loans Fund
- Personal Loans Fund
- Conveyance Advance Fund
- Personal Advance (Public Officers) Fund
- Miscellaneous Advances Fund
- Petty Cash Imprest Fund
- Small and Medium Business Financing Scheme
- Departmental Clearance Fund

Inter Administration and Agency Current Accounts —

- Government of the State of Sabah
- Government of Malaysia
- Government of the State of Sarawak
- Government of Singapore

JADUAL KEDUA — (*sambungan*)

Akaun Deposit —

Dana Orang Islam

Dana Kiriman Wang

Dana Hadiah Polis

Peruntukan Rumah

Stok dan Perdagangan —

Jabatan Elektrik

Barang-Barang Stor Yang Tidak Diperuntukkan

Jabatan Kerja Raya

Akaun Perdagangan Kerja Kecil

Barang-Barang Stor Yang Tidak Diperuntukkan – Akaun Batu

Akaun Perdagangan Produk Bitumen dan Konkrit

Akaun Perdagangan Bengkel

Barang-Barang Stor Yang Tidak Diperuntukkan – Akaun Petrol, Minyak dan Pelincir

Barang-Barang Stor dan Perbekalan Negara

Barang-Barang Stor Yang Tidak Diperuntukkan – Barang Makanan Perlu

Barang-Barang Stor Yang Tidak Diperuntukkan

Barang-Barang Stor Yang Tidak Diperuntukkan – Bengkel (Alat Ganti)

Akaun Perdagangan Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan

Akaun Perdagangan Perbekalan Syarikat Kerjasama

SECOND SCHEDULE — (*continued*)

Deposit Accounts —

Muslim Fund
Money Orders Fund
Police Reward Fund
Home Allotment

Stocks and Trading —

Electricity Department	Unallocated Stores
Public Works Department	Small Works Trading Account
	Unallocated Stores – Stone Account
	Bitumen and Concrete Products Trading Account
	Workshop Trading Account
	Unallocated Stores – Petrol, Oil and Lubricants Account
State Stores and Supplies	Unallocated Stores – Essential Foodstuffs
	Unallocated Stores
	Unallocated Stores – Workshop (Spare Parts)
Arts and Crafts Centre Trading Account	
Cooperative Supply Trading Account	

JADUAL KEDUA — (*sambungan*)

Dana Amanah —

Dana Sustainabiliti

[S 36/08]

Sub-Dana Amanah —

Dana Rizab Penstabilan Fiskal

Dana Persaraan

Dana Modal Pembangunan Strategik

[S 36/08]

SECOND SCHEDULE — (*continued*)

Trust Fund —

the Sustainability Fund

[S 36/08]

Trust Sub-Funds —

the Fiscal Stabilisation Reserve Fund

the Retirement Fund

the Strategic Development Capital Fund

[S 36/08]